



Jabatan Perdana Menteri
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

Laporan — 2024 Akhir

**Kajian Pindaan
Akta Pemegang Amanah
(Pemerbadanan) 1952
[Akta 258]**

Jilid Satu

Laporan Akhir

Kajian Pindaan
Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952
[Akta 258]

Jawatankuasa Kajian Pindaan

Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] (JKPA)

Bil	Nama	Institusi	Peranan
1.	Prof. Madya Dr. Ramalingam Rajamanickam	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Pengerusi / Ketua Penyelidik
2.	Prof. Madya Dr. Zuraidah Ali	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Timbalan Pengerusi / Timbalan Ketua Penyelidik
3.	Prof. Madya Dr. Safinaz Mohd. Hussein	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	AJK / Penyelidik
4.	Prof. Madya Dr. Rohaida Nordin	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	AJK / Penyelidik
5.	Dr. Nur Khalidah Dahlan	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	AJK / Penyelidik
6.	Dr. Mohd Zamre Mohd Zahir	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	AJK / Penyelidik
7.	En. Prishanth Linggaraj	Center to Combat Corruption & Cronyism (C4)	AJK / Penyelidik
8.	En. Aaron Gerard Sankar	Majlis Peguam Malaysia (MPM)	AJK / Penyelidik
9.	En. Azril Wanchik	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri	AJK / Penyelidik
10.	Pn. Farah Hanum Ramli	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri	AJK / Penyelidik

Isi Kandungan

Jilid Satu

Kandungan

Muka Surat

Ringkasan Eksekutif

v

Senarai Jadual

xxx

Senarai Rajah

xxxiv

Bahagian A • Pendahuluan

Bab 1	Latar Belakang dan Skop Kajian	2
Bab 2	Konsep dan Prinsip tentang Pemegang Amanah	7
Bab 3	Keperluan Kajian dan Kerangka Antarabangsa	21
Bab 4	Metodologi Kajian	32

Bahagian B • Kedudukan di Malaysia

Bab 5	Skop Akta 258	48
Bab 6	Isu tentang Akta 258 Berdasarkan Literatur dan Kes	64
Bab 7	Isu tentang Akta 258 dari segi Amalan	93
Bab 8	Undang-undang di Sabah	114
Bab 9	Undang-undang di Sarawak	128
Bab 10	Undang-undang di Wilayah Persekutuan Labuan	138
Bab 11	Undang-undang di Negeri Lain	150

Bahagian C • Perbandingan dengan Bidang Kuasa Lain

Bab 12	Uganda	172
Bab 13	Gibraltar	190
Bab 14	Hong Kong	207
Bab 15	Malawi	227
Bab 16	New Zealand	252
Bab 17	Ghana	268
Bab 18	Singapura	281
Bab 19	India	311
Bab 20	Australia	368
Bab 21	United Kingdom	396
Bab 22	Afrika Selatan	426
Bab 23	Tanzania	443
Bab 24	Taiwan	466
Bab 25	Indonesia	484

RINGKASAN EKSEKUTIF

KAJIAN PINDAAN AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952 [AKTA 258]

A. PENGENALAN


1. Kajian Pindaan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] ialah suatu inisiatif untuk meneliti dan menambah baik kerangka perundangan yang mengawal selia pemerbadanan pemegang amanah di Malaysia. Dalam konteks ini, Akta 258 bukan sahaja berfungsi sebagai panduan, tetapi juga sebagai instrumen penting dalam memastikan pemegang amanah menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh integriti dan ketelusan sebagai sebuah badan korporat. Kajian tentang Akta 258 ini melibatkan analisis yang terperinci tentang kandungan Akta 258 bagi mengenal pasti kelemahan dan kelompangan yang wujud. Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu yang mungkin menjejaskan keberkesanan pelaksanaan undang-undang yang berkaitan dengan amanah di Malaysia.
2. Dengan mengambil kira perubahan dalam landskap sosial dan ekonomi di Malaysia, kajian ini bertujuan untuk mencadangkan penambahbaikan yang relevan dan sesuai dengan arus semasa. Penambahbaikan ini tidak hanya perlu memenuhi keperluan semasa, tetapi juga harus bersifat proaktif dan mampu meramalkan cabaran masa hadapan yang mungkin dihadapi oleh negara Malaysia dalam hal-hal yang berkaitan dengan pemegangan amanah.
3. Kajian ini telah mengenal pasti enam parameter kajian berdasarkan kajian literatur, kes mahkamah, isu tentang Akta 258 dari segi amalan dan juga kerangka antarabangsa, khususnya laporan FATF dan OECD. Enam parameter kajian ini telah digunakan sepanjang kajian untuk memastikan

kajian yang dijalankan terarah dan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Enam parameter kajian tersebut ialah:

- (i) Tafsiran (interpretation)
- (ii) tadbir urus (tatakelola) Akta 258 (governance)
- (iii) kawalan proses pemerbadanan (market entry controls)
- (iv) pendedahan maklumat (disclosure of information)
- (v) pemantauan dan pengawasan (monitoring and supervision)
- (vi) pematuhan dan sanksi bagi ketidakpatuhan (compliance and sanction for non-compliance)




B. METODOLOGI KAJIAN







4. Kajian Pindaan Akta 258 ialah suatu kajian undang-undang yang berasaskan pembaharuan (reform-oriented research). Kajian ini menggabungkan dua pendekatan yang utama, iaitu kajian doktrinal dan kajian empirikal. Kaedah pengumpulan data yang digunakan untuk mengumpul data bagi kajian ini adalah seperti yang berikut:



(a) Kajian Doktrinal

5. Kajian doktrinal yang dijalankan bertujuan untuk mengumpul data daripada literatur yang sedia ada di samping meneliti keputusan-keputusan mahkamah yang berkaitan dengan skop kajian. Selain itu, kajian perbandingan merupakan kajian doktrinal yang penting dalam kajian ini. Kajian perbandingan telah dijalankan dengan dua cara yang utama. Pertamanya, kajian perbandingan dibuat dengan menilai kedudukan undang-undang di Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan negeri-negeri lain di Malaysia. Keduanya, kajian perbandingan telah dibuat dengan bidang kuasa lain, iaitu dengan 14 buah negara.
6. Negara-negara perbandingan berserta dengan undang-undang yang menjadi tumpuan dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	NEGARA	UNDANG-UNDANG
1.	 United Kingdom	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Charities Act 2011</i>
2.	 New Zealand	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Trusts Act 2019</i> • <i>Charitable Trusts Act 1967</i> • <i>Trustee Act 1956</i>
3.	 Australia	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Charities and Not-For-Profits Commission Act 2012</i> • <i>Charitable Trusts Act 1993</i> • <i>Trustees Act 1962</i> • <i>Charities Act 2013</i>

4.	 <p>Uganda</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • <i>Trustees Act 1954</i> • <i>Non-Governmental Organisations Act 2016</i> • <i>Trustees Incorporation (Beneficial Owners) Regulations, 2023</i>
5.	 <p>Gibraltar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Trustees (Incorporation) Act 1935</i> • <i>Trustees Act 1895</i> • <i>Charities Act 1962</i>
6.	 <p>Hong Kong</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Registered Trustees Incorporation Ordinance 1958</i> • <i>Trustees Ordinance 1934</i>
7.	 <p>Malawi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • <i>Trustee Act 1967</i> • <i>Non-Governmental Organisations Act 2001</i>
8.	 <p>Ghana</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Trustees (Incorporation) Act, 1962</i>
9.	 <p>Tanzania</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i> • <i>Trustees Incorporation Rules 1956</i>

10.	 Afrika Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Trust Property Control Act 1988</i> • <i>Nonprofit Organization Act 1997</i>
11.	 Singapura	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Charities Act 1994</i> • <i>Trustee Act 1967</i> • <i>Public Trustee Act 1915</i>
12.	 Taiwan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Trust Enterprise Act 2000</i>
13.	 Indonesia	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001 Tentang Yayasan</i>
14.	 India	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Indian Trust Act 1882</i> • <i>Official Trustees Act 1913</i> • <i>Waqf Act 1995</i> • <i>Bombay Public Trusts Act 1950</i> • <i>Rajasthan Public Trusts Act 1959</i> • <i>Societies Registration Act 1860</i> • <i>National Trust for Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disability Act 1999</i>

(b) Kajian Empirikal

7. Kajian empirikal yang dilaksanakan adalah berteraskan pendekatan kualitatif melalui kerja lapangan yang menggunakan kaedah perbincangan kumpulan berfokus (focus group discussion [FGD]) dan temu bual. Sesi libat urus ini telah dijalankan dengan pelbagai pihak berkepentingan, iaitu agensi kerajaan, badan korporat dan pertubuhan bukan kerajaan.

C. DAPATAN KAJIAN PERBANDINGAN

8. Jadual di bawah menunjukkan dapatan daripada kajian perbandingan yang dilakukan dengan 14 buah negara. Dapatan ini dibahagikan mengikut paramater kajian yang telah ditetapkan.

PARAMETER 1: TAFSIRAN

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
Tafsiran Pengasas	<ul style="list-style-type: none"> • Hong Kong – Seksyen 41X(1) Trustees Ordinance 1934 • New Zealand – Seksyen 15(1)(b) <i>Trusts Act 2019</i> • India – Seksyen 3 <i>Indian Trusts Act 1882</i>
Tafsiran Pemegang Amanah	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 1(u) Trustees Act 1954 • Gibraltar – Seksyen 2 <i>Trustees Act 1895</i> • Hong Kong – Seksyen 2 <i>Trustee Ordinance 1934</i> • Malawi – Seksyen 2 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i>; Seksyen 2 <i>Trustees Act 1967</i> • New Zealand – Seksyen 9 <i>Trusts Act 2019</i>; Seksyen 2 <i>Trustee Act 1956</i> • Ghana – Seksyen 12 <i>Trustees (Incorporation) Act, 1962</i> • Singapura – Seksyen 2 <i>Charities Act 1994</i>; Seksyen 3 <i>Trustees Act 1967</i> • India – Seksyen 3 <i>Trusts Act 1882</i>; Seksyen 6 <i>Official Trustee Act 1913</i>; Seksyen 2 <i>Bombay</i>

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
	<p><i>Public Trusts Act 1950</i>; Seksyen 2 <i>Rajasthan Public Trusts Act 1959</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Australia – Seksyen 6(1) <i>Trustees Act 1962</i> • United Kingdom – Seksyen 177 <i>Charities Act 2011</i> • Afrika Selatan – Seksyen 1 <i>Trust Property Control Act 1988</i>
Tafsiran Benefisiari (Penerima Amanah)	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 2 <i>Trustees Incorporation (Beneficial Owners) Regulations, 2023</i> • Hong Kong – Seksyen 3(a)(4) & 21(3) <i>Trustees Ordinance 1934</i> • Malawi – Seksyen 43 <i>Trustees Act 1967</i> • New Zealand – Seksyen 9 <i>Trusts Act 2019</i> • India – Seksyen 3 <i>Trusts Act 1882</i>; Seksyen 3 <i>Waqf Act 1995</i> • Australia – Seksyen 6(1) <i>Charities Act 2013</i>
Tafsiran Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar	<ul style="list-style-type: none"> • Hong Kong – Seksyen 2 <i>Registered Trustees Incorporation Ordinance 1958</i> • Malawi – Seksyen 2 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • New Zealand – Seksyen 6 <i>Charitable Trusts Act 1957</i> • Afrika Selatan – Seksyen 1 <i>Trust Property Control Act 1988</i> • Taiwan – Perkara 2 <i>Trust Enterprise Act 2000</i>
Tafsiran Tujuan Pemerbadanan (Tafsiran Khairat dan Bukan Khairat)	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 1(1) <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • Gibraltar – Seksyen 2(1) <i>Trustees (Incorporation) Act 1935</i>; Seksyen 3 <i>Charities Act 1962</i> • Hong Kong – Seksyen 2 <i>Registered Trustees Incorporation Ordinance 1958</i> • Malawi – Seksyen 3(1) <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • New Zealand – Seksyen 2 <i>Charitable Trusts Act 1957</i> • Ghana – Seksyen 1 <i>Trustees (Incorporation) Act 1962</i> • Singapura – Seksyen 2 <i>Charities Act 1994</i> • Australia – Seksyen 3 <i>Charitable Trusts Act 1993</i>, Seksyen 5, 6 & 12 <i>Charities Act 2013</i>

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
	<ul style="list-style-type: none"> • United Kingdom – Seksyen 1 <i>Charities Act 2011</i>
Tafsiran Menteri	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 1A <i>Trustees Incorporation Act 1939</i>; Seksyen 1 <i>Trustees Act 1954</i> • Gibraltar – Seksyen 4(5) <i>Charities Act 1962</i> • Malawi – Seksyen 2(2) <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • Ghana – Seksyen 12 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • Afrika Selatan – Seksyen 1 <i>Nonprofit Organisations Act 1997</i> • Indonesia – Pasal 1(6) <i>Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001 Tentang Yayasan</i>

PARAMETER 2: TADBIR URUS

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
Pelantikan serta Kuasa Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar	<ul style="list-style-type: none"> • Malawi – Seksyen 7(2), 8(2), 12 & 14 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • New Zealand – Seksyen 11 & 28 <i>Charitable Trusts Act 1957</i> • Singapura – Seksyen 3 <i>Charities Act 1994</i> • India – Seksyen 1 <i>Societies Registration Act 1860</i> • Australia – Seksyen 115-5 <i>Australian Charities and Not-For-Profits Commission 2012</i> • United Kingdom - Jadual Pertama <i>Charities Act 2011</i> • Afrika Selatan - Seksyen 3 <i>Trust Property Control Act 1988</i> • Tanzania - Seksyen 14, 20, 21, 22 & 24 <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i>

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
Buku Daftar	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 3A <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • Gibraltar – Seksyen 8 <i>Trustees Incorporation Act 1935</i> • Hong Kong – Seksyen 10 (1) <i>Registered Trustees Incorporation Ordinance 1986</i> • Malawi – Seksyen 14 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • New Zealand – Seksyen 45, 46, 47 & 48 <i>Trusts Act 2019</i> • Ghana – Seksyen 6 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • Singapura – Seksyen 71 <i>Trustees Act 1967</i> • India – Seksyen 14 <i>Official Trustees Act 1913</i>; Seksyen 21 & 23 <i>Rajasthan Public Trusts Act 1959</i>; Seksyen 17, 21 & 22 <i>Bombay Public Trusts Act 1950</i> • Australia – Seksyen 40-5 <i>Australian Charities and Not-For-Profits Commission Act 2012</i> • United Kingdom – Seksyen 29, 30 & 34 <i>Charities Act 2011</i> • Tanzania – Seksyen 25 <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i> • Indonesia – Pasal 48 <i>Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001 Tentang Yayasan</i>
Perwakilan Kuasa Menteri	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 11(1) <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • Gibraltar – Seksyen 12(1) <i>Trustees (Incorporation) Act 1935</i> • Malawi – Seksyen 15(1) <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • Ghana – Seksyen 10 <i>Trustees (Incorporation) Act 1962</i> • India – Seksyen 1(3) <i>Societies Registration Act 1860</i> • Australia – Seksyen 115-55 <i>Australian Charities and Not-For-Profits Commission Act 2012</i> • Afrika Selatan – Seksyen 31 <i>Nonprofit Organisations Act 1997</i> • Tanzania – Seksyen 14(1) <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i>

PARAMETER 3: KAWALAN PROSES PEMERBADANAN

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
<p style="text-align: center;">Bayaran Pemprosesan dan Bayaran Lain</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 9 Trustees Incorporation Act 1939 • Gibraltar – Seksyen 10 <i>Trustees (Incorporation) 1935</i> • Hong Kong – Seksyen 3(2) <i>Registered Trustees Incorporation Ordinance 1958</i> • Malawi – Seksyen 35(1) <i>Non-Governmental Organizations Act 2001</i> • New Zealand – Seksyen 29 & 30 <i>Charitable Trusts Act 1957</i> • Singapura – Seksyen 71(2), 78(4) & 78(5) <i>Trustees Act 1967</i> • India – Seksyen 17 <i>Official Trustees Act 1913</i>; 17(3) <i>Rajasthan Public Trusts Act 1959</i>; Seksyen 3 <i>Societies Registration Act 1860</i> • Australia – Seksyen 21 <i>Charitable Trusts Act 1993</i> • Afrika Selatan – Seksyen 4(1) <i>Trust Property Control Act 1988</i> • Tanzania – Rule 7 <i>Trustees' Incorporation Rules, 1956</i> • Taiwan – Perkara 10 & Perkara 12 <i>Trust Enterprise Act 2000</i> • Indonesia – Pasal 6 <i>Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001 Tentang Yayasan</i>

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
Objektif Badan Korporat dan Mekanisme untuk Mencapainya	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 1(1) <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • Gibraltar – Seksyen 2(1) <i>Trustees (Incorporation) 1935</i> • Hong Kong – Seksyen 3 <i>Registered Trustees Incorporation Ordinance 1958</i> • Malawi – Seksyen 3(1) <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • New Zealand – Seksyen 7 <i>Charitable Trusts Act 1957</i> • Ghana – Seksyen 1 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • Singapura – Seksyen 65 <i>Trustees Act 1957</i> • India – Seksyen 12 <i>National Trust for Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disability Act 1999</i>; Seksyen 17 <i>Rajasthan Public Trusts Act 1959</i>; Seksyen 14 – Seksyen 31 <i>Bombay Public Trusts Act 1950</i>; Seksyen 36 – Seksyen 43 <i>Waqf Act 1995</i> • Australia – Seksyen 25-1 <i>Australian Charities and Not-For-Profit Commission Act 2012</i> • United Kingdom – Seksyen 251 <i>Charities Act 2011</i> • Afrika Selatan – Seksyen 15 <i>Nonprofit Organisations Act 1997</i> • Tanzania – Seksyen 2 <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i> • Taiwan – Perkara 10 <i>Trust Enterprise Act 2000</i> • Indonesia – Pasal 9 <i>Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001 Tentang Yayasan</i>
Kelayakan Pengasas dan Pemegang Amanah serta Kehilangan Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 4(1) <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • Gibraltar – Seksyen 5(1) <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • Hong Kong – Section 3(1) <i>Registered Trustees Incorporation Ordinance 1958</i> • Malawi – Seksyen 7(1) <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • New Zealand – Seksyen 96 <i>Trusts Act 2019</i> • India – Seksyen 10 <i>Trusts Act 1882</i>; Seksyen 4 <i>Official Trustee Act 1913</i>; Seksyen 44(1) <i>Bombay Trusts Act 1950</i>; Seksyen 16, 20, 20A & 64 <i>Waqf</i>

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
	<p><i>Act 1995; Seksyen 6 National Trust for Welfare of Persons with Autism Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disability 1999; Seksyen 55 & 57 Rajasthan Public Trusts Act 1969; Seksyen 56G Bombay Public Trusts Act 1950</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanzania - Seksyen 4 <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i> • Taiwan - Perkara 24 <i>Trust Enterprise Act 2000</i> • Indonesia - Pasal 28 <i>Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2001 Tentang Yayasan</i>

PARAMETER 4: PENDEDAHAN MAKLUMAT

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
Pembuatan Peraturan	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 16 <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • Gibraltar – Seksyen 39 <i>Charities Act 1962</i> • Malawi – Seksyen 15 <i>Trustees Incorporation Ordinance 1962</i> • New Zealand – Seksyen 62 <i>Charitable Trusts Act 1957</i> • Ghana – Seksyen 11 <i>Trustees (Incorporation) Act 1962</i> • Tanzania – Seksyen 31 <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i> • Singapura – Seksyen 57(1) <i>Charities Act 1994</i> • Afrika Selatan – Seksyen 18 <i>Trusts Property Control Act 1988</i> • Australia – Seksyen 40-5 <i>Australian Charities and Not-For-Profits Commission Act 2012</i>

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
Pendedahan Awam dan Persendirian (Public & Private Disclosure)	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 3A & 7 Trustees Incorporation Act 1939 • Gibraltar – Seksyen 8 <i>Trustees (Incorporation) Act 1935</i> • Hong Kong – Seksyen 10 <i>Registered Trustees Incorporation Ordinance 1958</i> • Malawi – Seksyen 14 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • New Zealand – Seksyen 29 <i>Charitable Trusts Act 1957</i> • Ghana – Seksyen 6 <i>Trustees (Incorporation) Act 1962</i> • Tanzania – Seksyen 21 <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i> • Indonesia – Pasal 48, 49, 50, 51 & 52 <i>Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001 Tentang Yayasan</i> • Singapura – Seksyen 78 <i>Trustees Act 1967</i>; Seksyen 11, 12, 14 & 15 <i>Charities Act 1994</i> • India – Seksyen 18 <i>National Trust for Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disability 1999</i>; Seksyen 57 <i>Trusts Act 1882</i>; Seksyen 36 & 48 <i>Rajasthan Public Trusts Act 1959</i> • United Kingdom – Seksyen 177 <i>Charities Act 2011</i> • Afrika Selatan – Seksyen 18 <i>Trust Property Control Act 1988</i> • Australia – Seksyen 40-5(4) <i>Australian Charities and Not-For-Profits Commission Act 2012</i>; Seksyen 15 & 16 <i>Charitable Trusts Act 1993</i>; Seksyen 115-30 & 140-20 <i>Australian Charities and Not-For-Profits Commission Act 2012</i> • Taiwan – Perkara 39 <i>Trust Enterprise Act 2000</i>
Pendedahan Sumber Dana	<ul style="list-style-type: none"> • Singapura – Seksyen 38 <i>Charities Act 1994</i> • Taiwan – Perkara 29 <i>Trust Enterprise Act 2000</i> • Australia – Seksyen 50-5 <i>Australian Charities and Not-For-Profits Commission Act 2012</i>

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
Konflik Kepentingan	<ul style="list-style-type: none"> • New Zealand – Seksyen 34 & 35 <i>Trusts Act 2019</i> • Tanzania – Seksyen 22 <i>Trustees Incorporation Act 1956</i> • India – Seksyen 26 & 27 <i>Indian Trusts Act 1882</i> • Afrika Selatan – Seksyen 13 <i>Trust Property Control Act 1988</i> • Australia – Seksyen 140-20 <i>Australian Charities and Not-For-Profits Commission Act 2012</i>

PARAMETER 5: PEMANTAUAN DAN PENGAWASAN

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
Tanggungjawab Pemegang Amanah Badan Korporat	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 5 <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • Gibraltar – Seksyen 6 <i>Trustees (Incorporation) Act 1935</i> • Malawi – Seksyen 5 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • New Zealand – Seksyen 36, 37, 38, 45, 46, 47 & 48 <i>Trusts Act 2019</i> • Singapore – Seksyen 68(3), 68(4) & 71 <i>Trustees Act 1967</i> • India – Seksyen 7 <i>Official Trustees Act 1915</i>; Seksyen 25, 26, 50 & 68 <i>Waqf Act 1995</i>; Seksyen 11, 15 & 19 <i>National Trust for Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disability Act 1999</i>; Seksyen 56N, 56Q, 68 & 69 <i>Bombay Public Trusts Act 1950</i> • Taiwan – Seksyen 42 <i>Trust Enterprise Act 2000</i> • Australia – Seksyen 45-5 <i>Australian Charities and Not-For-Profits Commission Act 2012</i>, Seksyen 7 <i>Charitable Trusts Act 1993</i> • Tanzania – Seksyen 13 <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i>

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
Tanggungjawab Pelaporan	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 4(2) <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • Malawi – Seksyen 7 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • United Kingdom – Seksyen 52 <i>Charities Act 2011</i> • India – Seksyen 25 <i>National Trust for Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disability Act 1999</i>; Seksyen 4(3), 47(2), 65, 80(2) & 98 <i>Waqf Act 1995</i>; Seksyen 34 & 39 <i>Bombay Trusts Act 1950</i>; Seksyen 34 <i>Rajasthan Public Trusts Act 1959</i> • Afrika Selatan – Seksyen 7 <i>Nonprofit Organisation Act 1997</i> • Australia – Seksyen 60-5 <i>Australian Charities and Not-For-Profits Commission Act 2012</i> • Tanzania – Seksyen 20 <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i> • Indonesia – Pasal 53, 55 & 56 <i>Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001 Tentang Yayasan</i>
Kuasa Memeriksa dan Mengesahkan Laporan	<ul style="list-style-type: none"> • New Zealand – Seksyen 58 <i>Charitable Trusts Act 1957</i> • Indonesia – Pasal 54 <i>Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001 Tentang Yayasan</i> • Singapura – Seksyen 7 <i>Charities Act 1994</i> • United Kingdom – Seksyen 53 <i>Charities Act 2011</i>

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
Salah Laku Badan Korporat	<ul style="list-style-type: none">• Uganda – Seksyen 15(1) <i>Trustees Incorporation Act 1939</i>• Singapura – Seksyen 10, 13(2), 23(1) & 50 <i>Charities Act 1994</i>• Australia – Seksyen 80-5 <i>Australian Charities and Not-For-Profits Commission Act 2012</i>, Seksyen 8 <i>Charitable Trusts Act 1993</i>• United Kingdom – Seksyen 46, 47, 48, 49, 50, 75A(1), 76(1), 84, 110(1) & 346(1) <i>Charities Act 2011</i>• Malawi – Seksyen 2 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i>• New Zealand – Seksyen 2 <i>Charitable Trusts Act 1957</i>• Afrika Selatan – Seksyen 29 & 30 <i>Nonprofit Organisations Act 1997</i>

PARAMETER 6: PEMATUHAN DAN SANKSI BAGI KETIDAKPATUHAN

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
Kuasa Menteri & Pendaftar	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 15(1) <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • Malawi – Seksyen 15 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • New Zealand – Seksyen 126(4)(a) & 126(4)(b) <i>Trusts Act 2019</i>, 25(1) & 26(1) <i>Charitable Trusts Act 1957</i> • Ghana – Seksyen 11 <i>Trustees (Incorporation) Act 1962</i> • Singapura – Seksyen 57(1) <i>Charities Act 1994</i> • Australia – Seksyen 80 -1 <i>Australian Charities and Not-for-Profits Commission 2012</i>; Seksyen 14 <i>Charitable Trusts Act 1993</i> • Afrika Selatan – Seksyen 19 <i>Trust Property Control Act 1988</i>; Seksyen 20(1) <i>Nonprofit Organisations Act 1997</i> • Tanzania – Seksyen 24(1) <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i> • Taiwan – Seksyen 15 <i>Trust Enterprise Act 2000</i>
Liabiliti Badan Korporat	<ul style="list-style-type: none"> • Singapura – Seksyen 50(1) <i>Charities Act 1994</i> • India – Seksyen 44(2) & 59(1) <i>Bombay Trusts Act 1950</i>
Liabiliti Pemegang Amanah	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 5 <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • Gibraltar – Seksyen 6 <i>Trustees (Incorporation) Act 1935</i> • New Zealand – Seksyen 40, 41 & 81(1) <i>Trusts Act 2019</i>; Seksyen 20 <i>Charitable Trusts Act 1957</i> • Singapura – Seksyen 69(1) <i>Trustee Act 1967</i> • Malawi - Seksyen 5 <i>Trustees Incorporation Act 1962</i> • India – Seksyen 23, 27 & 29 <i>Trusts Act 1882</i>; Seksyen 72(5) <i>Waqf Act 1995</i> • Australia – Seksyen 70 <i>Trustees Act 1962</i> • United Kingdom – Seksyen 254 <i>Charities Act 2011</i> • Hong Kong – Seksyen 11 <i>Registered Trustees Incorporation Ordinance 1958</i> • Tanzania – Seksyen 13 <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i>

Isu di Malaysia	Model Negara Perbandingan
Kesalahan	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 3A(5) & 3A(6) <i>Trustees Incorporation Act 1939</i>, Peraturan 10 <i>Trustees Incorporation (Beneficial Owners) Regulations, 2023</i>. • Australia – Seksyen 80-9 <i>Australian Charities and Not-For-Profits Commission Act 2012</i> • Hong Kong – Seksyen 9(5) <i>Registered Trustees Incorporation Ordinance 1958</i> • India – Seksyen 67 <i>Bombay Trusts Act 1950</i>; Seksyen 20(2) <i>Official Trustees Act 1913</i>; Seksyen 4C <i>Societies Registration Act 1860</i>; Seksyen 52A <i>Waqf Act 1995</i> • Indonesia – Pasal 70 <i>Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001 Tentang Yayasan</i> • Singapura – Seksyen 81 & 82 <i>Trustees Act 1967</i> • United Kingdom – Seksyen 41(1), 173(1) & 60(1) <i>Charities Act 2011</i> • Tanzania – Seksyen 28 <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i>
Rayuan	<ul style="list-style-type: none"> • Uganda – Seksyen 15(2) <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> • India – Seksyen 95 <i>Waqf Act 1995</i>; Seksyen 70(1) <i>Bombay Public Trusts Act 1950</i>; Seksyen 20 <i>Rajasthan Public Trusts Act 1959</i> • Afrika Selatan – Seksyen 23 <i>Trust Property Control Act 1988</i> • Tanzania – Seksyen 27 <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i>

D. TRIANGULASI DATA KAJIAN

9. Kajian doktrinal dan empirikal yang dijalankan menemukan beberapa dapatan utama tentang parameter yang dikaji. Dari segi tafsiran, kedua-dua kajian doktrinal dan empirikal menegaskan bahawa istilah “khairat” dan “bukan khairat” perlu ditafsirkan secara jelas dalam akta dengan mengambil kira pendekatan *common law*. Tafsiran menteri pula perlu merujuk menteri yang mengawal selia amanah. Tafsiran tentang amanah juga dianggap jelas, namun tafsiran ini perlu bergantung pada tujuan dan ditafsirkan secara lebih spesifik untuk mengelakkan kekeliruan dalam pelaksanaan undang-undang.
10. Dalam aspek tadbir urus, kajian doktrinal dan empirikal menekankan keperluan untuk menurunkan kuasa menteri dengan kewujudan peruntukan yang khusus. Fungsi pendaftar juga perlu dijelaskan melalui peruntukan undang-undang bersama dengan tatacara pengendalian piawai yang jelas bagi memudahkan pentadbiran. Selain itu, pengemaskinian maklumat dalam sistem perlu dilakukan dengan segera, dan akta perlu ditambah baik dengan menambah garis panduan yang sedia ada.
11. Permohonan dan had bilangan pemegang amanah perlu ditetapkan, termasuk had kos pentadbiran yang bergantung pada peratusan tertentu. Selain itu, penetapan jumlah bayaran kos pentadbiran juga perlu dijelaskan, dengan cadangan bahawa bayaran nominal dikenakan, dan tiada kos pentadbiran yang wajar dikenakan bagi sesetengah organisasi. Panduan tentang syarat kelayakan pemegang amanah juga perlu diperuntukkan dengan jelas, serta perlu ada peruntukan tentang kehilangan kelayakan pemegang amanah. Syarat permohonan pemerbadanan harus dijelaskan, terutamanya bagi memudahkan proses permohonan.

12. Dari sudut pendedahan maklumat, kajian doktrinal dan empirikal mencadangkan agar maklumat tentang dana awam wajar didedahkan kepada orang ramai, dan operasi badan korporat perlu dikawal selia oleh kerajaan. Pendedahan maklumat tentang laporan tahunan juga perlu dilakukan secara berkala, manakala maklumat benefisiari (penerima manfaat) perlu didedahkan berdasarkan sebab dan punca kuasa yang sah.

13. Dalam aspek pemantauan pula, pelbagai langkah telah disarankan, termasuk hukuman denda untuk ketidakpatuhan, pengawalseliaan laporan aktiviti, dan keperluan laporan untuk diaudit. Kajian empirikal juga menyatakan bahawa notis perlu diberikan sebelum apa-apa tindakan diambil terhadap badan yang tidak mematuhi undang-undang. Menteri juga perlu memantau pematuhan badan korporat secara berkala. Pemegang amanah bertanggungjawab untuk menyimpan maklumat ejen. Pencegahan dan peringatan awal perlu dilakukan, termasuk melaporkan penerimaan dana, menjalankan carian kebangkrapan, dan mematuhi pengawalseliaan undang-undang yang sedia ada.

14. Akhir sekali, dalam aspek pematuhan, hukuman pemenjaraan bagi kesalahan yang lebih serius perlu diperuntukkan dalam akta. Jenis-jenis kesalahan dalam akta perlu ditentukan dengan jelas, bersama dengan kesan peruntukan yang ditetapkan. Kuasa menteri untuk membatalkan permohonan, kuasa pendaftar untuk menerima rayuan, kuasa untuk melucutkan pemegang amanah serta menjalankan hukuman dan siasatan perlu diperuntukkan dalam akta. Pemegang amanah juga perlu bertanggungjawab atas liabiliti mereka, dan tanggungjawab organisasi perlu dianggap sebagai liabiliti perwakilan dalam pelbagai situasi.
15. Secara umumnya, kajian doktrinal dan empirikal menggariskan keperluan untuk menambah baik pelbagai aspek pentadbiran, pemantauan dan pematuhan dalam pengurusan badan amanah. Bagi Akta 258, terdapat keperluan yang mendesak untuk menambah baik Akta bagi menjamin keberkesanannya.
16. Secara keseluruhan, kesemua parameter yang ditetapkan adalah selari dengan kedua-dua kajian doktrinal dan empirikal. Dapatan daripada kedua-dua kajian doktrinal dan empirikal ini seiring dalam menekankan aspek yang penting, seperti tafsiran undang-undang, tatakelola yang lebih baik, pendedahan maklumat yang telus, pemantauan yang berkesan, serta pematuhan dan hukuman yang bersesuaian bagi memastikan pengurusan badan korporat dapat dijalankan dengan cekap, berintegriti dan mematuhi peruntukan yang telah ditetapkan dalam Akta 258 di Malaysia.

E. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

17. Dengan berpandukan dapatan doktrinal dan empirikal kajian ini, Pasukan Penyelidik telah mencadangkan beberapa penambahbaikan yang signifikan kepada Akta 258. Cadangan skop penambahbaikan kepada Akta 258 adalah seperti yang berikut:

Bil.	Parameter	Cadangan Skop Pindaan
1	Tafsiran	<ul style="list-style-type: none"> Tafsiran bagi istilah pengasas, pemegang amanah, benefisiari, khairat dan tujuan khairat penting untuk dijelaskan dalam Akta. Walau bagaimanapun, istilah-istilah ini lebih sesuai untuk dimasukkan dalam sebagai akta utama dalam Akta 208 perihal pemegang amanah. Tafsiran bagi istilah “Menteri” tidak perlu dimasukkan memandangkan Menteri yang bertanggungjawab bagi Akta ini adalah jelas pada masa ini. Tafsiran bagi istilah “Pendaftar” boleh dimasukkan sekiranya terdapat ketetapan yang jelas tentang “Pendaftar” yang tidak akan berubah.
2	Tadbir Urus	<ul style="list-style-type: none"> Kuasa yang diwakilkan kepada Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar perlu jelas. Perwakilan kuasa tidak boleh dibuat secara umum sahaja. Buku daftar bukan sahaja perlu disimpan oleh pengawal selia (BHEUU dalam hal ini), tetapi juga oleh badan korporat yang telah diperbadankan bagi tujuan memastikan ketersediaan maklumat tentang benefisiari dan harta amanah.

Bil.	Parameter	Cadangan Skop Pindaan
3	Kawalan Proses Pemerbadanan	<ul style="list-style-type: none"> • Fi bagi pemprosesan dokumen dan bayaran lain, seperti bayaran untuk menambah nama pemegang amanah boleh dimasukkan dalam peraturan yang dibuat mengikut Akta ini. • Akta 258 hanya memperuntukkan syarat tentang kehilangan kelayakan seseorang pemegang amanah. Namun, kelayakan bagi seseorang pemegang amanah yang ingin diperbadankan mengikut Akta ini tidak diperuntukkan. Dalam hal ini, rujukan silang sepatutnya dibuat kepada Akta 208 sebagai akta utama dalam perihal pemegang amanah. • Peruntukan tentang penggunaan nama bagi pemerbadanan dan perubahan nama pemerbadanan boleh dimasukkan bagi memastikan nama yang digunakan sesuai, relevan dan tidak mengelirukan.
4	Pendedahan Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Peraturan tentang maklumat yang perlu dibekalkan kepada Menteri mengikut Akta ini perlu dibuat. • Peruntukan tentang pendedahan laporan kewangan kepada orang awam oleh badan korporat yang bersifat khairat secara eksklusif perlu dimasukkan. • Peruntukan tentang pendedahan konflik kepentingan juga boleh dipertimbangkan untuk dimasukkan bagi memastikan penilaian risiko tentang badan korporat boleh dibuat dengan jelas. • Peruntukan yang jelas tentang kutipan dana, khususnya dana awam dan aspek pengawalseliaan yang berkaitan dengannya perlu dibuat. Walau bagaimanapun, peruntukan ini perlu dimasukkan dalam undang-undang lain, iaitu Akta Pungutan Rumah ke Rumah dan di Jalan 1947 [Akta 200].

Bil.	Parameter	Cadangan Skop Pindaan
5	Pemantauan dan Pengawasan	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan tentang kuasa Menteri untuk memantau aktiviti pemegang amanah jika beliau berpendapat bahawa pemegang amanah yang diperbadankan mengikut Akta ini menggunakan atau menyalahgunakan mana-mana harta yang terletak hak pada pemegang amanah itu. Kuasa pengawal selia untuk memeriksa laporan yang dihantar oleh badan korporat perlu dimasukkan dalam Akta.
6	Pematuhan dan Sanksi bagi Ketidapatuhan	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan tentang kesalahan badan korporat perlu dimasukkan dalam Akta. Peruntukan ini dicadangkan untuk dibuat dalam bentuk liabiliti ketat (strict liability). Peruntukan tentang kesalahan yang boleh dikompaun juga perlu dimasukkan dalam Akta bagi memberikan kuasa mengkompaun kepada Menteri.

18. Secara ringkasnya, bilangan pindaan dan penambahan peruntukan baharu dalam Akta 258 adalah seperti yang berikut:

PERKARA	Jumlah Pindaan kepada Peruntukan Sedia Ada	Penambahan Peruntukan Baharu dalam Akta 258
JUMLAH	2	6

19. Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, terdapat lapan cadangan pindaan yang perlu dibuat kepada Akta 258. Daripada lapan pindaan ini, dua pindaan ialah pindaan kepada peruntukan yang sedia ada dalam Akta 258. Hal ini bermaksud bahawa terdapat penambahan subseksyen yang baharu kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada dalam Akta 258. Dalam aspek penambahan peruntukan baharu pula, terdapat enam peruntukan baharu yang dicadangkan untuk dimasukkan dalam Akta 258. Peruntukan baharu bermaksud peruntukan ini tidak pernah wujud dalam Akta 258, tetapi perlu dimasukkan sebagai seksyen baharu dalam Akta 258.

F. KESIMPULAN

20. Kajian perbandingan dengan peruntukan-peruntukan dalam undang-undang berkaitan dengan amanah di negara-negara perbandingan membolehkan Pasukan Penyelidik untuk menetapkan cadangan pindaan bagi mengukuhkan lagi aspek skop dan keberkesanan Akta 258. Cadangan ini memperkasakan aspek kawalan proses pemerbadanan pemegang amanah, ketelusan dan kebertanggungjawaban badan korporat yang diperbadankan, pemantauan dan pengawasan oleh badan kawal selia serta aspek pematuhan dan sanksi bagi ketidakpatuhan.

Senarai Jadual

Muka Surat

No. Jadual

Jadual 4.1	Senarai Negara Perbandingan	38
Jadual 4.2	Parameter Kajian	43
Jadual 5.1	Skop Akta 258	50
Jadual 7.1	Perbandingan Umum antara Badan pengawal Selia Amanah	97
Jadual 8.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di Sabah	118
Jadual 8.2	Senarai Kandungan Trustees (Incorporation) Ordinance (Sabah Cap. 148)	119
Jadual 8.3	Persamaan antara Akta 258 dengan Trustees (Incorporation) Ordinance	121
Jadual 8.4	Perbezaan antara Akta 258 dengan Trustees (Incorporation) Ordinance	123
Jadual 9.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah	130
Jadual 9.2	Senarai Kandungan Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7)	131
Jadual 9.3	Persamaan antara Akta 258 dengan Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7)	132
Jadual 9.4	Perbezaan antara Akta 258 dengan Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7)	134
Jadual 10.1	Perbandingan Undang-undang tentang Amanah di Labuan	143
Jadual 11.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di Negeri-negeri di Malaysia	151
Jadual 11.2	Ringkasan Kandungan Akta 75	160
Jadual 12.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di Uganda	174
Jadual 12.2	Senarai Kandungan Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939	176
Jadual 12.3	Persamaan antara Akta 258 dengan Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939	179
Jadual 12.4	Perbezaan antara Akta 258 dengan Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939	182
Jadual 13.1	Senarai Undang-undang tentang di Gibraltar	193
Jadual 13.2	Senarai Kandungan Trustee (Incorporation) Act 1935	196
Jadual 13.3	Persamaan antara Akta 258 dengan Trustee (Incorporation) Act 1935	198
Jadual 13.4	Perbezaan antara Akta 258 dengan Trustee (Incorporation) Act 1935	200
Jadual 14.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di Hong Kong	210

Muka Surat

No. Jadual		
Jadual 14.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di Hong Kong	210
Jadual 14.2	Senarai Kandungan Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)	213
Jadual 14.3	Persamaan antara Akta 258 dengan Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)	215
Jadual 14.4	Perbezaan antara Akta 258 dengan Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)	218
Jadual 15.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di Malawi	230
Jadual 15.2	Senarai Kandungan Trustee Incorporation Act (Chapter 5:03)	233
Jadual 15.3	Persamaan antara Akta 258 dengan Trustee Incorporation Act (Chapter 5:03)	235
Jadual 15.4	Perbezaan antara Akta 258 dengan Trustee Incorporation Act (Chapter 5:03)	237
Jadual 16.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di New Zealand	255
Jadual 16.2	Persamaan antara Akta 258 dengan TA 2019 dan CTA 1957	260
Jadual 16.3	Perbezaan antara Akta 258 dengan TA 2019 dan CTA 1957	262
Jadual 17.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di Ghana	270
Jadual 17.2	Senarai Kandungan Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939	271
Jadual 17.3	Persamaan antara Akta 258 dengan Trustees (Incorporation) Act 1962	274
Jadual 17.4	Perbezaan antara Akta 258 dengan Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939	276
Jadual 18.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di Singapura	283
Jadual 18.2	Senarai Kandungan Trustees Act 1967	286
Jadual 18.3	Senarai Kandungan Charities Act 1994	290
Jadual 18.4	Persamaan antara Akta 258 dengan Trustee Act 1967	293
Jadual 18.5	Perbezaan antara Akta 258 dengan Trustee Act 1967	298
Jadual 18.6	Persamaan antara Akta 258 dengan Charities Act 1994	302
Jadual 18.7	Perbezaan antara Akta 258 dengan Charities Act 1994	303
Jadual 19.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di India	319
Jadual 19.2	Senarai Kandungan Companies Act 2013 (No.18 of 2013)	336
Jadual 19.3	Senarai Kandungan Societies Registration Act 1860	338
Jadual 19.4	Senarai Kandungan Banking Regulation Act 1949	339
Jadual 19.5	Senarai Kandungan Official Trustees Act 1913	340
Jadual 19.6	Senarai Kandungan Waqf Act 1995	341

No. Jadual

Jadual 19.7	Senarai Kandungan The National Trust for the Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disabilities Act 1999	343
Jadual 19.8	Senarai Kandungan The Bombay Public Trusts Act 1950	344
Jadual 19.9	Senarai Kandungan The Rajasthan Public Trusts Act 1959	345
Jadual 19.10	Persamaan antara Akta 258 dengan Akta-akta berkaitan dengan Pemerbadanan Amanah di India	349
Jadual 19.11	Perbezaan antara Akta 258 dengan Akta-akta berkaitan dengan Pemerbadanan Pemegang Amanah	353
Jadual 20.1	Undang-undang tentang Amanah di Australia	370
Jadual 20.2	Senarai Kandungan Akta ACNC tentang Amanah	373
Jadual 20.3	Senarai Kandungan Akta Amanah Khairat Australia	375
Jadual 20.4	Persamaan antara Akta 258 dengan Akta ACNC dan Akta Amanah Khairat Australia	376
Jadual 20.5	Perbezaan antara Akta 258 dengan Akta Amanah Khairat 1993 (New South Wales)	378
Jadual 20.6	Perbezaan antara Akta 258 dengan Akta ACNC	384
Jadual 21.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di UK	399
Jadual 21.2	Senarai Kandungan Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939	401
Jadual 21.3	Persamaan antara Akta 258 dengan Charities Act 2011	408
Jadual 21.4	Perbezaan antara Akta 258 dan Charities Act 2011	412
Jadual 22.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di Afrika Selatan	430
Jadual 22.2	Ringkasan Kandungan Act No. 57, 1998	432
Jadual 22.3	Persamaan antara Akta 258 dengan Trust Property Control Act 57 of 1988	435
Jadual 22.4	Perbezaan antara Akta 258 dengan Trust Property Control Act 57 of 1988	436
Jadual 22.5	Persamaan antara Akta 258 dengan Nonprofit Organisations Act 1997	438
Jadual 22.6	Perbezaan antara antara Akta 258 dengan Nonprofit Organisations Act 1997	440
Jadual 23.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di Tanzania	448
Jadual 23.2	Senarai Kandungan Trustees' Incorporation Act, 1956	454
Jadual 23.3	Persamaan antara Akta 258 dengan Trustees Incorporation Act 1956	459
Jadual 23.4	Perbezaan antara Akta 258 dengan Trustees Incorporation Act 1956	462
Jadual 24.1	Senarai Undang-undang tentang Amanah di Taiwan	470

Muka Surat

No. Jadual	
Jadual 24.2	Senarai Kandungan Trust Enterprise Act 2000 472
Jadual 24.3	Persamaan antara Akta 258 dengan Trust Enterprise Act 2000 479
Jadual 24.4	Perbezaan antara Akta 258 dengan Trust Enterprise Act 2000 480
Jadual 25.1	Senarai kandungan Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2001 tentang Yayasan 488
Jadual 25.2	Persamaan antara Akta 258 dengan Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001 490
Jadual 25.3	Perbezaan antara Akta 258 dengan Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001 490
Jadual 32.1	Taburan Informan daripada Semua Organisasi 874
Jadual 33.1	Taburan Laporan Doktrinal dan FGD 952

Senarai Rajah

Muka Surat

No. Jadual

Rajah 10.1	Proses Pendaftaran Yayasan di Labuan	141
Rajah 32.1	Diagram Sankey tentang Perbincangan Kumpulan Berfokus	878
Rajah 32.2	Rangkaian Keseluruhan Tafsiran	880
Rajah 32.3	Tafsiran Amanah	882
Rajah 32.4	Tafsiran Pemegang Amanah	884
Rajah 32.5	Tafsiran Surat Ikatan Amanah	886
Rajah 32.6	Tafsiran Penerima Manfaat	888
Rajah 32.7	Tafsiran Khairat	890
Rajah 32.8	Tafsiran Menteri	893
Rajah 32.9	Rangkaian Keseluruhan Tadbir Urus	894
Rajah 32.10	Pelantikan dan Kuasa Pendaftar	896
Rajah 32.11	Buku Daftar	897
Rajah 32.12	Perwakilan Kuasa Menteri	899
Rajah 32.13	Rangkaian Keseluruhan Kawalan Proses Pemerbadanan	901
Rajah 32.14	Bayaran Pemprosesan	903
Rajah 32.15	Pendaftaran Badan Korporat	905
Rajah 32.16	Kelayakan dan Kehilangan Kelayakan	906
Rajah 32.17	Rangkaian Keseluruhan Pendedahan Maklumat	908
Rajah 32.18	Pendedahan Maklumat	910
Rajah 32.19	Pendedahan Awam	912
Rajah 32.20	Pendedahan Persendirian	915
Rajah 32.21	Dana	917
Rajah 32.22	Konflik Kepentingan	919
Rajah 32.23	Rangkaian Keseluruhan Pemantauan dan Pengawasan	920
Rajah 32.24	Tanggungjawab Pemegang Amanah	922
Rajah 32.25	Tanggungjawab Pelaporan	924
Rajah 32.26	Kuasa Memeriksa dan Mengesahkan Laporan	926

Muka Surat

No. Jadual		
Rajah 32.27	Salah Laku Badan Korporat	929
Rajah 32.28	Dana kepada Badan Korporat	932
Rajah 32.29	Dana kepada Pengawal Selia	934
Rajah 32.30	Rangkaian Keseluruhan Pematuhan dan Hukuman bagi Ketidakpatuhan	936
Rajah 32.31	Kuasa Kepada Pengawal Selia	939
Rajah 32.32	Liabiliti Badan Korporat	941
Rajah 32.33	Liabiliti Pemegang Amanah	943
Rajah 32.34	Kesalahan	945
Rajah 32.35	Hukuman dan Kompau	947
Rajah 32.36	Rayuan	949
Rajah 33.1	Diagram Sankey bagi Laporan Doktrinal dan FGD	957
Rajah 33.2	Diagram Sankey tentang Tafsiran	959
Rajah 33.3	Diagram Sankey tentang Tadbir Urus	962
Rajah 33.4	Diagram Sankey tentang Kawalan Proses Pemerbadanan	965
Rajah 33.5	Diagram Sankey tentang Pendedahan Maklumat	968
Rajah 33.6	Diagram Sankey tentang Pemantauan dan Pengawasan	973
Rajah 33.7	Diagram Sankey tentang Pematuhan dan Hukuman bagi Ketidakpatuhan	978

A top-down view of a desk setup. On the left, a pink notebook is partially visible. In the center, a pair of round, silver-rimmed glasses rests on a white, lined notebook. To the right of the glasses, a silver pen and a silver paper clip are on the notebook. Another paper clip is visible at the bottom edge of the notebook. The background is a light-colored wooden desk surface.

Bahagian

A

Pendahuluan

- Bab 1 Latar Belakang dan Skop Kajian
- Bab 2 Konsep dan Prinsip tentang Pemegang Amanah
- Bab 3 Keperluan Kajian dan Kerangka Antarabangsa
- Bab 4 Metodologi Kajian

BAB 1

LATAR BELAKANG DAN SKOP KAJIAN

A. Latar Belakang Kajian

1. Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] merupakan suatu akta yang digubal bertujuan untuk memperbadankan pemegang amanah sebagai suatu badan korporat. Urusan pemerbadanan pemegang amanah dinyatakan melalui seksyen 2 Akta 258 yang memeruntukkan bahawa suatu badan (body) atau kumpulan orang (association of persons) boleh melantik pemegang amanah dan memohon untuk diperbadankan sebagai suatu badan korporat bagi tujuan keagamaan, pendidikan, kesusasteraan, saintifik, sosial, kebajikan atau mana-mana kombinasi tersebut.
2. Seterusnya, Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2023 (P.U.(A) 27) yang berkuat kuasa pada 20 Januari 2023 memeruntukkan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) untuk melaksanakan urusan pemerbadanan pemegang amanah di bawah Akta 258.
3. Pada ketika ini, BHEUU, JPM melaksanakan urusan pemerbadanan pemegang amanah berdasarkan peruntukan Akta 258 dan polisi dalaman yang ditetapkan berasaskan prinsip tadbir urus yang baik (good governance). Hal ini termasuk inisiatif untuk mewujudkan contoh draf surat ikatan amanah (trust deed) sebagai instrumen utama pemerbadanan pemegang amanah dan penyediaan dokumen sokongan seperti senarai semak borang permohonan serta dokumen-dokumen sokongan yang lain. Dokumentasi berkaitan urusan pemerbadanan pemegang amanah boleh dimuat turun melalui portal BHEUU, JPM.

4. Semenjak tahun 2015, trend permohonan pemerbadanan pemegang amanah semakin meningkat dari tahun ke tahun melibatkan permohonan daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti Kementerian/Jabatan pada peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, syarikat, persatuan/pertubuhan, badan antarabangsa serta orang perseorangan termasuk ahli politik. Entiti/individu yang dinyatakan ini terlibat secara langsung sama ada sebagai pengasas atau pemegang amanah untuk suatu pemerbadanan pemegang amanah.
5. Sehubungan dengan itu, penetapan hala tuju dan penambahbaikan Pengurusan Pemerbadanan Pemegang Amanah di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] adalah satu usaha BHEUU, JPM untuk mengukuhkan pengurusan pemerbadanan pemegang amanah. Penyediaan suatu perundangan yang lebih komprehensif, progresif dan selari dengan peredaran, cabaran serta keperluan semasa adalah selaras dengan hasrat dan komitmen Kerajaan yang menekankan pelaksanaan “tatakelola dan tadbir urus” sebagai salah satu teras penting untuk menyokong pendekatan MADANI kerana pengukuhan pengurusan Akta 258 adalah sejajar dengan aspek tatakelola yang menekankan konsep utama ketelusan.
6. Bagi terus memperkasakan institusi kawal selia, tatakelola dan pengurusan amanah di bawah tadbir urus BHEUU, Jawatankuasa Kajian Pindaan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] atau singkatannya JKPA dibentuk pada peringkat kebangsaan atas inisiatif YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi). Keanggotaan Jawatankuasa ini dipilih daripada kalangan ahli akademik dalam bidang perundangan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Wakil daripada Majlis Peguam Malaysia (MPM), pertubuhan masyarakat madani (CSO) dan Agensi Kerajaan yang berkaitan (BHEUU) akan turut menganggotai jawatankuasa ini.

B. Fungsi dan Bidang Tugas Jawatankuasa Kajian

7. Jawatankuasa ini bertujuan untuk menyediakan input, dapatan serta cadangan yang signifikan berkaitan dengan penambahbaikan dan pindaan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] dan mengemukakan untuk pertimbangan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) melalui Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU,JPM).
8. Fungsi JKPA adalah untuk mengkaji cadangan pindaan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] di Malaysia dan mencadangkan elemen serta parameter undang-undang yang seharusnya dicakupi dalamnya sekiranya terdapat keperluan untuk Akta ini dipinda di Malaysia atau mengemukakan cadangan-cadangan yang lain kepada Kerajaan.
9. Bidang tugas JKPA adalah seperti yang berikut:
 - i. Membuat kajian perbandingan dengan kerangka perundangan yang berkaitan dengan pengurusan amanah atau *trust regulatory regime* di negara-negara luar yang terpilih, seperti Singapura, Australia, Hong Kong, Uganda, United Kingdom atau negara-negara lain yang difikirkan sesuai;
 - ii. Menganalisis kewajaran pindaan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] yang lebih komprehensif dan progresif sesuai dengan keperluan dan cabaran semasa di Malaysia. Hal ini merangkumi aspek justifikasi pindaan Akta tersebut berdasarkan piawaian antarabangsa, penandaarasan (benchmarking) undang-undang di negara lain, Perlembagaan Malaysia, undang-undang di Malaysia yang lain dan falsafah-falsafah yang signifikan;

- iii. Mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mendapatkan input yang berkaitan;
- iv. Mencadangkan skop, elemen dan parameter undang-undang yang perlu diliputi dalam pindaan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] agar lebih komprehensif dan progresif sesuai dengan keperluan dan cabaran semasa di Malaysia seperti input-input utama berdasarkan kerangka perundangan dan amalan terbaik di luar negara berkaitan dengan pemerbadanan dan kawal selia pemerbadanan pemegang amanah, implikasi kepada pengurusan amanah secara holistik serta kesan kepada akta-akta sedia ada di Malaysia;
- v. Memberikan cadangan penambahbaikan yang sesuai dengan mengambil kira amalan terbaik di negara lain yang merangkumi, antara lain, aspek-aspek skop dan bidang kuasa, peranan dan tanggungjawab pihak berkuasa, penetapan peraturan dan garis panduan serta pemberian justifikasi bagi cadangan tersebut; dan
- vi. Mengemukakan laporan penuh kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang & Reformasi Institusi) melalui Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang.

C. Kesimpulan

10. Penubuhan Jawatankuasa Kajian Pindaan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] atau JKPA ini menunjukkan kejituan, kesungguhan dan komitmen tinggi kerajaan untuk terus melaksanakan usaha-usaha ampuh ke arah memperkasakan sistem kawal selia, tatakelola dan pengurusan amanah di negara kita demi kesejahteraan rakyat.
11. Fungsi Jawatankuasa ini perlu dijalankan dengan komited dan konsisten bagi mewujudkan kertas polisi dan cadangan yang bernilai kepada pihak Kerajaan bagi penentuan hala tuju yang lebih baik berdasarkan keperluan dan cabaran semasa di Malaysia.

BAB 2

KONSEP DAN PRINSIP TENTANG PEMEGANG AMANAH

A. Pengenalan

1. Pemegang amanah ialah individu atau entiti yang diberi tanggungjawab untuk mengurus dan menjaga aset atau harta bagi pihak orang lain, biasanya di bawah suatu instrumen amanah (seperti wasiat, amanah hidup, atau amanah perniagaan). Pemegang amanah mempunyai tanggungjawab fidusiari yang bermaksud bahawa mereka mesti bertindak demi kepentingan terbaik benefisiari (penerima manfaat amanah), bukan demi kepentingan sendiri.
2. Konsep pemegang amanah adalah sangat luas kerana konsep ini boleh wujud dalam pelbagai situasi yang secara tidak langsung, sama ada terangkum atau tidak terangkum dalam skop akta sedia ada. Sebagai contoh, dalam kehidupan seharian, mana-mana kerja yang diamanahkan kepada seseorang sama ada dalam konteks formal atau tidak formal, orang yang dipertanggungjawabkan boleh dikira sebagai pemegang amanah bagi memastikan kerja-kerja dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Dalam konteks yang lebih formal, pemegang amanah juga boleh dilantik untuk tujuan menguruskan dan memegang amanah bagi pihak orang lain yang mempunyai hak pemilikan dan kepentingan terhadap tanah, tetapi hak pemilikan tersebut tidak dapat didaftarkan dalam geran akibat kekangan undang-undang dan sebagainya.
3. Pemegang amanah juga tidak ada hak dan kuasa penuh terhadap harta tanah tersebut. Dalam erti kata lain, pemegang amanah tidak boleh sewenang-wenangnya menjual atau memindah milik tanah tersebut kepada pihak-pihak lain melainkan jika dengan persetujuan daripada pengasas (pembuat amanah) itu sendiri.

B. Takrifan Pemegang Amanah

4. Pemegang amanah boleh didefinisikan sebagai seseorang individu atau ahli lembaga yang diberi kawalan atau kuasa pentadbiran harta dalam amanah dengan kewajipan undang-undang untuk mentadbirnya semata-mata untuk tujuan yang dinyatakan. Kewujudan pemegang amanah sememangnya sinonim dengan kewujudan amanah itu sendiri. Underhill mendefinisikan amanah sebagai–

A trust is an equitable obligation, binding a person (who is called a trustee) to deal with property over which he has control (which is called the trust property) either for the benefit of persons (who are called the beneficiaries or cestui que trust) or whom he may be one and any one whom may enforce the obligation or for a charitable purpose which may be enforced at the instance of the Attorney General or for some other purpose permitted by law though unenforceable (David Hayton, 2016).

5. Perkataan “trustee” atau pemegang amanah sebagaimana dalam petikan di atas menunjukkan bahawa pemegang amanah ialah figura penting yang akan memastikan arah tuju amanah dapat dilaksanakan seperti yang tertera dalam surat ikatan amanah. Merriam Webster Dictionary (2024) mentakrifkan pemegang amanah sebagai–

A natural or legal person to whom property is legally committed to be administered for the benefit of a beneficiary (such as a person or a charitable organization) or one (such as a corporate director) occupying a position of trust and performing functions comparable to those of a trustee.

6. Pemegang amanah merupakan suatu elemen penting dalam struktur sesuatu pentadbiran harta amanah kerana apabila usatu amanah dibuat, seorang pemegang amanah perlu diberi hak milik sah. Setiap aset atau harta perlu dipindah milik kepada pemegang amanah yang dilantik melalui surat ikatan amanah. Mereka memegang hak milik terhadap aset yang dipegang sebagai amanah untuk manfaat orang lain.

7. Keunikan dalam struktur amanah dapat dilihat bukan sahaja dari segi pewujudan (creation) sesuatu amanah, bahkan ia dapat dianalisis dalam hal-hal yang berkaitan dengan pemegang amanah. Ada beberapa isu utama yang berkaitan dengan pemegang amanah yang perlu diambil kira, seperti:
 - i. Pengasas (settlor) sebagai orang yang bertanggungjawab untuk mewujudkan suatu amanah boleh:
 - (a) melantik seseorang (individu) atau syarikat sebagai pemegang amanah; atau
 - (b) melantik dirinya sendiri sebagai pemegang amanah, dan selepas lantikan dibuat melalui surat ikatan amanah atau secara lisan, pengasas tidak lagi memegang harta itu sebagai pemilik harta itu, tetapi pengasas bertindak sebagai pemegang amanah.
 - ii. Harta amanah mesti dipindah milik kepada pemegang amanah untuk amanah itu berkuat kuasa dan harta amanah itu adalah untuk kegunaan benefisiari atau penerima manfaat (for the benefit of the beneficiaries). Penggunaan teknikal istilah “pemilik sah” bermaksud bahawa pemegang amanah diberi semua hak undang-undang dalam harta itu.
 - iii. Pemegang amanah tidak berhak untuk mencampuri urusan pemilikan manfaat dalam harta amanah. Sebaliknya, penerima manfaatlah yang mempunyai semua hak milik berfaedah dalam harta.

C. Pemegang Amanah dan Hak Milik kepada Harta Amanah

8. Struktur amanah tidak akan menjadi lengkap tanpa kewujudan pemegang amanah. Seorang pemegang amanah hendaklah mempunyai keupayaan secara am atau keupayaan di sisi undang-undang (legal capacity) untuk memegang aset dan ini termasuklah mempunyai umur yang cukup dan sempurna akal (sound mind). Pada kebiasaannya, mahkamah akan melihat dengan teliti terma-terma dalam surat ikatan amanah dalam mempertimbangkan syarat-syarat dalam sesuatu amanah dan tanggungjawab yang akan dipegang oleh pemegang amanah atau berdasarkan ungkapan lisan daripada pengasas.
9. Terdapat dua cara bagaimana hak milik terhadap harta amanah dapat dipindah milik kepada pemegang amanah. Dalam kes *Milroy v Lord* [1862] EWHC J78, Turner LJ memberikan keputusannya seperti yang berikut:

I take the law of this court to be well settled, that, in order to render a voluntary settlement valid and effectual, the settlor must have done everything which, according to the nature of the property comprised in the settlement, was necessary to be done in order to transfer the property and to render the settlement binding upon him. He may, of course, do this by actually transferring the property to the persons for whom he intends to provide and the provision will then be effectual and it will be equally effectual if—

(i) he transfer the property to a trustee for the purposes of the settlement; or

(ii) declares that he himself holds it in trust for those purposes and if the property be personal, the trust may, as I apprehended, be declared either in writing or by parole; but in order to render the settlement binding, one or other of those modes must as I have understand the law of this Court.

10. Sesungguhnya, terdapat dua cara hak milik sesuatu harta dapat dipindah milik kepada pemegang amanah, iaitu menerusi satu daripada cara yang berikut:

- i. Memindah milik harta tersebut kepada pemegang amanah; atau
 - ii. Membuat pengisytiharan bahawa pemilik asal harta berkenaan memegang harta tersebut sebagai pemegang amanah.
11. Keperluan kepada satu daripada elemen di atas boleh memberikan impak yang besar bagi memastikan hak milik sesuatu harta amanah itu dapat diberikan kepada pemegang amanah. Setelah selesai proses ini, pengasas tidak lagi mempunyai apa-apa kepentingan dalam amanah yang diwujudkan kerana hak milik harta amanah telah dipindahkan kepada pemegang amanah. Kini, pemegang amanah pula akan memegang harta amanah bagi pihak penerima manfaat (benefisiari).
12. Dalam keadaan apabila pemegang amanah dikehendaki untuk memegang harta amanah yang asal, atau mana-mana harta gantian bagi amanah untuk penerima manfaat (benefisiari), amanah tersebut tidak tertakluk pada harta tertentu sahaja (melainkan jika ada sesuatu yang bertentangan dengan terma amanah). Sebaliknya, hak terhadap harta itu akan berpindah kepada himpunan harta lain. Sebagai contoh, jika dalam surat ikatan amanah, arahan diberikan kepada pemegang amanah untuk menjual harta amanah (misalnya, tanah), hak terhadap harta itu akan berubah daripada tanah kepada hasil jualan. Sekiranya hasil jualan itu digunakan untuk membeli harta lain, maka hak tersebut berpindah kepada harta yang baru dibeli.
13. Sebenarnya, amanah berkaitan dengan hak harta dan nilai harta, tidak kekal kepada harta tertentu sahaja. Dengan cara ini, pemegang amanah boleh berurusan dengan harta amanah secara sah dengan membeli, menjual atau melakukan tindakan lain. Perkara yang penting ialah harta tertentu yang membentuk dana amanah dari semasa ke semasa mungkin berubah; ia merupakan dana amanah dalam apa-apa jua bentuk pada

bila-bila masa tertentu yang menghendaki pemegang amanah untuk mememangnya berdasarkan konsep amanah.

D. Pemegang Amanah dari sudut Undang-undang di Malaysia

14. Di Malaysia, tiada suatu undang-undang khusus tentang konsep amanah secara menyeluruh, namun terdapat beberapa akta yang berkaitan dengan pemegang Amanah. Peranan pemegang amanah diatur oleh undang-undang, seperti Akta Pemegang Amanah 1949 (Trustees Act 1949), Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Trustees (Incorporation) Act 1952) dan Akta Syarikat 2016 (Companies Act 2016). Pemegang amanah perlu memastikan bahawa mereka menjalankan tugas mereka dengan penuh integriti, kejujuran dan mengikut lunas undang-undang yang berkaitan.
15. Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208] ialah undang-undang utama kerana Akta ini mengawal selia pengurusan dan pentadbiran amanah di Malaysia. Walaupun Akta ini tidak secara khusus membincangkan peraturan berkenaan dengan pewujudan sesuatu amanah, namun Akta ini membincangkan hal-hal yang berkisar tentang terma dan syarat amanah, kuasa dan kewajipan pemegang amanah. Pada keseluruhannya, Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208] akan digunakan jikalau tiada perkara-perkara yang berkenaan dimaktubkan dalam surat ikatan amanah yang disediakan oleh pengasas atau dalam wasiat.
16. Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] ialah suatu undang-undang yang mengatur perihal pemegang amanah yang diiktiraf sebagai badan korporat atau entiti yang diperbadankan. Tujuan utama Akta ini adalah untuk memudahkan organisasi yang bersifat khairat, keagamaan, pendidikan atau lain-lain untuk melantik pemegang amanah yang boleh bertindak sebagai badan korporat.

17. Ciri-ciri utama Akta ini ialah–

i. Pemerbadanan pemegang amanah

Mengikut Akta ini, pemegang amanah bagi suatu institusi atau organisasi boleh memohon untuk diperbadankan (incorporation). Setelah diperbadankan, pemegang amanah tersebut menjadi sebuah badan korporat yang mempunyai entiti undang-undang yang berasingan daripada individu yang menjadi pemegang amanah.

ii. Kuasa korporat

Setelah diperbadankan, pemegang amanah mempunyai kuasa untuk memiliki, mengurus dan melupuskan harta atau aset atas nama badan korporat tersebut, dan bukan lagi atas nama individu.

iii. Pengekalan aset dan liabiliti

Harta dan liabiliti yang dimiliki oleh pemegang amanah sebelum pemerbadanan akan dipindahkan kepada badan korporat yang baru diperbadankan. Hal ini memberikan kelebihan dari segi pengurusan harta dan kebertanggungjawaban yang lebih jelas.

iv. Tanggungjawab dan liabiliti

Walaupun diperbadankan, pemegang amanah masih mempunyai tanggungjawab fidusiari untuk mengurus harta atau aset mengikut tujuan asal amanah dan untuk kepentingan benefisiari.

v. Pengaturan lain

Akta ini juga mengatur perkara-perkara lain, seperti penggantian pemegang amanah dan pemindahan aset.

18. Akta ini memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa organisasi yang bergantung pada pemegang amanah dapat berfungsi dengan lebih berkesan dan dapat menjaga serta mengurus aset mereka dengan lebih teratur dan di bawah kerangka undang-undang yang jelas.

E. Tanggungjawab Fidusiari Pemegang Amanah

19. Tanggungjawab fidusiari pemegang amanah merujuk kewajipan moral dan undang-undang yang perlu dipatuhi oleh pemegang amanah dalam mengurus harta atau aset yang diberikan kepada mereka. Pemegang amanah mesti sentiasa bertindak demi kepentingan terbaik benefisiari (penerima manfaat) dan tidak boleh bertindak untuk kepentingan peribadi mereka. Yang berikut adalah beberapa aspek utama tanggungjawab fidusiari pemegang amanah:

i. Tanggungjawab untuk bertindak dengan kejujuran dan integriti

Pemegang amanah mesti sentiasa bertindak dengan niat baik, jujur dan integriti yang tinggi. Mereka harus memastikan bahawa semua keputusan yang dibuat adalah demi kepentingan benefisiari dan bukan untuk keuntungan peribadi.

ii. Tanggungjawab untuk mengelakkan konflik kepentingan

Pemegang amanah tidak boleh membiarkan apa-apa konflik kepentingan menjejaskan keputusan mereka. Sebagai contoh, jika pemegang amanah mempunyai kepentingan peribadi dalam urusan yang melibatkan harta

amanah, mereka mesti mengelakkan pembuatan keputusan yang boleh memberikan keuntungan kepada diri sendiri.

iii. Tanggungjawab untuk mengurus harta dengan teliti

Pemegang amanah mesti mengurus harta atau aset amanah dengan penuh kecekapan dan kepakaran, seperti seorang pengurus yang berhemah mengurus harta sendiri. Hal ini termasuklah membuat keputusan pelaburan yang bijak dan memastikan aset amanah diurus dengan berhati-hati.

iv. Tanggungjawab untuk mematuhi terma amanah

Pemegang amanah mesti mematuhi segala terma dan syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen amanah. Mereka tidak boleh bertindak melebihi kuasa yang diberikan kepada mereka oleh amanah tersebut.

v. Tanggungjawab untuk bersikap adil dan saksama

Jika terdapat lebih daripada satu benefisiari, pemegang amanah mesti memastikan bahawa mereka bertindak secara adil dan saksama kepada semua pihak. Mereka tidak boleh memberikan kelebihan kepada satu benefisiari berbanding yang lain, kecuali jika terdapat terma amanah yang menyatakan sebaliknya.

vi. Tanggungjawab untuk memberikan penjelasan dan pelaporan

Pemegang amanah mesti menyimpan rekod yang teliti tentang semua transaksi dan urusan yang melibatkan harta amanah. Mereka juga perlu memberikan laporan yang tepat dan telus kepada benefisiari atau pihak berkepentingan lain.

vii. Tanggungjawab untuk menjaga kerahsiaan

Pemegang amanah perlu menjaga kerahsiaan maklumat yang berkaitan dengan amanah dan benefisiari, kecuali apabila diperlukan oleh undang-undang untuk mendedahkan maklumat tersebut.

20. Jika pemegang amanah gagal melaksanakan tanggungjawab fidusiari ini, mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh benefisiari atau pihak berkepentingan yang lain, termasuk tuntutan ganti rugi atau perintah untuk menggantikan pemegang amanah tersebut.

F. Pemegang Amanah dalam Islam

21. Perkataan “amanah” adalah berasal daripada kata terbitan *al-amnu* yang bererti keamanan dan ketenangan. Perkataan *al-Amīn* pula merujuk individu yang dipercayai untuk melaksanakan sesuatu perkara yang dipertanggungjawabkan. Dalam al-Quran, Allah SWT menggunakan perkataan *al-Amīn* untuk menggambarkan sifat amanah Nabi Muhamad SAW dalam menyampaikan risalah Tuhan-Nya dan tidak khianat dengan mengubah isi kandungan wahyu (Muhamad Muizz, et al, 2020).
22. Dalam Islam, pemegang amanah atau wakil amanah memainkan peranan yang penting dalam mengurus harta dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka oleh individu atau pihak lain. Konsep amanah merupakan satu daripada prinsip asas dalam ajaran Islam. Seseorang yang diberi amanah (kepercayaan) wajib memelihara, menjaga dan mengurus amanah tersebut dengan penuh tanggungjawab, sesuai dengan kehendak hukum syarak.

G. Prinsip-prinsip Amanah dalam Islam

23. Sesungguhnya, terdapat beberapa prinsip yang dapat dikaitkan dengan amanah dalam Islam. Antara prinsip utama tersebut adalah seperti yang berikut:

i. Amanah sebagai kepercayaan Ilahi

Dalam Islam, amanah dilihat sebagai suatu bentuk tanggungjawab yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia. Hal ini boleh merangkumi apa-apa sahaja, dari harta benda dan tanggungjawab sosial hingga ke amalan agama (spiritual). Manusia ialah khalifah di muka bumi. Sebagai khalifah, mereka harus menjaga amanah dengan penuh kejujuran dan integriti.

ii. Kepentingan integriti dan kejujuran

Pemegang amanah dalam Islam dikehendaki untuk bersikap jujur dan adil. Mereka tidak boleh menggunakan amanah yang diberikan kepada mereka untuk kepentingan peribadi. Tindakan menyalahgunakan amanah adalah satu dosa besar dalam Islam dan boleh membawa hukuman di akhirat.

iii. Memenuhi hak dan keadilan

Pemegang amanah mesti memastikan bahawa hak semua pihak yang terlibat dipenuhi. Mereka perlu mengurus harta atau tanggungjawab yang diberikan dengan cara yang adil, tanpa memihak atau berlaku zalim kepada mana-mana pihak.

iv. Menjaga kerahsiaan

Dalam sesetengah keadaan, amanah melibatkan maklumat sensitif atau rahsia. Dalam Islam, pemegang amanah mesti menjaga kerahsiaan maklumat tersebut dan hanya mendedahkannya apabila diperlukan dan dibenarkan oleh hukum syarak.

v. Pembahagian harta pusaka

Antara contoh situasi penting pemegang amanah dalam Islam adalah dalam aspek pembahagian harta pusaka. Pemegang amanah bertanggungjawab untuk membahagikan harta pusaka mengikut faraid (hukum pembahagian harta dalam Islam) dan memastikan bahawa setiap waris menerima bahagian mereka yang adil.

vi. Zakat dan wakaf

Pemegang amanah juga terlibat dalam pengurusan zakat dan wakaf. Mereka perlu mengumpulkan, menguruskan dan mengagihkan zakat atau harta wakaf mengikut syariat Islam. Amanah ini harus dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab untuk memastikan kebajikan masyarakat terpelihara.

24. Amanah boleh di bahagikan kepada dua, iaitu amanah yang bermaksud sesuatu yang diletakkan di sisi seseorang yang dipercayai (al-amin) dan amanah yang berbentuk sifat. Hal ini merangkumi beberapa perkara seperti:

- i. *Bay' al-amanah* seperti akad murabahah.
 - ii. Dalam isu pemberian kuasa, sama ada kuasa tersebut bersifat umum seperti *qadhi* atau khusus, seperti nazir wakaf dan wasiat (Noor Liza, et al, 2019).
 - iii. Amanah digunakan juga dalam isu sumpah apabila seseorang menggunakan perkataan sumpah yang merujuk sifat amanah Allah SWT.
25. Pelantikan pemegang amanah dalam Islam juga boleh wujud melalui beberapa akad yang merupakan tujuan dan matlamat asal pembentukannya seperti *wadi'ah*, *wakalah* dan *wisayah*. *Wiṣāyah* adalah sebahagian daripada elemen dalam amanah. Konsep asalnya adalah melibatkan pelantikan seorang *waṣī* yang dipercayai sewaktu hidup pewasiat bagi penjagaan anaknya di bawah umur, pelaksanaan wasiat, melunaskan hutang-piutang, pemulangan barang amanah dan lain-lain.
26. Ketiga-tiga bentuk pengamanahan ini boleh diaplikasikan sebagai instrumen amanah dalam perancangan dan pengurusan harta orang Islam dan mempunyai konsep pelaksanaan yang berbeza-beza. Oleh hal yang demikian, setiap produk amanah yang ingin dibentuk mestilah mematuhi segala peraturan yang berada ruang lingkup akad yang digunakan. Kriteria pemegang, penerima serta harta amanah mestilah mematuhi segala perundangan yang ditetapkan dalam setiap konsep yang digunakan bagi membolehkan segala hak dan kesan akad diiktiraf oleh hukum syarak.

27. Oleh hal yang demikian, pemegang amanah dalam Islam mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memelihara kepercayaan yang diberikan kepada mereka. Mereka perlu memastikan amanah dijalankan mengikut prinsip-prinsip Islam, termasuk prinsip kejujuran, keadilan dan penjagaan hak-hak orang lain. Mengingkari amanah merupakan suatu perbuatan yang sangat dikeji dalam Islam. Oleh sebab itu, pemegang amanah akan dipertanggungjawabkan atas segala tindakannya di dunia dan akhirat.

H. Kesimpulan

28. Sesungguhnya, amanah merupakan suatu konsep yang lahir daripada prinsip-prinsip ekuiti. Selain itu, amanah juga mempunyai asas yang kukuh dalam Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana konsep amanah juga terkandung dalam Islam. Banyak prinsip Islam yang boleh dikaitkan dengan konsep amanah sebagaimana yang dijelaskan di atas.
29. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa amanah merupakan suatu konsep asas yang lahir daripada prinsip-prinsip yang mengutamakan keadilan, kepercayaan, keikhlasan dan rasa tanggungjawab seseorang dalam memastikan tujuan amanah dapat direalisasikan dengan sewajarnya. Walaupun konsep ini muncul daripada prinsip-prinsip ekuiti yang pada asalnya tidak dikanunkan dalam undang-undang, namun dalam perkembangan undang-undang, konsep amanah telah dijadikan sebagai undang-undang bertulis oleh negara-negara di dunia. Begitu juga halnya di Malaysia.

BAB 3

KEPERLUAN KAJIAN DAN KERANGKA ANTARABANGSA

A. Pengenalan

1. Dalam kajian ini, antara keperluan penting adalah untuk menganalisis kewajaran pindaan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] yang lebih komprehensif dan progresif sesuai dengan keperluan dan cabaran semasa di Malaysia berdasarkan piawaian antarabangsa. Oleh itu, skop tugas awalan yang ditetapkan, termasuklah membuat kajian tentang kerangka antarabangsa, iaitu undang-undang antarabangsa yang relevan dengan skop kajian. JKPA turut mempertimbangkan penilaian antarabangsa yang dibuat oleh *Financial Action Task Force* (FATF) dan *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) dalam membuat syor (recommendation) bagi kajian.
2. Rancangan untuk meminda Akta 258 pernah diusulkan pada tahun 2017 dengan tujuan untuk membendung penyalahgunaan dana amanah dalam kalangan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan (non-profit organization) dengan menambah baik kerangka kawal selia yang sedia. Selain itu, pindaan tersebut juga bertujuan untuk menambah baik undang-undang dalam aspek pemantauan dan pentadbiran yang lebih baik bagi pemerbadanan pemegang amanah di Malaysia. Dalam hal ini, Menteri (ketika itu) menyatakan bahawa pindaan yang Akta 258 yang bakal dilaksanakan bertujuan:

... to curb abuse of trust fund among NPOs, to improve existing regulatory framework ... looking into additional proposal including monitoring and better administration of the incorporation of NPOs trustees in the country (News Straits Times, 2017).

3. Selain itu, pindaan yang bakal dibuat tersebut bertujuan untuk menyediakan tadbir urus terbaik dan NPO harus diperkukuh kerana pengurusan mereka menghadapi cabaran tertentu dan terdedah kepada peluang untuk penyelewengan dana amanah untuk keuntungan peribadi. Dalam konteks ini, menurut Menteri juga, NPO harus mengamalkan pengurusan yang baik, memberikan tumpuan kepada pengurusan kewangan yang cemerlang, penyimpanan rekod dan mewujudkan peraturan dalaman yang berkesan.

4. Pada tahun 2023, Menteri yang sama juga menyatakan bahawa sebab utama pindaan Akta 258 bertujuan:

... to combat fraud involving trust companies and improve management and governance so that they are more orderly and efficient. This is to prevent the entities being misused for the purpose of money laundering, financing terrorism or fraud (The Edge, 2023).

5. Kajian ini diperlukan bagi memastikan semua transaksi direkodkan dengan baik dalam jangka masa yang munasabah. Kajian ini juga menggalakkan ketelusan dan memudahkan proses rujukan dengan mempunyai semua maklumat, iaitu penderma, penerima, penyimpanan rekod, termasuk dokumen sokongan, wajar dan mengikut undang-undang yang berkaitan.

6. Dari perspektif badan pengawal selia, banyak pemegang amanah yang terlibat dalam perkara yang berikut:

- i. tidak mencapai objektif penubuhan atau mengubah objektif mereka dengan sengaja;
- ii. terdapat isu pembiayaan yang tidak aktif dari semasa ke semasa;
- iii. komitmen yang tidak mencukupi daripada pemegang amanah;

- iv. kepentingan peribadi yang melebihi kepentingan amanah; dan
 - v. terdapat konflik dalaman dalam kalangan pemegang amanah yang boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan objektif amanah.
7. Oleh hal yang demikian, pindaan kepada Akta 258 perlulah “sesuai untuk tujuan” di samping untuk meningkatkan penyeliaan dan pemantauan (supervision and monitoring); meningkatkan kuasa penguatkuasaan (enforcement powers); dan memasukkan peraturan yang mencukupi (sufficient regulations) dalam Akta (Punitha Silivarajoo, 2018).
8. Berdasarkan kenyataan rasmi di atas, adalah jelas bahawa sebarang pindaan yang ingin dilakukan terhadap Akta 258 harus juga memastikan pematuhan terhadap kerangka antarabangsa, iaitu undang-undang antarabangsa yang relevan dengan skop kajian. Dalam konteks ini penilaian oleh organisasi antarabangsa terhadap pematuhan oleh negara Malaysia juga adalah relevan sebagai panduan dalam membuat syor (recommendation) bagi kajian.

B. Komitmen Malaysia terhadap Amalan Terbaik OECD

9. Malaysia telah terlibat secara aktif dengan OECD, sebuah organisasi antarabangsa yang berusaha untuk membina dasar yang lebih baik untuk kehidupan yang lebih baik. Organisasi ini membantu negara-negara dengan memberi pandangan untuk membentuk dasar yang memupuk kemakmuran dan peluang, yang disokong oleh kesaksamaan dan kesejahteraan.

10. Malaysia telah terlibat secara aktif dengan OECD melalui penyertaan dalam *Global on Transparency and Exchange of Information for Tax Purposes* sejak tahun 2009. Malaysia turut terlibat dalam *Peer Review Assessment on Exchange of Information on Request (EOIR)*. Dalam hal ini, Malaysia telah memberikan komitmen untuk melaksanakan *Automatic Exchange of Information (AEOI)* mulai September 2018.
11. Menurut Kementerian Kewangan Malaysia (2024), Malaysia sentiasa menunjukkan komitmen terhadap amalan terbaik EOI, selaras dengan amalan cukai yang dipersetujui pada peringkat antarabangsa. Malaysia juga telah bersetuju untuk melaksanakan AEOI melalui pemeteraian *Multilateral Competent Authority Agreement on Common Reporting Standards (MCAA CRS)* dan *MCAA Country-by-Country Reporting (CBC)* pada 27 Januari 2016. Pada masa ini, terdapat 74 *Double Taxation Avoidance Agreement (DTAA)*, iaitu Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Berganda yang berkuat kuasa antara Malaysia dengan rakan kongsi perjanjiannya (*Peer Review Group Report*) (Kementerian Kewangan Malaysia, 2024).
12. Pada kitaran pertama (pada tahun 2014) dan kedua (pada tahun 2019) *Peer Review Assessment*, Malaysia telah dinilai sebagai *Largely Compliant* dan menerima beberapa syor untuk dilaksanakan oleh Malaysia. Semasa *Peer Review Assessment* pada kitaran kedua, terdapat beberapa syor yang dibuat yang berkaitan dengan *Ownership of Trust/Trustee*.
13. Syor utama penilaian kitaran kedua ini meliputi tiga elemen yang penting seperti yang berikut:
 - i. Ketersediaan maklumat pemilikan termasuk maklumat pemilikan benefisial (*beneficial ownership*)

Malaysia perlu memastikan bahawa maklumat pemilikan, termasuk maklumat tentang pemilik undang-undang dan benefisial (legal and beneficial owners) bagi semua entiti dan *arrangements* tersedia untuk pihak berkuasa yang berwibawa (competent authorities).

Ketersediaan maklumat pemilikan benefisial tentang syarikat dan pengaturan undang-undang merupakan lanjutan daripada piawaian EOIR antarabangsa mulai tahun 2016. Malaysia mempunyai langkah-langkah dalam mengenal pasti pemilikan benefisial syarikat atau pengaturan undang-undang dalam rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram yang berkaitan. Walau bagaimanapun, bukan semua pemegang amanah di Malaysia diwajibkan untuk mempunyai maklumat tersedia berkaitan dengan identiti pengasas (settlers) dan benefisiari (beneficiaries).

Oleh hal yang demikian, Malaysia harus mengambil tindakan untuk menutup jurang sedia ada. Jurang ini boleh ditutup dengan mewujudkan kewajipan untuk mempunyai maklumat berkaitan dengan pengasas, pemegang amanah, benefisiari dan pemilik benefisial untuk suatu amanah di Malaysia.

- ii. Ketersediaan rekod perakaunan berkenaan semua entiti dan pengaturan di Malaysia

Dalam laporan *Peer Review Assessment* yang pertama pada tahun 2014, dinyatakan bahawa tiada keperluan yang jelas bagi amanah tertentu yang tidak menjalankan perniagaan di Malaysia dan tidak memperoleh atau menerima pendapatan di Malaysia, untuk menyimpan dokumen asas. Memandangkan dapatan ini tidak ditangani dengan sewajarnya dalam tempoh *Peer Review Assessment* yang kedua, maka, syor ini telah dikekalkan.

Malaysia perlu mengambil langkah bagi mewujudkan keperluan yang jelas supaya rekod perakaunan yang boleh dipercayai (reliable accounting records) disimpan oleh semua entiti dan pengaturan yang relevan bagi tempoh sekurang-kurangnya lima tahun.

- iii. Ketepatan masa maklum balas Malaysia terhadap permintaan EOI daripada rakan kongsi EOI.

C. Komitmen Malaysia terhadap Syor FATF

14. Selain komitmen terhadap syor OECD, piawaian antarabangsa lain yang berkaitan ialah *the International Standards on Combating Money Laundering and the Financing of Terrorism & Proliferation: The FATF Recommendations 2012* (Last Edited 2023) (Syor FATF).
15. FATF ialah badan bebas antara kerajaan (inter-governmental independent body) yang membangunkan dan mempromosikan dasar untuk melindungi sistem kewangan global daripada pengubahan wang haram, pembiayaan dan percambahan keganasan (combating money laundering and the financing of terrorism and proliferation). Syor FATF diiktiraf sebagai piawaian antipengubahan wang haram dan antipembiayaan keganasan global. Pada mulanya, FATF ditubuhkan pada Sidang Kemuncak G-7 yang diadakan di Paris pada tahun 1989 untuk menghalang institusi kewangan daripada pengubahan wang haram dan memerangi kesan bahayanya. FATF ditugaskan untuk meneliti pelbagai aspek pengubahan wang haram dan menyerahkan laporannya.
16. FATF mengemukakan 40 syor yang bertujuan untuk mencapai keupayaan sistem nasional dalam mengawal pengubahan wang haram sambil mengukuhkan sistem kewangan sedia ada dan kerjasama antarabangsa. FATF telah meminta agar Negara Anggota untuk melaksanakan garis panduan dan cadangannya dengan ketat (FATF-GAFI.org).

17. Pada mulanya, 40 syor ini disasarkan kepada Negara Anggota OECD, tetapi kini digunakan untuk negara berpendapatan sederhana untuk menggalakkan kerjasama dan mempercepat usaha antarabangsa dalam menentang pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, dan rasuah.
18. Syor khas kelapan telah dibentangkan untuk menangani pembiayaan keganasan, diikuti dengan syor khas kesembilan untuk mengukuhkan lagi piawaian tentang pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Cadangan ini disemak dari semasa ke semasa. Ia mempunyai 40 syor yang telah menetapkan piawaian untuk memastikan pelaksanaannya (FATF-GAFI). Objektif utama FATF adalah untuk menangani kelemahan pada peringkat domestik.
19. Penilaian terhadap pematuhan Negara Anggota terhadap Syor FATF dilakukan secara penilaian bersama (mutual evaluation [ME]). Setakat Jun 2024, 21 buah negara diletakkan dalam *grey-list* (Bulgaria, Burkina Faso, Cameroon, Croatia, Democratic Republic of Congo, Haiti, Kenya, Mali, Monaco, Mozambique, Namibia, Nigeria, Philippines, Senegal, South Africa, South Sudan, Syria, Tanzania, Venezuela, Vietnam, Yemen). Antara negara yang tersenarai dalam senarai hitam pula termasuklah Iran, North Korea dan Myanmar yang tertakluk pada *countermeasures or enhanced due diligence measures*.

20. Sebagai Negara Anggota, Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk menjalani ME. Berdasarkan ME terhadap Malaysia pada tahun 2015 oleh FATF, Malaysia diletakkan dalam status *Enhanced Follow-Up* yang mempunyai potensi untuk diletakkan dalam *grey-list* jika penambahbaikan tidak dilakukan dengan segera. Oleh hal yang demikian, adalah penting untuk Malaysia memastikan penambahbaikan dengan mengambil tindakan sewajarnya terhadap jurang yang telah dikenal pasti bagi memperoleh keputusan yang lebih baik semasa ME keempat terhadap Malaysia yang sedang dijalankan ketika ini sehingga tahun 2025.
21. Terdapat dua penemuan utama daripada analisis jurang ME yang berkaitan dengan amanah dan yayasan yang perlu diambil tindakan sewajarnya oleh Malaysia (Bank Negara Malaysia, 2024). Kedua-dua jurang tersebut adalah berkaitan dengan pemilikan benefisial (beneficial ownership); dan langkah-langkah pencegahan pembiayaan keganasan melibatkan NPO yang dibincangkan di bawah.

D. Pemilikan Benefisial (Beneficial Ownership)

22. Dalam aspek pemilikan benefisial, terdapat dua aspek yang ditekankan seperti yang berikut:
 - i. Terdapat jurang teknikal dan undang-undang yang ketara tentang ketelusan (transparency) dan keperluan pemilikan benefisial oleh pemegang amanah (beneficial ownership requirements on trustees):
 - (a) Ketiadaan keperluan bagi pemegang amanah untuk mendapatkan dan mempunyai secara mencukupi, maklumat yang tepat dan terkini tentang amanah, pemilik benefisial, ejen terkawal (regulated agent) dan penyedia perkhidmatan lain serta keperluan untuk penyimpanan rekod, terutamanya bagi pemegang amanah bukan profesional;

- (b) Ketiadaan keperluan bagi pemegang amanah untuk mendedahkan status pemegang amanahnya (trusteeship status) kepada institusi pelapor (reporting institutions), kecuali apabila membuka “akaun” atau memasuki suatu hubungan untuk amanah (entering relationship for the trust);
 - (c) Kekurangan keperluan bagi pemegang amanah untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berwibawa, termasuk memperuntukkan akses terhadap maklumat pemilikan benefisial kepada pihak penguatkuasaan undang-undang;
 - (d) Ketiadaan sanksi (sanction) yang boleh dibuat terhadap pemegang amanah yang gagal mematuhi keperluan di atas.
- ii. Ketiadaan atau kekurangan mekanisme penyeliaan atau pemantauan untuk memastikan bahawa maklumat adalah mencukupi, tepat dan terkini.
23. Berdasarkan jurang yang dikenal pasti di atas, tindakan yang diperlukan oleh Malaysia melibatkan pindaan kepada Akta Pemegang Amanah 1949 untuk menggabungkan keperluan berkaitan dengan ketelusan dan pemilikan benefisial seperti yang dinyatakan di atas agar sejajar dengan piawaian antarabangsa.

E. Langkah-langkah Pencegahan Pembiayaan Keganasan terhadap Pertubuhan Tidak Bukan Berasaskan Keuntungan

24. Dalam konteks pencegahan pembiayaan keganasan terhadap pertubuhan tidak berasaskan keuntungan (non-profit organization [NPO]), beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian adalah seperti yang berikut:

- i. Program jangkauan dan kesedaran (awareness) yang dijalankan terhadap yayasan yang berkaitan dengan risiko pembiayaan keganasan adalah pada tahap minimum;
- ii. Penurunan kadar serahan penyata tahunan (annual returns) kepada pihak pengawalseliaan oleh yayasan, manakala tindakan penguatkuasaan yang dijalankan adalah terhad;
- iii. Kekurangan kerjasama antara badan pengawal selia dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) (khususnya Bahagian Anti Penganas [E8]) terhadap pengawasan, pengesanan dan pemantauan (surveillance, detection, monitoring) yayasan yang berpotensi untuk disalahgunakan bagi tujuan pembiayaan keganasan; dan
- iv. Ketiadaan pengawasan (oversight) terhadap Yayasan yang mempunyai risiko yang lebih tinggi kepada pembiayaan keganasan.

25. Berdasarkan jurang yang dikenal pasti di atas, tindakan yang perlu dilakukan oleh Malaysia melibatkan pindaan kepada Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] untuk memperuntukkan aspek-aspek yang berikut:

- i. kawalan kemasukan pasaran (market entry control);
- ii. keperluan pendedahan (disclosure requirement);
- iii. penyeliaan/pemantauan (supervision/monitoring); dan
- iv. sanksi undang-undang (sanctions).

F. Kesimpulan

26. Penjelasan di atas menunjukkan bahawa Malaysia sebagai Negara Anggota dalam *Financial Action Task Force (FATF)* dan *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* memikul tanggungjawab untuk mematuhi piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh badan-badan tersebut. Piawaian ini termasuk syor-syor yang bertujuan untuk menangani isu pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Dengan mengikuti garis panduan dan piawaian yang ditetapkan, Malaysia berusaha untuk memastikan sistem kewangannya kekal berintegriti dan berdaya tahan terhadap aktiviti jenayah kewangan global.

27. Oleh itu, pindaan kepada Akta 258 amat penting dengan tujuan untuk mengatasi penyalahgunaan dana amanah dalam kalangan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan dengan memperbaiki kerangka kawal selia yang sedia ada, sekali gus memastikan pematuhan kepada piawaian antarabangsa yang ditetapkan.

BAB 4

METODOLOGI KAJIAN

A. Pengenalan

1. Metodologi penyelidikan merupakan suatu strategi atau reka bentuk bagi penyelidik memetakan pendekatan untuk mencari masalah (problem-finding) atau menyelesaikan masalah (problem-solving) (Buckley JW & Chiang H., 1976). Menurut Crotty, metodologi penyelidikan ialah strategi komprehensif bagi menggambarkan pilihan penyelidik dan penggunaan kaedah khusus dengan mengaitkannya dengan hasil yang dijangkakan (Crotty M., 1998). Walau bagaimanapun, pilihan menggunakan sesuatu metodologi penyelidikan adalah berdasarkan jenis dan ciri masalah penyelidikan itu sendiri (Noor KB, 2008).
2. Kajian ini merupakan suatu kajian yang melibatkan perundangan sebagai komponen utama. Kajian ini secara keseluruhannya melibatkan penelitian dan penganalisisan undang-undang yang berkaitan dengan keperluan kepada pindaan Akta 258. Penyelidikan undang-undang ialah proses mengenal pasti dan mencari maklumat yang diperlukan untuk menyokong pembuatan keputusan undang-undang (Sherlyn S., 2021).
3. Pendekatan yang digunakan dalam menjalankan kajian ini ialah kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif ialah teknik yang lazim dan sesuai digunakan dalam menjalankan kajian undang-undang. Kebanyakan kajian dalam bidang undang-undang menggunakan kaedah kualitatif dalam mengumpulkan data dan melengkapkan sesuatu kajian.

4. Kajian ini ialah penyelidikan perundangan yang menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan aspek doktrinal dan bukan doktrinal. Penyelidikan kualitatif merupakan proses inkuiri secara semula jadi (naturalistic) bagi tujuan mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang fenomena sosial dalam persekitaran semula jadi (University of Texas Arlington Libraries, 2023). Penyelidikan kualitatif menggunakan sistem inkuiri untuk mengkaji fenomena manusia, termasuk kajian kes, analisis sejarah, teori asas dan fenomenologi (University of Texas Arlington Libraries, 2023).
5. Penyelidikan doktrinal bermaksud kajian yang berkaitan dengan peraturan atau prinsip undang-undang yang diwujudkan melalui penggunaan undang-undang secara berulang (Sherlyn S., 2021). Penyelidikan berasaskan doktrin atau turut dikenali sebagai penyelidikan perpustakaan ialah metodologi yang paling biasa digunakan oleh para penyelidik yang menjalankan penyelidikan dalam bidang undang-undang (Sherlyn S., 2021).
6. Dalam hal ini, penyelidikan bukan doktrinal pula dikenali sebagai penyelidikan undang-undang sosial. Penyelidikan bukan doktrinal ialah penyelidikan yang menggunakan kaedah yang diambil daripada bidang lain untuk menjana data empirikal bagi tujuan menjawab persoalan kajian (Sherlyn S., 2021). Aspek kajian tersebut, termasuklah masalah, dasar atau pembaharuan undang-undang sedia ada. Penemuan bukan doktrinal undang-undang boleh dibuat dalam bentuk penyelidikan kualitatif atau kuantitatif (Sherlyn S., 2021). Pendekatan bukan doktrinal membolehkan penyelidik menjalankan penyelidikan bagi tujuan menganalisis undang-undang dari perspektif disiplin saintifik yang lain dan menggunakan perspektif disiplin tersebut dalam merangka sesuatu undang-undang (Sherlyn S., 2021). Menurut Kamarul (2012), metodologi secara kualitatif mempunyai data yang tersendiri dan berbeza dengan pengumpulan data secara kuantitatif. ata kualitatif yang dimaksudkan di sini berbentuk

deskriptif, kata-kata lisan atau penulisan berkaitan dengan tindak-tanduk manusia yang wajar diteliti (Kamarul, 2012). Penyelidikan ini juga boleh dikategorikan sebagai penyelidikan berorientasikan pembaharuan (reform oriented research) memandangkan ia berdasarkan kajian secara kritis tentang undang-undang bagi tujuan menambah baik undang-undang sedia ada.

7. Berlandaskan pendekatan yang dipilih ini, beberapa kaedah akan digunakan dalam menganalisis data. Antara kaedah utama yang digunakan ialah kaedah analisis kandungan (content analysis). Kaedah analisis kandungan ialah kaedah yang penting dan sesuai bagi kajian undang-undang kerana kandungan undang-undang perlu diteliti dan dianalisis untuk memperoleh dapatan yang betul dan tepat. Kandungan undang-undang, seperti akta, peraturan dan garis panduan akan dianalisis kandungannya secara rinci. Selain itu, kaedah perbandingan juga akan digunakan dalam kajian ini. Kaedah perbandingan digunakan untuk mengkaji secara rinci Akta 258 dan undang-undang lain yang berkaitan, sama ada di dalam negara mahupun di luar negara.
8. Dengan mengambil kira skop dan objektif kajian ini, metodologi kajian yang akan dilaksanakan dalam kajian pindaan Akta 258 adalah seperti yang berikut:
 - i. Kajian kepustakaan;
 - ii. Kajian perbandingan dengan undang-undang lain yang berkaitan;
 - iii. Kajian perbandingan dengan negara-negara yang lain; dan
 - iv. Sesi libat urus dengan pihak berkepentingan.

B. Kajian Kepustakaan

9. Kajian kepustakaan merupakan metodologi kajian yang paling cepat untuk memperoleh maklumat asas dan awal tentang undang-undang yang berkaitan dengan pemegang amanah (pemerbadanan) sama ada pada peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Tujuan kajian kepustakaan adalah untuk mengkaji keadaan semasa Akta 258 berdasarkan data-data yang diperoleh melalui kajian yang akan dijalankan.
10. Kajian kepustakaan merujuk penyelidikan yang menggunakan sumber dokumen-dokumen dan rekod-rekod sedia ada, sama ada dalam bentuk bercetak atau yang dibekalkan dalam pangkalan data atau sistem dalam talian untuk mencari maklumat serta bukti yang memenuhi keperluan atau menjawab persoalan. Kajian ini melibatkan langkah mengenal pasti dan mencari sumber yang memberikan data, maklumat, fakta atau pendapat pakar tentang sesuatu subjek, topik, isu atau persoalan kajian.
11. Kajian keperustakaan meliputi penelitian dokumen-dokumen, seperti undang-undang Malaysia, dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan, instrumen antarabangsa, kajian-kajian oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pengajian tinggi serta laporan-laporan oleh badan-badan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, khususnya *The Financial Action Task Force (FATF)* dan *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*.
12. Bagi kajian kepustakaan yang telah dilaksanakan, kaedah analisis yang diambil terhadap semua data dokumen yang diperoleh oleh pasukan penyelidik ialah kaedah analisis dokumen (documentary analysis), analisis kandungan (content analysis) dan analisis perbandingan (comparative analysis).

C. Kajian Undang-undang Doktrinal

13. Kajian undang-undang doktrinal ialah penyelidikan tentang undang-undang, peraturan dan prinsip perundangan yang berkaitan dengan sesuatu topik, subjek atau isu. Pendekatan doktrinal mencakupi proses pemerolehan, pemahaman dan penganalisaan statut, peraturan, prinsip serta konsep perundangan dan rumusan daripada keputusan kehakiman. Kajian undang-undang doktrinal dipilih berteraskan justifikasi liputan besar kajian ini kepada aspek-aspek undang-undang.
14. Kajian undang-undang doktrinal ini bergantung pada data daripada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer yang terlibat pada dasarnya terdiri daripada perundangan (seperti statut, kod undang-undang dan perjanjian), peraturan dan kes-kes yang telah diputuskan. Sumber-sumber sekunder yang berkaitan juga dirujuk bagi tujuan menerangkan atau menyokong sumber utama. Dalam kajian ini, rujukan turut dibuat kepada pelbagai sumber kedua yang meliputi tafsiran dan ulasan undang-undang dalam buku teks undang-undang, artikel jurnal, ensiklopedia undang-undang dan bahan lain, termasuk perbahasan parlimen, statistik rasmi, laporan sektor awam dan swasta yang diterbitkan serta tidak diterbitkan, dokumen dasar, artikel ilmiah dan laporan kajian lepas.
15. Kajian undang-undang doktrinal menggunakan kaedah analisis undang-undang (legal analysis) dan analisis kandungan (content analysis). Kajian ini turut memilih kaedah analisis perbandingan (comparative analysis) secara signifikan terhadap data undang-undang, terutamanya undang-undang luar negara yang terpilih.

D. Kajian perbandingan

16. Kajian perbandingan dalam kajian berhubungan dengan pindaan Akta 258 boleh dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu:
 - i. kajian perbandingan dengan undang-undang lain di Malaysia; dan
 - ii. kajian perbandingan dengan bidang kuasa lain (negara lain).

17. Bagi kajian perbandingan dengan undang-undang lain di Malaysia, undang-undang utama pada peringkat negeri yang akan dikaji ialah *State of Sabah Trustees (Incorporation) Ordinance (Sabah Cap. 148)*; *Sarawak Charitable Trusts Ordinance 1994*.

18. Bagi kajian perbandingan dengan negara lain pula, kajian ini telah meneliti undang-undang yang berkaitan di beberapa buah negara. Pemilihan negara dibuat berdasarkan beberapa faktor, terutamanya persamaan dari segi sistem undang-undang yang diamalkan dan kewujudan undang-undang yang seumpamanya di negara berkenaan. Beberapa negara mempunyai undang-undang yang hampir sama dengan nama Akta 258, seperti Uganda, Hong Kong, Ghana, Malawi, Tanzania dan Gibraltar. Sebagai contoh, negara Uganda mempunyai *The Trustees Incorporation (Amendment) Act 2022*, manakala negara Hong Kong pula mempunyai *Registered Trustees Incorporation Ordinance Cap. 306*. Negara-negara seperti India, Singapura dan United Kingdom pula mempunyai undang-undang yang menggunakan nama khairat (charities act). Tambahan pula, ada juga negara mempunyai undang-undang yang berhubungan dengan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan (non-profit organization), seperti Afrika Selatan.

19. Oleh itu, banyak negara yang dipilih untuk dijadikan sebagai bidang kuasa perbandingan dalam kajian ini bagi menilai kekuatan dan kelemahan Akta 258 di Malaysia. Selain itu, kajian perbandingan sebegini juga dapat membantu Pasukan Penyelidik dalam mencadangkan penyelesaian yang terbaik dan sesuai bagi menambah baik Akta 258.
20. Bagi tujuan kajian ini, Pasukan Penyelidik telah memilih 14 buah negara sebagai model perbandingan. Jadual 4.1 di bawah menunjukkan negara-negara yang menjadi model perbandingan bagi kajian ini berserta dengan statusnya sebagai negara yang mengamalkan sistem *common law* ataupun *civil law* dan pematuhan pada FATF.

Jadual 4.1: Senarai Negara Perbandingan

Bil.	Negara	Sistem Undang-undang		Status Pematuhan FATF		
		<i>common law</i>	<i>civil law</i>	<i>Black</i>	<i>Grey</i>	<i>Green</i>
1.	Hong Kong	√				√
2.	Uganda	√				√
3.	Malawi	√				√
4.	Gibraltar	√				√
5.	Ghana	√				√
6.	Tanzania	√			√	
7.	Singapura	√				√
8.	United Kingdom	√				√
9.	Australia	√				√
10.	New Zealand	√				√
11.	India	√				√
12.	Afrika Selatan	√			√	
13.	Taiwan		√			√
14.	Indonesia		√			√

E. Kajian Empirikal

21. Pasukan Penyelidik juga melaksanakan kajian empirikal. Kajian empirikal yang dilaksanakan adalah berteraskan pendekatan kualitatif melalui kerja lapangan yang menggunakan kaedah perbincangan kumpulan berfokus (focus group discussion [FGD]) dan temu bual. Pendekatan kualitatif menawarkan kontekstualisasi dan tafsiran data yang dikumpul dan membantu Pasukan Penyelidik mencapai objektif-objektif kajian.
22. Kaedah inkuiri melalui FGD dan temu bual berlandaskan tema membolehkan Pasukan Penyelidik memperoleh keterbukaan dan memahami persepsi, kepercayaan serta sikap responden-responden yang disasarkan. Pemilihan responden bagi FGD dan temu bual dalam kajian ini adalah berlandaskan teknik pensampelan bertujuan (purposive sampling) serta teknik pensampelan *snowball*. Instrumen-instrumen soalan berteraskan parameter-parameter penting telah dibangunkan melalui Bengkel Penyelidikan dan beberapa siri mesyuarat. Selain itu, instrumen-instrumen soalan telah dihantar kepada dua pakar bidang dan kemudiannya disusulkan dengan penambahbaikan berdasarkan maklum balas dan saranan pakar yang sesuai.
23. FGD merupakan teknik kajian yang mengumpul data melalui interaksi kumpulan tentang sesuatu topik yang ditentukan oleh penyelidik. Pasukan Penyelidik bertindak untuk menghimpunkan sekumpulan responden daripada latar belakang yang sama atau pengalaman yang relevan untuk menjawab soalan dan membincangkan topik atau isu tertentu. Sesi FGD dikendalikan oleh seorang penyelidik yang berperanan sebagai moderator. Penyelidik-penyelidik yang lain pula bertindak sebagai pemudah cara (fasilitator) bagi membantu pengendalian FGD tersebut. Soalan-soalan berbentuk terbuka (open ended) dikemukakan oleh moderator untuk dijawab secara lisan oleh para informan dalam setiap sesi FGD.

Sesi FGD direkodkan secara lisan dan bertulis dengan persetujuan para responden. Soalan-soalan FGd yang digunakan bagi kajian ini adalah seperti di Lampiran A.

24. Dalam kajian ini, FGD dilaksanakan bersama dengan wakil daripada institusi berkepentingan yang telah dikenal pasti seperti yang berikut:

- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)
- JAKIM/Majlis Fatwa/JAWHAR/ Majlis Agama Islam Negeri
- Kementerian Perpaduan Negara (KPN)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
- Jabatan Pertanian Malaysia
- Amanah Raya Berhad (ARB)
- Jabatan Audit Negara
- Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi)
- Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM)
- Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)
- Labuan *Offshore Financial Services Authority* (LOFSA)
- Pejabat Peguam Besar Negeri Sabah dan Sarawak
- Majlis Peguam Malaysia
- Badan Korporat di bawah Akta 258
- Pertubuhan di bawah ROS

25. Senarai di atas bukanlah suatu senarai yang muktamad. Senarai ini boleh dipinda dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan kajian ini. Semua pihak berkepentingan akan dilibatkan secara langsung dalam kajian sebagai informan FGD atau informan temu bual.
26. Pendekatan temu bual fenomenologi memerlukan informan yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman berkaitan dengan aspek kajian untuk berkongsi pandangan dan tafsiran daripada *probe* yang diperoleh daripada tema utama. Dalam kajian ini, temu bual dijalankan kepada dengan beberapa pihak berkepentingan di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak. Tujuan utama temu bual ini adalah untuk memantapkan pengumpulan data serta membuat pengesahan (verification) data yang telah dikumpulkan melalui kajian kepustakaan.
27. Analisis bertema (thematic analysis) merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data kualitatif yang dikumpulkan melalui FGD yang telah dijalankan. Melalui kaedah analisis bertema ini, rangkaian data kualitatif yang telah diperoleh dapat diteliti dan ditentukan corak serta pola tema tentang makna setiap data kualitatif tersebut. Penekanan adalah pada mengenal pasti, menganalisis dan mentafsir corak data kualitatif.
28. Di samping itu, pasukan penyelidik mengaplikasikan teknik triangulasi (triangulation) bagi data yang dikumpul daripada kajian perundangan dengan data yang dicapai melalui kajian kepustakaan serta kajian empirikal yang melibatkan FGD.

F. Penetapan Parameter Kajian

29. Bagi memastikan kajian ini berada dalam landasan yang betul dan dapat mencapai objektif yang telah digariskan, Pasukan Penyelidik telah menetapkan parameter-parameter bagi kajian ini. Parameter ini telah dipilih berdasarkan dua aspek utama. Aspek pertama ialah pemilihan parameter dibuat berpandukan skop penilaian antarabangsa sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab 3 sebelum ini, yang terdiri daripada empat perkara yang berikut:
- i. kawalan kemasukan pasaran (market entry control);
 - ii. keperluan pendedahan (disclosure requirement);
 - iii. penyeliaan/pemantauan (supervision/monitoring); dan
 - iv. sanksi undang-undang (sanctions).
30. Aspek kedua pula ialah pemilihan parameter ini dibuat berdasarkan kajian ilmiah, isu-isu semasa, kes-kes mahkamah dan penandaarasan dengan negara lain.
31. Oleh hal yang demikian, Pasukan Penyelidik telah memilih dan menentukan enam aspek sebagai parameter kajian. Parameter kajian ini adalah sebagaimana yang digambarkan dalam Jadual 4.2 di bawah:

Jadual 4.2: Parameter Kajian

Bil.	Parameter	Skop
1.	Tafsiran (Interpretation)	<ul style="list-style-type: none"> • Pengasas • Pemegang amanah • Benefisiari • Instrumen amanah • Menteri • Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar • Tujuan khairat dan tujuan lain
2.	Tadbir Urus/Tatakelola (Governance)	<ul style="list-style-type: none"> • Pelantikan dan kuasa Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar • Buku daftar (registry) • Perwakilan kuasa Menteri
3.	Kawalan Proses Pemerbadanan (Market Entry Controls)	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran pemprosesan • Pemerbadanan badan korporat (syarat-syarat asas) • Kelayakan pengasas • Kelayakan pemegang amanah
4.	Pendedahan maklumat (Disclosure of Information)	<ul style="list-style-type: none"> • Pembuatan Peraturan • Pendedahan awam (public disclosure) • Pendedahan persendirian (private disclosure) • Dana • Konflik kepentingan
5.	Pemantauan dan Pengawasan (Monitoring and Supervision)	<ul style="list-style-type: none"> • Tanggungjawab pemegang amanah badan korporat • Tanggungjawab pelaporan • Kuasa memeriksa dan mengesahkan laporan • Salah laku badan korporat • Dana badan korporat

Bil.	Parameter	Skop
6.	Pematuhan dan Sanksi bagi Ketidakpatuhan (Compliance and Sanction for Non-compliance)	<ul style="list-style-type: none">• Kuasa pengawal selia• Liabiliti badan korporat• Liabiliti pemegang amanah• Kesalahan• Kompaun• Rayuan

G. Kesimpulan

32. Metodologi kajian adalah penting supaya kajian yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam mencapai objektif dan terma rujukan yang digariskan. Dalam pendekatan yang dipilih oleh Pasukan Penyelidik, beberapa kaedah digunakan dalam menganalisis data. Antara kaedah utama yang digunakan ialah kaedah analisis kandungan (content analysis). Kaedah analisis kandungan ialah kaedah yang penting dan sesuai bagi kajian undang-undang kerana kandungan undang-undang perlu diteliti dan dianalisis untuk memperoleh dapatan yang betul dan tepat. Kandungan undang-undang, seperti akta, peraturan dan garis panduan akan dianalisis kandungannya secara rinci.
33. Sebagaimana yang dijelaskan di atas, kaedah perbandingan juga akan digunakan dalam kajian ini. Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk menilai kedudukan undang-undang tentang pemerbadanan pemegang amanah di negara-negara luar di samping menilai persamaan dan perbezaannya. Negara-negara yang mempunyai kedudukan undang-undang yang mempunyai persamaan dengan Malaysia atau kerangka undang-undang yang boleh digunakan dan dikuatkuasakan di Malaysia dipilih sebagai negara perbandingan untuk memperkasakan undang-undang Malaysia.
34. Tambahan pula, kaedah lain yang amat signifikan dalam sesuatu kajian, iaitu kaedah analitis kritis (critical analysis method) digunakan sepanjang kajian ini. Semua data yang dikumpulkan dari awal kajian ini akan dianalisis secara rinci dan kritis bagi memperoleh dapatan yang tepat. Analisis undang-undang merupakan komponen yang akan membantu dalam penilaian dan kajian undang-undang secara menyeluruh dan telus.



Bahagian

B

Kedudukan di Malaysia

- Bab 5 Skop Akta
- Bab 6 Isu tentang Akta 258 Berdasarkan Literatur dan Kes
- Bab 7 Isu tentang Akta 258 dari segi Amalan
- Bab 8 Undang-undang di Sabah
- Bab 9 Undang-undang di Sarawak
- Bab 10 Undang-undang di Wilayah Persekutuan Labuan
- Bab 11 Undang-undang di Negeri Lain

BAB 5

SKOP AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952 [AKTA 258]

A. Pengenalan

1. Akta Pemegang Amanah Pemerbadanan 1952 [Akta 258] ialah undang-undang yang membolehkan pemegang amanah yang dilantik oleh mana-mana kumpulan atau pertubuhan untuk didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan perbadanan (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Kesebelas Penggal Pertama Mesyuarat Pertama, 3 Jun 2004). Dengan pendaftaran ini, pertubuhan tersebut akan menjadi entiti undang-undang yang sah dan memiliki kuasa seperti entiti undang-undang lain selaras dengan persetujuan antara pengasas dengan pemegang amanah, serta tertakluk pada peraturan dan kawalan oleh pihak kerajaan.
2. Sejak penggubalan Akta ini pada tahun 1952, tiada apa-apa pindaan atau penambahbaikan yang dilakukan sehingga tahun 2004. Hal ini menyebabkan Akta 258 perlu ditambah baik untuk menangani kelompangan dan kelemahan yang wujud untuk memenuhi keperluan semasa. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah penting untuk memastikan bahawa Akta 258 ini relevan dan berkesan dalam melindungi rakyat daripada apa-apa bentuk penipuan atas nama amanah.
3. Pada tahun 2004, pindaan kepada Akta 258 telah dibuat. Pindaan-pindaan yang dimasukkan dalam Rang Undang-Undang Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2004 tersebut termasuklah (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Kesebelas Penggal Pertama Mesyuarat Pertama, 3 Jun 2004):

- i. Memberikan kuasa kepada Menteri untuk menolak pengeluaran sijil pemerbadanan;
 - ii. Menetapkan syarat-syarat yang menyebabkan kehilangan kelayakan sebagai pemegang amanah;
 - iii. Memberikan kuasa kepada Menteri untuk membatalkan atau menggantung sijil pemerbadanan bagi pertubuhan yang bermasalah;
 - iv. Menyediakan kaedah pembubaran secara sukarela pertubuhan pemerbadanan;
 - v. Menetapkan kesan pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan;
 - vi. Melantik Pendaftar, Timbalan Pendaftar, dan Penolong Pendaftar; dan
 - vii. Memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.
4. Pindaan ini bertujuan untuk memperkemas Akta 258 agar selaras dengan keadaan semasa dan keperluan masa hadapan serta memastikan pertubuhan yang didaftarkan tidak menyimpang dari objektif asal penubuhannya dan tidak melanggar undang-undang negara. Langkah ini menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam menjaga kebajikan rakyat daripada apa-apa bentuk penipuan atau penyelewengan atas nama amanah.
5. Akta ini digubal sebelum kemerdekaan negara, iaitu pada tahun 1952. Maka, akta ini adalah dipersetujui di pejabat pada ketika itu (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Kesebelas Penggal Pertama Mesyuarat Pertama, 3 Jun 2004).
6. Permohonan untuk diperbadankan adalah secara sukarela dan badan yang berhasrat untuk mendaftarkan diri sebagai badan korporat akan berada di bawah kawal selia badan pengawal selia.

7. Pindaan pada tahun 2004 dibuat untuk mempermudah proses pendaftaran dan memberikan kuasa kawal selia yang lebih mantap kepada Menteri bagi memastikan pertubuhan yang diwujudkan mematuhi undang-undang negara. Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar dilindungi daripada tindakan undang-undang atas nama “in good faith” yang merupakan perlindungan am kepada pekhidmat awam (public servant).

B. Skop Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]

8. Dalam meneliti keperluan sama ada pindaan kepada Akta 258 perlu dibuat, skop Akta tersebut perlulah difahami terlebih dahulu. Akta 258 mempunyai kira-kira 21 peruntukan dan satu jadual. Kandungan peruntukan dan skop Akta 258 adalah sebagaimana yang digambarkan dalam Jadual 5.1.

Jadual 5.1: Skop Akta 258

Peruntukan	Skop Peruntukan
Seksyen 1 (1)	<ul style="list-style-type: none"> Akta 258 dinamakan sebagai <i>Trustees (Incorporation) Act 1952</i>.
Seksyen 1 (2)	<ul style="list-style-type: none"> Akta 258 terpakai bagi Semenanjung Malaysia sahaja.
Seksyen 1A	<ul style="list-style-type: none"> Seksyen ini memperuntukkan tentang tafsiran. Seksyen ini hanya memperuntukkan tafsiran tentang satu istilah, iaitu “sijil pemerbadanan.” “sijil pemerbadanan” ertinya sijil bagi pendaftaran pemegang amanah sebagai badan korporat yang boleh diberikan mengikut seksyen 2.

Peruntukan	Skop Peruntukan
Seksyen 2 (1)	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 2 berkaitan dengan pemberian sijil pemerbadanan berdasarkan permohonan pemegang amanah. Seksyen 2 mengandungi tiga subseksyen. • Subseksyen (1) menyatakan bahawa mana-mana badan atau kumpulan orang boleh melantik pemegang amanah bagi tujuan-tujuan yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> ✓ keagamaan (religious); ✓ pendidikan (educational); ✓ sastera (literary); ✓ saintifik (scientific); ✓ sosial (social); atau ✓ khairat (charitable). • Subseksyen ini juga menyatakan bahawa pemegang amanah yang dilantik tersebut boleh mendapatkan sijil pendaftaran sebagai badan korporat dengan membuat permohonan kepada Menteri mengikut peruntukan dalam Akta 258 ini.
Seksyen 2 (2)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (2) memperuntukkan tentang kuasa Menteri untuk memberikan sijil perbadanan kepada suatu badan atau kumpulan orang. Bagi tujuan ini, Menteri boleh mengambil kira takat, sifat dan objek dan hal keadaan lain badan atau kumpulan orang itu. • Dalam pemberian sijil itu, Menteri boleh memasukkan apa-apa syarat atau arahan secara am yang difikirkan wajar dalam sijil tersebut, selain memasukkan secara khusus tentang kelayakan dan bilangan pemegang amanah, tempoh dan pengelakan jawatan mereka, cara pelantikan pemegang amanah baharu, penjagaan dan penggunaan meterai biasa, jumlah tanah yang pemegang amanah boleh memegang, dan tujuan tanah tersebut boleh digunakan.

Peruntukan	Skop Peruntukan
Seksyen 2 (3)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (3) menyatakan bahawa suatu pertubuhan yang telah diperbadankan mempunyai personaliti undang-undang (legal personality) yang memberi perbadanan itu keupayaan undang-undang, seperti membawa tindakan guaman dan mempunyai harta atas nama pertubuhan itu.
Seksyen 3	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 3 menyatakan bahawa semua harta, sama ada harta boleh alih atau tidak boleh alih dalam apa-apa jua jenis untuk diletakhakkan pada badan korporat berdasarkan sijil pemerbadanan yang dipunyai atau dipegang oleh mana-mana orang sebagai pemegang amanah.
Seksyen 4 (1)	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 4 berkaitan dengan butiran permohonan. Seksyen ini mengandungi tiga subseksyen. • Subseksyen (1) menyatakan bahawa permohonan hendaklah dibuat secara bertulis, ditandatangani oleh orang yang memohonnya dan mengandungi beberapa butir yang dinyatakan dalam Jadual, atau apa-apa daripadanya sebagaimana yang terpakai mengikut kes.
Seksyen 4 (2)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (2) menyatakan bahawa Menteri boleh menghendaki suatu akuan berkanun atau keterangan lain dalam pengesahan pernyataan dan butir-butir dalam permohonan itu sebagaimana yang difikirkannya perlu atau wajar.
Seksyen 4 (3)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (3) memberikan kuasa budi bicara kepada Menteri untuk enggan memberikan sijil pemerbadanan jika suatu permohonan tidak mematuhi peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat mengikut Akta ini.
Seksyen 5 (1)	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 5 memperuntukkan tentang penamaan pemegang amanah dan pengisian kekosongan jawatan. Seksyen 5 mengandungi dua subseksyen. • Mengikut subseksyen (1), sebelum suatu sijil pemerbadanan diberikan, Menteri haruslah berpuas hati bahawa pemegang amanah tersebut telah dilantik dengan berkesan. Dalam hal berlaku kekosongan

Peruntukan	Skop Peruntukan
	<p>dalam bilangan pemegang amanah tersebut, kekosongan tersebut hendaklah diisi dari semasa ke semasa mengikut perlembagaan atau penyelesaian badan atau kumpulan orang tersebut, atau dengan mana-mana syarat atau arahan seperti yang disebutkan di atas.</p>
Seksyen 5 (2)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (2) menyatakan bahawa dalam tempoh satu bulan selepas tamat setiap tempoh satu tahun selepas pemberian sijil pemerbadanan, atau, apabila dikehendaki oleh Menteri, pemegang amanah itu hendaklah membuat pernyataan (return) kepada Menteri tentang nama pemegang amanah itu dengan kediaman dan perihalnya.
Seksyen 6	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 6 menyatakan tentang liabiliti pemegang amanah. Berdasarkan seksyen ini, walaupun pemerbadanan telah dibuat, hal ini tidak mengecualikan liabiliti pemegang amanah dalam apa-apa urusan berkaitan dengan badan atau persatuan orang dan hartanya. • Walau bagaimanapun, hal ini tidak mengurangkan atau menjejaskan mana-mana kawalan atau kuasa yang boleh dilaksanakan oleh Peguam Negara mengikut seksyen 9 Akta Prosiding Kerajaan 1956 [Akta 359] terhadap pemegang amanah yang akan diperbadankan sedemikian.
Seksyen 6A	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 6A memperuntukkan hal keadaan seseorang pemegang amanah hilang kelayakan. Hal keadaan tersebut ialah— <ol style="list-style-type: none"> (a) dia telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan mengikut mana-mana undang-undang dan dihukum dengan denda tidak kurang daripada satu ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau kedua-duanya; (b) dia telah dikenakan dengan apa-apa perintah penahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran, atau dia telah dikenakan sekatan apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan

Peruntukan	Skop Peruntukan
	<p>mengikut mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan Malaysia, pencegahan jenayah, penahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri atau imigresen;</p> <p>(c) dia masih seorang muflis; atau</p> <p>(d) dia tidak sempurna akal.</p>
Seksyen 7	<ul style="list-style-type: none"> Seksyen 7 menyatakan bahawa suatu sijil yang dikeluarkan mengikut Akta 258 ini menjadi bukti muktamad bahawa semua keperluan yang diperlukan bagi pemerbadanan telah dipatuhi. Tambahan pula, tarikh yang terkandung dalam sijil tersebut dianggap sebagai tarikh pemerbadanan.
Seksyen 8	<ul style="list-style-type: none"> Seksyen 8 menyatakan tentang tanggungjawab untuk menyimpan rekod permohonan, sijil pemerbadanan dan dokumen lain. Selain itu, seksyen ini juga membolehkan mana-mana orang untuk mendapatkan salinan dokumen tersebut dengan perakuan daripada orang yang dipertanggungjawab oleh Menteri dengan bayaran yang ditetapkan (jika ada).
Seksyen 9	<ul style="list-style-type: none"> Seksyen 9 mewajibkan pemegang amanah untuk melaksanakan atau mematuhi semua syarat dan arahan yang terdapat sijil pemerbadanan sebagai amanah bagi badan atau persatuan orang tersebut. Selain itu, Peguam Negara atau orang lain yang berkepentingan di bawah seksyen 9 Akta Prosiding Kerajaan 1956 boleh menguatkuasakan semua syarat dan arahan berkenaan.
Seksyen 10	<ul style="list-style-type: none"> Seksyen 10 memperuntukkan keperluan untuk permohonan dan sijil disetem. Seksyen ini menyatakan bahawa bayaran duti setem sebanyak RM30 perlu dibuat bagi permohonan untuk sijil pemerbadanan dan sijil yang diberikan. Setem yang menandakan pembayaran duti setem itu hendaklah dilekatkan pada permohonan atau sijil itu.

Peruntukan	Skop Peruntukan
Seksyen 11	<ul style="list-style-type: none"> Seksyen 11 menyatakan bahawa selepas pemerbadanan pemegang amanah, semua derma, pemberian dan pelupusan tanah, atau apa-apa kepentingan dalamnya hendaklah diletak hak kepada badan korporat tersebut.
Seksyen 12 (1)	<ul style="list-style-type: none"> Seksyen 12 berkaitan dengan meterai biasa. Seksyen ini mengandungi dua subseksyen. Seksyen 12 (1) memperuntukkan bahawa meterai biasa badan korporat mestilah mempunyai apa-apa peranti yang diluluskan oleh Menteri. Dalam tempoh meterai biasa itu diluluskan, meterai seseorang boleh diberi kuasa oleh Menteri untuk digunakan sebagai meterai badan korporat itu.
Seksyen 12 (2)	<ul style="list-style-type: none"> Subseksyen (2) menyatakan bahawa sekiranya terdapat instrumen yang telah dimeterai dengan meterai biasa suatu badan korporat, maka, instrumen tersebut hendaklah mengikat badan korporat berkenaan walaupun terdapat apa-apa kecacatan atau keadaan yang mempengaruhi pelaksanaan instrumen tersebut.
Seksyen 13	<ul style="list-style-type: none"> Seksyen 13 memperuntukkan bahawa suatu kontrak yang tidak dimeteraikan akan mengikat dalam kes tertentu. Sekiranya suatu kontrak yang dibuat oleh pemegang amanah akan menjadi sah dan mengikat mengikut perlembagaan, penyelesaian atau kaedah dan peraturan badan atau kumpulan orang tersebut walaupun pemerbadanan tidak berlaku, maka kontrak itu akan menjadi sah meskipun kontrak itu tidak dibuat di bawah meterai biasa pemegang amanah tersebut.
Seksyen 14	<ul style="list-style-type: none"> Mengikut seksyen 14, mana-mana orang yang telah membuat apa-apa pemindahan atau pembayaran secara <i>bona fide</i>, atau membenarkan pemindahan atau pembayaran secara <i>bona fide</i> supaya dibuat, dengan bergantung pada meterai biasa mana-mana badan korporat yang diwujudkan mengikut Akta ini, maka orang tersebut hendaklah dilindungi berkenaan dengan pemindahan atau pembayaran itu walaupun terdapat apa-apa kecacatan atau keadaan yang menjejaskan pelaksanaan instrumen.

Peruntukan	Skop Peruntukan
Seksyen 15 (1)	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 15 memperuntukkan tanggungjawab pemegang amanah untuk menyimpan akaun dan mengemukakan akaun pulangan tahunan kepada Menteri. Seksyen 15 mengandungi empat subseksyen. • Seksyen 15 (1) memperuntukkan kewajipan pemegang amanah untuk memasukkan akaun penuh dan benar bagi semua wang yang diterima dan dibayar dalam buku yang akan disimpan oleh mereka.
Seksyen 15 (2)	<ul style="list-style-type: none"> • Pemegang amanah hendaklah menyediakan akaun (kewangan) berhubung dengan badan korporat tersebut dan mengemukakannya kepada Menteri pada atau sebelum 30 haribulan Jun pada tiap-tiap tahun, atau pada hari lain yang ditetapkan untuk tujuan ini oleh Menteri.
Seksyen 15 (3)	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun yang ditetapkan di bawah subseksyen (2) hendaklah diperakukan oleh pemegang amanah dan hendaklah diaudit oleh juruaudit badan korporat tersebut (jika ada). Salinan akaun tersebut hendaklah dihantar kepada Menteri. Setiap salinan akaun itu hendaklah dibuka untuk pemeriksaan semua orang pada setiap masa yang munasabah, tertakluk pada peraturan-peraturan yang difikirkan patut dibuat oleh Menteri. Mana-mana orang boleh mendapatkan salinan setiap akaun itu, atau mana-mana bahagiannya setelah membayarnya apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

Peruntukan	Skop Peruntukan
Seksyen 15 (4)	<ul style="list-style-type: none"> • Mengikut subseksyen ini, pada masa penghantaran akaun yang ditetapkan di bawah subseksyen (2) kepada Menteri mengikut subseksyen (3) buat kali pertama selepas pemberian sijil pemerbadanan, pemegang amanah tersebut hendaklah menghantar akaun tentang apa-apa endowmen yang pada masa itu kepunyaan badan korporat tersebut, cara harta tersebut disewa atau diduduki jika harta tidak alih, pelaburan atau penggunaan semasa jika harta boleh alih. • Setiap kali akaun dihantar kepada Menteri sebagaimana yang dinyatakan di atas, pemegang amanah hendaklah menghantar akaun serupa kepada Menteri jika memperoleh dana yang tidak termasuk dalam akaun terdahulu atau selepas pemindahan, cagaran dan penjualan.
Seksyen 16 (1)	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 16 menjelaskan tentang petisyen untuk memutuskan sama ada seseorang itu ialah ahli badan korporat atau tidak. Seksyen 16 mengandungi dua subseksyen. • Seksyen 16 (1) menyatakan bahawa seseorang boleh memohon melalui petisyen kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan pendapat tentang persoalan sama ada mana-mana orang ialah ahli suatu badan korporat.
Seksyen 16 (2)	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 16 (2) menyatakan tanggungjawab mahkamah untuk memberikan notis pendengaran kepada mana-mana orang dan mengikut cara yang difikirkan patut oleh Mahkamah. • Tambahan pula, subseksyen ini juga menyatakan bahawa apa-apa pendapat yang diberikan oleh Mahkamah tentang permohonan di bawah seksyen ini adalah mengikat semua pihak yang berkaitan.

Peruntukan	Skop Peruntukan
Seksyen 17 (1)	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 17 memperuntukkan tentang pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan. Seksyen 17 mengandungi enam subseksyen. • Subseksyen (1) menyatakan bahawa Menteri boleh membatalkan sijil pemerbadanan melalui perintah jika— <ul style="list-style-type: none"> (a) pemerbadanan itu dilaksanakan akibat penipuan atau kesilapan atau salah nyataan dalam mana-mana butiran material; (b) badan atau kumpulan orang yang membentuk badan korporat itu berkemungkinan digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang yang bertentangan dengan atau memudaratkan keselamatan Malaysia atau ketenteraman awam atau moral di Malaysia atau mana-mana bahagiannya; (c) badan atau kumpulan orang yang membentuk badan korporat itu didapati telah mencapai objektif selain objektif asalnya; (d) badan korporat itu telah dengan sengaja melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat mengikut Akta ini; atau (e) jika badan korporat itu melakukan atau meninggalkan apa-apa perbuatan yang merupakan suatu kesalahan mengikut mana-mana undang-undang dan boleh dihukum dengan denda tidak kurang daripada satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau kedua-duanya.
Seksyen 17 (2)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (2) menyatakan bahawa Menteri hendaklah memberitahu badan korporat itu tentang niatnya untuk membatalkan sijil pemerbadanan badan korporat itu.

Peruntukan	Skop Peruntukan
Seksyen 17 (3)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (3) menyatakan bahawa sijil pemerbadanan hanya boleh dibatalkan setelah badan korporat itu diberi peluang untuk menunjukkan sebab secara bertulis mengapa sijil itu tidak sepatutnya dibatalkan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis.
Seksyen 17 (4)	<ul style="list-style-type: none"> • Mengikut subseksyen ini, Menteri boleh menggantung semua atau mana-mana aktiviti pertubuhan perbadanan itu melalui perintah bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (3) atas dua tujuan yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) untuk menghalang badan korporat itu daripada terus melanggar atau mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat mengikut Akta ini; atau (b) jika ia fikir adalah perlu untuk berbuat demikian demi kepentingan awam atau badan korporat tersebut.
Seksyen 17 (5)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (5) menyatakan bahawa perintah yang dibuat mengikut subseksyen (4) boleh mengandungi apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Menteri dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga perintah atau sijil pemerbadanan itu dibatalkan.
Seksyen 17 (6)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (6) menyatakan bahawa pembatalan sijil pendaftaran mana-mana badan korporat oleh Menteri mengikut seksyen 16 hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pemberitahuan pembatalan itu dimaklumkan kepada pemegang amanah. Pembatalan sijil pemerbadanan itu adalah muktamad.

Peruntukan	Skop Peruntukan
Seksyen 18 (1)	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 18 memperuntukkan tentang pembubaran perbadanan secara sukarela. Seksyen ini mengandungi tiga subseksyen. • Subseksyen (1) menyatakan tentang dua cara yang membolehkan suatu badan korporat dibubarkan secara sukarela, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> (a) apabila berlaku apa-apa kejadian sebagaimana yang dinyatakan dalam surat ikatan amanah yang terjumlah kepada pembubaran badan korporat itu; atau (b) dengan keputusan pemegang amanah, atau jika terdapat lebih daripada seorang pemegang amanah, persetujuan sebulat suara pemegang amanah.
Seksyen 18 (2)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (2) memperuntukkan kewajipan pemegang amanah untuk memberitahu Menteri tentang berlakunya peristiwa yang disebut dalam perenggan (1)(a) atau perenggan 1(b).
Seksyen 18 (3)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (3) memperuntukkan tanggungjawab Menteri untuk membuat suatu perintah yang membatalkan sijil pemerbadanan mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu.
Seksyen 19 (1)	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 19 berkaitan dengan kesan apabila sijil pemerbadanan dibatalkan. Seksyen ini mengandungi dua subseksyen. • Subseksyen ini menyatakan bahawa apabila suatu perintah pembubaran dibuat, terdapat tiga kesan yang timbul iaitu: <ul style="list-style-type: none"> (a) badan korporat itu dibubarkan; (b) apa-apa aset atau liabiliti badan korporat yang terletak hak pada badan korporat tersebut hendaklah terletak hak pada pemegang amanah yang dilantik oleh badan korporat berkenaan, atau terletak hak pada pemegang amanah yang sama

Peruntukan	Skop Peruntukan
	<p>yang telah diperbadankan sebagai badan korporat sebelum pembubarannya; dan</p> <p>(c) apa-apa prosiding undang-undang yang telah diteruskan atau dimulakan oleh badan korporat atau terhadap badan korporat berkenaan dengan apa-apa aset atau liabiliti yang terletak hak pada badan korporat itu boleh diteruskan atau dimulakan oleh pemegang amanah atau terhadap pemegang amanah yang padanya aset atau liabiliti itu terletak hak selepas pembubaran itu.</p>
Seksyen 19 (2)	<ul style="list-style-type: none"> • Mengikut subseksyen (2), sekiranya tiada pemegang amanah seperti yang disebut dalam subseksyen (1), apa-apa harta yang terletak hak pada badan korporat itu hendaklah terletak hak pada Amanah Raya Berhad sebagai amanah sehingga pelantikan pemegang amanah yang baharu.
Seksyen 20 (1)	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 20 mempunyai empat subseksyen. Seksyen 20 memperuntukkan tentang pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar. • Subseksyen (1) memperuntukkan tentang kuasa budi bicara Menteri untuk melantik Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar.
Seksyen 20 (2)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (2) menyatakan bahawa Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar hendaklah melaksanakan apa-apa fungsi yang ditentukan oleh Menteri secara bertulis.
Seksyen 20 (3)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (3) menyatakan bahawa Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574].
Seksyen 20 (4)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (4) menyatakan bahawa tiada tindakan, liabiliti atau tuntutan yang dikenakan terhadap Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar sekiranya terdapat apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh mereka dengan suci hati.

Peruntukan	Skop Peruntukan
Seksyen 21 (1)	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 21 berkaitan dengan kuasa Menteri membuat peraturan. Seksyen ini mempunyai dua subseksyen. • Subseksyen (1) memperuntukkan tentang kuasa Menteri untuk membuat apa-apa peraturan yang perlu atau suai manfaat untuk memberikan kesan sepenuhnya kepada peruntukan Akta ini atau untuk melaksanakan peruntukan Akta ini.
Seksyen 21 (2)	<ul style="list-style-type: none"> • Subseksyen (2) pula memperuntukkan antara aspek yang boleh dibuat peraturan, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> (a) cara membuat permohonan untuk mendaftarkan pemegang amanah sebagai suatu badan korporat; (b) tatacara yang perlu diikuti dalam mendaftarkan pemegang amanah sebagai suatu badan korporat; (c) maklumat yang perlu diberikan kepada Menteri; dan (d) fi yang boleh dikenakan dan dikutip bagi maksud Akta ini.
Jadual	<ul style="list-style-type: none"> • Akta 258 mengandungi satu Jadual. Jadual ini berkaitan dengan peruntukan seksyen 4 yang menyatakan tentang butir-butir yang perlu dimasukkan dalam permohonan untuk diperbadankan.

C. Kesimpulan

9. Sesungguhnya, Akta 258 merupakan undang-undang yang penting, namun, undang-undang ini tidak mengalami penambahan atau pindaan yang ketara sejak penggubalannya pada tahun 1952, iaitu sebelum kemerdekaan. Pindaan pada tahun 2004 juga tidak mengubah kandungan peruntukan Akta 258 secara substantif pada tahun 2024.

10. Oleh itu, sudah tiba masanya untuk menilai Akta 258 semula bagi memastikan undang-undang ini dapat menangani isu semasa dan masa hadapan dengan sewajarnya. Kajian tentang pindaan Akta 258 memfokuskan beberapa isu yang dikenal pasti melalui kajian literatur dan kes-kes mahkamah yang dilaporkan. Antara isu utama, termasuklah tafsiran, tadbir urus, kawalan proses pemerbadanan, pendedahan maklumat, pemantauan dan pengawasan, serta pematuhan dan serta sanksi kerana ketidakpatuhan.

BAB 6

ISU TENTANG AKTA 258 BERDASARKAN LITERATUR DAN KES

A. Pengenalan

1. Semasa mengkaji pindaan Akta 258 yang memfokuskan penggunaan dan keberkesanan peruntukan-peruntukan dalam Akta, Pasukan Penyelidik telah merungkai beberapa isu yang telah terlepas pandang sejak tahun 1952, termasuk juga pindaan pada tahun 2005 hingga kini. Kajian kepustakaan yang terperinci telah membolehkan Pasukan Penyelidik mengenal pasti aspek-aspek yang memerlukan penambahbaikan. Selain itu, Pasukan Penyelidik juga telah menilai kes-kes mahkamah yang dilaporkan untuk menilai keberkesanan penggunaan peruntukan-peruntukan yang sedia ada.
2. Kajian kepustakaan dan analisis kes-kes mahkamah telah menggariskan beberapa isu kritikal berhubungan dengan Akta 258 yang perlu dibaiki untuk memastikan operasi Akta tersebut lebih bermakna dan berkesan. Penambahbaikan ini penting untuk mengelakkan masalah, seperti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di samping memastikan Akta tersebut berfungsi dengan baik tanpa apa-apa kelemahan.

B. Isu Tafsiran

3. Cadangan pertama dalam pindaan Akta 258 adalah untuk mengembangkan skop bahagian tafsiran Akta tersebut, secara khususnya peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam seksyen 1A. Setakat hari ini, seksyen 1A hanya yang memperuntukkan bahawa:

In this Act, unless the context otherwise requires—

‘certificate of incorporation’ means the certificate of registration of a trustee as a body corporate that may be granted under Section 2.

4. Seksyen tersebut hanya mentafsirkan satu istilah, iaitu “sijil pemerbadanan” sedangkan Akta 258 merangkumi 21 peruntukan dengan penggunaan istilah-istilah yang kompleks dan kurang jelas serta tidak ditakrifkan dalam mana-mana akta yang lain. Seksyen 1A telah dimasukkan melalui Rang Undang-Undang Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2004 [Akta A1219]. Seksyen 1A tidak mengalami perkembangan lanjut selepas pindaan 2004 yang mula dikuatkuasakan pada 14 Februari 2005 dan sudah pasti terdapat kelemahan-kelemahan yang perlu dibaiki bersesuaian dengan keperluan semasa, yang menjadikan keperluan pindaan menjadi ketara. Hal ini dikatakan demikian kerana bahagian tafsiran sesuatu akta sangat penting memandangkan ia menetapkan pengertian istilah-istilah yang terangkum dalam akta tersebut, serta memberikan gambaran yang jelas tentang maksud peruntukan dan niat penggubal undang-undang (WJEC, 2021). Tafsiran istilah-istilah tersebut adalah penting bagi tafsiran statutori, iaitu suatu proses yang membolehkan hakim-hakim mahkamah memahami dan menggunakan peruntukan-peruntukan tersebut dengan tepat dalam kes-kes mahkamah (Sheila Ramalingam, 2018).
5. Kepentingan bahagian tafsiran yang luas dan lengkap boleh dimisalkan dengan suatu pepatah yang terkenal, iaitu *the devil himself knows not the mind of a man*, yang menyoalkan cara tafsiran peruntukan-peruntukan sesuatu akta tanpa memahami niat penggubal undang-undang dengan jelas (Arthur S. Miller, 1978). Mahkamah Agung Nigeria telah menjelaskan proses tafsiran dengan mementingkan niat badan perundangan. Mahkamah menyatakan bahawa:

I must remark here that in the interpretation of any statute or instrument, the object is to ascertain the intention of the legislature that had drawn it. The cardinal principle is that parties are presumed to intend what they have in fact said or written down.

6. Berdasarkan kes Mahkamah Persekutuan, *Tebin bin Mostapa (as administrator of the estate of Hj Mostapa bin Asan, deceased) v Hulba-Danyal bin Balia & Anor (as joint administrator of the estate of Balia bin Munir, deceased)* [2020] 4 MLJ 721 Vernon Ong FCJ telah meringkaskan prinsip tafsiran statutori kepada tiga bahagian. Yang pertama, objektif dan niat badan perundangan semasa penggubalan akta tersebut. Oleh itu, tugas mahkamah adalah terhadap kepada hanya mentafsirkan istilah-istilah yang digunakan oleh badan perundangan. Mahkamah tidak akan menambah perkataan ke dalam statut, kecuali terdapat alasan yang jelas untuk berbuat demikian. Dalam pentafsiran tersebut, mahkamah akan melihat *plain and ordinary meaning* istilah-istilah tersebut. Yang kedua, jika istilah-istilah yang digunakan tidak jelas, maka mahkamah boleh memilih *purposive approach* menurut seksyen 17A Akta Tafsiran 1948 dan 1967. Yang ketiga, peruntukan dalam suatu statut mesti dibaca selaras dengan tujuan perundangan, terutamanya apabila maksud literalnya adalah jelas dan mencerminkan tujuan statut tersebut. Hal ini dilakukan dengan hanya merujuk perkataan-perkataan yang digunakan dalam peruntukan tersebut.
7. Dalam kes tersebut, Mahkamah Persekutuan telah mempertimbangkan tiga prinsip tafsiran statutori *common law*. Yang pertama ialah *literal rule* yang merujuk *ordinary grammatical meaning* istilah-istilah yang terkandung dalam sesuatu statut. Yang kedua ialah *golden rule* yang merujuk tafsiran bagi mengelakkan maksud yang tidak munasabah. Yang ketiga ialah *mischief rule* yang merujuk kewujudan isu-isu yang menjadi asas kepada penggubalan undang-undang tersebut.

8. Menurut Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat (DR.3.6.2004) berkenaan dengan Rang Undang-Undang Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2004, badan perundangan telah memasukkan 13 peruntukan baharu ke dalam Akta tersebut, iaitu:
- seksyen 1;
 - seksyen 1A;
 - seksyen 4;
 - seksyen 5;
 - seksyen 6A;
 - seksyen 7;
 - seksyen 10;
 - seksyen 15;
 - seksyen 17;
 - seksyen 18;
 - seksyen 19;
 - seksyen 20; dan
 - seksyen 21.
9. Semasa bacaan kali yang kedua dan ketiga, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada masa itu, Datuk M. Kayveas menjelaskan bahawa peruntukan-peruntukan tersebut adalah berdasarkan beberapa objektif. Yang pertama, berhubungan dengan kuasa Menteri untuk boleh menolak pengeluaran sijil pemerbadanan. Yang kedua, berhubungan dengan perkara-perkara yang menyebabkan kehilangan kelayakan sebagai pemegang amanah. Yang ketiga, kuasa Menteri untuk membatalkan atau menggantung sijil pemerbadanan bagi badan korporat yang bermasalah. Yang keempat, kaedah pembubaran secara sukarela oleh badan korporat. Yang kelima, kesan pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan. Yang keenam, pelantikan Pendaftar, Timbalan-timbalan Pendaftar dan Penolong-penolong Pendaftar. Yang terakhir, kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

10. Badan perundangan telah menggubal peruntukan berkenaan kuasa Menteri, tetapi istilah Menteri tidak diperuntukkan dalam bahagian tafsiran Akta ini. Kehilangan kelayakan pemegang amanah telah dipertimbangkan, tetapi istilah pemegang amanah, penerima amanah dan pengasas amanah tidak ditafsirkan dalam akta tersebut. Badan perundangan juga menambahkan peruntukan tentang pelantikan Pendaftar, Timbalan-timbalan Pendaftar dan Penolong-penolong Pendaftar, tetapi tafsiran istilah-istilah tersebut tidak diberikan dalam akta berkenaan. Selain itu, banyak lagi istilah penting untuk memahami niat badan perundangan tidak ditafsirkan dalam bahagian tafsiran akta tersebut. Antara contoh sedemikian ialah ketiadaan tafsiran bagi istilah khairat. Menurut seksyen 2(1)–

Trustees may be appointed by any body or association of persons established for any religious, educational, literary, scientific, social or charitable purpose

11. Tafsiran bagi istilah khairat adalah penting bagi memahami maksud *charitable purpose* yang terdapat dalam seksyen tersebut dan menjelaskan sama ada objektif-objektif yang lain seperti *religious, educational, literary, scientific*, dan *social* merujuk *non-charitable purpose*. Contoh bahagian tafsiran yang luas dan lengkap boleh dilihat di negara-negara lain. Contohnya, *Charities Act 1994* di Singapura telah merangkumi bahagian tafsiran yang lebih luas daripada Malaysia kerana akta itu telah mentafsirkan istilah, seperti *charitable purpose, charity, commissioner, company, council, document electronic record, exempt charity, governing board members, governing instruments, gross income, institutions, key officers, public accountant, public authority* dan *trustee*. *Charities Act 2011* di United Kingdom pula telah mentafsirkan *charity* dan *charitable purpose*. Tambahan pula, *Non-Profit Organization Act 1997* di Afrika Selatan mengandungi tafsiran bagi istilah *accounting officer, arbitral tribunal, banking account, constitution, director, directorate, financial year, minister, non-profit organisation, officer bearer, prescribe* dan *register*. Di

samping itu, *Registered Trustees Incorporation Ordinance* di Hong Kong juga mempunyai suatu bahagian tafsiran yang agak luas. Undang-undang tersebut telah mentafsirkan *body of person, certificate, charitable purpose, charity, corporation* dan *registrar*. *Trustees Incorporation Act* di Malawi mentafsirkan *constitution, public security, registrar* dan *trustees*.

12. Bahagian tafsiran akta-akta luar negara in boleh menjadi sumber rujukan bagi pindaan akta di Malaysia supaya niat badan perundangan negara dapat dilihat dengan lebih jelas dan hal ini dapat memudahkan proses tafsiran statutori. Proses tafsiran statutori telah terlepas pandang semasa pindaan 2004 yang mula dikuatkuasakan pada 14 Februari 2005 dan juga dalam kajian-kajian terdahulu yang hanya mementingkan tadbir urus. Memang tidak boleh dinafikan bahawa tadbir urus adalah sangat penting untuk memastikan akta ini dimanfaatkan selaras dengan objektifnya, tetapi tanpa memahami peruntukan dengan betul, adalah sukar untuk mengguna pakai peruntukan-peruntukan tersebut dengan tepat.
13. Keperluan untuk pengembangan skop bahagian tafsiran Akta 258 juga boleh dilihat melalui keputusan Mahkamah Malaysia dalam kes-kes yang dilaporkan. Sebagai contoh, kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur *Mohd Yusoff Bin A. Bakar & Ors v Mejar Jeneral Dato Sri' Jamil Khir Bin Baharom (B) & Ors* [2018] MLJU 475. Kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ini berasaskan permohonan defendan untuk membatalkan Writ dan Pernyataan Tuntutan plaintif menurut Aturan 18 Kaedah 19(1)(a),(b) dan/atau (d) Kaedah-Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Dalam kes ini, P3 ialah Syarikat Berhad menurut Jaminan yang ditubuhkan mengikut Akta Syarikat 1965. Menurut Memorandum Persatuan Syarikat, objektif P3 adalah untuk memberikan bantuan, sokongan, dan nasihat kepada anak-anak yatim dan miskin serta membiayai projek dan aktiviti yang menyumbang kepada meningkatkan taraf hidup mereka. D8 pula ialah *Malaysian Islamic Economic Development Foundation*. Ia telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan dan diperbadankan mengikut Akta

258. D8 merupakan antara penyumbang kewangan kepada P3. D1 sebagai Menteri yang bertanggungjawab kepada D8 telah menyarankan Ketua Pengarah Eksekutif D8 untuk membubarkan Infaq Sdn Bhd, meletakkan P3 dalam status tidak aktif *dormant*, memindahkan aktiviti-aktiviti P3 kepada D8 dan mengurangkan bilangan pengarah dalam P3 kepada dua orang pengarah sahaja. Plaintif telah mendakwa bahawa D8 telah melakukan salah laku dengan menggunakan dana P3 untuk program luar negara yang dinyatakan dalam Pernyataan Tuntutan dan melantik D5 sebagai CEO P3 tanpa kebenaran P1 dan P2. P1 dan P2 mendakwa bahawa defendan berkomplot untuk mengeluarkan P1 dan P2 sebagai pengasas P3. Kes ini tidak membincangkan peruntukan Akta 258 secara rinci, tetapi kes ini adalah tentang tuduhan sivil terhadap sebuah badan korporat yang diperbadankan mengikut Akta 258. D8 tidak menjalankan aktiviti kebajikan secara langsung, tetapi melabur dalam P3 untuk melaksanakan aktiviti tersebut.

14. Walaupun kes ini tidak mencabar kedudukan D8 sebagai badan korporat, tetapi fakta kes ini menimbulkan persoalan sama ada D8 diperbadankan dengan objektif khairat atau sebaliknya serta apakah maksud sebenar *charity* dan *non-charity* dalam konteks perundangan. D8 terlibat dalam aktiviti-aktiviti pelaburan dan didakwa bahawa terjebak dalam penyalahgunaan dana. Dalam hal ini, perhatian juga perlu diberikan kepada fakta bahawa maklumat pemerbadanan pemegang amanah di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU), menunjukkan bahawa tujuan pemerbadanan D8 adalah untuk agama, pendidikan, sosial, dan khairat. Namun, ia tidak memperincikan sama ada D8 merupakan badan khairat atau sebaliknya. Lebih-lebih lagi, penggunaan perkataan kebajikan dan khairat secara sekali dan bersilih ganti menjadikan isu tafsiran lebih ketara kerana kedua-dua perkataan tersebut tidak merujuk perkara yang sama.

15. Kepentingan bahagian tafsiran yang lengkap dan lebih menyeluruh juga boleh dilihat dalam kes *Haji Saari Bin Sunghib v Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS) Berdaftar & Anor* [2016] MLJU 54. Kes ini merupakan rayuan terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan tuntutan fitnah responden-responden terhadap perayu. Dalam kes ini, perayu ialah seorang ahli akademik dan ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, Hulu Kelang. Responden pertama ialah Lembaga Zakat Selangor yang merupakan sebuah badan korporat yang diperbadankan mengikut Akta 258. Responden kedua pula ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan mengikut seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Responden pertama diperbadankan oleh responden kedua menurut kuasa yang diberikan di bawah seksyen 7(2) Enakmen tersebut. Tuntutan fitnah oleh responden-responden terhadap perayu adalah berdasarkan dua kenyataan yang didakwa sebagai dibuat oleh perayu di luar Dewan Undangan Negeri Selangor. Dalam kes ini, Mahkamah menerangkan seksyen 2(1) dan 2(3) Akta 258, serta kuasa dan hak badan yang diperbadankan tersebut untuk menyaman dan disaman. Responden pertama ialah sebuah badan korporat yang diperbadankan mengikut Akta 258

16. Berdasarkan kes tersebut objektif pemerbadanan responden pertama adalah untuk menggalakkan, mempromosikan, dan mengurus pengumpulan zakat dan sedekah dalam kalangan komuniti Muslim di Selangor serta mengambil langkah dan usaha untuk pembangunan sosial dan ekonomi komuniti tersebut. Namun, maklumat pemerbadanan pemegang amanah di bawah BHEUU menunjukkan bahawa tujuan pemerbadanan responden pertama adalah untuk agama. Oleh sebab agama merupakan antara tujuan yang diperuntukkan dalam seksyen 2(1) Akta 258, dan berlainan daripada tujuan khairat, ia tidak jelas sama ada responden pertama merupakan badan khairat atau sebaliknya. Bagi mengklasifikasikan objektif badan korporat seperti ini dengan jelas, tafsiran *charity* dan *non-charity* adalah penting.

17. Selain itu, dalam kes Mahkamah Rayuan, iaitu *Multi Purpose Holdings Bhd & Anor v General Holdings Sdn Bhd* [2003] 2 MLJ 252 perayu merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan tuntutan responden bahawa perayu pertama memegang RM10 juta dan faedah yang diperoleh daripada jumlah tersebut sebagai pemegang amanah bagi responden. Dalam kes ini, kedua-dua pihak telah memeterai satu perjanjian apabila responden memutuskan untuk menjual dan perayu memutuskan untuk membeli, kesemua modal saham yang dikeluarkan dalam dua syarikat yang responden mempunyai kepentingan-kepentingan benefisial. Perayu pertama telah membayar sebahagian besar daripada jumlah harga belian dengan meninggalkan baki sebanyak RM10 juta yang tidak dibayar dan kekal berada pada perayu pertama. Pihak-pihak tersebut bersetuju untuk menubuhkan sebuah yayasan sebagai balasan untuk pembayaran yang belum dijelaskan melalui wakil responden. Sepanjang tempoh tersebut, responden tidak mengambil apa-apa langkah untuk menubuhkan yayasan tersebut. Sebaliknya, perayu pertama yang mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk menubuhkan Yayasan Chang Ming Thien. Selanjutnya, responden telah membuat tuntutan untuk pengembalian jumlah RM10 juta tersebut. Yayasan Amanah yang telah diperbadankan tersebut dikatakan untuk tujuan khairat. Bagi mengklasifikasikan objektif badan korporat seperti ini dengan jelas, tafsiran *charity* dan *non-charity* adalah penting.

18. Kes *Ramuan Mutiara Sdn Bhd v Yayasan Kraftangan Kelantan Sdn Bhd* [2001] MLJU 316 juga relevan dalam konteks cadangan bagi pengembangan bahagian tafsiran Akta 258. Kes ini ialah permohonan *inter parte* oleh plaintif di bawah *certificate of urgency* untuk perintah *interim injunction* bagi menghentikan dan menghalang defendan, pekerjaanya, ejen, wakil, dan/atau kontraktornya daripada, antara lain, memberikan apa-apa pajakan, menjual dan menyerahkan hak untuk menjalankan pembersihan *timber remains* atau menjalankan, serta meneruskan apa-apa aktiviti di kawasan hutan simpan. Defendan ialah

badan korporat yang diperbadankan mengikut Akta 258, manakala plaintif ialah sebuah syarikat sendirian berhad. Kes ini tidak membincangkan peruntukan-peruntukan dalam Akta 258 secara rinci, tetapi defendan ialah sebuah badan korporat yang diperbadankan mengikut Akta 258. Dalam kes ini, defendan ialah badan korporat yang diperbadankan mengikut Akta 258. Badan korporat ini terlibat dalam perlombongan emas. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada defendan diperbadankan dengan objektif kebajikan atau sebaliknya serta apakah maksud sebenar “charity” dan “non-charity” dalam konteks perundangan, terutamanya d. Pada i bawah Akta 258 umumnya, mana-mana badan korporat yang diperbadankan, tidak dibenarkan untuk terlibat dalam apa-apa jua bentuk perniagaan.

C. Isu Tadbir Urus/Tatakelola

19. Cadangan kedua dalam pindaan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] adalah untuk menyelaraskan tadbir urus pemegang amanah yang telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta 258. Seksyen 2(1) Akta 258 mengistilahkan badan korporat tersebut sebagai entiti yang diperbadankan untuk tujuan keagamaan, pendidikan, kesusasteraan, saintifik, sosial dan khairat. Menurut Syor 8 (Recommendation 8) *Financial Action Task Force* (FATF), pertubuhan tidak berasaskan keuntungan didefinisikan sebagai:

A legal person or arrangement or organisation that primarily engages in raising or disbursing funds for purposes such as charitable, religious, cultural, educational, social or fraternal purposes, or for the carrying out of other types of “good works.”

20. Pemegang amanah boleh diperbadankan di bawah pihak pengawal selia yang berbeza di Malaysia, seperti Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. Yayasan Amanah yang diperbadankan di bawah Akta 258 ditadbir urus oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

21. Cadangan kedua ini dipertimbangkan kerana sejak kebelakangan ini, badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta 258 sering terlibat dalam penyalahgunaan dana dan operasi seperti pembiayaan keganasan dan pengubahan wang haram (FATF, 2015). Suatu tadbir urus yang berkesan adalah penting kerana badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta 258 mudah mendapat akses untuk menjalankan aktiviti atau transaksi di dalam atau di luar negara. Selain itu, badan korporat tersebut juga mudah mendapat kepercayaan awam. Seterusnya, aktiviti dan transaksi badan korporat lazimnya melibatkan wang tunai. Tambahan pula, badan korporat juga terdedah kepada risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Faktor sistem perundangan yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di sesebuah negara turut menyumbang kepada risiko tersebut. Lebih-lebih lagi, sumbangan kepada badan-badan korporat ini yang melibatkan bilangan penerima manfaat (benefisiari) yang ramai. Perhatian yang tidak mencukupi terhadap sistem kawalan dalaman entiti-entiti ini menyebabkan pengurusan organisasi yang lemah secara menyeluruh. Pendedahan kepada risiko sering dipandang remeh kerana anggapan bahawa badan-badan korporat ini ialah entiti khairat dan bukan berasaskan keuntungan, sedangkan sebenarnya ada dalam kalangan entiti ini turut menjana keuntungan.

22. Faktor-faktor inilah yang mendedahkan badan korporat di bawah Akta 258 kepada penyalahgunaan dana seperti pembiayaan keganasan dan pengubahan wang haram. Keadaan ini menunjukkan dengan jelas kelompangan yang wujud dalam undang-undang berkaitan dengan penguatkuasaan dan tadbir urus badan korporat di bawah Akta 258. Rang Undang-Undang Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2004 [Akta A1219] tidak mencakupi perkara yang penting berkaitan dengan tadbir urus badan korporat. Hal ini mengakibatkan badan pengawal selia, iaitu BHEUU tidak dapat mengawal selia dan membuat pemantauan dengan berkesan.

23. Peruntukan-peruntukan berkenaan dengan fungsi dan peranan pihak-pihak tersebut adalah penting untuk mengamalkan tadbir urus yang baik, terutamanya dalam memastikan tiada percanggahan kepentingan antara tugas untuk badan korporat dan kepentingan peribadi (SSM, 2024). Hal ini juga penting bagi mengamalkan pengurusan kewangan yang kukuh dengan memastikan penyata kewangan diaudit dan aktiviti dijalankan selaras dengan objektif badan korporat. Antara cara untuk memastikan kawalan dalaman yang berkesan adalah dengan menyediakan tatacara penerimaan dana, serta mengesan dan menyimpan rekod yang lengkap tentang penggunaan dana yang diperoleh. Tatacara penerimaan dana merangkumi pengurusan rekod aktiviti pengumpulan dana yang dikendalikan, transaksi yang dilaksanakan oleh badan korporat tersebut, serta penyimpanan rekod maklumat-maklumat penyumbang yang menyumbang dana kepada badan korporat tersebut.

24. Perkara ini menjadikan tatacara penerimaan dana sebagai cara yang berkesan dalam memastikan kawalan dalaman. Selain itu, badan korporat yang terlibat juga menyimpan rekod yang lengkap tentang penggunaan dana yang diperoleh untuk memastikan dana tersebut digunakan untuk tujuan-tujuan perbadanan badan korporat tersebut. Satu perkara yang juga perlu diambil kira ialah badan-badan korporat ini boleh membuat pelaburan. Pengesanan dan penyimpanan rekod akan memastikan badan korporat tidak melabur dalam perkara yang memudaratkan seperti pembiayaan keganasan.
25. Akta 258 telah memperuntukkan kuasa menteri secara luas. Menurut seksyen 2(1) Akta 258, Menteri diberi kuasa budi bicara untuk memberikan sijil pemerbadanan. Menurut seksyen 8, Menteri boleh mengarahkan supaya rekod disimpan bagi semua permohonan dan sijil pemerbadanan dalam cara yang difikirkannya sesuai. Berdasarkan seksyen 17, Menteri boleh memerintahkan untuk membatalkan sijil pemerbadanan jika badan korporat didapati melanggar mana-mana peruntukan akta tersebut. Lebih-lebih lagi, Menteri boleh membuat peraturan yang diperlukan atau wajar untuk memberikan kesan penuh kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta tersebut. Namun begitu, tiada peruntukan berkenaan dengan penurunan, perwakilan dan pemberian kuasa-kuasa Menteri tersebut kepada pihak lain. Perwakilan kuasa merupakan suatu kuasa budi bicara yang mesti dilaksanakan oleh pihak berkuasa awam sahaja. Apabila kuasa telah diberikan kepada seseorang, hal ini bermakna bahawa kepercayaan telah diletakkan kepadanya. Pihak tersebut harus melaksanakan kuasa tersebut secara peribadi melainkan jika dia secara nyata mewakili kuasanya kepada pihak lain. Seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan:

... a discretion conferred by statute is prima facie intended to be exercised by the authority on which the statute has conferred it and by no other authority, but this presumption may be rebutted by any contrary indications found in the language, scope or object of the statute.

26. Menurut seksyen 5 Akta Perwakilan Kuasa 1956, Menteri boleh mewakili kuasanya dalam hal keadaan tertentu. Tiada peruntukan dalam Akta 258 untuk menjelaskan hal perkara ini, menyebabkan tiada “*enabling legislation*” untuk mengungkit penggunaan seksyen 5 Akta Perwakilan Kuasa 1956. Berdasarkan kes *Ang Ming Lee & 34 Others v Menteri Kesejahteraan Bandar & Anor and another appeal* [2019] MLJU 1346, menurut latin maxim *delegatus non potest delegare* apabila kuasa telah diberikan kepada seseorang, ia bermakna kepercayaan telah diletakkan kepadanya. Pihak tersebut harus melaksanakan kuasa tersebut secara peribadi melainkan jika dia secara nyata mewakili kuasanya kepada pihak lain. Peruntukan bagi menerangkan kuasa menteri untuk mewakili kuasa adalah penting kerana perwakilan seumpama itu boleh membantu dalam memudahkan urusan pelaksanaan Akta 258.
27. Akta 258 juga memperuntukkan tentang pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar. Berdasarkan seksyen 20, Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar boleh dilantik bagi menjalankan fungsinya seperti yang ditentukan oleh Menteri untuk tujuan melaksanakan peruntukan dalam Akta ini. Walau bagaimanapun, Akta 258 tidak menjelaskan fungsi dan peranan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar tersebut secara rinci. Penyelarasan fungsi dan peranan pihak-pihak tersebut boleh dilihat di negara-negara yang lain. Menurut seksyen 5 *Non-Profit Organisations Act 1997* di Afrika Selatan, fungsi *Directorate* adalah bagi memudahkan proses untuk membangunkan dan melaksanakan dasar, menentukan dan melaksanakan program-program, mengantara badan-badan kerajaan dan pihak-pihak yang berkepentingan, memudahkan pembangunan dan pelaksanaan program pelbagai sektor dan multidisiplin. Selain itu, seksyen 12 *Trustees Incorporation Act* (Malawi) juga memperincikan fungsi pendaftar. Seksyen 12 telah memperuntukkan fungsi pendaftar dalam menamatkan operasi badan korporat.

28. Kepentingan penyelarasan tadbir urus Akta 258 berkenaan dengan badan korporat yang diperbadankan di bawahnya boleh dilihat dalam kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, *Mohd Yusoff Bin A. Bakar & Ors v Mejar Jeneral Dato' Sri Jamil Khir Bin Baharom (B) & Ors* [2018] MLJU 375. Seperti yang telah dijelaskan, D8 merupakan sebuah badan korporat yang telah diperbadankan di bawah Akta 258 bagi tujuan agama, pendidikan, sosial, dan kebajikan/khairat. Dalam kes ini, D8 telah terlibat dalam aktiviti pelaburan dan didakwa telah melakukan penyelewengan dana. Namun, kes tersebut tidak membincangkan peruntukan Akta 258, sebaliknya berkaitan dengan tuduhan sivil terhadap badan korporat ini. Tuduhan-tuduhan tersebut yang mendedahkan badan korporat tersebut kepada isu penyelewengan dana menunjukkan kepentingan penyelarasan tadbir urus Akta 258.

D. Isu Kawalan Proses Pemerbadanan

29. Cadangan ketiga dalam pindaan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] adalah bagi meningkatkan kawalan proses pemerbadanan badan korporat di bawah Akta tersebut. Hal ini juga merupakan suatu cadangan yang mempertimbangkan isu bahawa organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta 258 sering terlibat dalam penyalahgunaan dana dan operasi seperti pembiayaan keganasan dan pengubahan wang haram (FATF, 2015). Antara cara bagi menangani isu ini adalah dengan mengawal pemerbadanan pemegang amanah itu sendiri dengan meningkatkan dan menambah baik kriteria-kriteria dan syarat-syarat pemerbadanan yang sedia ada (SSM, 2024).
30. Berdasarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), satu daripada amalan terbaik dalam pengurusan organisasi yang bukan berasaskan kewangan (NPO) adalah dengan mengamalkan kawalan dalaman dan kewangan yang mantap diantaranya melalui penyediaan prosedur penerimaan dan penggunaan dana. Suatu sistem kawalan dalaman harus

disediakan dan dipatuhi bagi melindungi aset dan kepentingan organisasi. Ia juga penting untuk mewujudkan pengurusan risiko di dalam pengurusan organisasi terutamanya memastikan kelangsungan organisasi dan untuk mengelakkan organisasi tersebut terlibat di dalam aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, SSM telah mencadang untuk mengguna pakai prinsip '*know your beneficiaries and associated NPOs*' yang bermaksud NPO hendaklah mengambil langkah sewajarnya untuk mengenal pasti dan merekodkan identiti, kelayakan dan kedudukan pihak yang menerima manfaat bagi mengelakkan penyalahgunaan dana oleh penerima berkenaan atau NPO yang bersekutu. SSM juga turut menyarankan untuk mendokumentasikan dan melindungi maklumat penting penyumbang/ penderma/penerima manfaat dan NPO yang bersekutu dan merekodkan setiap transaksi domestik dan antarabangsa secara terperinci untuk memastikan dana digunakan sekaras dengan objektif NPO. Rekod-rekod disediakan untuk semakan pihak berkuasa.

31. Setakat kini, kawalan proses pemerbadanan dalam Akta 258 boleh dilihat dalam beberapa peruntukan. Menurut seksyen 2(2), Menteri harus mempertimbangkan sifat, objektif atau keadaan lain bagi badan atau kumpulan orang tersebut dalam menentukan pemerbadanannya. Mengikut seksyen 4(2), Menteri boleh meminta surat akuan berkanun atau bukti lain untuk mengesahkan butiran yang terdapat dalam permohonan pemerbadanan. Seksyen 4(3) membenarkan Menteri untuk enggan memberikan sijil pemerbadanan jika permohonan pemerbadanan tidak mematuhi peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.
32. Namun, kriteria-kriteria dan syarat-syarat yang lebih ketat telah diterima pakai di negara-negara lain. Sebagai contoh, *Non-Profit Organizations Act 1997* di Afrika Selatan telah memperuntukkan syarat-syarat pendaftaran secara rinci. Menurut seksyen 12(1), NPO yang ingin berdaftar harus:

- i. menyatakan nama organisasi tersebut;
- ii. menyatakan objektif utama dan objektif tambahan organisasi tersebut;
- iii. menyatakan pendapatan dan harta organisasi yang tidak boleh diagihkan kepada ahlinya atau pemegang jawatan, kecuali sebagai pampasan yang munasabah untuk perkhidmatan yang diberikan;
- iv. memperuntukkan bahawa organisasi tersebut suatu badan korporat dan mempunyai identiti serta kewujudan yang berbeza daripada ahlinya atau pemegang jawatan;
- v. memperuntukkan bahawa organisasi tersebut akan terus wujud walaupun terdapat perubahan dalam komposisi keanggotaan atau pemegang jawatan;
- vi. memastikan bahawa ahli atau pemegang jawatan tidak mempunyai hak terhadap harta atau aset lain organisasi semata-mata kerana mereka ialah ahli atau pemegang jawatan;
- vii. menentukan kuasa-kuasa organisasi;
- viii. menentukan struktur organisasi dan mekanisme untuk tadbir urusnya;
- ix. menetapkan peraturan untuk memanggil dan mengendalikan mesyuarat, termasuk kuorum yang diperlukan dan minit yang perlu disimpan bagi mesyuarat tersebut;
- x. menentukan cara keputusan dibuat;
- xi. menyediakan bahawa transaksi kewangan organisasi mesti dilakukan melalui akaun bank;
- xii. menentukan tarikh untuk akhir tahun kewangan organisasi;
- xiii. menetapkan tatacara untuk mengubah perlembagaan;
- xiv. menetapkan tatacara pembubaran atau penutupan organisasi; dan
- xv. menyediakan bahawa apabila organisasi dibubarkan atau ditutup, apa-apa aset yang tinggal selepas semua liabiliti diselesaikan mesti dipindahkan kepada organisasi bukan keuntungan lain yang mempunyai objektif yang serupa.

33. Kepentingan pemeraksanaan tadbir urus Akta 258 berkenaan dengan badan korporat yang diperbadankan di bawahnya boleh dilihat dalam kes *Ikatan Kelab-Kelab Melayu Negeri Pulau Pinang (499-Penang) (suing through its President, Dato' Seri Hj Mohd Yussof Latiff) & Ors v Yayasan Bumiputra Pulau Pinang & Ors and another appeal* [2014] 1 MLJ 27. Kes Mahkamah Persekutuan ini merupakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan permohonan pembatalan pliding oleh responden mengikut Aturan 18, Kaedah 19(1)(a),(b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Kes ini bermula dengan dua transaksi yang berkaitan dengan tiga harta yang dimiliki oleh responden pertama dan kemudiannya dipindahkan kepada responden kelapan. Responden kelapan telah memeterai perjanjian jual beli dengan responden ketiga dan kesembilan berkaitan dengan penjualan harta-harta tersebut. Perayu telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu deklarasi bahawa pemindahan harta-harta tersebut tidak sah. Permohonan responden untuk membatalkan Writ dan Pernyataan Tuntutan perayu dibenarkan oleh mahkamah. Dalam kes ini, perayu berhujah bahawa responden pertama ialah seorang pemegang amanah yang memegang harta-harta tersebut untuk kepentingan orang Melayu di Pulau Pinang. Responden pertama yang merupakan badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 tidak boleh dianggap sebagai pemegang amanah kerana ia tidak diperbadankan mengikut seksyen 2 Akta 258, khususnya tentang keperluan sijil pemerbadanan oleh menteri. Kes ini merupakan contoh konflik antara Akta 258 dengan Akta Syarikat 2016 kerana kedua-dua akta memperuntukkan proses pemerbadanan badan korporat. Dalam kes ini, responden pertama merupakan badan korporat yang diperbadankan mengikut Akta Syarikat 1960. Namun, dengan kewujudan pelbagai cara pemerbadanan di Malaysia, sering kali timbul konflik yang menyukarkan pengawalan badan-badan korporat ini.

34. Kepentingan penyelarasan tadbir urus Akta 258 berkenaan dengan badan korporat yang diperbadankan di bawahnya juga boleh dilihat dalam kes *Multi-Purpose Holdings Bhd & Anor v General Holdings Sdn Bhd* [2003] 2 MLJ 252. Seperti yang telah dijelaskan di bahagian cadangan pertama, Yayasan Chang Ming Thien telah diperbadankan di bawah Akta 258. Dalam kes ini, surat daripada peguam cara responden menuntut agar perayu kedua segera menghentikan pengurusan dan kawalan terhadap dana amanah serta memastikan peletakan jawatan semua pemegang amanah dan pegawai lain dalam Yayasan tersebut. Responden akan memohon kepada Menteri mengikut seksyen 2 Akta 258 untuk mendaftar Yayasan Amanah dengan pemegang amanah yang dicadangkan oleh responden. Hal ini berkaitan dengan penentuan hak perundangan perayu kedua. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa pada awalnya, Yayasan tersebut ditubuhkan menurut akta lain dan bukannya Akta 258. Dengan pelbagai cara pemerbadanan yang wujud di Malaysia, sering kali timbul konflik yang menyukarkan pengawalseliaan badan-badan korporat ini.

35. Selain itu, kes *Phrakhru Sangkarat Bau @ Ideng A/L Din Ruang v Wai Seng Moh & Ors* [2021] MLJU 1942 juga relevan dalam konteks cadangan ketiga ini. Dalam kes ini, Plaintiff adalah “*Chief Priest*” bagi sebuah kuil yang diuruskan oleh penganut Buddha Thai yang dikenali sebagai Wat Phodiyaram. Defendan pertama ialah Setiausaha sebuah pertubuhan berdaftar yang dipanggil Persatuan Buddhist Taiping Bodi Langka Ram. Defendan kedua, ketiga, dan keempat ialah pemegang amanah yang dilantik oleh pertubuhan berdaftar tersebut untuk kuil Bodi Langka Ram yang diuruskan oleh penganut Buddha Sinhalese. Isu dalam kes ini berkisar tentang sebidang tanah, tempat terletaknya kedua-dua kuil tersebut. Plaintiff telah memfailkan tuntutan terhadap defendan. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa plaintiff ialah pemegang amanah yang sah. Semasa rayuan, Mahkamah Rayuan menasihati pihak-pihak untuk menyelesaikan isu tersebut secara baik. Plaintiff telah memfailkan notis akhir kepada responden untuk mematuhi perintah Mahkamah Tinggi.

Responden membawa rayuan ini untuk membatalkan perintah Mahkamah Tinggi. Responden berhujah melalui permohonan mereka bahawa Mahkamah Tinggi telah melanggar seksyen 2 dan seksyen 9 Akta 258 kerana kebenaran bertulis pada Peguam Negara tidak diperoleh. Mahkamah menolak hujah tersebut kerana responden bukanlah badan korporat yang diperbadankan mengikut Akta 258. Hal ini kerana perundangan di Malaysia telah menyediakan pelbagai cara untuk memperbadankan badan korporat. Dengan pelbagai cara pemerbadanan yang wujud di Malaysia, sering kali timbul konflik yang menyukarkan pengawalan badan-badan korporat ini.

36. Di samping itu, kepentingan cadangan yang ketiga ini juga boleh dilihat dalam kes *Veramagun // Parasuraman dan lain-lain v Kuil Om Sivan Alayam dan lain-lain* [2024] MLJU 397. Kes Mahkamah Tinggi ini bermula apabila perayu memfailkan “Originating Summons” dan Notis Permohonan *ex parte* untuk injunksi mengikut Aturan 29, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Setelah mendengar bantahan awal yang dikemukakan oleh responden, Mahkamah menolak “Originating Summons” dan Notis Permohonan *ex parte* dengan kos tertakluk pada fi alokatur. Antara alasan Mahkamah membenarkan bantahan awal responden adalah kerana responden merupakan pemegang amanah yang sah bagi kuil tersebut kerana mereka telah diperbadankan mengikut Akta 258 dan telah memperoleh sijil pemerbadanan daripada Menteri.

E. Isu Pendedahan Maklumat

37. Cadangan seterusnya adalah dari segi pendedahan maklumat. Badan-badan korporat berkenaan memainkan peranan yang penting dalam masyarakat, sering mendapat manfaat daripada pengecualian cukai kerana aktiviti-aktiviti khairat mereka (Mohd Ali, et al., 2017). Walau bagaimanapun, isu timbul tentang kekurangan pendedahan maklumat berhubungan dengan cara dana digunakan. Pelepasan cukai menurut

seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 memberikan insentif bagi sumbangan yang diperoleh, namun peruntukan tersebut tidak mengenakan kewajipan kepada NPO untuk memaklumkan kepada penderma tentang penggunaan dana.

38. Kelompangan ini boleh menjejaskan keyakinan penderma dan menghalang potensi sumbangan kerana pihak berkepentingan mencari ketelusan dalam cara sumbangan mereka diuruskan. Kewujudan keperluan undang-undang bagi badan korporat ini untuk mendedahkan penggunaan dana akan dapat menangani masalah ini. Hal ini akan memberikan kuasa kepada pihak berkepentingan untuk menilai keberkesanan sumbangan mereka, menarik penderma masa hadapan dengan menunjukkan kebertanggungjawaban, dan memberikan jaminan kepada pemiutang tentang bayaran balik pinjaman.
39. Satu lagi isu kritikal ialah pengaksesan kepada penyata kewangan teraudit. Pada masa ini, penyata ini mungkin tersedia kepada badan kawal selia, seperti Pendaftar dan Lembaga Hasil Dalam Negeri, tetapi tidak kepada orang awam secara amnya. Kekurangan ketelusan ini boleh menyebabkan ketidakpatuhan peraturan cukai dan berpotensi untuk membolehkan aktiviti mengelakkan cukai pendapatan. Pelaksanaan mekanisme kawal selia untuk memastikan penyata kewangan yang telah diaudit boleh diakses secara umum akan meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban. Hal ini akan membolehkan pihak berkepentingan, termasuk penderma dan pemiutang, membuat keputusan berdasarkan maklumat kewangan yang boleh dipercayai. Akses awam kepada penyata ini juga boleh berfungsi sebagai penghalang kepada salah urus kewangan dan salah pengagihan sumber dalam sektor ini.

40. Cadangan ini dapat menangani isu ketelusan dan kebertanggungjawaban yang lebih luas dalam sektor NPO. Dengan mewajibkan pendedahan penggunaan dana dan memastikan ketersediaan penyata kewangan yang diaudit kepada orang awam, pengawal selia boleh mengukuhkan pengawasan dan pematuhan dalam kalangan NPO. Pendekatan ini bukan sahaja melindungi kepentingan penyumbang, tetapi juga meningkatkan kewibawaan, kebolehpercayaan dan keberkesanan sektor dalam memenuhi tujuan amalnya. Akhirnya, pendedahan ini akan memupuk ketelusan dengan menggalakkan kepercayaan, menggalakkan pengawasan sumber yang bertanggungjawab, dan menegakkan integriti aktiviti amal dalam komuniti.

41. Apabila meneliti perundangan di negara-negara lain, pendedahan maklumat ini dibahagikan kepada pendedahan dari segi laporan dan penyata audit. Dalam konteks pendedahan, maklumat boleh didedahkan kepada pelbagai peringkat orang atau pihak, bergantung pada kes tertentu. Contohnya, seksyen 15 *Charities Act 1994* (Singapura) membolehkan pemeriksaan laporan tahunan dan lain-lain oleh orang awam, manakala seksyen 57 *Trust Act 1882* (India) memperuntukkan hak kepada benefisiari untuk menyemak dokumen yang berkaitan. *Charities Act 2011* (United Kingdom) pula memperuntukkan hak pemeriksaan oleh pihak berkuasa yang eksklusif, iaitu menerusi seksyen 54, seksyen 55, seksyen 56 dan seksyen 57. Selain itu, seksyen 18 *Non-Profit Organisation Act 1997* (Afrika Selatan) dan seksyen 7 *Trustee Incorporation Act* (Uganda) telah memperuntukkan kewajipan badan korporat untuk memberikan laporan dan maklumat kepada pihak berkuasa.

42. Tujuannya pendedahan sebegini adalah untuk mendapatkan kepercayaan pihak berkepentingan seperti pelabur. Kajian di Malaysia menunjukkan bahawa sejumlah besar badan korporat Malaysia beroperasi tanpa laman web rasmi. Mereka yang mempunyai tapak web

biasanya menyediakan peluang untuk komunikasi dengan pihak berkepentingan dan masyarakat yang lebih luas. Kajian tentang badan korporat ini mencadangkan bahawa mereka mengambil serius tentang komunikasi dialog dan bertindak balas terhadap komunikasi tepat pada masanya. Walau bagaimanapun, badan korporat tersebut kurang berjaya dalam melaporkan inisiatif mereka dengan cara yang akan membantu mereka mendapat kepercayaan pihak berkepentingan (Nair, et al., 2023). Pendedahan yang mencukupi bukan sahaja memperoleh kepercayaan pihak pelabur, malah ia menunjukkan bahawa pengurusan badan korporat adalah mantap dan berintegriti (Zainon, et al., 2011).

43. Berdasarkan kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur *Mohd Yusoff Bin A. Bakar & Ors v Mejar Jeneral Dato Sri' Jamil Khir Bin Baharom (B) & Ors* [2018] MLJU 475 seperti yang dijelaskan di Bahagian cadangan pertama, D8 telah diperbadankan mengikut Akta 258 dan didakwa terlibat dalam penyalahgunaan dana P3. Malangnya, Akta tersebut tidak mengandungi peruntukan yang mewajibkan badan korporat yang diperbadankan di bawahnya untuk memaklumkan kepada penderma tentang penggunaan dana.
44. Selain itu, dalam kes *Haji Saari Bin Sunghib v Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS) Berdaftar & Anor* [2016] MLJU 54 seperti yang dijelaskan di Bahagian cadangan pertama, responden pertama telah dituduh dengan pelbagai dakwaan yang berkisar pada penggunaan dana zakat dan pelaburan yang dilakukan dalam institusi komersial dengan tujuan untuk meraih keuntungan. Hal ini berlaku kerana akta tersebut tidak mengandungi peruntukan yang mewajibkan badan korporat yang diperbadankan di bawahnya untuk memaklumkan kepada penderma.

F. Isu Pemantauan dan Pengawasan

45. Badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta 258 menghadapi peningkatan jangkaan untuk menunjukkan keberkesanan dan impak melalui amalan pemantauan dan pengawasan yang berkesan (Heyse, et al., 2021). Pemantauan dan pengawasan boleh dilihat dari segi tanggungjawab pemegang amanah badan korporat dan tanggungjawab pelaporan. Oleh itu, pemantauan dan penyeliaan boleh dibahagikan kepada pemantauan oleh pihak berkuasa dan pemantauan badan korporat dari segi dalaman.
46. Dari segi pemantauan oleh pihak berkuasa, *Charities Act 1994* (Singapura) memperuntukkan seksyen 22 dan seksyen 23 yang memberikan hak pemantauan kepada pihak berkuasa, seperti dari segi melakukan siasatan. Seksyen 24 juga memberikan hak kepada Pesuruhjaya untuk menggantung atau menyingkirkan pemegang amanah. Seksyen 37 *Public Trusts Act 1950* (Bombay) juga memperuntukkan sedemikian, iaitu kuasa pengawalseliaan oleh Pesuruhjaya Khairat untuk melakukan siasatan terhadap badan korporat.
47. Terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa pengawalseliaan oleh pihak pelabur terhadap badan korporat (Calabrese, T. D., et al., 2011). Prasyarat kepada pengawalseliaan ini adalah apabila pihak pelabur telah menerima pendedahan dari segi kewangan dan perbelanjaan badan korporat. Hal ini bukan sahaja mengukuhkan kepercayaan pelabur, malah ia memberikan suatu kuasa pengawalseliaan kepada pihak pelabur untuk menentukan pelaburan pada masa hadapan. Pengawasan NPO mempunyai tujuan yang penting dalam konteks pencegahan keganasan dan juga dalam konteks pencegahan wang haram (Hasan, F., 2024).

Oleh itu, penentuan penderma dan penerima atau benefisiari untuk keperluan NPO harus dianalisis dengan rangka kerja kawal selia yang berkesan demi pencegahannya. Maka, peranan pihak berkuasa adalah penting dari segi pemantauan dan pengawalseliaan.

48. Berdasarkan kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, *Mohd Yusoff Bin A. Bakar & Ors v Mejar Jeneral Dato Sri' Jamil Khir Bin Baharom (B) & Ors* [2018] MLJU 475 seperti yang dijelaskan sebelum ini, D8 telah diperbadankan mengikut Akta 258 dan didakwa terlibat dalam penyalahgunaan dana P3. Kesalahan-kesalahan sebegini mewujudkan keperluan untuk pemberian kuasa kepada badan pengawal selia bagi memantau penggunaan dana oleh suatu badan korporat yang telah diperbadankan. Kes ini juga menggambarkan keperluan bagi suatu entiti seperti "charity commission" untuk memantau dan mengawal selia badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta 258. Selain itu, dalam kes *Haji Saari Bin Sunghib v Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS) Berdaftar & Anor* [2016] MLJU 54 seperti yang dijelaskan di Bahagian cadangan pertama, juga menggambarkan keperluan bagi suatu entiti seperti Suruhanjaya Khairat untuk memantau dan mengawal selia badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta 258.

G. Isu Pematuhan dan Sanksi bagi Ketidakpatuhan

49. NPO harus mematuhi keperluan undang-undang, seperti dari segi pendedahan dan pelaporan kewangan. Hal ini kerana kegagalan untuk mematuhi piawaian ini menunjukkan ketidakpatuhan yang boleh menjejaskan NPO kerana ia akan mempunyai kesan negatif terhadap organisasi. Risiko ketidakpatuhan pada peraturan akan mewujudkan kelemahan dalam NPO dan mendedahkan NPO kepada kemungkinan berlakunya penipuan dan penyalahgunaan (Arshad. R, et al., 2015).

50. Kesan ketidakpatuhan tidak terhad kepada penalti berkanun atau undang-undang. Kesannya juga termasuk kesukaran dan kos untuk membetulkan kerugian, kerosakan kepada reputasi syarikat dan yang paling serius ialah kemungkinan kehilangan kontrak dan meruntuhkan kepercayaan orang ramai.
51. Pematuhan oleh badan korporat dan sanksi untuk ketidakpatuhan telah banyak diperuntukkan di negara-negara lain. Misalnya, seksyen 50 *Charities Act 1994* (Singapura) telah memperuntukkan sanksi sekiranya badan korporat telah melakukan kesalahan. Seksyen 66 *Public Trust Act 1950* (Bombay) juga telah memperuntukkan kesalahan dan penalti terhadap badan korporat. Namun, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa kerajaan perlu merendahkan beban NPO dari segi kepatuhan kerana ia akan menyusahkan pentadbiran mereka (BDO, 2010).
52. Keperluan untuk menambahkan peruntukan-peruntukan tentang penalti dan sanksi kepada badan korporat yang tidak mematuhi Akta 258 tersebut dijelaskan melalui beberapa kes Mahkamah yang dilaporkan. Dalam kes *Prof. Dr. Siti Normala Bt Sheikh Obid & Ors v Lembaga Pemegang Amanah Kolej Islam Malaysia* [2020] MLJU 2124, defendan ialah Lembaga Pemegang Amanah yang diperbadankan mengikut Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Plaintiff Pertama ialah seorang ahli Lembaga tersebut. Plaintiff Kedua dan Ketiga ialah anak perempuan Plaintiff Pertama. Atas cadangan Plaintiff Pertama, Ivy Academy telah ditubuhkan. Jawatankuasa telah memutuskan untuk menubuhkan akademi tersebut dalam bentuk syarikat berhad saham. Oleh itu, Ivy Academy Sdn Bhd telah diperbadankan. Isu semasa adalah sama ada Ivy Academy Sdn Bhd merupakan syarikat di bawah defendan dan sama ada dana amanah telah digunakan secara sah oleh pemegang amanah. Dalam kes ini, Plaintiff Pertama telah memperoleh dana daripada Akaun Bank 3 secara penipuan daripada Lembaga Pemegang Amanah. Ivy Academy Sdn Bhd secara sedar telah menerima dana hasil secara

penipuan dan Plaintiff Pertama adalah alter ego Ivy Academy Sdn Bhd dan akan bertanggungjawab secara peribadi untuk semua hutang IASB. Plaintiff Pertama memegang semua dana sebagai pemegang amanah konstruktif untuk manfaat Lembaga Pemegang Amanah dan akan bertanggungjawab secara peribadi kepada Lembaga Pemegang Amanah. Plaintiff pertama didapati bersalah mengikut seksyen 6 Akta 258. Kes ini menampakkan keperluan untuk badan pengawal selia diberi kuasa yang secukupnya bagi memantau mana-mana badan korporat yang telah diperbadankan.

53. Dalam kes *Abdul Rahman Bin Baba v Pendakwa Raya and Another Appeal* [2012] MLJU 1517 pula, perayu merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen terhadap dua orang perayu. Kedua-dua perayu bersama dengan seorang lagi individu, telah didakwa secara berasingan dengan tiga kesalahan. Kesalahan pertama mengikut seksyen 417 Kanun Keseksaan atas kesalahan penipuan yang boleh dihukum mengikut seksyen 120B(1) Kanun Keseksaan. Mereka menipu orang awam dengan mendakwa bahawa mereka bertindak untuk Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PTCM). Kesalahan kedua juga mengikut seksyen 417 Kanun Keseksaan atas kesalahan penipuan yang boleh dihukum mengikut seksyen 120B(1) Kanun Keseksaan kerana mereka menipu orang awam bahawa PTCM telah didaftarkan dengan Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Kesalahan ketiga ialah mereka dituduh kerana memalsukan surat daripada PTCM, yang boleh dihukum mengikut seksyen 465 Kanun Keseksaan. Dalam kes ini, PTCM telah diperbadankan mengikut Akta 258. Dalam kes ini, badan korporat yang diperbadankan mengikut Akta 258 telah melakukan penipuan dengan menipu orang awam bahawa mereka bertindak untuk PTCM, sedangkan mereka sebenarnya telah dipecat sebelum ini. Dalam kes ini, mereka telah didakwa mengikut Kanun Keseksaan.

Hal ini menunjukkan ketiadaan peruntukan dalam Akta 258 dalam menetapkan kesalahan dan memberikan hukuman yang setimpal, terutamanya dalam membentasi penipuan yang melibatkan bukan sahaja dana, tetapi juga keahlian dalam suatu pertubuhan.

54. Kepentingan penalti dan sanksi juga boleh dilihat dalam kes *Pong Ah Lip @ Hong Heng Thye v Th'ng Boon Chye dan Lain-Lain* [2021] MLJU 775. Kes ini merupakan rayuan terhadap keseluruhan keputusan hakim yang memerintahkan agar prosiding dihentikan dengan kebebasan untuk memfailkan semula dan dengan kos RM500.00 tertakluk kepada fi alokatur. Plaintiff adalah pada semua masa material memegang jawatan sebagai Penasihat di Syarikat Kiew Fatt Engineering Works. Defendan Pertama pada masa material merupakan anggota-anggota Pemegang Amanah yang mempunyai kawalan dan pengurusan am terhadap pentadbiran amanah agama atau amal tidak berdaftar yang mengendalikan kuil Buddha yang dikenali sebagai Kek Lok Si. Defendan Kedua, Defendan Ketiga dan Defendan Keempat adalah anggota-anggota Lembaga Pemegang Amanah yang mempunyai kawalan dan pengurusan am terhadap pentadbiran amanah agama atau amal tidak berdaftar yang mengendalikan kuil tersebut. Dalam tuntutananya, Plaintiff menyatakan bahawa kuil tersebut tidak berdaftar dan telah melanggar Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan Akta Syarikat 1965. Kuil tersebut juga tidak diperbadankan mengikut Akta 258. Dalam kes ini, plaintiff mendakwa bahawa terdapat banyak sumbangan yang telah diberikan kepada kuil tersebut, tetapi tiada rekod berkenaan dengan perkara tersebut. Plaintiff juga menyatakan bahawa Defendan Pertama dan Defendan Kedua telah menyalahgunakan kuasa dan melanggar Akta Pengubahan Wang Haram. Jika dakwaan-dakwaan di atas telah dibuktikan, tiada peruntukan dalam Akta 258 yang boleh digunakan sebagai peruntukan kesalahan dan penalti.

H. Kesimpulan

55. Perbincangan telah mempertimbangkan pandangan penulis-penulis yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang kajian ini. Setiap penulisan menunjukkan isu-isu yang berkaitan dengan lebih jelas. Bukan sahaja itu, kes-kes mahkamah di Malaysia dan keputusan oleh hakim-hakim yang bijaksana juga telah menjelaskan lagi kelompangan dalam peruntukan-peruntukan Akta 258. Kebetulan, kedua-dua kajian kepustakaan dan kes-kes mahkamah telah merujuk isu-isu yang sama.

56. Antara isu yang digariskan oleh Pasukan Penyelidik ialah tafsiran. Dalam Akta 258, takrifan hanya diberikan kepada istilah “sijil pemerbadanan,” sedangkan peruntukan-peruntukan lain dalam Akta tersebut menggunakan istilah-istilah yang kompleks dan kurang jelas yang boleh menyukarkan pelaksanaan Akta 258. Tambahan pula, isu-isu berkaitan dengan tadbir urus, kawalan proses pemerbadanan, pendedahan maklumat, pemantauan dan pengawasan, serta pematuhan dan penalti bagi ketidakpatuhan juga banyak dibincangkan dalam kajian-kajian ilmiah dan kes mahkamah.

BAB 7

ISU TENTANG AKTA 258 DARI SEGI AMALAN

A. Pengenalan

1. Akta 258 merupakan suatu akta yang digubal dengan tujuan untuk memperbadankan pemegang amanah sebagai suatu badan korporat. Urusan pemerbadanan pemegang amanah diperuntukkan dalam seksyen 2 Akta 258. Seksyen ini memperuntukkan bahawa pengasas yang merupakan suatu badan (body) atau kumpulan orang (association of persons) boleh melantik pemegang amanah dan memohon untuk diperbadankan sebagai suatu badan korporat bagi tujuan agama, pendidikan, kesusasteraan, saintifik, khairat atau sosial. Akta ini hanya terpakai di Semenanjung Malaysia.
2. Peruntukan dalam Akta 258 tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana peruntukan sedia ada dilihat mempunyai pelbagai kelemahan (loopholes) yang ketara, terutamanya yang melibatkan elemen penting, seperti aspek kawal selia, tatakelola dan penguatkuasaan. Peruntukan sedia ada tidak lagi sesuai dengan keperluan semasa selaras dengan keperluan, cabaran dan keadaan semasa di samping kerumitan permohonan serta pertanyaan-pertanyaan yang menjurus kepada keperluan penetapan dasar baharu secara dalaman yang tidak dinyatakan secara jelas melalui peruntukan dalam akta sedia ada. Keadaan ini secara tidak langsung boleh membuka ruang dan peluang kepada risiko penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dana demi kepentingan peribadi. Oleh itu, pindaan dan penambahbaikan kepada Akta 258 adalah dilihat amat mendesak dan memerlukan tindakan segera daripada pihak Kerajaan.

3. Semenjak tahun 2015, trend permohonan pemerbadanan pemegang amanah semakin meningkat dari tahun ke tahun. Permohonan yang diterima melibatkan pelbagai pihak berkepentingan seperti Kementerian/Jabatan pada peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan, syarikat swasta, persatuan/pertubuhan, badan antarabangsa serta orang perseorangan, termasuklah ahli politik dan personaliti terkenal. Entiti yang dinyatakan ini terlibat secara langsung sama ada sebagai pengasas atau pemegang amanah untuk suatu pemerbadanan pemegang amanah.
4. Antara cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan Akta 258 adalah seperti yang berikut:
 - i. kelompangan dalam Akta 258 yang ketara menyukarkan kerja-kerja pengoperasian harian urusan pemerbadanan pemegang amanah. Hal ini dikatakan demikian kerana Akta ini digubal sebelum kemerdekaan Malaysia dan apa-apa pindaan secara substantial tidak pernah dilaksanakan;
 - ii. tiada peruntukan khusus dalam Akta ini untuk mendapatkan maklumat daripada institusi kewangan, seperti Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkaitan apabila inkuiri terhadap pemerbadanan pemegang amanah perlu dilaksanakan;
 - iii. tiada peruntukan khusus dalam Akta ini berhubungan dengan kuasa pemantauan, pengawasan dan penguatkuasaan. Hal ini menyukarkan badan pengawal selia untuk mengambil tindakan terus terhadap pemerbadanan pemegang amanah yang bermasalah;
 - iv. terdapat peningkatan kes yang melibatkan badan korporat yang disiasat oleh agensi penguat kuasa yang memerlukan pegawai memberikan keterangan untuk tujuan siasatan;

- v. pemerbadanan suatu badan korporat tidak secara automatik dianggap sebagai badan awam, sebaliknya ia hendaklah diwartakan oleh Menteri bagi membolehkan suatu pemerbadanan dianggap sebagai badan awam. Pewartaan sebagai badan awam ini amat penting bagi membolehkan pihak berkuasa, seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Audit Negara (JAN) menjalankan tanggungjawab serta kuasa yang diperuntukkan kepada mereka;
- vi. tempoh semakan usaha wajar (due diligence) yang melibatkan pemerbadanan pemegang amanah mengambil masa yang lama. Hal ini secara tidak langsung menjejaskan urusan pengoperasian harian; dan
- vii. pembuktian kesahihan dokumen bagi badan korporat yang telah diperbadankan di bawah Ordinan Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 sebelum menjadi Akta 258.

B. Kepelbagaian Badan Pengawalseliaan

5. Di Malaysia, pengurusan dan pengawalseliaan amanah dikendalikan oleh pelbagai entiti. Walau bagaimanapun, terdapat tiga badan pengawalseliaan yang utama pada peringkat persekutuan, iaitu Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Badan-badan pengawalseliaan ini mempunyai fungsi dan undang-undang yang tersendiri untuk mengawal selia pertubuhan yang ditubuhkan atas dasar amanah.
6. BHEUU, SSM dan ROS memainkan peranan yang penting dalam memastikan bahawa amanah diuruskan dengan betul, mematuhi peraturan undang-undang, dan beroperasi secara sah. Mereka juga bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan penerima manfaat dan masyarakat secara umum di Malaysia. Kewujudan ketiga-tiga badan ini memastikan integriti dan ketelusan dalam pengurusan amanah serta menyokong sistem pemantauan yang berkesan untuk kepentingan semua pihak yang terlibat.
7. Jadual 7.1 di bawah menunjukkan perbandingan antara badan-badan pengawal selia dalam konteks yang berkaitan dengan amanah secara umum di Malaysia.

Jadual 7.1: Perbandingan Umum antara Badan pengawal Selia Amanah

Bil.	Pengawal Selia	Skop Tugas
1.	BHEUU	<ul style="list-style-type: none"> • BHEUU bertanggungjawab untuk pengurusan dan pengawalseliaan amanah, khususnya pemerbadanan pemegang amanah di Malaysia. • BHEUU memainkan peranan yang penting dalam memberikan panduan, sokongan, dan nasihat tentang pelaksanaan undang-undang berkaitan dengan amanah, serta memastikan kepatuhan pada undang-undang yang mengawal selia amanah. • Akta 258 merupakan akta yang digunakan oleh BHEUU dalam pengawalseliaan pemerbadanan pemegang amanah. • Akta 258 ialah akta yang digunakan untuk mendaftarkan pemegang amanah bagi suatu badan atau kumpulan orang sebagai suatu badan korporat yang diperbadankan bagi tujuan agama, pendidikan, kesusasteraan, saintifik, sosial atau khairat seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 2. • Akta 258 ini hanya terpakai di Semenanjung Malaysia. • Berdasarkan Akta 258, Menteri boleh menghendaki untuk mendapatkan akuan bersumpah atau bukti lain bagi mengesahkan pernyataan, butir-butir dalam permohonan dan apa-apa maklumat serta keterangan lain yang difikirkan perlu. • Berdasarkan Akta 258, Menteri boleh menolak permohonan untuk mendapatkan sijil pemerbadanan jika beliau berpuas hati bahawa permohonan tersebut tidak mematuhi peruntukan Akta 258 atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya. • Berdasarkan Akta 258, Menteri melalui perintah boleh membatalkan sijil pemerbadanan tersebut jika didapati melanggar mana-mana peruntukan.

Bil.	Pengawal Selia	Skop Tugas
2.	SSM	<ul style="list-style-type: none"> • SSM ialah badan yang bertanggungjawab untuk pendaftaran dan pengawalseliaan syarikat serta perniagaan di Malaysia. • Selain itu, SSM juga memainkan peranan yang penting dalam pengurusan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (Company Limited by Guarantee [CLBG]) di Malaysia. • Perbezaan antara CLBG dengan organisasi lain ialah CLBG mempunyai status sebagai syarikat. • CLBG ialah jenis syarikat yang biasanya digunakan untuk tujuan amal, pendidikan, atau kebajikan. Keuntungan yang diperoleh tidak dibahagikan kepada ahli, tetapi digunakan untuk mencapai objektif syarikat. • SSM bertanggungjawab untuk mendaftarkan CLBG dan memastikan bahawa syarikat ini beroperasi mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 100]. • Dalam konteks pengurusan CLBG, Akta 100 memperuntukkan SSM untuk memastikan syarikat-syarikat ini mematuhi beberapa keperluan asas, termasuklah penyerahan laporan kewangan yang diaudit pada setiap tahun, pematuhan pada syarat-syarat penubuhan yang ditetapkan, serta memastikan bahawa CLBG menjalankan aktiviti mereka sesuai dengan objektif yang dinyatakan dalam Memorandum dan Artikel mereka. • SSM juga menyediakan panduan dan garis panduan yang diperlukan untuk membantu pengarah dan pentadbir CLBG dalam memahami tanggungjawab mereka serta memastikan amalan tadbir urus korporat yang baik.

Bil.	Pengawal Selia	Skop Tugas
3.	ROS	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) ialah sebuah jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang mengendalikan pendaftaran pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik di Malaysia. • ROS memainkan peranan yang penting dalam mengurus dan mengawal selia pendaftaran serta aktiviti pertubuhan di Malaysia untuk memastikan mereka mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. • Antara fungsi utama ROS adalah untuk mengurus dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 832] dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984, serta mengawal selia dan menyelia pertubuhan agar mematuhi prinsip keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam atau akhlak di Malaysia. • Akta 832 memperuntukkan bahawa ROS bertanggungjawab untuk menyelenggara dan menyimpan rekod rasmi tentang semua pertubuhan yang didaftarkan. • Menurut seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, pertubuhan didefinisikan sebagai kelab, perkongsian, atau persatuan yang terdiri daripada tujuh orang atau lebih. • ROS juga menetapkan beberapa keperluan khusus untuk pertubuhan, termasuklah keperluan minimum tujuh ahli dalam jawatankuasa, pengendalian Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) pada setiap tahun selepas tamat tempoh jawatan, dan penyerahan penyata tahunan serta akaun yang diaudit dalam tempoh 60 hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan. • Secara keseluruhannya, ROS berperanan untuk memastikan pertubuhan di Malaysia beroperasi dengan teratur dan mematuhi semua undang-undang yang berkaitan.

Bil.	Pengawal Selia	Skop Tugas
4.	Negeri	<ul style="list-style-type: none">• Pada peringkat negeri, terdapat juga pengawal selia yang berperanan dalam konteks entiti yang berkaitan dengan amanah.• Memandangkan Akta 258 hanya terpakai di Semenanjung Malaysia, maka, terdapat pengawal selia yang khusus di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.• Tambahan pula, negeri-negeri di Semenanjung Malaysia juga mempunyai pengawal selia yang tersendiri, khususnya apabila melibatkan aspek amanah yang berkaitan dengan orang-orang Islam, termasuk wakaf.• Misalnya, terdapat badan pengawalselian seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). MAIS berbidang kuasa sebagai pemegang amanah selaras dengan peruntukan seksyen 5(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, iaitu "Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah."

C. Isu berhubungan dengan Tafsiran

8. Dari segi tafsiran, antara isu, cabaran dan masalah yang dihadapi oleh pengawal selia dalam pengoperasian pemerbadanan di bawah Akta 258 adalah seperti yang berikut:

i. Pengasas (settlor)

Dalam memperbadankan pemegang amanah, pengasas boleh terdiri daripada individu atau pertubuhan. Dalam hal keadaan yang melibatkan pertubuhan sebagai pengasas bagi suatu badan korporat, ada kalanya badan korporat tersebut mempunyai ahli-ahli dan objektif yang sama dengan pengasasnya. Hal ini boleh menyebabkan kekeliruan dalam kalangan orang awam.

Selain itu, tafsiran yang jelas tentang pengasas (any body or association of persons) diperlukan untuk membantu badan pengawal selia dalam mengenal pasti kelayakan pengasas. Contohnya, jika pengasas ialah penduduk tetap atau bukan warganegara, apakah kriteria khusus yang perlu ditetapkan? Dari segi modal yang diberikan untuk pemerbadanan pemegang amanah, timbul isu tentang keperluan pengisytiharannya. Bagi kes yang melibatkan pertubuhan atau syarikat sebagai pengasas, apakah implikasi perundangan terhadap badan korporat tersebut jika pengasas-pengasas ini dibubarkan atau dibatalkan? Bagaimanakah pula jika pengasas terdiri dalam kalangan anggota pentadbiran atau pegawai kerajaan? Perlukah suatu tapisan atau kebenaran khusus ditetapkan? Hal ini penting bagi mengelakkan konflik kepentingan daripada berlaku.

ii. Pemegang amanah (trustee)

Pada ketika ini, tiada tafsiran khusus bagi pemegang amanah dalam Akta 258. Perkara ini menyebabkan kekaburan sama ada entiti undang-undang yang lain (legal entity) selain individu boleh menjadi pemegang amanah. Ketetapan bilangan minimum atau maksimum pemegang amanah juga tidak dinyatakan dengan jelas.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, apabila pemegang amanah terdiri daripada anggota pentadbiran atau pegawai kerajaan, sejauh manakah keperluan untuk suatu tapisan atau kebenaran khusus ditetapkan dalam Akta 258 bagi mengelakkan konflik kepentingan?

iii. Penerima manfaat (beneficiary)

Akta 258 juga tidak memperuntukkan tafsiran berhubungan dengan istilah benefisiari (penerima manfaat). Oleh itu, timbul persoalan sama ada penerima manfaat terhad kepada individu sahaja atau merangkumi masyarakat, alam sekitar atau lain-lain.

iv. Instrumen (surat ikatan amanah)

Surat ikatan amanah ialah instrumen yang asas bagi pemerbadanan pemegang amanah mengikut Akta 258. Instrumen ini juga bertindak sebagai perlembagaan bagi badan korporat yang diperbadankan. Meskipun terdapat pelbagai jenis instrumen yang dikemukakan oleh pemegang amanah, seperti surat ikatan amanah, perlembagaan dan dokumen peraturan dalaman semasa pemerbadanan, namun badan pengawal selia hanya bergantung pada surat ikatan amanah. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk menyatakan dengan jelas tentang keperluan surat ikatan amanah bagi tujuan pemerbadanan mengikut Akta 258.

v. Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar

Akta 258 memberikan kuasa kepada Menteri untuk melantik pendaftar, timbalan pendaftar dan penolong pendaftar. Walau bagaimanapun pendaftar, timbalan pendaftar dan penolong pendaftar tidak ditafsirkan secara khusus dalam Akta 258 berhubungan dengan kelayakan, gred jawatan dan perkara lain yang berkaitan dengannya.

vi. Khairat dan istilah lain

Pemegang amanah boleh diperbadankan bagi enam tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 2(1) Akta 258. Sungguhpun demikian, tujuan-tujuan tersebut tidak ditafsirkan dalam Akta 258, khususnya istilah khairat (charitable) yang penting bagi urusan permohonan pengecualian atau potongan cukai oleh badan-badan korporat yang terlibat. Tambahan pula, tafsiran tentang khairat dan bukan khairat penting untuk dijelaskan dalam Akta 258. Hal ini kerana apabila Akta 258 menyenaraikan khairat sebagai satu daripada enam tujuan, maka, lima tujuan yang lain seharusnya bersifat bukan khairat. Walau bagaimanapun, setakat ini, banyak badan korporat yang diperbadankan mengikut Akta 258 memilih khairat sebagai tujuan pemerbadanannya sebagaimana yang ditunjukkan dalam Lampiran B (senarai badan korporat yang aktif) dan Lampiran C (senarai badan korporat yang dibubarkan). Sungguhpun demikian, bukan semua badan korporat tersebut sebenarnya bersifat khairat.

vii. Menteri

Menteri merupakan komponen penting yang ditekankan dalam Akta 258. Walau bagaimanapun, istilah "Menteri" tidak ditafsirkan oleh Akta 258.

D. Isu berhubungan dengan Tadbir urus

9. Dari segi tadbir urus, antara isu, cabaran dan masalah yang dihadapi oleh pengawal selia dalam pengoperasian pemerbadanan di bawah Akta 258 adalah seperti yang berikut:

i. Pengoperasian Akta 258

Peruntukan undang-undang dalam Akta 258 tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana terdapat kelemahan yang ketara, terutamanya dalam aspek yang melibatkan elemen penting, seperti aspek penguatkuasaan. Selain itu, peruntukan undang-undang sedia ada tidak lagi sesuai dengan keperluan semasa (fit for purpose) selaras dengan peredaran zaman kerana Akta 258 ialah undang-undang yang diperkenalkan sebelum kemerdekaan. Keadaan ini secara tidak langsung membuka ruang dan peluang kepada risiko penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dana demi kepentingan pihak-pihak tertentu.

ii. Pelantikan serta kuasa pendaftar, timbalan pendaftar dan penolong pendaftar

Seksyen 20 Akta 258 memperuntukkan perkara yang berkaitan dengan pelantikan pendaftar, timbalan pendaftar dan penolong pendaftar. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini, tiada apa-apa pelantikan yang dibuat. Hal ini mengganggu proses pengoperasian Akta 258 bagi perkara-perkara yang memerlukan keputusan dasar yang tidak termaktub dalam Akta 258. Tambahan pula, kuasa pendaftar, timbalan pendaftar dan penolong pendaftar tidak diperuntukkan dalam Akta 258.

iii. **Buku daftar**

Pada masa ini, buku daftar diwujudkan melalui sistem e-Pemerbadanan oleh badan pengawal selia. Pemasukan data badan korporat dilaksanakan secara manual ke dalam sistem tersebut. Kaedah pemasukan data secara manual melalui sistem ini mengambil masa yang lama untuk diselesaikan dengan mengambil kira pelbagai maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam sistem tersebut.

Orang awam boleh mengakses data asas, seperti senarai pengasas, pemegang amanah, alamat badan korporat dan tarikh pemerbadanan. Persoalan yang timbul di sini ialah apakah jenis data yang perlu disimpan oleh badan pengawal selia? Apakah pula data yang boleh didedahkan oleh badan pengawal selia kepada orang awam?

iv. **Pemberian kuasa atau penurunan kuasa Menteri**

Akta 258 tidak mempunyai apa-apa peruntukan untuk penurunan atau perwakilan kuasa daripada Menteri kepada mana-mana pihak. Oleh itu, timbul persoalan tentang sejauh manakah kuasa Menteri boleh diturunkan atau diwakilkan kepada pihak lain bagi tujuan pelaksanaan Akta 258 secara berkesan?

E. Isu berhubungan dengan Kawalan Proses Pemerbadanan

10. Dari segi kawalan proses pemerbadanan, antara isu, cabaran dan masalah yang dihadapi oleh pengawal selia dalam pengoperasian pemerbadanan di bawah Akta 258 adalah seperti yang berikut:

i. Bayaran pemprosesan

Pada masa ini, tiada apa-apa bayaran pemprosesan yang dikenakan bagi permohonan pemerbadanan pemegang amanah. Hal ini secara langsung dilihat telah menjadi faktor pemilihan pengawal selia sebagai destinasi pemerbadanan pemegang amanah.

ii. Pendaftaran badan korporat (syarat-syarat asas)

Badan pengawal selia menerima pelbagai permohonan pemerbadanan pemegang amanah yang tidak mempunyai objektif pemerbadanan yang jelas dan konkrit. Oleh itu, badan pengawal selia perlu memberikan teguran atau ulasan terhadap objektif tersebut dan perkara ini menyebabkan proses pendaftaran sesuatu pemegang amanah menjadi lebih panjang.

Seksyen 2(1) Akta 258 tidak menetapkan secara jelas syarat-syarat asas bagi pemerbadanan pemegang amanah.

iii. Kelayakan pengasas dan pemegang amanah

Akta sedia ada tidak mempunyai apa-apa peruntukan tentang keperluan dan kelayakan pengasas badan korporat. Sebaliknya, pengasas merupakan suatu keperluan dalam surat ikatan amanah. Oleh itu, mana-mana individu atau pertubuhan dilihat boleh menjadi pengasas bagi sesuatu badan korporat walaupun individu atau pertubuhan tersebut mempunyai apa-apa rekod dengan agensi penguat kuasa di Malaysia. Selain itu, Akta 25 sedia ada tidak memperuntukkan syarat kelayakan kepada pemegang amanah. Sebaliknya, Akta 258 hanya memperuntukkan aspek kehilangan kelayakan pemegang amanah (seksyen 6A).

F. Isu berhubungan dengan Pendedahan Maklumat

11. Dari segi pendedahan maklumat tadbir urus, antara isu, cabaran dan masalah yang dihadapi oleh pengawal selia dalam pengoperasian pemerbadanan di bawah Akta 258 adalah seperti yang berikut:

i. Pembuatan peraturan

Seksyen 21 memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan berkaitan dengan maklumat yang perlu dibekalkan kepada Menteri oleh badan korporat (seksyen 21 (2) (c)). Walau bagaimanapun, sehingga kini, tiada peraturan sedemikian yang telah dibuat oleh Menteri.

ii. Pendedahan awam

Akta sedia ada hanya memerlukan badan korporat untuk menghantar laporan kewangan kepada pihak pengawal selia. Walau bagaimanapun, takat pendedahan kepada orang awam tidak diperincikan dalam undang-undang. Memandangkan terdapat badan korporat yang mengutip dana daripada orang awam, sejauh manakah badan korporat ini perlu mendedahkan pemberi dana dan jumlah dana yang diterima kepada orang awam? Tambahan pula, penghantaran dan pendedahan laporan aktiviti bukanlah suatu kewajipan yang dipikul oleh badan korporat mengikut Akta 258.

iii. Pendedahan persendirian

Selain itu, Akta 258 tidak memperuntukkan tentang tanggungjawab badan korporat untuk membuat pendedahan peribadi kepada penderma atau pihak lain secara khusus, sama ada dalam bentuk laporan kewangan atau laporan aktiviti mengikut tempoh tertentu.

iv. Dana

Pada masa ini, pengawal selia hanya menerima dan menyimpan rekod laporan kewangan setiap badan korporat. Tiada peruntukan khusus dalam Akta 258 yang menyatakan bahawa badan korporat perlu mendedahkan apa-apa maklumat berhubungan dengan dana yang dikutip daripada mana-mana orang atau entiti, sama ada di dalam atau di luar negara.

Tambahan pula, pendedahan tentang kos pentadbiran yang ditetapkan oleh mana-mana badan korporat bukanlah suatu keperluan atau kewajipan mengikut Akta 258.

v. Konflik kepentingan, termasuk pegawai awam dan anggota pentadbiran

Akta 258 tidak mempunyai apa-apa peruntukan yang mewajibkan pendedahan konflik kepentingan oleh pemegang amanah. Tambahan pula, Akta 258 juga tidak mewajibkan mana-mana pegawai awam atau anggota pentadbiran untuk mengemukakan surat kebenaran ketua jabatan untuk terlibat sebagai pengasas mahupun pemegang amanah bagi sesebuah badan korporat.

G. Isu berhubungan dengan Pemantauan dan Pengawasan

12. Dari segi pemantauan dan pengawasan, antara isu, cabaran dan masalah yang dihadapi oleh pengawal selia dalam pengoperasian pemerbadanan di bawah Akta 258 adalah seperti yang berikut:

i. Tanggungjawab pemegang amanah badan korporat

Pemegang amanah memainkan peranan penting dalam badan korporat. Dalam Akta 258, terdapat peruntukan berhubung dengan tanggungjawab pemegang amanah yang berkaitan tentang pemakluman pembaharuan pemegang amanah dan urusan pentadbiran badan korporat. Dari segi amalan, terdapat lembaga pemegang amanah yang tidak mengambil serius berhubung dengan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh lembaga tersebut. Antara isu yang sering dihadapi oleh badan pengawal selia adalah:

- (a) sama ada badan korporat boleh membuka anak syarikat;
- (b) sama ada badan korporat boleh melaksanakan perniagaan; dan
- (c) sama ada badan korporat boleh mengadakan aktiviti di Sabah dan Sarawak (memandangkan Akta 258 hanya terpakai di Semenanjung Malaysia).

ii. Tanggungjawab pelaporan

Pada setiap tahun, majoriti badan korporat tidak dapat mengemukakan laporan kewangan sebelum 30 Jun. Ada badan korporat yang mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh masa untuk mengemukakan laporan tersebut, manakala ada juga badan korporat yang langsung tidak mengemukakan apa-apa laporan dan tiada permohonan pelanjutan yang dikemukakan kepada badan pengawal selia. Kegagalan untuk menyediakan laporan akan mengakibatkan pembubaran badan korporat tersebut di bawah seksyen 17(1)(d).

Dalam hal ini, proses kerja yang digunakan oleh badan pengawal selia merupakan tatacara kerja yang dibangunkan pada peringkat dalaman sebelum tindakan mengikut Akta 258 boleh diambil.

iii. Kuasa memeriksa dan mengesahkan laporan

Akta 258 tidak memperuntukkan apa-apa kuasa untuk memeriksa dan mengesahkan laporan yang dikemukakan oleh badan korporat. Walaupun terdapat kemusykilan atau keraguan tentang laporan kewangan yang dikemukakan, badan pengawal selia tidak mempunyai kuasa di sisi undang-undang untuk mengemukakan apa-apa inkuiri terhadap laporan kewangan tersebut.

iv. Salah laku badan korporat

Berdasarkan berita yang dilaporkan di dada-dada akhbar, banyak senario yang melibatkan salah laku badan korporat, misalnya, penyelewengan dana awam. Walau bagaimanapun, dalam hal ini, badan pengawal selia tidak mempunyai kuasa untuk memeriksa, menyiasat atau membuat pemeriksaan mengejut terhadap badan korporat sekiranya disyaki terdapat salah laku.

v. Dana badan korporat

Secara amnya, terdapat Akta Pungutan Rumah ke Rumah dan di Jalan 1947 (Akta 200) yang mengawal selia kutipan dana di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, Akta ini tidak mengawal selia pendanaan awam yang dibuat secara dalam talian atau elektronik.

Terdapat badan korporat yang memberikan elaun tetap dalam kadar yang tidak munasabah atau elaun persaraan kepada pemegang amanah. Sungguhpun demikian, Akta 258 tidak mengandungi peruntukan tentang pengutipan dan pembelanjaan dana badan korporat.

vi. Dana kepada pengawal selia

Dalam menjalankan pengawalseliaan dan pemantauan, terdapat kos yang terlibat dan ditanggung oleh pengawal selia bagi tujuan latihan dan pengoperasian. Oleh hal yang demikian, bagi memastikan pelaksanaan Akta 258 secara lebih berkesan, dana yang khusus dan tetap perlu disediakan.

H. Isu berhubungan dengan Pematuhan dan Sanksi bagi Ketidakpatuhan

13. Dari segi pematuhan dan sanksi bagi ketidakpatuhan, antara isu, cabaran dan masalah yang dihadapi oleh pengawal selia dalam pengoperasian pemerbadanan di bawah Akta 258 adalah seperti yang berikut:

i. Kuasa menteri dan pendaftar

Akta 258 tidak menyatakan secara jelas tentang kuasa-kuasa yang diberikan kepada pengawal selia bagi menangani ketidakpatuhan, sedangkan kuasa ini penting bagi tujuan memastikan kepatuhan.

ii. **Liabiliti badan korporat dan liabiliti pemegang amanah**

Mengikut Akta 258, seksyen 6 meletakkan liabiliti sivil pada pemegang amanah. Seksyen ini menjadikan pemegang amanah bertanggung secara individu sekiranya berlaku apa-apa pengabaian atau keingkaran. Namun, kebenaran daripada Peguam Negara diperlukan sebelum apa-apa tindakan guaman dimulakan (seksyen 9 Akta 258). Hal ini menambahkan kesukaran untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap badan korporat atau pemegang amanah sekiranya terdapat salah laku.

iii. **Kesalahan**

Akta 258 tidak mempunyai apa-apa peruntukan kesalahan dan penalti bagi apa-apa ketidakpatuhan peruntukan.

iv. **Kompaun**

Memandangkan tiada peruntukan berkaitan dengan kesalahan, maka, kuasa untuk mengkompaun juga tidak diperuntukkan dalam Akta 258.

v. **Rayuan**

Rentetan daripada ketiadaan peruntukan tentang kesalahan dan kompaun, maka proses rayuan juga tidak diperuntukkan dalam undang-undang, iaitu Akta 258.

I. Kesimpulan

14. Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa banyak isu, masalah atau cabaran yang dihadapi oleh badan pengawal selia dalam pelaksanaan Akta 258 di lapangan. Hal ini berpunca daripada kelompangan undang-undang sedia ada dalam menangani segala perkara yang dinyatakan di atas dengan sewajarnya. Undang-undang yang baik haruslah mampu untuk kekal relevan dengan arus semasa dengan memastikan keperluan industri dan kepentingan negara sentiasa diutamakan.
15. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan undang-undang dapat memenuhi keperluan semasa dengan peruntukan undang-undang yang menyeluruh, Akta 258 perlu melalui pindaan yang signifikan. Pindaan ini amat perlu demi membolehkan badan pengawal selia dapat menjalankan fungsinya dengan baik. Selain itu, pindaan kepada Akta 258 juga dapat memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban badan korporat di samping memelihara kepentingan awam di Malaysia.

BAB 8

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMEGANG AMANAH DI NEGERI SABAH

A. Pengenalan

1. Negeri Sabah terletak di utara Pulau Borneo dan merupakan salah satu daripada dua negeri Malaysia di pulau tersebut. Sabah mempunyai keluasan sekitar 72,500 kilometer persegi, menjadikannya wilayah kedua terbesar di Malaysia (Britannica, 2024). Ibu negeri Sabah adalah Kota Kinabalu, yang dahulu dikenali sebagai Jesselton, dengan populasi sekitar 3.9 juta orang. Negeri ini terkenal dengan kepelbagaian etnik, budaya dan alam semula jadi yang kaya. Sabah juga terkenal dengan kewujudan Gunung Kinabalu yang merupakan gunung tertinggi di Malaysia. Sabah mempunyai kedudukan yang sangat strategik kerana terletak di bawah laluan angin monsun dan tidak pernah dilanda ribut taufan, kecuali beberapa ribut tropika berskala kecil. Di samping itu, Sabah juga bersempadan dengan wilayah Sarawak, dan juga bersempadan dengan negara Brunei. Anggaran garis pantainya adalah sepanjang 1,290 km – 1,450 km yang menjadikan Sabah sebuah wilayah yang sangat kaya dengan sumber maritim (Britannica, 2024).
2. Sebelum menjadi sebahagian daripada Malaysia pada tahun 1963, Sabah merupakan sebuah negeri yang berada di bawah naungan Kesultanan Sulu dan kemudiannya menjadi sebahagian daripada jajahan British. Sabah pernah dikenali sebagai Negara Borneo Utara (State of North Borneo) semasa zaman penjajahan British sehingga tahun 1963. Sejarah Sabah yang kaya mencakupi pemerintahan di bawah Kesultanan Srivijaya, Majapahit, Brunei, Sulu, serta penjajahan British dan Jepun.

Kini, Sabah merupakan sebahagian daripada Malaysia dengan sistem demokrasi berperlembagaan sejak mencapai pemerintahan sendiri pada tahun 1963. Sejarah undang-undang di Sabah mempunyai sedikit acuan daripada negara penjajah British yang mewujudkan sistem undang-undang yang berakar umbi dalam tradisi *common law* (Fry, 1970).

3. Semasa zaman penjajahan, British telah memperkenalkan sistem perundangan yang *common law* yang memberikan kesan yang mendalam kepada struktur undang-undang yang wujud hingga ke hari ini (Najir, 2019). Sistem ini bukan sahaja mencakupi undang-undang jenayah dan sivil, tetapi juga perundangan yang mengawal pemerbadanan pemegang amanah. Hal ini termasuk undang-undang yang mengatur pemerbadanan pemegang amanah yang bertujuan untuk memudahkan tadbir urus amanah dalam pelbagai konteks, termasuk amanah untuk tujuan khairat, pendidikan dan pengurusan harta (Najir, 2019). Walaupun Sabah kini merupakan sebahagian daripada Malaysia, corak perundangan yang diwarisi daripada negara penjajah British masih wujud. Pengaruh ini dapat dilihat melalui sistem yang dikekalkan di negeri Sabah, seperti pengurusan undang-undang amanah. Pengaruh penjajahan British menjadikan Sabah sebagai negeri yang unik dalam konteks undang-undang di Malaysia kerana warisan dan pengaruh zaman penjajahannya terus memainkan peranan penting dalam bentuk dan amalan perundangannya.
4. Sabah juga memainkan peranan yang penting dalam ekonomi Malaysia, terutamanya dalam sektor pertanian, perhutanan dan pelancongan. Wilayah ini kaya dengan sumber asli seperti minyak sawit, getah, kayu balak dan hasil hutan lain yang menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara (Fry, 1970). Selain itu, sektor pelancongan di Sabah semakin berkembang, didorong oleh keindahan alam semula jadi seperti Gunung Kinabalu, taman-taman laut dan kombinasi budaya yang pelbagai. Sabah juga terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi yang

berkaitan dengan sumber maritim, seperti perikanan dan pengeluaran minyak dan gas di perairan Sabah. Sumber-sumber ini menjadikan Sabah sebagai penyumbang utama pendapatan negara dan kestabilan ekonomi Malaysia. Dengan ekonomi yang berkembang pesat, Sabah menawarkan banyak peluang pelaburan, termasuk dalam sektor pengurusan kekayaan dan amanah yang menjadikan kajian undang-undang pemerbadanan pemegang amanah di Sabah sangat relevan.

5. Sabah dipilih sebagai antara subjek kajian berdasarkan beberapa justifikasi yang relevan. Sabah, seperti keseluruhan Malaysia, mewarisi sistem undang-undang yang dibentuk semasa pemerintahan negara British. Sistem ini termasuk undang-undang yang mengawal amanah dan pemerbadanan pemegang amanah yang masih digunakan hingga kini. Asas *common law* ini menyediakan latar belakang yang penting untuk mengkaji persamaan dan perbezaan dalam undang-undang pemerbadanan pemegang amanah antara Sabah iaitu Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) [Akta 258], atau bahkan dengan negara lain, seperti Hong Kong. Sejarah undang-undang yang terikat dengan tradisi undang-undang Inggeris ini memberi Sabah suatu identiti perundangan yang unik, lalu menjadikannya subjek yang menarik untuk kajian perbandingan dalam konteks pascapenjajahan.
6. Seterusnya, Sabah memainkan peranan yang kritikal dalam ekonomi Malaysia, terutamanya dalam sektor utama, seperti minyak dan gas, perladangan dan pelancongan. Kedudukan Sabah sebagai peneraju utama dalam sektor-sektor ini menjadikannya relevan untuk mengkaji bagaimana undang-undang pemerbadanan pemegang amanah diaplikasikan dalam konteks ekonomi yang dinamik ini. Dalam era globalisasi, pemahaman yang mendalam tentang bagaimana Sabah mengawal selia pemerbadanan pemegang amanah adalah penting bagi pelabur, pengurus kekayaan, dan institusi kewangan yang beroperasi di rantau ini.

Dengan membandingkan undang-undang di Sabah dengan undang-undang di tempuk persekutuan, kajian ini dapat memberikan pandangan yang berharga tentang bagaimana Sabah menyokong aktiviti yang berkaitan dengan amanah dan pengurusan kekayaan.

7. Di samping itu, Sabah terkenal dengan kepelbagaian budaya yang luar biasa, dengan lebih daripada 30 kumpulan etnik yang berbeza. Kepelbagaian ini menawarkan pandangan unik tentang cara undang-undang berfungsi dalam konteks masyarakat yang pelbagai. Kajian tentang cara undang-undang ini diterapkan dalam konteks masyarakat yang pelbagai, seperti Sabah dapat memberikan panduan kepada pembuat dasar, khususnya untuk Akta 258.
8. Akhirnya, kajian undang-undang tentang pemerbadanan pemegang amanah di Sabah menawarkan perspektif yang lebih luas tentang peraturan berkaitan dengan amanah di rantau Asia Tenggara. Sebagai negeri yang menjadi sebahagian daripada Malaysia, Sabah memberikan sudut pandangan yang penting dalam memahami cara undang-undang amanah diaplikasikan di wilayah yang mempunyai kepelbagaian budaya dan ekonomi yang pesat berkembang. Sabah berfungsi sebagai titik pertemuan antara tradisi negara-negara Asia yang pelbagai. Dengan mengkaji Sabah, kita dapat memperoleh pendapat yang lebih mendalam tentang cara undang-undang amanah di rantau ini berfungsi dalam konteks ekonomi dan sosial yang berkembang pesat, serta bagaimana ia dapat disesuaikan untuk memenuhi cabaran dalam mengharungi masa hadapan. Kesemua justifikasi di atas menjadikan Sabah sebagai antara skop kajian yang sesuai dan penting untuk memahami salah sebuah negeri dalam Malaysia.

B. Undang-undang tentang Amanah

9. Walaupun Sabah menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, undang-undang yang mengawal amanah di negeri tersebut kekal unik dengan ciri-cirinya yang tersendiri. Ini disebabkan oleh hakikat bahawa sebelum 1963, kerajaan tempatan di Sabah telah meluluskan beberapa ordinan. Kebanyakan ordinan tersebut masih berkuat kuasa hingga kini.
10. Antara undang-undang yang mengawal selia perkara-perkara berkaitan dengan amanah di Sabah adalah seperti dalam Jadual 8.1 di bawah.

Jadual 8.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di Sabah

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan amanah
1	<i>Trustees (Incorporation) Ordinance (Sabah Cap. 148)</i>	Terpakai secara langsung dalam konteks pemegang amanah di Sabah. Ordinan ini membolehkan pemegang amanah atau kumpulan pemegang amanah untuk diperbadankan sebagai entiti perundangan yang berasingan, memberi mereka kapasiti undang-undang yang sama, seperti individu atau syarikat.
2	<i>The Trustees Incorporation Rules, 1955</i>	Kaedah yang melengkapkan <i>Trustees (Incorporation) Ordinance (Sabah Cap. 148)</i> . Kaedah ini mengatur proses dan tatacara yang perlu diikuti oleh pemegang amanah yang ingin diperbadankan di bawah undang-undang tersebut. Kaedah ini memperincikan kaedah-kaedah untuk memperbadankan pemegang amanah dan cara pengurusan entiti tersebut setelah diperbadankan.

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

11. Di Sabah, terdapat dua undang-undang utama yang mengatur pemerbadanan pemegang amanah, iaitu *Trustees (Incorporation) Ordinance (Sabah Cap. 148)* dan *Trustees Incorporation Rules, 1955*. Kedua-dua undang-undang ini berfungsi untuk mengatur dan memudahkan proses pemerbadanan pemegang amanah di Sabah. Jadual 8.2 menunjukkan senarai kandungan *Trustees (Incorporation) Ordinance (Sabah Cap. 148)*.

Jadual 8.2: Senarai Kandungan
Trustees (Incorporation) Ordinance (Sabah Cap. 148)

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 1	<i>Short title</i>
Seksyen 2	<i>Grant of certificate of incorporation</i>
Seksyen 3	<i>Vesting of property</i>
Seksyen 4	<i>Particulars respecting application</i>
Seksyen 5	<i>Nomination of trustees and filing certificate to be evidence of compliance with requisitions</i>
Seksyen 6	<i>Certificate to be evidence of compliance with requisitions</i>
Seksyen 7	<i>Record of application and documents to be kept</i>
Seksyen 8	<i>Enforcement of certificate of incorporation</i>
Seksyen 9	<i>Fee</i>
Seksyen 10	<i>Gifts to vest in body corporate</i>
Seksyen 11	<i>Common seal</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 12	<i>Petition to decide question whether person is a member of body corporate</i>
Seksyen 13	<i>Power of High Court and Yang di-Pertua Negeri</i>
Seksyen 14	<i>Liabilities of trustees</i>
Seksyen 15	<i>Contract not under seal</i>
Seksyen 16	<i>Payment of transfers in reliance on corporate seal protected</i>
Seksyen 17	<i>Appeal</i>
Seksyen 18	<i>Regulations</i>

D. Perbandingan undang-undang

12. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara Akta 258 dengan *Trustees (Incorporation) Ordinance* diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara Akta 258 dengan *Trustees (Incorporation) Ordinance* adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 8.3.

Jadual 8.3: Persamaan antara Akta 258 dengan *Trustees (Incorporation) Ordinance*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1	Proses pemerbadanan	Kedua-dua Akta ini memperuntukkan tentang permohonan pemegang amanah untuk diperbadankan sebagai badan korporat.	Sabah: Seksyen 2 Malaysia: Seksyen 2
2	Pemberian sijil pemerbadanan sebagai badan korporat	Kedua-dua Akta ini memperuntukkan tentang pemberian sijil pemerbadanan kepada badan atau kumpulan orang yang memohon untuk diperbadankan.	Sabah: Seksyen 2 Malaysia: Seksyen 2
3	Peletakhakan harta	Kedua-dua Akta ini memperuntukkan proses meletakkan harta kepada badan korporat apabila diperbadankan.	Sabah: Seksyen 3 Malaysia: Seksyen 3
4	Butir-butir yang berkaitan dengan permohonan sijil pemerbadanan	Kedua-dua Akta ini memerlukan butir-butir tertentu dimasukkan dalam permohonan sijil pemerbadanan.	Sabah: Seksyen 4 Malaysia: Seksyen 4
5	Pelantikan pemegang amanah dan pengisian kekosongan	Kedua-dua Akta ini memperuntukkan tentang pelantikan dan pengisian kekosongan pemegang amanah.	Sabah: Seksyen 5 Malaysia: Seksyen 5
6	Liabiliti pemegang amanah	Kedua-dua Akta ini menetapkan liabiliti pemegang amanah.	Sabah: Seksyen 14 Malaysia: Seksyen 6
7	Rekod permohonan dan dokumen yang perlu disimpan	Kedua-dua Akta ini menghendaki pihak berkuasa yang berkaitan untuk menyimpan rekod	Sabah: Seksyen 7 Malaysia:

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
	serta salinan yang perlu diberikan	semua permohonan, sijil pemerbadanan, dan lain-lain.	Seksyen 8
8	Penguatkuasaan syarat sijil pemerbadanan	Kedua-dua Akta ini menyatakan bahawa syarat dan arahan yang digariskan dalam sijil pemerbadanan mengikat pemegang amanah.	Sabah: Seksyen 8 Malaysia: Seksyen 9
9	Hadiah dll.	Kedua-dua Akta ini menyatakan bahawa sumbangan, hadiah, atau pelupusan harta atau tanah yang dibuat sebelum atau selepas pemerbadanan tetapi tidak berkuat kuasa, akan dianggap berkuat kuasa seolah-olah dibuat terus kepada badan korporat untuk tujuan yang dimaksudkan.	Sabah: Seksyen 10 Malaysia: Seksyen 11
10	Meterai biasa	Kedua-dua Akta ini menyatakan tentang penggunaan meterai biasa untuk tujuan tertentu.	Sabah: Seksyen 11 Malaysia: Seksyen 12
11	Peraturan	Kedua-dua Akta ini memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta.	Sabah: Seksyen 9 Malaysia: Seksyen 21

13. Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trustees (Incorporation) Ordinance*, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 8.4 di bawah.

Jadual 8.4: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trustees (Incorporation) Ordinance*

Bil.	Skop Perbezaan	Trustees (Incorporation) Ordinance	Akta 258
1	Pengawasan	Yang dipertua Negeri bertanggungjawab dalam memberikan sijil pemerbadanan kepada pemegang amanah, mengarahkan penyimpanan segala rekod dan bertindak membuat peraturan. (Seksyen-seksyen 2, 5, 8 & 9)	Menteri mempunyai kuasa yang lebih besar dan terperinci dimana beliau boleh bertindak untuk membatalkan dan menggantung sijil pemerbadanan, melantik Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar selain menteri perlulah berpuas hati dengan pelantikan mana-mana pemegang amanah. (Seksyen-seksyen 3, 4, 5, 6A & 20)
2	Kehilangan kelayakan pemegang amanah	Tiada peruntukan khusus.	Terdapat peruntukan tentang kehilangan kelayakan pemegang amanah dalam keadaan-keadaan yang tertentu. (Seksyen 6A)

Bil.	Skop Perbezaan	Trustees (Incorporation) Ordinance	Akta 258
3	Pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan	Tiada peruntukan khusus.	Kedua-dua Akta ini membenarkan pembatalan sijil pemerbadanan badan korporat jika ia adalah hasil penipuan, kesilapan, salah nyataan, penggunaan yang menyalahi undang-undang, mengejar objektif yang berbeza, dengan sengaja melanggar peraturan, atau melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda atau pemenjaraan. (Seksyen 17 & 19)
4	Penyata tahunan dan akaun	Tiada peruntukan khusus.	Pemegang amanah perlu menyimpan akaun yang lengkap bagi semua wang yang diterima dan dibayar, serta menyediakan dan mengemukakan penyata tahunan kepada Menteri sebelum 30 Jun setiap tahun. (Seksyen 14 & 15)

Bil.	Skop Perbezaan	Trustees (Incorporation) Ordinance	Akta 258
5	Pembubaran sukarela	Tiada peruntukan khusus.	Badan korporat boleh dibubarkan secara sukarela apabila berlaku peristiwa yang dinyatakan dalam surat ikatan amanah atau melalui persetujuan sebulat suara pemegang amanah, dengan persetujuan badan atau kumpulan orang yang melantik mereka. Pemegang amanah mesti segera memaklumkan Menteri, yang kemudian akan mengeluarkan perintah pembatalan sijil pemerbadanan pada tarikh yang ditetapkan. (Seksyen 18)
6	Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar	Tiada peruntukan khusus.	Menteri boleh melantik Pendaftar, Timbalan Pendaftar, dan Penolong Pendaftar untuk melaksanakan fungsi di bawah Akta ini. (Seksyen 20)

Bil.	Skop Perbezaan	Trustees (Incorporation) Ordinance	Akta 258
7	Kuasa penguatkuasaan	Kuasa Yang di-Pertua Negeri dalam penguatkuasaan dan syarat yang ditetapkan dalam sijil pemerbadanan. (Seksyen 2)	Menteri mempunyai kuasa untuk meluluskan atau menolak permohonan penubuhan badan korporat oleh pemegang amanah, menetapkan syarat-syarat dalam sijil pemerbadanan, dan mengawasi pematuhan terhadap peruntukan Akta tersebut. (Seksyen 2)

E. Kesimpulan

- Melalui kajian *Trustees (Incorporation) Ordinance (Sabah Cap. 148)* di Sabah, sangat jelas bahawa Akta 258 boleh dibaiki dengan beberapa penambahan penting. Salah satu cadangan utama ialah pengenalan yuran, yang boleh membantu dalam menampung kos pentadbiran dan pengurusan, serta memastikan bahawa proses pemerbadanan berjalan dengan lebih lancar. Hal ini demilian kerana seksyen 9 *Trustees (Incorporation) Ordinance (Sabah Cap. 148)* memperuntukkan perkara berkenaan dengan setiap permohonan dan pendaftaran sijil dikenakan yuran yang ditetapkan. Hal ini sangat berbeza Akta 258 kerana tidak menjelaskan yuran yang patut dikenakan bagi proses atau tatacara dalam Akta tersebut. Penjelasan yuran dalam Ordinan ini menunjukkan yuran pemprosesan yang ditetapkan dalam Ordinan ini.

15. Selain itu, peraturan tambahan seperti *Trustees Incorporation Rules, 1955* juga boleh diperkenalkan untuk memperkemaskan prosedur dan meningkatkan ketelusan dalam pengurusan pemegang amanah di Malaysia. Peraturan yang lebih jelas dan spesifik akan memastikan pematuhan yang lebih ketat dan mengurangkan risiko penyalahgunaan, seterusnya memperkukuh struktur dan integriti pemegang amanah di Malaysia. Pertambahan kaedah ini dalam ordinan Sabah antara patut yang dicontohi dalam Akta 258. Hal ini demikian kerana, kaedah yang diperkenalkan akan memberikan penerangan yang lebih jelas berkenaan dengan satu dokumen dan pegawai yang patut mengendalikan proses tersebut.

16. Walau bagaimanapun, model Sabah juga mempunyai kelemahan yang perlu diatasi. Antara kelemahan utama ialah kuasa yang terlalu luas kepada Yang di-Pertua Negeri, memahami ordinan Sabah secara menyeluruh kuasa *Governor* telah digantikan dengan Yang di-Pertua Negeri. Hal ini sangat berbeza dengan Akta 258 kerana Akta tersebut memberikan kuasa utama kepada Menteri untuk melantik pendaftar dan lain-lain untuk melancarkan tadbir urus. Tambahan pula, walaupun Sabah mempunyai elemen ketelusan, kebergantungan yang tinggi pada arahan dan syarat khusus daripada Yang di-Pertua Negeri akan menyebabkan penguatkuasaan akta tersebut secara keseluruhan gagal dikecapi. Kelemahan ini akan mencerminkan ketirisan dalam mengawal selia sebarang aktiviti berkaitan Pemerbadanan. Malaysia wajar mempertimbangkan untuk merujuk negeri Sabah dalam konteks undang-undang. Perkara ini tidak hanya meningkatkan kepercayaan dalam sistem, tetapi juga boleh membantu dalam mengelakkan penyelewengan selain memastikan pematuhan terhadap syarat yang ditetapkan.

BAB 9

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMEGANG AMANAH DI SARAWAK

A. Pengenalan

1. Sarawak yang dikenali sebagai Bumi Kenyalang ialah wilayah terbesar di Malaysia yang terletak di Pulau Borneo. Sarawak telah mencapai kemerdekaan daripada penjajahan British pada 22 Julai 1963 sebelum Sarawak menyertai Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Dengan keluasan wilayah yang terbesar di Malaysia, Sarawak, bersama dengan Sabah dan Labuan, dikenali sebagai Malaysia Timur. Sarawak memiliki sejarah penghunian manusia yang bermula lebih daripada 40,000 tahun lalu di Gua Niah. Pengkajian arkeologi telah menemukan pelbagai artifak dan tembikar yang membuktikan peradaban awal di wilayah ini. Pada abad ke-16, wilayah pesisir Sarawak berada di bawah pengaruh Empayar Brunei sebelum diperintah oleh keluarga Brooke dari tahun 1841 hingga tahun 1946. Setelah Perang Dunia II dan pemerintahan Jepun, Sarawak menjadi negeri jajahan Mahkota British dan membentuk kerajaan pada 22 Julai 1963 sebelum menyertai Persekutuan Malaysia (Runciman, 2011).
2. Ketua wilayah Sarawak ialah Gabenor (Yang di-Pertua Negeri), sementara ketua kerajaan ialah Ketua Menteri Sarawak. Sarawak dibahagikan kepada beberapa bahagian pentadbiran dan daerah-daerah yang dikawal oleh sistem parlimen Westminster. Dengan sumber semula jadi yang banyak, ekonomi negeri Sarawak terkenal dengan pengeksporan minyak dan gas, kayu, serta kelapa sawit, selain memiliki sektor perkilangan, tenaga dan pelancongan yang kuat. Sarawak juga dikenali dengan kepelbagaian etnik, budaya dan bahasa dengan kumpulan etnik utama, termasuk Iban, Cina, Melayu, Melanau, Bidayuh dan etnik yang lain (Runciman, 2011).

Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ialah bahasa rasmi dan Sarawak mengamalkan kebebasan beragama tanpa agama rasmi.

3. Pemerbadanan pemegang amanah merujuk penubuhan badan korporat yang bertindak sebagai pemegang amanah untuk menguruskan aset-aset tertentu bagi kepentingan penerima manfaat yang dinyatakan. Di Sarawak, *Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7)* berfungsi sebagai undang-undang yang mengawal selia pengurusan amanah di negeri tersebut. Undang-undang ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan aset-aset amanah diuruskan dengan cekap dan efisien. Pengurusan amanah yang berkesan adalah penting untuk memastikan bahawa aset-aset ini digunakan bagi mengelakkan ketirisan dan penerima manfaat yang berhak.
4. Pemilihan Sarawak oleh Pasukan Penyelidik sebagai model perbandingan dalam kajian tentang pindaan Akta 258 boleh dijustifikasikan berdasarkan beberapa faktor. Yang pertama, Sarawak mempunyai sejarah yang panjang dalam pengurusan amanah khairat sejak tahun 1994. Pengalaman dan amalan yang telah lama wujud ini boleh dijadikan model untuk mengembangkan undang-undang serupa di Semenanjung Malaysia. Yang kedua, kepelbagaian etnik dan budaya di Sarawak memberikan perspektif yang unik dalam pengurusan amanah. Hal ini boleh membantu dalam membentuk undang-undang yang lebih inklusif dan sensitif terhadap kepelbagaian budaya di Semenanjung Malaysia. Yang Ketiga, kajian tentang undang-undang di Sarawak memberikan peluang untuk memahami perbezaan dalam pelaksanaan undang-undang pemegang amanah. Hal ini boleh membantu dalam memperkaya sistem perundangan di Semenanjung Malaysia dengan menggabungkan amalan terbaik dari Sarawak.

Dengan mempertimbangkan faktor-faktor ini, kajian tentang *Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7)* dapat memberikan panduan yang berharga dan yang cadangan praktikal untuk menambah baik dan memperkukuh rangka kerja undang-undang di Semenanjung Malaysia.

B. Undang-undang tentang Amanah

- Di Sarawak, terdapat dua ordinan yang berkaitan dengan pemegang amanah dalam skop amanah khairat. Pertamanya, dikenali sebagai *Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7)*. Ordinan ini memfokuskan tentang amanah khairat di Sarawak. Keduanya, *Public Collections Ordinance, 1996 (Chapter 21)*. Sarawak yang merupakan undang-undang yang mengatur pemungutan wang atau sumbangan daripada orang awam di Sarawak. Ordinan ini menetapkan syarat-syarat dan tatacara untuk menjalankan pemungutan awam bagi memastikan kegiatan tersebut dilaksanakan dengan telus dan bertanggungjawab. Jadual 9.1 menunjukkan senarai undang-undang berkaitan dengan amanah di Sarawak.

Jadual 9.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>Sarawak Charitable Trust Ordinance 1994. (Cap. 7)</i>	Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7) ialah undang-undang yang penting dalam mengatur pengurusan dana dan harta yang dikumpulkan untuk tujuan khairat di Sarawak.
2.	<i>Public Collections Ordinance, 1996 (Cap.21)</i>	Menyediakan rangka kerja perundangan yang kukuh untuk mengatur pengumpulan dana daripada orang awam.

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

6. Di Sarawak, tidak terdapat undang-undang khusus tentang pemerbadanan pemegang amanah sebagaimana yang wujud di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Walau bagaimanapun, undangundang relevan dalam membincangkan pemerbadanan pemegang amanah di Sarawak ialah *Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7)*. Jadual 9.2 di bawah menunjukkan senarai kandungan *Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7)*.

Jadual 9.2: Senarai Kandungan
Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7)

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 1	<i>Short title</i>
Seksyen 2	<i>Interpretation</i>
Seksyen 3	<i>Charitable trust</i>
Seksyen 4	<i>Board of trustees</i>
Seksyen 5	<i>Procedures</i>
Seksyen 6	<i>Account statement</i>
Seksyen 7	<i>Power of the board</i>
Seksyen 8	<i>Liabilities of trustees</i>
Seksyen 9	<i>Power of Minister to inquire</i>
Seksyen 10	<i>Result of inquiry</i>
Seksyen 11	<i>Power to protect trust property</i>
Seksyen 12	<i>Addition of trust property</i>
Seksyen 13	<i>Variation of charitable purpose</i>
Seksyen 14	<i>Application to High Court</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 15	<i>Winding up</i>
Seksyen 16	<i>Rules of High Court to apply to any petition under this ordinance</i>
Seksyen 17	<i>Who may prosecute</i>
Seksyen 18	<i>Regulations</i>
Seksyen 19	<i>Repeal and saving</i>

D. Perbandingan undang-undang

7. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara Akta 258 dengan *Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7)* diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara Akta 258 dengan *Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7)* adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 9.3.

Jadual 9.3: Persamaan antara Akta 258 dengan *Charitable Trusts Ordinance, 1994 (Chapter 7)*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Liabiliti pemegang amanah	Kedua-dua undang-undang menetapkan liabiliti pemegang amanah.	Sarawak: Seksyen 13 Malaysia: Seksyen 6
2.	Penyimpanan rekod	Kedua-dua undang-undang menghendaki pihak berkuasa yang berkaitan untuk menyimpan rekod.	Tanzania: Seksyen 9 Malaysia: Seksyen 3

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
3.	Hadiah dll.	Kedua-dua undang-undang menyatakan bahawa sumbangan, hadiah, atau pelupusan harta atau tanah yang dibuat sebelum atau selepas pemerbadanan tetapi tidak berkuat kuasa, akan dianggap berkuat kuasa seolah-olah dibuat terus kepada perbadanan atau pertubuhan perbadanan untuk tujuan yang dimaksudkan.	Sarawak: Seksyen 6 Malaysia: Seksyen 8
4.	Meterai biasa	Kedua-dua undang-undang menetapkan keperluan untuk mengadakan meterai rasmi bagi badan korporat.	Sarawak: Seksyen 12 Malaysia: Seksyen 11

8. Perbezaan antara Akta 258 dengan *Charitable Trusts Ordinance, 1994* (*Chapter 7*) adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 9.4.

Jadual 9.4: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Charitable Trusts Ordinance, 1994* (*Chapter 7*)

Bil.	Skop Perbezaan	Uganda	Malaysia
1.	Tujuan	Suatu Ordinan untuk memansuhkan dan menggantikan Ordinan Amanah Khairat [Cap. 102 (Edisi 1958)] dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik dalam undangundang berkenaan dengan penciptaan, pentadbiran dan pengurusan amanah khairat serta untuk memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan yang bersampingan dengannya.	Pemerbadanan pemegang amanah suatu badan atau persatuan.
2.	Tafsiran	Mendefinisikan istilah seperti “tujuan khairat” dan “pemegang amanah.” (Seksyen 2)	Mentafsirkan “sijil pemerbadanan.” (Seksyen 1A)
3.	Pemerbadanan	Butiran penubuhan pendaftaran khairat. (Seksyen 4) tentang dan amanah	Tiada peruntukan khusus untuk khairat.

Bil.	Skop Perbezaan	Uganda	Malaysia
4.	Perlindungan	Menteri boleh mengambil tindakan untuk melindungi harta amanah khairat jika didapati berlaku salah laku atau pengurusan yang tidak betul. Tindakan ini termasuk menyingkirkan mereka yang terlibat, memindahkan harta kepada Amanah Raya Berhad, mengawal penggunaan wang atau sekuriti, dan mengehendkan urusan niaga atau pembayaran tanpa kelulusan Menteri. (Seksyen 11)	Tiada peruntukan khusus untuk khairat.
5.	Hukuman	Hukuman bagi pengurusan yang salah dan kegagalan melaksanakan tugas (Seksyen 9)	Tiada peruntukan tentang aspek ini.

E. Kesimpulan

9. Bagi meningkatkan keberkesanan Akta 258, beberapa elemen penting daripada Ordinan Amanah Khairat 1994 perlu dipertimbangkan untuk penambahbaikan. Pertama sekali, penjelasan tentang struktur pemegang amanah perlu diperincikan dalam Akta 258. Struktur yang jelas, termasuk bilangan ahli dan peranan masing-masing seperti yang dinyatakan dalam Ordinan Amanah Khairat, akan membantu dalam memastikan pengurusan yang lebih teratur dan efisien. Penetapan bilangan minimum ahli, serta tanggungjawab khusus seperti pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, dan bendahari, dapat memudahkan pelaksanaan tugas-tugas dan pengawasan dalam pemegang amanah. Hal ini akan mengurangkan risiko kekeliruan dalam tanggungjawab dan meningkatkan keberkesanan pengurusan amanah.
10. Selain itu, pengukuhan kuasa pengurusan dan tanggungjawab adalah aspek penting yang perlu diambil kira. Ordinan Amanah Khairat memberikan panduan terperinci mengenai kuasa lembaga amanah dalam pengurusan harta, pelaburan, dan transaksi. Mengadaptasi elemenelemen ini dalam Akta 258 akan meningkatkan kecekapan pengurusan amanah dengan memberikan garis panduan yang jelas mengenai bagaimana harta amanah perlu diurus dan dilaburkan. Penjelasan mengenai hak dan kuasa lembaga amanah dalam membuat keputusan penting, seperti pelaburan dan transaksi, akan membantu mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan memastikan bahawa keputusan diambil dengan penuh tanggungjawab dan ketelusan.

11. Akhir sekali, peraturan tentang penyerahan akaun yang lebih ketat perlu diterapkan dalam Akta 258 untuk meningkatkan ketelusan dan pengawasan. Ordinan Amanah Khairat menghendaki lembaga amanah untuk menyerahkan penyata akaun dan maklumat lain secara teratur kepada pihak berkuasa dan memaparkannya di alamat berdaftar amanah. Mengadaptasi peraturan ini dalam Akta 258 akan memastikan bahawa akaun amanah dipantau dengan lebih teliti dan dapat diakses oleh penyumbang serta penerima manfaat. Selain itu, memberikan kuasa tambahan kepada pendaftar atau pihak berkuasa untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap sebarang ketidakpatuhan atau penyalahgunaan akan memperkukuh mekanisme pengawasan dan memastikan pengurusan amanah yang lebih baik dan berintegriti.

BAB 10

UNDANG-UNDANG DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

A. Pengenalan

1. Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA) ditubuhkan pada 15 Februari 1996 mengikut Labuan Financial Services Authority Act 1996 [Akta 545]. Berdasarkan seksyen 2(1) Akta tersebut, “Authority” merujuk Labuan FSA yang diwujudkan mengikut seksyen 3 Akta yang sama. Seksyen 3 memberikan kuasa kepada Labuan FSA untuk mengendalikan pentadbiran Akta ini, tertakluk pada arahan dan kawalan umum Menteri.
2. Selain itu, Labuan FSA berhak untuk mewakili kuasanya kepada mana-mana anggotanya atau pegawainya bagi melaksanakan fungsi-fungsi tertentu. Sebagai sebuah badan berkanun, Labuan FSA bertanggungjawab untuk memastikan semua urusan dan pembangunan di Labuan *International Business and Financial Centre* (Labuan IBFC) berjalan dengan lancar dan berkesan.
3. Objektif utama Labuan FSA adalah seperti yang berikut:
 - (a) mempromosikan dan membangunkan Labuan sebagai pusat antarabangsa untuk perkhidmatan perniagaan dan kewangan;
 - (b) membangunkan objektif, dasar dan keutamaan negara untuk pembangunan teratur dan pentadbiran perniagaan antarabangsa dan perkhidmatan kewangan di Labuan; dan
 - (c) bertindak sebagai pihak berkuasa kawal selia, penyeliaan dan penguatkuasaan pusat perniagaan antarabangsa dan industri perkhidmatan kewangan di Labuan.

4. Labuan FSA melesenkan dan mengawal selia entiti berlesen yang beroperasi dalam Labuan IBFC. Selain itu, Labuan FSA memastikan semua entiti tersebut kekal mematuhi undang-undang dan peraturan di Labuan di samping mematuhi piawaian antarabangsa yang diterima pakai.
5. Labuan FSA membangunkan dasar kawal selia untuk memastikan pengendalian perniagaan dan perkhidmatan kewangan yang teratur di Labuan IBFC.
6. Tambahan pula, Labuan FSA juga bertindak untuk mengawal selia entiti yang berkaitan dengan pemegang amanah dan juga amanah khairat.

B. Yayasan Bersifat Khairat

7. Labuan menyediakan pendekatan berstruktur untuk penubuhan yayasan khairat di bawah Akta Yayasan Labuan 2010. Yayasan khairat di Labuan ditubuhkan untuk menguruskan aset bagi manfaat tujuan khairat yang tertentu atau benefisiari dan dibenarkan untuk mengumpul dana daripada orang awam.
8. Yayasan Labuan boleh dikelaskan kepada tiga jenis yang utama, iaitu yayasan khairat, yayasan persendirian, dan yayasan korporat. Yayasan khairat menawarkan sokongan kewangan atau bentuk bantuan lain untuk tujuan yang tidak berasaskan keuntungan dan dibenarkan mengumpul dana awam. Yayasan persendirian biasanya digunakan untuk tujuan perancangan harta pusaka untuk memberikan manfaat kepada ahli keluarga dan tidak mengumpul dana daripada orang awam. Yayasan korporat pula ialah yayasan persendirian yang ditaja oleh syarikat yang bermotifkan keuntungan sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat mereka.

9. Proses penubuhan yayasan ini melibatkan pendaftaran dengan Labuan FSA, penyerahan dokumen termasuk piagam yayasan dan butiran endowmen awal, serta pelantikan syarikat amanah Labuan yang berdaftar sebagai setiausaha yayasan untuk mengurus fungsi pentadbiran.

10. Pengurusan utama yayasan khairat Labuan terdiri daripada:
 - (i) Pegawai - tugas utamanya adalah untuk pentadbiran kerana pegawai bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran yayasan yang wajar.

 - (ii) Setiausaha - Setiausaha ditafsirkan sebagai Syarikat Amanah Labuan yang dilantik mengikut seksyen 41 Akta Yayasan Labuan. Setiausaha bertindak sebagai penyedia perkhidmatan kepada yayasan dan menjalankan semua fungsi kesetiausahaan, termasuk pemfailan dan penyerahan dokumen dengan Labuan FSA.


 - (iii) Ahli Majlis - bertanggungjawab untuk penyeliaan umum tentang pengurusan yayasan dan memastikan tujuan penubuhan yayasan itu dipenuhi/dicapai mengikut piagam dan undang-undang. Kuasa majlis adalah serupa dengan Lembaga Pengarah sebuah syarikat.

 - (iv) Penyelia – berperanan untuk memastikan ahli majlis bertindak mengikut piagam serta menjaga harta yayasan Labuan sesuai dengan tujuan dan objektif.

11. Proses pendaftaran sebuah yayasan di Labuan adalah seperti yang digambarkan oleh Rajah di bawah:

Rajah 10.1: Proses Pendaftaran Yayasan di Labuan

Sumber: Labuan FSA



12. Dalam aspek pengumpulan dana daripada orang awam, terdapat keperluan khusus yang perlu dipenuhi oleh Yayasan Khairat untuk membolehkannya memungut dana awam mengikut Perenggan 8 Garis Panduan Penubuhan Yayasan Labuan.
13. Yayasan Khairat Labuan yang hendak mengutip dana daripada orang awam hendaklah mematuhi perkara yang berikut:
 - (i) Yayasan mesti melantik majlis yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang yang layak dan sesuai, dengan majoritinya yang bebas daripada pengasas.
 - (ii) Melantik penyelia mengikut Garis Panduan Orang yang Layak dan Sesuai, yang dikeluarkan oleh Labuan FSA.
 - (iii) Menyediakan memorandum maklumat untuk orang awam, termasuk nama yayasan, tujuan, ahli majlis, dan status di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

- (iv) Menyerahkan cadangan pelan operasi am yang memperincikan pengurusan, penggunaan dan pengagihan harta.
 - (v) Menyerahkan akaun yang telah diaudit pada setiap tahun kepada Labuan FSA dalam tempoh enam bulan selepas tamat setiap tahun kewangan.
 - (vi) Memperoleh kelulusan terlebih dahulu daripada Labuan FSA untuk menubuhkan pejabat wakil di luar Labuan, termasuk di Malaysia. Pejabat wakil dihadkan kepada pemudahan mesyuarat dan fungsi pentadbiran serta tidak boleh terlibat dalam aktiviti menjana pendapatan atau mengutip dana. Selain itu, laporan dua kali setahun tentang aktiviti yang dijalankan di pejabat wakil mestilah diserahkan kepada Labuan FSA (setiap 6 bulan).
 - (vii) Mematuhi keperluan undang-undang di bidang kuasa atau pasaran, iaitu tempat mereka beroperasi, termasuk memperoleh kelulusan dan kebenaran yang diperlukan daripada pihak berkuasa berkaitan.
14. Labuan FSA yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 berfungsi sebagai badan pengawal selia yang mengawasi entiti-entiti ini. Labuan FSA telah mengeluarkan garis panduan tentang penubuhan dan pengurusan yayasan di Labuan. Garis panduan ini menyediakan tatacara terperinci untuk pendaftaran, keperluan peraturan, dan piawaian pematuhan di samping memastikan yayasan beroperasi dengan telus dan berkesan. Garis panduan ini merangkumi pelbagai aspek, termasuk komposisi yayasan, peranan pengasas, ahli majlis, pegawai, dan penerima manfaat.

C. Perbandingan dengan Akta 284

15. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan antara tiga Akta, iaitu *Labuan Financial Services Act 2010* (Labuan FSA), Akta Amanah Labuan 1996 dan Akta Yayasan Labuan 2010 berdasarkan enam parameter kajian yang telah ditetapkan.

Jadual 10.1: Perbandingan Undang-undang tentang Amanah di Labuan

Bil.	Parameter	Penjelasan	Peruntukan
1.	Tafsiran	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat beberapa definisi yang menyentuh isu penting dalam penubuhan suatu amanah, termasuk amanah khairat 	<p>(i) Akta Amanah Labuan 1996</p> <ul style="list-style-type: none"> Seksyen 11B menyatakan bahawa tujuan khairat ialah tujuan-tujuan yang memberikan manfaat kepada masyarakat atau sebahagian besar masyarakat untuk tujuan berikut: <ul style="list-style-type: none"> ✓ bantuan atau pembasmian kemiskinan; ✓ peningkatan pendidikan; ✓ promosi seni, sains, dan agama; ✓ perlindungan alam sekitar; ✓ peningkatan hak asasi manusia dan kebebasan asas; dan

Bil.	Parameter	Penjelasan	Peruntukan
			<p>✓ apa-apa tujuan lain yang memberikan manfaat kepada masyarakat.</p> <p>(ii) Akta Yayasan Labuan 2010</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 7(2) menetapkan bahawa tujuan atau matlamat yayasan Labuan boleh merangkumi apa-apa tujuan yang tidak menyalahi undang-undang, tidak bermoral, atau bertentangan dengan dasar awam di Malaysia. <p>(iii) Perenggan 5.0 Garis Panduan Penubuhan Yayasan Labuan, termasuk Yayasan Islam, memperluas lagi tujuan khairat untuk merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) pencegahan dan bantuan kemiskinan; (b) peningkatan agama, profesion, atau pendidikan; (c) peningkatan kesihatan, termasuk pencegahan dan bantuan penyakit, kesakitan, atau penderitaan manusia; (d) peningkatan sosial

Bil.	Parameter	Penjelasan	Peruntukan
			<p>dan masyarakat, termasuk penjagaan, sokongan, dan perlindungan warga emas, orang kurang upaya, kanak-kanak, dan belia;</p> <p>(e) peningkatan budaya, seni, dan warisan;</p> <p>(f) peningkatan sukan amatur yang mempromosikan kesihatan melalui usaha fizikal atau mental;</p> <p>(g) promosi hak asasi manusia, penyelesaian konflik, dan pendamaian;</p> <p>(h) peningkatan perlindungan dan penambahbaikan alam sekitar;</p> <p>(i) peningkatan kebajikan haiwan; dan</p> <p>(j) peningkatan kemudahan untuk rekreasi atau kegiatan masa lapang lain demi kepentingan kebajikan sosial.</p>

Bil.	Parameter	Penjelasan	Peruntukan
2.	Tadbir urus	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat beberapa peruntukan menyetuh tadbir urus. 	<ul style="list-style-type: none"> (i) Akta Amanah Labuan <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 6A2 (ii) Labuan FSA <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 52 dan 53 (iii) Akta Yayasan Labuan <ul style="list-style-type: none"> • Part IV & VII
3.	Kawalan Proses Pemerbadanan	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat beberapa peruntukan yang berkaitan dengan permohonan bagi pendaftaran dan pembubaran Yayasan Khairat dan juga pendaftaran dana awam. 	<ul style="list-style-type: none"> (i) Akta Amanah Labuan - Seksyen 12, 13, 14 & 16 <ul style="list-style-type: none"> • Akta yang menyediakan pembentukan dan pengiktirafan amanah Labuan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. (ii) Labuan FSA <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 31 – seksyen 35: pendaftaran dana awam (iii) Akta Yayasan Labuan <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 14, 15 dan 16: pendaftaran • Akta yang menyediakan peruntukan tentang penubuhan, pendaftaran dan pembubaran Yayasan Labuan dan perkara-

Bil.	Parameter	Penjelasan	Peruntukan
			perkara lain yang berkaitan dengannya (termasuk yayasan khairat).
4.	Pendedahan maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat beberapa peruntukan dalam Labuan FSA yang menekankan kepentingan kepada ketelusan dalam pemberian maklumat. 	(i) Labuan FSA <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 17A: Pemeliharaan kerahsiaan • Seksyen 28B(1): Dalam menjalankan fungsi penyeliaannya, Labuan FSA mempunyai kuasa untuk meminta pendedahan maklumat.
5.	Pemantauan dan pengawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan tentang tanggungjawab pemantauan wujud dalam Labuan FSA. Hal ini termasuk tanggungjawab pelaporan, kuasa untuk memeriksa dan mengesahkan laporan. 	(i) Labuan FSA <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 28C: Kuasa untuk meminta, menyiasat, memeriksa, meneliti, membuat salinan atau mengambil ekstrak mana-mana rekod, laporan atau dokumen daripada mana-mana institusi kewangan Labuan atau syarikat berkaitan dengannya.

Bil.	Parameter	Penjelasan	Peruntukan
6.	Pematuhan dan Sanksi bagi Ketidakpatuhan	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan tentang proses bagi memastikan pematuhan yang berterusan ada diperuntukkan dalam Labuan FSA. 	(i) Labuan FSA <ul style="list-style-type: none"> Seksyen 28BA: Kuasa untuk melaporkan kepada polis atau menyampaikan maklumat kepada mana-mana institusi perbankan atau institusi kewangan lain atau orang yang mungkin telah terjejas oleh kesalahan yang dilakukan oleh institusi kewangan Labuan. Seksyen 28D: Pelantikan Pegawai Penyiasat (IO) Seksyen 28E: Kuasa untuk memasuki, mencari dan merampas.

D. Kesimpulan

16. Perbandingan dengan *Labuan Financial Services Act 1996*, Akta Amanah Labuan 1996 dan Akta Yayasan Labuan 2010 memberikan suatu gambaran yang jelas walaupun tidak sepenuhnya menyeluruh. Bukan hanya dari segi nama, tetapi konteks peruntukan akta-akta tersebut merangkumi peruntukan yang memenuhi parameter kajian yang telah ditetapkan. Peruntukan-peruntukan tersebut sangat berguna dalam menilai sama ada ketiadaannya dalam Akta 258 merupakan suatu kelompangan yang perlu diatasi melalui pindaan akta.
17. Dengan itu, melalui perbandingan ini, Pasukan Penyelidik berpendapat bahawa Labuan FSA merupakan suatu model yang wajar dipertimbangkan dalam kajian berkaitan dengan Akta 258. Sebagai contoh, Akta Labuan FSA memperuntukkan tentang buku daftar dan penyimpanan akaun yang diaudit, pendaftaran dana awam, kerahsiaan, kuasa untuk menyiasat dan kuasa untuk membuat laporan. Begitu juga halnya dengan dengan Akta Amanah Labuan 1996 dan Akta Yayasan Labuan 2010 yang mempunyai peruntukan-peruntukan yang tidak ada dalam Akta 258, tetapi merupakan peruntukan yang kelihatan penting untuk dimasukkan.
18. Labuan FSA mempunyai kerangka perundangan yang menawarkan perlindungan kukuh melalui sistem dua lapisan yang melibatkan kedua-dua Syarikat Amanah Labuan dan Labuan FSA. Struktur ini memastikan pemantauan yang menyeluruh, penapisan dan kebertanggungjawaban untuk yayasan khairat di samping meningkatkan integriti dan ketelusan sektor tersebut.

BAB 11

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMEGANG AMANAH DI NEGERI LAIN

A. Pengenalan

1. Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] merupakan suatu undang-undang yang telah digubal dengan tujuan untuk melicinkan dan memperkemas tadbir urus berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah di Semenanjung Malaysia. Sejak Akta 258 diperkenalkan pada tahun 1952, Akta ini telah berfungsi sebagai panduan utama bagi mana-mana badan atau kumpulan orang yang ingin diperbadankan mereka di samping menetapkan asas bagi pengurusan amanah di Malaysia. Pindaan kepada Akta 258 perlu dilihat dari sudut yang holistik dengan mengambil kira perkembangan semasa dan keperluan yang berubah dalam pengurusan amanah. Dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada pelbagai negeri dengan undang-undang dan peraturan yang berbeza, adalah penting untuk mempertimbangkan undang-undang yang wujud di setiap negeri. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap negeri mempunyai undang-undang dan peraturan tersendiri yang mempunyai kaitan dengan amanah.
2. Pada peringkat negeri, terdapat pelbagai undang-undang dan pengawal selia yang menjalankan tugas pengurusan amanah dan wakaf, khususnya dalam kalangan umat Islam. Sebagai contoh, di negeri-negeri seperti Johor, Selangor dan Pulau Pinang, terdapat lembaga wakaf dan institusi Islam yang diiktiraf oleh kerajaan negeri yang mempunyai tanggungjawab khusus dalam pengurusan dan pentadbiran harta wakaf dan amanah yang diperuntukkan dalam undang-undang di negeri tersebut. Di samping itu, badan-badan ini juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan bahawa harta wakaf digunakan mengikut tujuan yang ditetapkan oleh pewakaf dan mematuhi syariah. Penubuhan lembaga-lembaga ini bertujuan untuk memantau dan memastikan bahawa

pengurusan amanah dan wakaf dilakukan dengan cara yang adil dan sesuai dengan keperluan undang-undang serta prinsip-prinsip Islam. Oleh itu, apa-apa pindaan kepada Akta 258 perlu mempertimbangkan keperluan untuk menyelaraskan dan menyepadukan undang-undang ini dengan undang-undang negeri yang sedia ada serta peranan lembaga-lembaga ini dalam pengurusan amanah dan wakaf. Oleh itu, jelas bahawa pindaan Akta 258 sewajarnya dilihat dari sudut yang holistik.

B. Undang-undang tentang Amanah

3. Dari segi undang-undang berkaitan dengan amanah, kedudukan di negeri-negeri di Malaysia telah dilihat secara umum. Pemerhatian terhadap kedudukan undang-undang berkaitan dengan amanah di negeri-negeri adalah seperti yang digambarkan dalam Jadual 11.1.

Jadual 11.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di Negeri-negeri di Malaysia

Bil.	Negeri	Nama Statut
1.	Seluruh negeri	<ul style="list-style-type: none"> • Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208] <ul style="list-style-type: none"> - Suatu Akta yang berkaitan dengan pemegang amanah; terpakai di seluruh Malaysia.
2.	Semenanjung Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] • Akta Syarikat Amanah 1949 [Akta 100] • Akta Pertubuhan 1966 [Akta 832]

Bil.	Negeri	Nama Statut
3.	Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • <i>State of Sabah Trustees (Incorporation) Ordinance (Sabah Cap. 148)</i> <ul style="list-style-type: none"> - Suatu undang-undang untuk pemerbadanan pemegang amanah di Sabah. Ordinan ini membolehkan pemegang amanah atau kumpulan pemegang amanah untuk diperbadankan sebagai entiti perundangan yang berasingan, memberi mereka kapasiti undang-undang yang sama, seperti individu atau syarikat. - <i>The Trustees Incorporation Rules, 1955</i> merupakan kaedah bagi <i>Trustees (Incorporation) Ordinance Cap 148</i> yang memperuntukkan aturan-aturan berkenaan dengan proses dan tatacara yang perlu diikuti oleh pemegang amanah yang ingin diperbadankan di bawah undang-undang tersebut. • <i>Public Collection Ordinance Sabah (Cap. 112)</i> <ul style="list-style-type: none"> - terpakai kepada pungutan wang yang dibuat daripada orang awam di Sabah. • Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992 (Enakmen No. 13 Tahun 1992) <ul style="list-style-type: none"> - ada peruntukan yang berkaitan dengan amanah khairat (seksyen 43 - seksyen 55) dan pungutan khairat (seksyen 67) • Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018 (Enakmen No. 7 Tahun 2018) <ul style="list-style-type: none"> - memperuntukkan "Majlis sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua mawquf".

Bil.	Negeri	Nama Statut
4.	Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Sarawak Charitable Trust Ordinance 1994 (Cap. 7)</i> (Ordinan Amanah Khairat Sarawak 1994) <ul style="list-style-type: none"> - Undang-undang yang penting dalam mengatur pengurusan dana dan harta yang dikumpulkan untuk tujuan khairat di Sarawak. • <i>Public Collections Ordinance, 1996 (Cap.21)</i> <ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan kerangka perundangan yang kukuh untuk mengatur pengumpulan dana daripada orang awam. • Bab 41 Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 43-55 (Bahagian V- Penubuhan Lembaga Baitulmal dan Wakaf, Baitulmal, Wakaf dan Nazr) mempunyai kaitan dengan konsep amanah.
5.	Johor	<ul style="list-style-type: none"> • Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 [Akta 75] (KEJORA) <ul style="list-style-type: none"> - Suatu Akta yang memperbadankan Lembaga Kemajuan Johor. • Kaedah-Kaedah Wakaf 1983. • Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (Enakmen No. 16 Tahun 2003)
6.	Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> • Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan [Akta 203] (KESEDAR) <ul style="list-style-type: none"> - Suatu Akta untuk memperbadankan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Bil.	Negeri	Nama Statut
		<ul style="list-style-type: none"> • Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (Enakmen No. 4 Tahun 1994) <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 61-66 (Wakaf dan Nazr) - Seksyen 67 (Pungutan Khairat) • Enakmen Yayasan Amanah Tok Kenali Negeri Kelantan 2015 (Enakmen No. 14 Tahun 2015)
7.	Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 89-95 (Wakaf, Nazr dan Amanah) - Seksyen 106 (Pungutan Khairat) • Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999. • Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen No. 15 Tahun 2015) • Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001 (Enakmen No. 14 Tahun 2001) • Perintah Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor 2011.
8.	Perak	<ul style="list-style-type: none"> • Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Perak 2016 (Enakmen No. 10 Tahun 2016) <ul style="list-style-type: none"> - terdapat peruntukan yang berkaitan dengan pemerbadanan. Seksyen 2 Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Perak 2016 (Enakmen No. 10 Tahun 2016) - turut menjelaskan bahawa “orang” sebagai termasuklah kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan.

Bil.	Negeri	Nama Statut
		<ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 59 Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Perak 2016 (Enakmen No. 10 Tahun 2016) memperuntukkan bahawa bagi maksud Enakmen Rizab Melayu 1933 [Bab 142] berhubungan dengan tanah yang dirizabkan untuk dimiliki oleh orang Melayu, Lembaga hendaklah disifatkan sebagai sebuah perbadanan Melayu. - Seksyen 65 Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Perak 2016 (Enakmen No. 10 Tahun 2016) memperuntukkan jika suatu badan korporat yang ditubuhkan di bawah seksyen 20 melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini. • Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Enakmen No. 4 Tahun 2004): <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 78-84 (Wakaf, Nazr dan Amanah) - Seksyen 95 (Pungutan Khairat) • Enakmen Wakaf (Perak) 2015 (Enakmen No. 9 Tahun 2015) • Enakmen Yayasan Perak 1979 (Enakmen No. 2 Tahun 1979) <ul style="list-style-type: none"> - Yayasan Perak ditubuhkan pada 12 Julai 1979 mengikut Enakmen Yayasan Perak Bil. 2 tahun 1979. Enakmen asal ini telah dipinda dan digantikan dengan Enakmen Yayasan Perak Bil. 6 Tahun 1994 yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 29 Ogos 1994. Pada peringkat awal penubuhan Yayasan Perak, ia telah diuruskan oleh seorang pegawai di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak secara sambilan.

Bil.	Negeri	Nama Statut
9.	Perlis	<ul style="list-style-type: none"> • Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Enakmen No. 4 Tahun 2016) <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 5(1): Majlis hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, dan, sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, meterai Majlis terdahulu bolehlah digunakan sebagai meterai perbadanan bagi Majlis. - Seksyen 5(2) Majlis boleh mendakwa dan didakwa dengan nama perbadanannya. - Seksyen 89-95 (Wakaf, Nazr dan Amanah) - Seksyen 106 (Pungutan Khairat)
10.	Kedah	<ul style="list-style-type: none"> • Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (Enakmen No. 5 Tahun 2008) <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 52-58 (Wakaf, Nazr dan Amanah) - Seksyen 69 (Pungutan Khairat)
11.	Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> • Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004 (Enakmen No. 4 Tahun 2004) <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 89-95 (Wakaf, Nazr dan Amanah) - Seksyen 106 (Pungutan Khairat)

Bil.	Negeri	Nama Statut
12.	Pahang	<ul style="list-style-type: none"> • Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991 (Enakmen No. 3 Tahun 1991) <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 67-81 (Wakaf dan Nazr) - Seksyen 86 (Pungutan Khairat) • Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Enakmen No. 3 Tahun 1991) (Kaedah-Kaedah Dana Wakaf Pahang 2015)
13.	Terengganu	<ul style="list-style-type: none"> • Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001(Enakmen No. 2 Tahun 2001) <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 63-69 (Wakaf, Nazr, dan Amanah) - Seksyen 90 (Pungutan Khairat) • Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 (Enakmen No. 1 Tahun 2016) (Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019)
14.	Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"> • Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Enakmen No. 10 Tahun 2003) <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 89-95 (Wakaf, Nazr dan Amanah) - Seksyen 106 (Pungutan Khairat) • Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (Enakmen No. 2 Tahun 2005)

Bil.	Negeri	Nama Statut
15.	Melaka	<ul style="list-style-type: none"> • Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (Enakmen No. 7 Tahun 2002) <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 77-83 (Wakaf, Nazr dan Amanah) - Seksyen 94 (Pungutan Khairat) • Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (Enakmen No. 5 Tahun 2005) • Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 <ul style="list-style-type: none"> - Yayasan Melaka dan Majlis Agama Islam Melaka menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka.
16.	Wilayah-wilayah Persekutuan	<ul style="list-style-type: none"> • Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 60-71 (Wakaf, Nazr dan Amanah) - Seksyen 84 (Pungutan Khairat)

4. Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208] merupakan undang-undang yang digubal pada peringkat Malaysia. Selanjutnya, Akta 258 diperkenalkan bagi tujuan mendaftarkan pemegang amanah untuk sesuatu badan atau kumpulan orang sebagai suatu pertubuhan pemerbadanan yang ditubuhkan bagi tujuan tertentu sebagaimana yang termaktub dalam seksyen 2 Akta 258 yang berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia sahaja.
5. Berdasarkan Jadual 10.1 berkaitan dengan senarai undang-undang yang berkaitan dengan amanah di negeri-negeri di Malaysia secara umum, negeri Johor dan Kelantan di Semenanjung Malaysia dilihat telah memperkenalkan akta yang berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah sebagai langkah penting dalam memperkukuh pembangunan wilayah masing-masing.

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

6. Perbandingan dengan undang-undang negeri berkaitan pemerbadanan pemegang amanah di Semenanjung Malaysia telah dijalankan bagi tujuan kajian pindaan Akta 258. Memandangkan peruntukan undang-undang negeri tersebut hampir serupa dari segi konteks, penjelasan terperinci hanya diberikan untuk negeri Johor dan Kedah.
7. Di Johor, akta yang relevan ialah Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 [Akta 75] (KEJORA), manakala di Kelantan, Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan [Akta 203] (KESEDAR) yang mempunyai peranan yang serupa. Kedua-dua Akta ini mempunyai susunan yang hampir sama, mengandungi 33 peruntukan undang-undang dan tiga jadual, dengan tujuan untuk membangunkan kawasan tertentu di negeri masing-masing melalui penubuhan lembaga yang berkuasa dalam melaksanakan pelbagai projek pembangunan.

8. KEJORA di Johor dan KESEDAR di Kelantan masing-masing ditubuhkan dengan tujuan untuk mempercepat pembangunan ekonomi dan sosial di kawasan yang ditetapkan. Kedua-dua Lembaga ini mempunyai kuasa untuk menubuhkan perbadanan bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan yang dirancang. Persamaan struktur dan fungsi antara kedua-dua Akta ini mencerminkan pendekatan yang konsisten dalam memperkenalkan instrumen perundangan bagi tujuan pembangunan wilayah di Malaysia.
9. Bagi tujuan pensampelan, Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 [Akta 75] (KEJORA) akan dijadikan model bagi kajian ini. Jadual 11.2 menunjukkan ringkasan kandungan Akta 75.

Jadual 11.2: Ringkasan Kandungan Akta 75

Bil.	Aspek	Peruntukan	Penjelasan
1.	Tajuk Ringkas	Seksyen 1	Menetapkan nama rasmi Akta ini sebagai Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972.
2.	Tafsiran	Seksyen 2	Mendefinisikan istilah penting seperti "Bahagian," "Kawasan Johor Tenggara," "Kumpulan Wang," dan "Lembaga," untuk memastikan pemahaman yang jelas tentang penggunaan istilah dalam Akta ini.
3.	Lembaga	Seksyen 3	Menubuhkan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara sebagai perbadanan yang boleh melakukan tindakan undang-undang, memegang dan menguruskan harta.
4.	Fungsi Lembaga	Seksyen 4	Menggariskan fungsi utama Lembaga dalam pembangunan ekonomi dan sosial, pengurusan kawasan, dan kerjasama dengan entiti lain.

Bil.	Aspek	Peruntukan	Penjelasan
5.	Keanggotaan Lembaga	Seksyen 5	Menetapkan struktur keanggotaan Lembaga, termasuk pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, wakil kerajaan, dan Pengurus Besar.
6.	Anggota silih ganti	Seksyen 5a	Mengatur pelantikan anggota silih ganti untuk menggantikan anggota yang tidak dapat hadir.
7.	Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam	Seksyen 6	Menggunakan Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 bagi melindungi anggota dan pegawai Lembaga pada tindakan undang-undang berhubungan dengan tugas rasmi mereka.
8.	Pekhidmat awam	Seksyen 7	Menyifatkan semua anggota dan pegawai Lembaga sebagai pekhidmat awam di bawah Kanun Keseksaan.
9.	Kuasa Menteri	Seksyen 8	Memberikan kuasa kepada Menteri untuk mengarahkan Lembaga dan mengawal penggunaan hasil pelupusan aset.
10.	Kawasan Johor Tenggara	Seksyen 9	Menetapkan "Kawasan Johor Tenggara" sebagai tempat Lembaga akan melaksanakan fungsinya dan tanggungjawab Lembaga di kawasan tersebut.
11.	Fungsi tambahan	Seksyen 10	Memberikan kuasa tambahan kepada Lembaga untuk menjalankan fungsi dan pentadbiran berdasarkan apa-apa arahan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri.
12.	Penyata, laporan, akaun	Seksyen 11	Mengatur keperluan Lembaga untuk menyediakan penyata, laporan, dan akaun kepada Menteri dan pihak berkuasa lain.
13.	Pengerusi	Seksyen 12	Menjelaskan tanggungjawab dan kuasa Pengerusi dalam mengawasi pelaksanaan dasar Lembaga dan kemungkinan perwakilan kuasa.

Bil.	Aspek	Peruntukan	Penjelasan
14.	Pengurus Besar	Seksyen 13	Melantik Pengurus Besar yang bertanggungjawab untuk pentadbiran Lembaga dan pelaksanaan keputusan.
15.	Pelantikan pegawai	Seksyen 14	Mengatur pelantikan Pegawai Eksekutif dan pegawai lain serta syarat perkhidmatan.
16.	Penubuhan Bahagian	Seksyen 15	Lembaga boleh menubuhkan Bahagian yang akan dikendalikan oleh Pegawai Eksekutif.
17.	Peraturan tentang syarat perkhidmatan	Seksyen 16	Membenarkan Lembaga membuat peraturan tentang syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat.
18.	Akta Badan-Badan Berkanun	Seksyen 16a	Menyatakan bahawa Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 terpakai untuk Lembaga.
19.	Penubuhan Kumpulan Wang	Seksyen 17	Menubuhkan Kumpulan Wang untuk ditadbir dan dikawal oleh Lembaga, termasuk sumber dana seperti peruntukan Parlimen dan hasil projek.
20.	Pengimbangan akaun hasil	Seksyen 18	Lembaga mesti memelihara akaun yang betul dan rekod yang mencukupi tentang Kumpulan Wang.
21.	Kumpulan wang rizab	Seksyen 19	Lembaga hendaklah menubuhkan dan menguruskan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang.

Bil.	Aspek	Peruntukan	Penjelasan
22.	Perbelanjaan hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang	Seksyen 20	Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan untuk membayar perbelanjaan di bawah seksyen 25 dan pinjaman menurut seksyen 27, serta kos lain seperti bayaran ukur, guaman, fi, dan saraan pegawai termasuk elaun persaraan. Ia juga digunakan untuk membayar perbelanjaan yang dipersetujui oleh Lembaga dalam melaksanakan kewajipan dan fungsi di bawah seksyen 4, membeli atau menyewa loji, kelengkapan, jentera, bahan, tanah, serta mendirikan bangunan yang diperlukan. Selain itu, wang tersebut digunakan untuk membayar balik pinjaman dan bunga yang dikenakan, serta untuk melaksanakan peruntukan lain di bawah Akta ini.
23.	Perbelanjaan dan penyediaan anggaran	Seksyen 21	Perbelanjaan Lembaga untuk mana-mana tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang mengikut amaun yang dibenarkan oleh Menteri. Sebelum bulan September setiap tahun, Lembaga perlu menghantar anggaran perbelanjaan, termasuk projek pembangunan, kepada Menteri dalam bentuk dan butir yang diarahkan. Menteri akan memberitahu Lembaga tentang amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan secara umum atau setiap jenis perbelanjaan sebelum tahun berikutnya. Lembaga boleh mengemukakan anggaran tambahan pada bila-bila masa, dan Menteri boleh membenarkan semua atau sebahagian daripada perbelanjaan tambahan tersebut. Menteri juga boleh mengarahkan Lembaga untuk mengemukakan salinan anggaran atau anggaran tambahan kepada Kerajaan Negeri atau pihak lain seperti yang dinyatakan dalam arahan.

Bil.	Aspek	Peruntukan	Penjelasan
24.	Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980	Seksyen 22	Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Lembaga dan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini.
25.	Perwakilan kuasa Lembaga	Seksyen 23	Lembaga boleh mewakilkan kuasa kepada Pengerusi, Pengurus Besar, atau orang lain untuk menjalankan kuasa, kewajipan, atau fungsi yang ditetapkan oleh Akta ini, kecuali kuasa untuk meminjam wang, memperoleh pinjaman, atau membuat peraturan-peraturan. Kuasa atau fungsi yang diwakilkan boleh dilaksanakan oleh individu yang dilantik atas nama dan bagi pihak Lembaga. Selain itu, Lembaga boleh juga mewakilkan kuasa kepada Pengerusi, Pengurus Besar, anggota lain, atau individu lain untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau wang lain di bawah kawalan Lembaga, mengikut had yang ditentukan oleh Lembaga.
26.	Kuasa untuk meminjam	Seksyen 24	Lembaga boleh meminjam wang dari semasa ke semasa dengan kadar bunga, tempoh, dan terma pembayaran balik yang diluluskan oleh Menteri, bagi memenuhi kewajipan Lembaga. Selain itu, dengan kelulusan Menteri, Lembaga juga boleh meminjam wang melalui pengeluaran bon, debentur, atau saham debentur, atau mendapatkan modal melalui pengeluaran saham dengan terma yang sesuai. Pinjaman ini boleh digunakan untuk peruntukan modal kerja, penunaian kewajipan di bawah Akta ini, pelaksanaan fungsi tambahan, penebusan saham, serta perbelanjaan lain yang dipertanggungjawabkan pada akaun modal.

Bil.	Aspek	Peruntukan	Penjelasan
27.	Pelaburan	Seksyen 25	Aset Lembaga, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan mengikut cara yang diluluskan oleh Menteri.
28.	Kuasa untuk mengambil khidmat ejen	Seksyen 26	Lembaga boleh mengambil khidmat dan membayar ejen dan penasihat teknikal termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank, broker saham, juruukur atau penilai atau orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki diuruskan atau dilakukan pada menunaikan kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik.
29.	Kuasa untuk memberikan pinjaman	Seksyen 27	Dalam menunaikan kewajipannya atau dalam melaksanakan fungsinya, Lembaga boleh memberikan pinjaman, dan pinjaman itu boleh diberikan tertakluk pada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan oleh Lembaga patut dikenakan dalam hal tertentu.
30.	Kuasa untuk menubuhkan perbadanan	Seksyen 28	Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, menubuhkan perbadanan dengan nama yang difikirkan sesuai melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, untuk melaksanakan, menjaga, mengelola, dan menguruskan projek, skim, atau perusahaan yang dirancang atau diusahakan oleh Lembaga dalam menunaikan kewajipan atau melaksanakan fungsinya. Jadual Kedua akan terpakai bagi perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen ini.

Bil.	Aspek	Peruntukan	Penjelasan
31.	Kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa	Seksyen 28A	Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan oleh Lembaga perlu atau suai manfaat untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini. Jadual Ketiga hendaklah terpakai bagi tiap-tiap jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).
32.	Pengambilan tanah secara paksa	Seksyen 29	Apabila Lembaga perlu mengambil harta tidak alih yang bukan tanah Kerajaan untuk maksud Akta ini, harta tersebut boleh diambil mengikut peruntukan undang-undang bertulis tentang pengambilan tanah untuk maksud awam yang sedang berkuat kuasa di Negeri itu. Perisytiharan bahawa harta itu diperlukan boleh dibuat walaupun pampasan akan dibayar oleh Lembaga, dan perisytiharan tersebut akan mempunyai kuat kuasa seperti perisytiharan untuk tanah bagi maksud awam menurut undang-undang tersebut. Perbelanjaan dan pampasan berkenaan dengan harta tidak alih yang diambil hendaklah dibayar oleh Lembaga. Setelah pengambilan, Lembaga perlu mengambil cabutan dokumen hak milik yang berkaitan dan membayar apa-apa cukai yang dikenakan atas harta itu.
33.	(Dipotong oleh Akta 478)	Seksyen 30	-

Bil.	Aspek	Peruntukan	Penjelasan
34.	Kerahsiaan	Seksyen 31	Kecuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding jenayah di bawah Akta ini, tiada seorang pun anggota, pegawai atau pekhidmat Lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah diperolehnya semasa menjalankan kewajibannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini. Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.
35.	Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan	Seksyen 32	Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan yang sesuai atau perlu untuk melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik. Peraturan tersebut boleh menetapkan cara penandatanganan atau pelaksanaan dokumen, cek, dan surat cara bagi pihak Lembaga, tanggungjawab dan kawalan pegawai serta pekhidmat Lembaga, mengenakan fi dalam hal yang ditentukan, serta mengatur saham, bon, dan debentur termasuk kaedah pengeluaran, pemindahan hak milik, dan urusan lain. Selain itu, peraturan boleh menetapkan terma dan syarat pemberian pinjaman di bawah seksyen 27 dan mengatur penjalanan kuasa serta penunaian kewajipan Lembaga di bawah Akta ini. Peraturan tersebut juga boleh menetapkan bahawa pelanggaran peraturan dianggap sebagai kesalahan, dengan penalti yang tidak melebihi satu ribu ringgit.

Bil.	Aspek	Peruntukan	Penjelasan
36.	Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan	Seksyen 32A	Kuasa untuk meminda Jadual
37.	Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat	Seksyen 33	Segala perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Lembaga sebagai persediaan dan ke arah pelaksanaan yang sepatutnya Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya pada menjangkakan Akta ini akan diperbuat hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Akta ini; dan segala hak dan obligasi yang diperoleh atau ditanggung bagi pihak Lembaga daripada apa-apa yang dilakukan sedemikian atau apa-apa perbelanjaan yang dilakukan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai hak dan obligasi Lembaga sebaik sahaja Akta ini mula berkuat kuasa.
38.	Jadual Pertama		<ul style="list-style-type: none"> - Terma dan syarat pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan - Jawatan disifatkan sebagai telah dikosongkan - Saraan dan elaun - Mesyuarat - Lembaga boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat - Meterai perbadanan - Penzahiran kepentingan - Minit - Kesahan perbuatan dan prosiding

Bil.	Aspek	Peruntukan	Penjelasan
39.	Jadual Kedua		<ul style="list-style-type: none"> - Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan - Kecualian - Peraturan-peraturan tertakluk kepada Akta - Pindaan peraturan-peraturan - Daftar perbadanan - Penggulungan - Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan - Meterai perbadanan bagi perbadanan
40.	Jadual ketiga		<ul style="list-style-type: none"> - Terma dan syarat pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan - Mesyuarat - Tatacara

D. Kesimpulan

10. Di Malaysia, undang-undang tentang amanah dan pemerbadanan adalah pelbagai dan terdapat di banyak negeri dengan pendekatan yang disesuaikan dengan konteks tempatan. Secara umumnya, Akta Pemegang Amanah 1949 dan Akta 258 menyediakan asas undang-undang untuk pemerbadanan pemegang amanah di seluruh Malaysia, terutamanya di Semenanjung Malaysia. Di Sabah, *State of Sabah Trustees (Incorporation) Ordinance (Sabah Cap. 148)* membolehkan pemegang amanah diperbadankan sebagai entiti perundangan yang berasingan, memberi mereka status yang sama dengan individu atau syarikat.

11. Undang-undang yang berkaitan dengan amanah, wakaf dan khairat diatur secara meluas dengan enakmen khusus di banyak negeri. Misalnya, negeri-negeri, seperti Selangor, Johor, Kelantan dan Perak mempunyai peruntukan khusus untuk pengurusan wakaf dan amanah, meliputi aspek seperti pengurusan dana khairat dan penubuhan yayasan. Hal ini menunjukkan kepentingan pengaturan ini dalam konteks Islam di Malaysia yang sering mengikut keperluan dan ciri-ciri spesifik negeri masing-masing.
12. Selain itu, undang-undang tentang pungutan awam adalah berbeza di setiap negeri. Sebagai contoh, Sabah, Sarawak dan Selangor mempunyai undang-undang khusus untuk mengawal selia pengumpulan dana daripada orang awam dengan memastikan bahawa proses ini dijalankan secara beretika dan teratur. Kebanyakan negeri juga memperbadankan Majlis Agama Islam dengan kuasa untuk menguruskan wakaf, *nazr*, dan amanah, serta menjadikan mereka sebagai pihak utama dalam pengurusan dana khairat dan wakaf bagi penganut yang beragama Islam.
13. Secara keseluruhannya, undang-undang amanah dan pemerbadanan di Malaysia yang pelbagai dan disesuaikan dengan keperluan tempatan menunjukkan kepelbagaian pendekatan dalam pengurusan amanah di setiap negeri. Peruntukan khusus seperti penubuhan yayasan untuk khairat dan pendidikan di beberapa negeri, seperti di Perak dan Kelantan, menggambarkan usaha untuk menguatkan pengurusan dana amanah secara berstruktur dan berkesan.

Bahagian

C

Perbandingan dengan Bidang Kuasa Lain

- Bab 12 Uganda
- Bab 13 Gibraltar
- Bab 14 Hong Kong
- Bab 15 Malawi
- Bab 16 New Zealand
- Bab 17 Ghana
- Bab 18 Singapura
- Bab 19 India
- Bab 20 Australia
- Bab 21 United Kingdom
- Bab 22 Afrika Selatan
- Bab 23 Tanzania
- Bab 24 Taiwan
- Bab 25 Indonesia

BAB 12

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI REPUBLIK UGANDA

A. Pengenalan

1. Republik Uganda (“Uganda”) terletak di tengah-tengah benua Afrika. Ia terletak di Afrika Timur dalam kawasan seluas 241,555 kilometer persegi dan populasinya adalah kira-kira 34.6 juta orang penduduk (U.S. Department of Commerce, 2024). Uganda bersempadan dengan Tanzania dan Rwanda di selatan; Republik Demokratik Congo di barat; Sudan Selatan di utara; dan Kenya di timur. Uganda pernah dijajah oleh British dan menjadi negara berdaulat dan merdeka pada tahun 1962 tanpa perjuangan berdarah. Uganda menjadi anggota Komanwel pada tahun 1962. Beberapa kumpulan etnik menetap di negara ini, iaitu Baganda, Banyankole, Bahima, Bakiga, Bunyoro, Batoro, Basoga, Bagisu, Langi, Acholi, Lugbara, Karamojong dan lain-lain. Berdasarkan Perkara 6(1) Perlembagaan Republik Uganda 1995, Bahasa Inggeris merupakan bahasa rasmi Uganda. Uganda tidak mempunyai agama rasmi (Capital Market Authority of Uganda, 2022). Uganda ialah sebuah republik presiden (presidential republic). Presiden Uganda ialah ketua negara dan ketua kerajaan. Perlembagaan Republik Uganda 1995 memperuntukkan bahawa presiden eksekutif hendaklah dipilih setiap lima tahun. Kuasa eksekutif dilaksanakan oleh kerajaan. Di Uganda, susunan pentadbiran terdiri daripada kerajaan pusat dan kerajaan tempatan. Pada masa ini, Uganda mempunyai seratus sebelas buah daerah dan sebuah bandar, iaitu Kampala yang merentasi empat wilayah pentadbiran. Pertanian merupakan sektor terpenting dalam ekonomi Uganda dengan penggajian lebih 80% tenaga kerja (Masum, 2020).

2. Bagi kajian ini, Uganda telah dipilih sebagai antara negara perbandingan berdasarkan beberapa justifikasi. Pertamanya, Uganda merupakan sebuah negara bekas jajahan British seperti Malaysia. Keduanya, Uganda sebagai sebuah negara Komanwel ditadbir mengikut *common law* seperti Malaysia. Walau bagaimanapun, undang-undang adat (*customary law*) digunakan sekiranya undang-undang tersebut tidak bercanggah dengan *common law*. Ketiganya, Uganda mempunyai sistem pentadbiran yang hampir sama dengan Malaysia serta juga undang-undang berkaitan dengan amanah dan pemerbadanan pemegang amanah seperti Malaysia. Keempatnya, Uganda telah melaksanakan pindaan terkini kepada undang-undang yang berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah pada tahun 2022 yang boleh dijadikan rujukan oleh Malaysia. Semua justifikasi yang dinyatakan di atas telah menjadikan Uganda sebagai sebuah negara yang sesuai untuk dijadikan sebagai subjek perbandingan dengan Malaysia.

B. Undang-undang tentang Amanah

3. Amanah (*trust*) ialah suatu hubungan yang wujud apabila seseorang (disebut sebagai pemegang amanah) memegang harta untuk faedah orang lain (yang disebut *benefisiari*) atau untuk sesetengah tujuan yang dibenarkan oleh undang-undang, dengan cara sehingga faedah sebenar harta tersebut terakru (*in such a way that the real benefit of the property accrues*), bukan kepada pemegang amanah, tetapi kepada *benefisiari* atau tujuan amanah tersebut. Suatu amanah boleh diwujudkan sebagai amanah awam atau *khairat* (*public or charitable trust*) dan amanah persendirian (*private trust*).
4. Di Uganda, pelbagai jenis amanah telah wujud dari semasa ke semasa. Secara lazimnya, terdapat tiga bentuk amanah, iaitu amanah awam atau *khairat* (*public or charitable trust*), amanah persendirian (*private trust*) dan unit amanah (*unit trust*) (Uganda Law Reform Commission, 2023).

Terdapat beberapa undang-undang di Uganda yang mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan dengan amanah mengikut jenis amanah seperti yang digambarkan dalam Jadual 12.1 di bawah.

Jadual 12.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di Uganda

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939</i>	<p>Di Uganda, matlamat amanah awam atau khairat adalah untuk memberikan manfaat kepada orang ramai dengan mencapai tujuan khairat dan dikuatkuasakan oleh Menteri di bawah undang-undang yang khusus. Suatu amanah awam atau khairat boleh ditubuhkan untuk tujuan agama, pendidikan, sastera, saintifik, sosial atau khairat di bawah <i>Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939</i>.</p> <p>Akta ini telah berkuat kuasa sejak tahun 1939 dan telah melalui satu kali pindaan, iaitu pada tahun 2022. <i>Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939</i> memperuntukkan tentang pelantikan pemegang amanah oleh mana-mana badan atau persatuan yang ditubuhkan untuk apa-apa tujuan keagamaan, pendidikan, sastera, saintifik, sosial atau khairat.</p> <p>Seterusnya, pemegang amanah boleh memohon kepada Menteri Tanah, Perumahan dan Pembangunan Bandar untuk mendapatkan satu sijil pendaftaran pemegang amanah badan atau persatuan itu sebagai suatu badan korporat mengikut cara yang dinyatakan di bawah Akta tersebut. Apabila pemegang amanah memenuhi keperluan yang digariskan di bawah Akta tersebut, pemegang amanah seterusnya menjadi sebuah badan korporat yang kekal turun-temurun (perpetual succession), mempunyai meterai biasa serta kuasa untuk menyaman dan disaman. Badan korporat</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		tersebut didaftarkan di bawah Kementerian Tanah, Perumahan dan Pembangunan Bandar kerana terdapat amanah yang berkaitan dengan pendaftaran hak milik tanah, stok, dana atau sekuriti.
2.	<i>Trustees Act (Chapter 164) 1954</i>	<p>Amanah persendirian (private trust) dibentuk untuk kepentingan satu atau lebih individu yang telah dikenal pasti. Amanah persendirian juga boleh dibuat oleh pemberi amanah melalui instrumen, iaitu dalam bentuk wasiat. Amanah peribadi memberikan manfaat kepada individu dan boleh dikuatkuasakan oleh benefisiari. Amanah persendirian di Uganda dikawal selia oleh <i>Trustees Act (Chapter 164) 1954</i>.</p> <p>Akta ini berkuat kuasa pada tahun 1964 dan terpakai kepada semua amanah, wasi (executorship) dan pentadbir amanah (administratorship) yang wujud, sama ada sebelum atau selepas permulaan kuat kuasa Akta ini. Akta ini menyediakan panduan berkenaan dengan kuasa am pemegang amanah; tatacara pelantikan dan pelepasan pemegang amanah; kuasa mahkamah; pelantikan pemegang amanah baharu, dan pengendalian pertikaian tentang pelaburan amanah.</p>
3.	<i>Trustees Incorporation (Beneficial Owners) Regulations 2023.</i>	Peraturan ini telah digubal di bawah <i>Trustees Incorporation Act 1939</i> menurut kuasa yang diperuntukkan kepada Menteri. Peraturan ini memperuntukkan 10 seksyen dan 2 Jadual yang berkaitan.

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

5. Di Uganda, pemegang amanah memainkan peranan dalam beberapa aspek, seperti pelan persaraan, unit amanah, badan khairat dan perancangan harta pusaka. Memandangkan pemegang amanah memainkan peranan yang utama dalam pengurusan amanah, pada permulaannya, Uganda telah mewujudkan suatu akta, iaitu *Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939 (Amendment 2022)*. Akta ini telah melalui pindaan terkini pada tahun 2022. Tujuan penggubalan Akta ini adalah untuk memastikan bahawa pemegang amanah bertindak dengan niat yang baik dan sepenuhnya, di samping menghalang apa-apa raihan keuntungan daripada amanah tersebut.
6. *Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939* (termasuk pindaan tahun 2022) mengandungi 17 peruntukan dan 2 jadual. Senarai kandungan dalam Akta tersebut adalah seperti dalam Jadual 12.2.

Jadual 12.2: Senarai Kandungan
Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 1	<i>Interpretation</i>
Seksyen 1A	<i>Grant of certificate as a corporate body</i>
Seksyen 2	<i>Estate to vest in body corporate</i>
Seksyen 3	<i>Particulars respecting application</i>
Seksyen 3A	<i>Trustee to keep register of beneficial owners</i>
Seksyen 4	<i>Nomination of trustees and filling of vacancies</i>
Seksyen 5	<i>Liability of trustees and others</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 6	<i>Certificate to be evidence of compliance with requisitions</i>
Seksyen 7	<i>Record of applications and documents to be kept and copies supplied</i>
Seksyen 8	<i>Enforcement of conditions of certificate</i>
Seksyen 9	<i>Fees for applications and certificates</i>
Seksyen 10	<i>Gift to vest in corporate body</i>
Seksyen 11	<i>Common seal</i>
Seksyen 12	<i>Contracts not under seal to be binding in certain cases</i>
Seksyen 13	<i>Payments on transfers in reliance on corporate seal protected</i>
Seksyen 14	<i>Petition to decide question whether person is a corporate body</i>
Seksyen 15	<i>Powers of Minister</i>
Seksyen 16	<i>Rules</i>
Seksyen 17	<i>Saving</i>

D. Kes-kes tentang *Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939*

- (a) *Bashaija and 12 Others v Registered Trustees of the Catholic Diocese of Fortportal* [2023] UGHCLD 273 (31st August 2023)

Dalam kes Mahkamah Tinggi ini, plaintif telah memohon untuk beberapa perintah Mahkamah mengikut Perkara-perkara 1(1)(2), 2(1), 29(1), 50(1)(2) Perlembagaan, seksyen 33 Akta Kehakiman, Aturan 6 kaedah-kaedah 28, 29 dan 30, Aturan 7 kaedah-kaedah 14 dan 15, Aturan 51 kaedah-kaedah 2 dan 3 dalam Kaedah-kaedah Tatacara Sivil. Antara perintah yang dipohon ialah tuntutan responden terhadap tanah merupakan suatu pelanggaran kebebasan berpersatuan plaintif, tuntutan responden harus ditolak, serta ganti rugi am dan kos-kos berkaitan perlu diberikan. Dalam kes ini, antara isu untuk didengar adalah sama ada tuntutan responden mempunyai suatu kausa tindakan untuk didengar. Responden menghujahkan bahawa plaintif gagal membuktikan dirinya sebagai badan korporat yang diperbadankan mengikut *Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939*. Mahkamah telah memutuskan bahawa tuntutan responden mempunyai kausa tindakan untuk didengar.

- (b) *Abundant Life Faith Church of Uganda and Another v Ochieng Peter and 6 Others* [2024] UGHCCD 105 (28 June 2024)

Dalam kes ini, pemohon telah membuat permohonan untuk beberapa perintah Mahkamah mengikut seksyen 98 Akta Tatacara Sivil, Aturan 38 kaedah 3 dan Aturan 52 kaedah-kaedah 1 hingga 3 dalam Kaedah-Kaedah Tatacara Sivil. Antara perintah yang dipohon ialah pendaftaran pemohon pertama sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan oleh responden ketujuh tidak sah, Lembaga pemohon pertama dalam biro pertubuhan bukan kerajaan telah dibubarkan, Lembaga pemohon pertama menyerahkan semua harta kepada penjaga pemohon pertama, dan kos-kos yang berkaitan perlu diberikan. Dalam kes ini, Mahkamah telah menyatakan bahawa tiada organisasi boleh diperbadankan atau

mendaftarkan apa-apa dokumen di bawah *Companies Act* atau *Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939* jika tidak didaftarkan terlebih dahulu dengan Lembaga di bawah *Non-Governmental Organizations Registration Act (Cap 113)*.

E. Perbandingan dengan Malaysia

7. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara Akta 258 dengan *Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939* diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara Akta 258 dengan *Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939* dinyatakan dalam Jadual 12.3.

Jadual 12.3: Persamaan antara Akta 258 dengan *Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Proses pemerbadanan	Kedua-dua Akta menggariskan proses memperbadankan pemegang amanah bagi pelbagai tujuan yang sah.	Uganda: Seksyen 1A Malaysia: Seksyen 2
2.	Pemberian sijil pemerbadanan sebagai badan korporat	Kedua-dua Akta ini memberikan sijil pemerbadanan sebagai badan korporat.	Uganda: Seksyen 1A Malaysia: Seksyen 2
3.	Peletakhakan harta pusaka	Kedua-dua Akta memperuntukkan peletakhakan semua harta tanah dan peribadi yang dipegang oleh mana-mana orang sebagai pemegang amanah bagi badan korporat apabila sijil pemerbadanan dikeluarkan.	Uganda: Seksyen 2 Malaysia: Seksyen 3

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
4.	Butir-butir yang berkaitan dengan permohonan sijil pemerbadanan	Kedua-dua Akta memerlukan butir-butir tertentu dimasukkan dalam permohonan sijil pemerbadanan, seperti tujuan badan atau kumpulan orang, peraturan, nama pemegang amanah, nama badan korporat dan peraturan untuk dimeterai bersama.	Uganda: Seksyen 3 Malaysia: Seksyen 4
5.	Pelantikan pemegang amanah dan pengisian jawatan kosong	Kedua-dua Akta mewajibkan pelantikan pemegang amanah sebelum pemberian sijil pemerbadanan dengan kelulusan Menteri. Kekosongan dalam bilangan pemegang amanah hendaklah diisi mengikut perlembagaan, atau peraturan, dan pemegang amanah yang baharu hendaklah diperakui oleh Menteri.	Uganda: Seksyen 4 Malaysia: Seksyen 5
6.	Liabiliti pemegang amanah	Kedua-dua Akta menetapkan liabiliti pemegang amanah bagi harta yang dimiliki oleh mereka dan kebertanggungjawaban mereka terhadap tindakan, pengabaian, dan keingkaran mereka selepas mendapat sijil pemerbadanan.	Uganda: Seksyen 5 Malaysia: Seksyen 6
7.	Meterai biasa	Kedua-dua Akta menetapkan keperluan untuk mengadakan meterai biasa bagi badan korporat dengan peruntukan tentang kelulusan dan penggunaannya.	Uganda: Seksyen 11 Malaysia: Seksyen 12

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
8.	Penguatkuasaan syarat sijil	Kedua-dua Akta menyatakan bahawa syarat dan arahan yang digariskan dalam sijil pemerbadanan mengikat pemegang amanah.	Uganda: Seksyen 8 Malaysia: Seksyen 9
9.	Penyelenggaraan rekod dan pematuhan	Kedua-dua Akta menghendaki Menteri menyimpan rekod semua permohonan, sijil pemerbadanan, dan dokumen yang dihantar di bawah Akta dengan peruntukan untuk menyediakan salinan rekod tersebut atas permintaan.	Uganda: Seksyen 7 Malaysia: Seksyen 8
10.	Kuasa Mahkamah Tinggi	Pelibatan Mahkamah Tinggi untuk menentukan sama ada seseorang individu ialah ahli badan korporat tersebut.	Uganda: Seksyen 14 Malaysia: Seksyen 16
11.	Peraturan	Kedua-dua Akta memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta, termasuk menetapkan fi, menetapkan borang-borang dan mengawal selia permohonan sijil pemerbadanan.	Uganda: Seksyen 16 Malaysia: Seksyen 21

8. Perbezaan antara Akta Pemerbadanan Pemegang Amanah 1939 (Pindaan 2022) (Uganda) dengan Akta Pemerbadanan Pemegang Amanah 1952 (Malaysia) pula dinyatakan dalam Jadual 12.4.

Jadual 12.4: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939*

Bil.	Skop Perbezaan	Uganda	Malaysia
1.	Tafsiran	<p>Mentafsirkan “beneficial owner,” “currency point,” dan “Minister.” (Seksyen 1)</p> <p>Mentafsirkan “Act”, “beneficial owner”, “beneficial owner information” dan “competent authority”. (Seksyen 2 Trustees Incorporation (Beneficial Owners) Regulations, 2023.</p>	Hanya mentakrifkan “sijil pemerbadanan.” (Seksyen 1A)
2.	Asas penubuhan pemegang amanah	<p>Pemegang amanah boleh dilantik oleh mana-mana badan atau persatuan orang yang ditubuhkan untuk apa-apa tujuan agama, pendidikan, sastera, saintifik, sosial, sukan, khairat atau tujuan lain yang sah. (Seksyen 1A)</p>	<p>Pemegang amanah boleh dilantik oleh mana-mana badan atau persatuan orang yang ditubuhkan untuk apa-apa tujuan agama, pendidikan, sastera, saintifik, sosial atau khairat. (Seksyen 2)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Uganda	Malaysia
3.	Daftar pemegang amanah	<p>Pemegang amanah hendaklah menyimpan daftar pemilik benefisial, yang sepatutnya termasuk nama, alamat pos, nombor identiti nasional, sifat pemilikan benefisial, tarikh pemilikan, penamatan pemilikan dan maklumat lain yang berkaitan. Pemegang amanah yang gagal mematuhi peruntukan ini boleh dikenakan dengan hukuman berbentuk penalti harian sebanyak lima mata wang. Dalam Jadual Akta ini, satu mata wang bersamaan dengan dua puluh ribu syiling. (Seksyen 3A)</p>	Tiada peruntukan khusus.
4.	Kekerapan pelaporan	<p>Dalam tempoh satu bulan setiap tempoh lima tahun selepas pemberian sijil pemerbadanan atau atas permintaan Menteri, pemegang-pemegang amanah hendaklah menghantar laporan yang merangkumi nama pemegang amanah, kediaman mereka dan maklumat tambahan kepada Menteri, seperti yang dikehendaki oleh Menteri. (Seksyen 4)</p>	<p>Dalam tempoh satu bulan setiap tempoh satu tahun, pemegang amanah hendaklah mengembalikan nama pemegang amanah, kediaman mereka, dan perihalan kepada Menteri. (Seksyen 5)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Uganda	Malaysia
5.	Kehilangan kelayakan pemegang amanah	Tiada khusus. peruntukan	Menyatakan hal keadaan seseorang hilang kelayakan daripada menjadi pemegang amanah (contohnya, sabitan jenayah, tidak waras dan muflis). (Seksyen 6A)
6.	Penguatkuasaan berhubung dengan liabiliti pemegang amanah	Penguatkuasaan adalah secara am. Syarat dan arahan dalam sijil pemerbadanan mengikat dan boleh dikuatkuasakan. (Seksyen 5)	Menyatakan aspek penguatkuasaan oleh Peguam Negara, iaitu tentang kawalan dan kuasa berterusan Peguam Negara terhadap pemegang amanah berhubung dengan isu liabiliti. (Seksyen 6)
7.	Pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan	Tiada khusus. peruntukan	Menteri boleh membatalkan sijil pemerbadanan jika ia merupakan hasil penipuan, kesilapan, salah nyataan, menyalahi undang-undang, mengejar objektif yang berbeza, dengan sengaja melanggar peraturan, atau melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda atau pemenjaraan. (Seksyen 17)

Bil.	Skop Perbezaan	Uganda	Malaysia
8.	Kesan pembatalan sijil pemerbadanan	Tiada khusus. peruntukan	<p>Pembatalan sijil pemerbadanan boleh mengakibatkan pemindahan aset atau liabiliti kepada pemegang amanah yang dilantik oleh badan atau persatuan orang atau pemegang amanah tersebut adalah pemegang amanah yang sama setelah diperbadankan sebelum pembubaran. Prosiding undang-undang terhadap pemegang amanah boleh diteruskan. Dengan ketiadaan pemegang amanah, harta yang terletak hak pada badan korporat akan terletak hak pada Amanah Raya Berhad sehingga pemegang amanah baharu dilantik. (Seksyen 19)</p>
9.	Laporan tahunan dan pengauditan	Tiada khusus. peruntukan	<p>Pemegang amanah dikehendaki untuk memberikan laporan tahunan akaun, termasuk pengauditan oleh juruaudit badan korporat tersebut. (Seksyen 15)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Uganda	Malaysia
10.	Pembubaran sukarela	Tiada khusus.	peruntukan Tatacara dan akibat khusus yang berkaitan dengan pembubaran badan korporat secara sukarela diperincikan secara jelas. (Seksyen 18)
11.	Pemindahan aset selepas pembatalan	Tiada khusus.	peruntukan Selepas pembatalan sijil pemerbadanan, pemindahan aset atau liabiliti hendaklah dilaksanakan kepada pemegang amanah yang dilantik oleh badan atau persatuan atau kepada Amanah Raya Berhad jika tiada pemegang amanah. (Seksyen 19)
12.	Pelantikan Pendaftar, Penolong Pendaftar & Timbalan Pendaftar	Tiada khusus.	peruntukan Menteri boleh melantik pegawai-pegawai ini untuk menjalankan fungsi-fungsi tertentu di bawah Akta. (Seksyen 20)

Bil.	Skop Perbezaan	Uganda	Malaysia
13.	Peraturan	Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi maksud Akta ini, termasuk bagi maksud penetapan bayaran, penetapan borang dan mengawal selia permohonan bagi sijil pemerbadanan. (Seksyen 16)	Menteri boleh mewujudkan peraturan-peraturan bagi pelaksanaan Akta ini, iaitu berhubungan dengan cara membuat permohonan untuk pemerbadanan pemegang amanah sebagai badan korporat; tatacara yang perlu diikuti dalam memperbadankan pemegang amanah sebagai badan korporat; maklumat yang perlu diberikan kepada Menteri; dan fi yang boleh dikenakan dan dikutip bagi maksud Akta ini. (Seksyen 21)

F. Kesimpulan

9. Undang-undang berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah di Uganda mempamerkan kekuatan dalam peruntukan takrifan yang merangkumi takrifan “pemilik benefisial”, skop tujuan pemerbadanan yang luas untuk pemegang amanah, dan keperluan untuk mengekalkan daftar terperinci pemilik benefisial yang menggalakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan Akta ini. Kelemahan-kelemahan tersebut ialah ketiadaan penetapan kriteria bagi kehilangan kelayakan yang khusus untuk pemegang amanah, peruntukan untuk pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan, dan keperluan untuk laporan tahunan dan pengauditan, yang berpotensi untuk memberikan kesan kepada tadbir urus dan kebertanggungjawaban dalam konteks pemegang amanah. Di samping itu, Akta ini tidak mempunyai garis panduan yang jelas tentang pemindahan aset dalam situasi pembatalan badan korporat. Kelemahan-kelemahan ini menunjukkan bahawa kejelasan dan rangka kerja pengawalseliaan Akta ini perlu ditambah baik untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti pemegang amanah di Uganda.
10. Berdasarkan perbincangan di atas, Malaysia boleh mempertimbangkan untuk merujuk dan menjadikan Akta Pemerbadanan Pemegang Amanah Uganda sebagai model untuk menambah baik Akta 258 atas empat sebab. Pertama, undang-undang Uganda mengandungi takrifan bagi istilah “pemilik benefisial.” Takrifan istilah ini dan juga istilah-istilah lain memberikan kejelasan dan ketepatan bagi menambah baik Akta 258. Melalui takrifan istilah-istilah penting ini, Malaysia boleh mendapat manfaat, iaitu meningkatkan pemahaman dan tafsiran dalam rangka kerja undang-undangnya. Kedua, Uganda membenarkan pemegang amanah dilantik bagi pelbagai tujuan berbanding dengan Malaysia. Dengan meluaskan landasan tujuan tersebut, Malaysia boleh menggalakkan kepelbagaian dan keterangkuman dalam pelantikan pemegang amanah.

Ketiga, Akta Pemerbadanan Pemegang Amanah Uganda membenarkan pemegang amanah untuk mengekalkan daftar pemilik benefisial bagi meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban. Malaysia boleh mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaannya dengan melaksanakan keperluan yang sama untuk memerangi isu-isu, seperti pengubahan wang haram dan aktiviti kewangan haram. Keempat, pelaporan pada setiap lima tahun mengikut undang-undang Uganda boleh diteliti dan dipertimbangkan sekiranya bersesuaian dengan konteks Malaysia.

11. Dengan mengambil inspirasi daripada undang-undang Uganda dan menggabungkan peruntukan yang relevan ke dalam Akta 258, Malaysia mempunyai peluang untuk meningkatkan kejelasan undang-undang, menggalakkan amalan tadbir urus yang baik, meningkatkan mekanisme pengawasan dan mengukuhkan rangka kerja yang telus dan menyeluruh dalam negara.

BAB 13

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI GIBRALTAR

A. Pengenalan

1. Gibraltar ialah Wilayah Luar Negara British (British Overseas Territory) yang terletak di hujung selatan Semenanjung Iberia, berdekatan dengan hujung barat Laut Mediterranean. Gibraltar berkongsi sempadan darat dengan Sepanyol di utara. Gibraltar yang bermaksud “Jabal Tariq” (Bukit Tariq) merupakan wilayah jajahan British pada tahun 1713. Ia terletak di hujung selatan Semenanjung Iberia, menghadap Selat Gibraltar, yang menghubungkan Laut Mediterranean dengan Lautan Atlantik. Dengan keluasan 6.8 kilometer persegi dan populasi penduduk sekitar 32,000 orang, Gibraltar merupakan sebuah wilayah yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi kerana saiz negaranya yang kecil (HM Government of Gibraltar, 2024). Gibraltar juga menjadi jajahan yang penting untuk United Kingdom selama lebih 300 tahun kerana lokasinya yang strategik. Lokasi strategik tersebut telah menjadikan Gibraltar sebagai pintu masuk penting antara Eropah dengan Afrika sejak zaman purba yang memudahkan penghijrahan, perdagangan dan pertukaran budaya. Walaupun pemisahan politiknya dari Sepanyol, Gibraltar memainkan peranan yang penting dalam ekonomi United Kingdom, terutamanya dalam sektor pelancongan dan perkhidmatan kewangan (Habermann, 2020). Sejarah Gibraltar dibentuk dengan ketara oleh pengaruh Sepanyol dan British, dengan perkembangannya banyak dipengaruhi oleh penjajahan British. Pengaruh ganda ini telah menjadikan Gibraltar sebagai bahagian yang unik dan penting dalam sejarah Eropah dan British (Calvo, 2017).

2. Gibraltar terletak di persimpangan empayar Sepanyol dan British, lantas membentuk identiti unik oleh kapitalisme dan warisan penjajah. Gibraltar juga merupakan sebuah bandar kosmopolitan yang menyaksikan budaya Barat dan Sepanyol bercampur dengan lancar. Pada tahun 1713, Gibraltar telah diserahkan oleh Kerajaan Sepanyol kepada United Kingdom secara rasmi melalui Perjanjian Utrecht. Serentak dengan penyerahan tersebut, Gibraltar dinamakan sebagai Wilayah Luar Negara British Gibraltar (British Overseas Territory of Gibraltar). Gibraltar telah membangunkan identiti unik yang dibentuk oleh perbezaan dan pengaruh daripada kedua-dua budaya. Walaupun kebimbangan tentang campur tangan Sepanyol kekal, masyarakat kapitalis Gibraltar dan warisan telah memupuk persekitaran kosmopolitan dengan gabungan tradisi Barat dan Sepanyol.

3. Walaupun menghadapi cabaran yang besar, seperti krisis ekonomi global dan persaingan daripada pelabuhan-pelabuhan Eropah yang lain, Gibraltar telah mengekalkan banyak ciri asalnya, mengekalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan mengekalkan komuniti ekspatriat yang kuat (Seoane, 2016). Sejarah Gibraltar sebagai tanah jajahan British selama lebih 300 tahun meninggalkan warisan yang kompleks. Era penjajahan membantu dalam mengubah Gibraltar menjadi pusat komersial yang berkembang maju dengan kestabilan politik dan taraf hidup yang tinggi. Warisan penjajahan masih jelas dalam sistem undang-undang dan politik Gibraltar, ketidaksamarataan sosial dan kepentingan bahasa Inggeris yang berterusan. Peralihan Gibraltar kepada pemerintahan United Kingdom telah memberikan kesan bercampur-campur kepada kedua-dua Gibraltar dan Sepanyol. Gibraltar mempunyai Parlimen gaya Westminster dan bertanggungjawab atas hal ehwal dalaman, manakala hal ehwal luar negeri dan pertahanan adalah tanggungjawab Kerajaan United Kingdom (diwakili oleh Gabernornya di Gibraltar). Sektor ekonomi utama Gibraltar ialah perkhidmatan kewangan, perkhidmatan maritim, e-permainan dan pelancongan (Habermann, 2020).

4. Bagi kajian ini, Gibraltar telah dipilih sebagai antara negara berdasarkan beberapa justifikasi. Pertamanya, Gibraltar merupakan sebuah negara bekas jajahan British seperti Malaysia. Kedua-dua bidang kuasa mewarisi sistem undang-undang yang dibentuk oleh pemerintahan British yang mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap kerangka undang-undang, termasuk undang-undang yang berkaitan dengan amanah dan pemerbadanan. Kerangka undang-undang tersebut menjadi asas untuk mengkaji persamaan dan perbezaan dalam undang-undang tentang pemerbadanan pemegang amanah antara Malaysia dengan Gibraltar. Justifikasi kedua ialah kepentingan ekonomi dan komersial. Malaysia dan Gibraltar masing-masing merupakan pusat kewangan yang penting di Asia dan Eropah secara masing-masing, menarik pelaburan asing yang besar dan mempunyai pasaran kewangan yang kukuh. Pemahaman tentang cara setiap bidang kuasa mengawal selia pemerbadanan pemegang amanah adalah penting bagi pelabur, institusi kewangan dan pengurus kekayaan yang beroperasi di pasaran kedua-dua negara ini. Dengan membandingkan undang-undang di Gibraltar dan Malaysia, pandangan dapat diperoleh tentang cara setiap bidang kuasa tersebut memudahkan aktiviti berkaitan dengan amanah dan menyokong amalan pengurusan kekayaan.
5. Justifikasi ketiga ialah Gibraltar dan Malaysia mempunyai persamaan dari segi kepelbagaian latar belakang budaya. Malaysia yang terletak di Asia Tenggara mempunyai penduduk yang pelbagai yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik. Gibraltar yang terletak di Eropah Selatan pula mempunyai gabungan pengaruh Barat dan Sepanyol yang unik. Persamaan ini boleh memberikan pandangan yang berharga tentang hubungan antara budaya, sejarah dan perundangan. Justifikasi keempat ialah perbandingan antara undang-undang Gibraltar dengan Malaysia menawarkan perspektif serantau yang lebih luas tentang undang-undang berkaitan dengan amanah di Asia dan Eropah. Malaysia memiliki kepelbagaian dan kerancakan pertumbuhan ekonomi. Gibraltar pula

berfungsi sebagai hab kewangan terkemuka di Eropah Selatan. Perbandingan undang-undang antara kedua-dua negara ini boleh memberikan pemahaman yang komprehensif tentang amalan dan peraturan berkaitan dengan amanah dalam konteks global yang lebih luas. Semua justifikasi yang dinyatakan di atas telah menjadikan Gibraltar sebagai sebuah negara yang sesuai untuk dijadikan sebagai subjek perbandingan dengan Malaysia.

B. Undang-undang tentang Amanah

6. Pemegang amanah mempunyai kewajipan fidusiari untuk bertindak demi kepentingan terbaik benefisiari amanah dan memastikan asetnya dilindungi. Dalam konteks undang-undang, undang-undang amanah di Gibraltar adalah berdasarkan *common law* dan prinsip ekuiti. Di Gibraltar, terdapat beberapa undang-undang yang mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan dengan amanah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 13.1.

Jadual 13.1: Senarai Undang-undang tentang di Gibraltar

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>Trustee Act 1895</i>	Terpakai bagi amanah (apabila dibuat), termasuk pelaksana amanah (executorship) dan pentadbir amanah (administratorship) apabila dibentuk.
2.	<i>Insolvency Act 2011</i>	Terpakai apabila terdapat aset amanah yang terlibat dalam prosiding kebangkrapan.
3.	<i>Income Tax Act 1952</i>	Terpakai bagi pentadbiran cukai amanah di Gibraltar, menggariskan peraturan untuk menilai dan mengenakan cukai pendapatan amanah.

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
4.	<i>Trustee Ordinance 1962</i>	Terpakai bagi memudahkan pemerbadanan dan pengawalseliaan pemegang amanah di Gibraltar, menyediakan rangka kerja undang-undang untuk entiti korporat mentadbir amanah.
5.	<i>Stamp Duties Act 1997</i>	Terpakai bagi mengawal selia pengenaan duti setem bagi transaksi yang melibatkan amanah di Gibraltar.
6.	<i>Insurance Act 2006</i>	Terpakai bagi peraturan dan pengawasan polisi insurans yang melibatkan amanah.
7.	<i>Public Finance (Control and Audit) Act 1977</i>	Terpakai bagi pengaturan amanah yang melibatkan kewangan kerajaan atau perkongsian awam-swasta.
8.	<i>Conveyancing and Law of Property Act 1881</i>	Terpakai kepada amanah, terutamanya tentang pengurusan dan pelupusan harta yang dipegang dalam struktur amanah.
9.	<i>Trusts (Recognition) Act 1989</i>	Terpakai bagi pengiktirafan dan penguatkuasaan amanah asing di Gibraltar yang membolehkan benefisiari menegaskan hak mereka dan mendapatkan remedi melalui sistem undang-undang tempatan.
10.	<i>Financial Services (Investment and Fiduciary Services) Act 1989</i>	Terpakai kepada pemegang amanah yang terlibat dalam penjagaan sekuriti pengurusan aset atau aktiviti pelaburan.
11.	<i>Companies Act 2014</i>	Terpakai bagi penyediaan peruntukan untuk penubuhan tadbir urus dan operasi pemegang amanah korporat dalam memastikan pematuhan terhadap keperluan dan piawaian undang-undang dalam pentadbiran amanah.

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
12.	<i>Wills Act 1837</i>	Tepakai kepada amanah yang terbentuk melalui wasiat.
13.	<i>Partnership Act 1890</i>	Tepakai kepada harta perkongsian yang dipegang dalam amanah serta dimasukkan dalam perjanjian perkongsian, atau pemegang amanah yang dilantik untuk menguruskan aset perkongsian bagi pihak rakan kongsi.
14.	<i>Trustee (Investment in Government Securities) Act 1962</i>	Tepakai kepada pemegang amanah yang melabur dana amanah dalam Sekuriti Kerajaan Gibraltar.
15.	<i>Limited Partnerships Act 1907</i>	Tepakai kepada amanah, terutamanya dalam konteks penstrukturan pelaburan dan perlindungan aset perancangan harta tanah dan tadbir urus.
16.	<i>Societies Act 1972</i>	Tepakai kepada amanah yang terlibat dalam penubuhan atau pengoperasian persatuan.
17.	<i>Corporate Bodies Contracts Act 1997</i>	Tepakai kepada kontrak yang dimeterai oleh pemegang amanah korporat bagi pihak amanah.
18.	<i>Administration of Estates Act 1959</i>	Tepakai apabila orang yang meninggal dunia telah mewasiatkan amanah sebagai sebahagian daripada perancangan harta pusaka mereka.
19.	<i>Securities Act 2005</i>	Tepakai kepada amanah yang terlibat dalam urus niaga sekuriti atau pelaburan.

7. Undang-undang yang disebutkan di atas menunjukkan bagaimana Gibraltar mengawal selia pelbagai aspek yang berkaitan dengan amanah. Semua undang-undang ini membentuk sistem perundangan yang kukuh untuk melindungi kepentingan benefisiari dan memastikan pemegang amanah menjalankan tanggungjawab mereka dengan betul.

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

8. Di Gibraltar, Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) telah diperkenalkan pada tahun 1935. Akta ini bertujuan untuk menyediakan mekanisme formal bagi pemerbadanan pemegang amanah bagi pelbagai badan dan kumpulan orang. Tujuan Akta ini adalah untuk memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta yang dipegang dalam amanah untuk tujuan keagamaan, pendidikan, sastera, saintifik, sosial, atau khairat. Akta ini telah diluluskan dan mula berkuat kuasa pada 9 April 1935. Terdapat beberapa pindaan yang telah dilaksanakan terhadap Akta ini, iaitu pada tahun 1961, 1984 dan 2007.
9. *Trustee (Incorporation) Act 1935* mengandungi 14 peruntukan dan satu jadual. Senarai kandungan dalam Akta ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 13.2.

Jadual 13.2: Senarai Kandungan
Trustee (Incorporation) Act 1935

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 1	<i>Short title</i>
Seksyen 2	<i>Incorporation of trustees</i>
Seksyen 3	<i>Vesting of property</i>
Seksyen 4	<i>Form of application</i>
Seksyen 5	<i>Appointment of trustees</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 6	<i>Liability of trustees</i>
Seksyen 7	<i>Certificate to be evidence of compliance</i>
Seksyen 8	<i>Records and copies</i>
Seksyen 9	<i>Enforcement of orders and directions</i>
Seksyen 10	<i>Applications and certificates to be stamped</i>
Seksyen 11	<i>Gifts to vest in corporate body</i>
Seksyen 12	<i>Common seal</i>
Seksyen 13	<i>Payment in reliance on corporate seal protected</i>
Seksyen 14	<i>Petitions to decide questions of membership</i>
Jadual Pertama	<i>Particulars to be inserted in applications for incorporation</i>

10. Bagi kes mahkamah yang telah diputuskan berkenaan dengan undang-undang Gibraltar, Pasukan Penyelidik tidak menemukan apa-apa kes yang telah diputuskan oleh mahkamah Gibraltar.

D. Perbandingan dengan Malaysia

11. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara Akta 258 dengan *Trustee (Incorporation) Act 1935* dijelaskan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara 258 dengan *Trustee (Incorporation) Act 1935* adalah seperti dalam Jadual 13.3.

Jadual 13.3: Persamaan antara Akta 258 dengan *Trustee (Incorporation) Act 1935*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Pemerbadanan pemegang amanah	Kedua-dua Akta membenarkan pemegang amanah dilantik oleh badan atau persatuan yang ditubuhkan untuk tujuan tertentu dan memohon sijil pemerbadanan sebagai badan korporat.	Gibraltar: Seksyen 2 Malaysia: Seksyen 2
2..	Peletakhakan harta	Kedua-dua Akta menyatakan bahawa selepas pemerbadanan, semua harta yang dipegang dalam amanah akan dimiliki oleh badan korporat yang diperbadankan.	Gibraltar: Seksyen 3 Malaysia: Seksyen 3
3.	Borang permohonan	Kedua-dua Akta memerlukan permohonan dibuat secara bertulis, ditandatangani oleh pemohon, dan mengandungi butiran yang dinyatakan. Menteri yang berkenaan boleh memerlukan bukti untuk pengesahan permohonan.	Gibraltar: Seksyen 4 Malaysia: Seksyen 4
4.	Pelantikan dan penggantian pemegang amanah	Kedua-dua Akta memerlukan pemegang amanah dilantik dan kekosongan diisi.	Gibraltar: Seksyen 5 Malaysia: Seksyen 5
5.	Liabiliti pemegang amanah	Kedua-dua Akta menetapkan bahawa pemegang amanah yang diperbadankan kekal bertanggungjawab terhadap pengurusan badan tersebut dan hartanya.	Gibraltar: Seksyen 6 Malaysia: Seksyen 6

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
6.	Sijil pemerbadanan sebagai keterangan muktamad pematuhan keperluan awal	Kedua-dua Akta menyatakan bahawa sijil pemerbadanan adalah keterangan muktamad bahawa semua keperluan awal telah dipatuhi, dan tarikh pemerbadanan adalah seperti yang dinyatakan dalam sijil.	Gibraltar: Seksyen 7 Malaysia: Seksyen 7
7.	Penyimpanan rekod dan salinan	Kedua-dua Akta memerlukan Menteri yang berkenaan mengarahkan rekod permohonan dan sijil disimpan. Salinan yang disahkan boleh diperoleh dengan bayaran yang ditetapkan.	Gibraltar: Seksyen 8 Malaysia: Seksyen 8
8.	Penguatkuasaan syarat	Kedua-dua Akta membenarkan syarat dalam sijil pemerbadanan dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.	Gibraltar: Seksyen 9 Malaysia: Seksyen 9
9.	Setem untuk permohonan sijil pemerbadanan	Kedua-dua Akta memerlukan permohonan sijil pemerbadanan dilekatkan setem dengan duti yang ditetapkan.	Gibraltar: Seksyen 10 Malaysia: Seksyen 10
10.	Meterai biasa/ meterai perbadanan	Kedua-dua Akta memerlukan badan korporat mempunyai meterai yang diluluskan oleh Menteri yang berkenaan.	Gibraltar: Seksyen 12 Malaysia: Seksyen 12

12. Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trustee (Incorporation) Act 1935* digambarkan oleh Jadual 13.4.

Jadual 13.4: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trustee (Incorporation) Act 1935*

Bil.	Skop Perbezaan	Gibraltar	Malaysia
1.	Tafsiran	Tiada peruntukan khusus.	Hanya mentakrifkan "sijil pemerbadanan." (Seksyen 1A)
2.	Kekerapan Pelaporan	Dalam tempoh satu bulan bagi tempoh setiap lima tahun selepas pemberian sijil pemerbadanan, pemegang amanah hendaklah menyerahkan nama pemegang amanah, kediaman mereka, dan butiran kepada Menteri. (Seksyen 5)	Dalam tempoh satu bulan bagi setiap tempoh satu tahun, pemegang amanah hendaklah menyerahkan nama pemegang amanah, kediaman mereka, dan butiran kepada Menteri. (Seksyen 5)
3.	Penguatkuasaan berhubung dengan liabiliti pemegang amanah	Tiada peruntukan khusus.	Memperuntukkan penguatkuasaan oleh Peguam Negara, iaitu kawalan dan kuasa Peguam Negara terhadap pemegang amanah berhubung dengan isu liabiliti. (Seksyen 6)
4.	Hilang kelayakan pemegang amanah	Tiada peruntukan khusus.	Menyatakan hal keadaan seseorang hilang kelayakan daripada menjadi pemegang amanah (contohnya, sabitan jenayah, tidak waras, dan mufli). (Seksyen 6A)

Bil.	Skop Perbezaan	Gibraltar	Malaysia
5.	Penguatkuasaan perintah dan syarat	Syarat dalam sijil pemerbadanan boleh dikuatkuasakan oleh Peguam Negara atau Pesuruhjaya Khairat. (Seksyen 9)	Syarat dalam sijil pemerbadanan boleh dikuatkuasakan oleh Peguam Negara. (Seksyen 9)
6.	Duti Setem pada permohonan sijil pemerbadanan	Setiap permohonan sijil pemerbadanan hendaklah dikenakan duti setem sebanyak 50 <i>pence</i> . (Seksyen 10)	Setiap permohonan sijil pemerbadanan hendaklah dikenakan duti setem sebanyak tiga puluh ringgit. (Seksyen 10)
7.	Kontrak tanpa meterai	Tiada peruntukan khusus.	Kontrak yang dibuat oleh pemegang amanah adalah sah dan mengikat walaupun tanpa meterai biasa. (Seksyen 13)
8.	Pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan	Tiada peruntukan khusus.	Menteri boleh membatalkan sijil pemerbadanan badan korporat jika ia merupakan hasil penipuan, kesilapan, salah nyataan, penggunaan yang menyalahi undang-undang, mengejar objektif yang berbeza, dengan sengaja melanggar peraturan, atau melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda atau pemenjaraan. (Seksyen 17)

Bil.	Skop Perbezaan	Gibraltar	Malaysia
9.	Kesan pembatalan sijil pemerbadanan	Tiada khusus. peruntukan	<p>Pembatalan sijil pemerbadanan boleh mengakibatkan pemindahan aset atau liabiliti kepada pemegang amanah yang dilantik oleh badan atau persatuan orang, atau pemegang amanah tersebut ialah pemegang amanah yang sama yang telah diperbadankan sebelum pembubaran.</p> <p>Prosiding undang-undang terhadap pemegang amanah boleh diteruskan. Dengan ketiadaan pemegang amanah, harta yang terletak hak pada badan korporat akan terletak hak pada Amanah Raya Berhad, sehingga pemegang amanah baharu dilantik. (Seksyen 19)</p>
10.	Laporan tahunan dan pengauditan	Tiada khusus. peruntukan	<p>Pemegang amanah dikehendaki untuk memberikan laporan tahunan akaun, yang telah diaudit oleh juruaudit badan korporat tersebut. (Seksyen 15)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Gibraltar	Malaysia
11.	Petisyen untuk menentukan keahlian badan korporat	Petisyen untuk menentukan keahlian badan korporat boleh dibawa ke Mahkamah Agung. (Seksyen 14).	Petisyen untuk menentukan keahlian badan korporat boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi. (Seksyen 16).
12.	Pembubaran sukarela	Tiada peruntukan khusus.	Tatacara dan akibat khusus yang berkaitan dengan pembubaran badan korporat secara sukarela diperincikan secara jelas. (Seksyen 18)
13.	Kesan pembatalan sijil pemerbadanan	Tiada peruntukan khusus.	Selepas pembatalan sijil pemerbadanan, pemindahan aset atau liabiliti hendaklah dilaksanakan kepada pemegang amanah yang dilantik oleh badan atau persatuan atau kepada Amanah Raya Berhad jika tiada pemegang amanah. (Seksyen 19)
14.	Pelantikan pendaftar, timbalan pendaftar dan penolong pendaftar	Tiada peruntukan khusus.	Menteri boleh melantik pegawai-pegawai ini untuk menjalankan fungsi-fungsi tertentu di bawah Akta. (Seksyen 20)

Bil.	Skop Perbezaan	Gibraltar	Malaysia
15.	Peraturan	Tiada peruntukan khusus.	Menteri boleh mewujudkan peraturan-peraturan bagi pelaksanaan Akta ini, iaitu berhubungan dengan cara membuat permohonan untuk pemerbadanan pemegang amanah sebagai badan korporat; tatacara yang perlu diikuti dalam memperbadankan pemegang amanah sebagai badan korporat; maklumat yang perlu diberikan kepada Menteri; dan fi yang boleh dikenakan dan dikutip bagi maksud Akta ini. (Seksyen 21)

E. Kesimpulan

13. Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1935 (Gibraltar) memiliki beberapa kelebihan yang boleh menjadi model untuk menambah baik Akta 258. Kekuatan-kekuatan tersebut ialah pengawasan menyeluruh oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi memastikan aktiviti pemegang amanah dipantau secara berterusan dan keperluan pelaporan terperinci setiap lima tahun. Kedua-dua kekuatan ini meningkatkan kebertanggungjawaban dan ketelusan pemegang amanah. Selain itu, penguatkuasaan syarat dan arahan dalam sijil pemerbadanan oleh Peguam Negara atau Pesuruhjaya Khairat menyediakan mekanisme kukuh untuk memastikan pemegang amanah mematuhi peruntukan Akta.
14. Walau bagaimanapun, Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1935 (Gibraltar) juga mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diambil kira. Pertindihan kuasa antara Peguam Negara dengan Pesuruhjaya Khairat boleh menyebabkan konflik dalam tindakan penguatkuasaan. Pelaksanaan yang rumit dalam pentadbiran dan beban pentadbiran yang meningkat boleh menambah kos operasi dan menyebabkan kelewatan dalam pematuhan. Peruntukan liabiliti dan kebertanggungjawaban yang ketat mungkin menghalang individu daripada berkhidmat sebagai pemegang amanah kerana liabiliti peribadi yang tinggi.

15. Berdasarkan perbincangan di atas, Malaysia boleh mempertimbangkan undang-undang Gibraltar sebagai model untuk menambah baik undang-undang Malaysia atas beberapa justifikasi. Justifikasi pertama ialah pelaporan setiap lima tahun di bawah undang-undang Gibraltar boleh diteliti dan dipertimbangkan sekiranya bersesuaian dengan konteks Malaysia. Justifikasi kedua ialah penguatkuasaan syarat dan arahan yang dikawal selia dengan pelibatan dua pihak, iaitu Peguam Negara dan Pesuruhjaya Khairat. Dengan menerima pakai peruntukan yang sama, Malaysia boleh meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban pemegang amanah, memastikan mereka mengurus amanah demi kepentingan terbaik benefisiari. Syarat dan arahan yang boleh dikuatkuasakan oleh Peguam Negara dan Pesuruhjaya Khairat akan menyediakan Malaysia dengan mekanisme kukuh untuk memastikan pematuhan dan membina kepercayaan awam.

16. Kesimpulannya, dengan mengambil kira beberapa kekuatan daripada Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1935 (Gibraltar), Malaysia boleh memperkukuh pengawasan dan pengawalseliaan terhadap pemegang amanah. Langkah-langkah ini tidak hanya akan meningkatkan kebertanggungjawaban dan ketelusan, tetapi juga menyediakan mekanisme penguatkuasaan yang lebih berkesan, sekali gus melindungi kepentingan benefisiari. Walaupun terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi, namun menerusi perancangan dan penyelarasan yang teliti, Malaysia boleh mengukuhkan sistem tadbir urus amanahnya untuk mencapai tahap yang lebih tinggi bagi mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan awam.

BAB 14

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI HONG KONG

A. Pengenalan

1. Hong Kong yang bermaksud “Pelabuhan Wangi” (Fragrant Harbour) merupakan wilayah jajahan British pada tahun 1842. Hong Kong merangkumi Pulau Hong Kong, Semenanjung Kowloon, dan Wilayah Baru (John Mark Carroll, 2007). Dengan keluasan sebanyak 1114.57 kilometer persegi dan populasi penduduk sekitar 7.5 juta orang, Hong Kong merupakan sebuah wilayah yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi (The Government of the Hong Kong Special Administrative Region, 2024). Hong Kong juga menjadi tempat paling penting untuk China selama lebih 150 tahun kerana pemisahan politiknya dari China. Pemisahan politik tersebut telah menjadikan Hong Kong sebagai perantara bagi hubungan penting antara China dengan dunia sejak zaman purba, yang memudahkan penghijrahan, perdagangan dan pertukaran budaya. Walaupun terdapat pemisahan politik, Hong Kong memainkan peranan yang penting dalam ekonomi China, terutamanya selepas Revolusi Komunis 1949, dengan menyediakan pertukaran asing dan mengimport barangan yang terhad. Sejarah Hong Kong dibentuk dengan ketara oleh pengaruh China dan British, dengan perkembangannya yang banyak dipengaruhi oleh penjajahan British. Pengaruh ganda ini telah menjadikan Hong Kong sebagai bahagian yang unik dan penting dalam sejarah China dan British (John Mark Carroll, 2007).

2. Hong Kong terletak di persimpangan sejarah empayar China dan British, lantas mempunyai identiti unik yang dibentuk oleh kapitalisme dan warisan penjajah. Hong Kong juga merupakan sebuah bandar kosmopolitan yang menyaksikan budaya Barat dan China bercampur dengan lancar. Pada tahun 1997, Hong Kong telah diserahkan oleh Kerajaan United Kingdom kepada China secara rasmi. Serentak dengan penyerahan tersebut, Hong Kong dinamakan sebagai Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong (Hong Kong Special Administrative Region). (The Government of the Hong Kong Special Administrative Region, 2024). Hong Kong telah membangunkan identiti unik yang dibentuk oleh percanggahan dan pengaruh daripada kedua-dua budaya. Sungguhpun kebimbangan tentang campur tangan China selepas 1997 kekal, masyarakat kapitalis Hong Kong dan warisan British telah memupuk persekitaran kosmopolitan dengan gabungan tradisi Barat dan China. Walaupun menghadapi cabaran yang besar, seperti krisis kewangan Asia, virus SARS, dan persaingan dari tanah besar China, Hong Kong telah mengekalkan banyak watak pra-1997, mengekalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa perniagaan dan mengekalkan komuniti ekspatriat yang kuat. Sejarah Hong Kong sebagai tanah jajahan British selama lebih 150 tahun meninggalkan warisan yang kompleks. Era penjajahan membantu untuk mengubah Hong Kong menjadi pusat komersial yang berkembang maju dengan kestabilan politik dan taraf hidup yang tinggi. Warisan penjajahan masih jelas dalam sistem undang-undang dan politik Hong Kong, ketidaksamarataan sosial, dan kepentingan bahasa Inggeris yang berterusan. Peralihan Hong Kong kepada kedaulatan China pada tahun 1997 telah memberikan kesan bercampur-campur kepada kedua-dua Hong Kong dan tanah besar China (John Mark Carroll, 2007).

3. Bagi kajian ini, Hong Kong telah dipilih sebagai antara negara perbandingan berdasarkan beberapa justifikasi. Pertamanya, Hong Kong merupakan negara bekas jajahan British seperti Malaysia. Kedua-dua bidang kuasa mewarisi sistem undang-undang yang dibentuk oleh pemerintahan British yang mempunyai pengaruh yang mendalam dalam rangka kerja undang-undang mereka, termasuk undang-undang yang berkaitan dengan amanah dan pemerbadanan. Asas undang-undang umum ini menyediakan wadah untuk mengkaji persamaan dan perbezaan dalam undang-undang tentang pemerbadanan pemegang amanah antara Malaysia dengan Hong Kong. Justifikasi kedua ialah kepentingan ekonomi dan komersial. Malaysia dan Hong Kong merupakan pusat kewangan yang penting di Asia, menarik pelaburan asing yang besar dan mempunyai pasaran kewangan yang kukuh. Pemahaman tentang cara setiap bidang kuasa mengawal pemerbadanan pemegang amanah adalah penting bagi pelabur, institusi kewangan, dan pengurus kekayaan yang beroperasi di pasaran kedua-dua negara ini. Dengan membandingkan undang-undang di Hong Kong dan Malaysia, pandangan dapat diperolehi tentang cara setiap bidang kuasa memudahkan aktiviti berkaitan dengan amanah dan menyokong pengurusan harta.
4. Justifikasi ketiga ialah Hong Kong dan Malaysia mempunyai persamaan dari segi kepelbagaian latar belakang budaya. Malaysia yang terletak di Asia Tenggara, mempunyai penduduk yang pelbagai yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik. Hong Kong yang terletak di Asia Timur pula mempunyai gabungan pengaruh Timur dan Barat yang unik. Persamaan ini boleh memberikan pandangan berharga tentang hubungan antara budaya, sejarah dan rangka kerja undang-undang. Justifikasi keempat ialah perbandingan antara undang-undang Hong Kong dengan Malaysia menawarkan perspektif serantau yang lebih luas tentang peraturan berkaitan dengan amanah di Asia. Malaysia mewakili rantau Asia Tenggara, dicirikan oleh kepelbagaian dan pertumbuhan ekonominya, manakala Hong Kong berfungsi sebagai hab kewangan terkemuka di Asia

Timur. Perbandingan undang-undang di kedua-dua negara ini membolehkan pemahaman yang komprehensif tentang pemerdanaan pemegang amanah dalam konteks Asia yang lebih luas. Semua justifikasi yang dinyatakan di atas telah menjadikan Hong Kong sebagai sebuah negara yang sesuai untuk dijadikan sebagai subjek perbandingan dengan Malaysia.

B. Undang-undang tentang Amanah

- Pemegang amanah mempunyai kewajipan fidusiari untuk bertindak demi kepentingan terbaik benefisiari amanah dan memastikan asetnya dilindungi. Dari konteks undang-undang, undang-undang amanah di Hong Kong adalah berdasarkan *common law* dan prinsip ekuiti. Di Hong Kong, terdapat beberapa undang-undang yang mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan dengan amanah yang dinyatakan dalam Jadual 14.1.

Jadual 14.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di Hong Kong

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>Trustee Ordinance 1934 (Cap. 29)</i>	Terpakai bagi amanah (apabila dibuat), termasuk wasi (executorship) dan pentadbir amanah (administratorship) apabila dibentuk.
2.	<i>Bankruptcy Ordinance 1932 (Cap.6)</i>	Terpakai apabila terdapat aset amanah yang terlibat dalam prosiding kebangkrapan.
3.	<i>Inland Revenue Ordinance 1947 (Cap. 112)</i>	Terpakai bagi pentadbiran cukai amanah di Hong Kong di samping menggariskan peraturan untuk menilai dan mengenakan cukai pendapatan amanah.

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
4.	<i>Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)</i>	Terpakai bagi memudahkan pemerbadanan dan pengawalseliaan pemegang amanah korporat di Hong Kong di samping menyediakan rangka kerja undang-undang untuk pentadbiran amanah oleh entiti korporat.
5.	<i>Stamp Duty Ordinance 1981 (Cap. 117)</i>	Terpakai bagi mengawal selia pengenaan duti setem kepada transaksi yang melibatkan amanah di Hong Kong.
6.	<i>Insurance Ordinance 1983 (Cap.41)</i>	Terpakai bagi peraturan dan pengawasan polisi insurans yang melibatkan amanah.
7.	<i>Public Finance Ordinance 1983 (Cap.2)</i>	Terpakai bagi pengaturan amanah yang melibatkan kewangan kerajaan atau perkongsian awam-swasta.
8.	<i>Conveyancing and Property Ordinance 1984 (Cap. 219)</i>	Terpakai kepada amanah, terutamanya tentang pemerolehan, pengurusan dan pelupusan harta yang dipegang dalam struktur amanah.
9.	<i>Recognition of Trusts Ordinance 1990 (Cap. 76)</i>	Terpakai bagi pengiktirafan dan penguatkuasaan amanah asing di Hong Kong yang membolehkan benefisiari menegaskan hak mereka dan mendapatkan remedi melalui sistem undang-undang tempatan.
10.	<i>Securities and Futures Commission Ordinance 2001 (Cap. 24)</i>	Terpakai kepada pemegang amanah yang terlibat dalam penjagaan sekuriti, pengurusan aset atau aktiviti pelaburan.
11.	<i>Companies Ordinance 2013 (Cap. 622)</i>	Terpakai bagi menyediakan peruntukan untuk pewujudan, tadbir urus dan operasi pemegang amanah korporat di samping memastikan pematuhan terhadap

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		keperluan dan piawaian undang-undang dalam pentadbiran amanah.
12.	<i>Wills Ordinance 1970 (Cap.30)</i>	Terpakai kepada amanah yang diwujudkan melalui wasiat.
13.	<i>Partnership Ordinance 1950 (Cap. 38)</i>	Terpakai kepada situasi harta perkongsian yang dipegang oleh pemegang amanah, pengaturan amanah dimasukkan dalam perjanjian perkongsian, atau pemegang amanah dilantik untuk menguruskan aset perkongsian bagi pihak rakan kongsi.
14.	<i>Trustee (Investment in Hong Kong Government Securities) Ordinance 1970 (Cap. 77)</i>	Terpakai kepada pemegang amanah yang melabur dana amanah dalam instrumen kewangan yang boleh diperdagangkan, seperti saham dan bon Kerajaan Hong Kong.
15.	<i>Limited Partnership Ordinance 1912 (Cap.37)</i>	Terpakai kepada amanah, terutamanya dalam konteks penstrukturan pelaburan, perlindungan aset, perancangan h
16.	<i>Societies Ordinance 1965 (Cap.151)</i>	Terpakai kepada amanah yang terlibat dalam penubuhan atau pengoperasian persatuan.
17.	<i>Corporate Bodies Contracts Ordinance 1984 (Cap. 293)</i>	Terpakai kepada kontrak yang dimeterai oleh pemegang amanah korporat bagi pihak amanah.
18.	<i>Probate and Administration Ordinance 1890 (Cap.10)</i>	Terpakai apabila orang yang meninggal dunia telah mewujudkan amanah sebagai sebahagian daripada perancangan harta pusaka mereka.
19.	<i>Securities Ordinance 2002 (Cap. 333)</i>	Terpakai kepada amanah yang terlibat dalam urus niaga sekuriti atau pelaburan.

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

6. Di Hong Kong, *Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)* (Ordinan Pemerbadanan Pemegang Amanah Berdaftar 1986 (Bab 306) telah digubal pada tahun 1968 untuk mentadbir pewujudan pemegang amanah yang dilantik oleh badan, persatuan dan komuniti. Tujuan penggubalan undang-undang ini adalah untuk memudahkan pewujudan pemegang amanah yang dilantik oleh badan-badan, persatuan dan komuniti orang-orang tertentu, dan pemegang amanah badan khairat serta membuat peruntukan bagi tujuan yang berkaitan dengannya.
7. Ordinan Pemerbadanan Pemegang Amanah Berdaftar mengandungi 14 peruntukan dan dua jadual. Senarai kandungan dalam Ordinan tersebut dinyatakan dalam Jadual 14.2.

Jadual 14.2: Senarai Kandungan *Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 1	<i>Short title</i>
Seksyen 2	<i>Interpretation</i>
Seksyen 3	<i>Application for certificate of incorporation</i>
Seksyen 4	<i>Grant of a certificate of incorporation</i>
Seksyen 5	<i>Notice of incorporation and validity of certificate</i>
Seksyen 6	<i>Common seal</i>
Seksyen 7	<i>Vesting of land</i>
Seksyen 8	<i>Change of trustees</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 9	<i>Notification of change of principal office or trustees</i>
Seksyen 10	<i>Registers and documents</i>
Seksyen 11	<i>Liability of trustees notwithstanding incorporation</i>
Seksyen 12	<i>Gifts</i>
Seksyen 13	<i>(Repealed 41 of 1969 s.4)</i>
Seksyen 14	<i>Enforcement of conditions and directions</i>
Seksyen 15	<i>Fees</i>
Jadual Pertama	<i>Particulars to accompany application for registration</i>
Jadual Kedua	<i>Table of fees payable to the registrar of companies</i>

D. Kes Mahkamah tentang *Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)*

The Incorporated Trustees of the Sisters of the Immaculate Heart of Mary v 曹琳 and another [2023] HKCU 2586

Kes ini merupakan pendengaran tuntutan saman yang dikemukakan oleh plaintif untuk kebenaran Mahkamah bagi mengemukakan keterangan pakar psikiatri dan psikologi tentang keadaan kesihatan mental semasa serta tahap intelek yang dialami oleh Sister Chio Mui Kew Maryse. Dalam kes ini, plaintif telah diperbadankan di bawah *Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)* bagi tujuan kerja-kerja mubaligh atas arahan *Bishop of the Roman Catholic Church* di Hong Kong melalui pendidikan, perubatan, keagamaan, sosial dan khairat.

E. Perbandingan dengan Malaysia

8. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara Akta 258 dengan *Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)* diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara Akta 258 dan *Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)* dinyatakan dalam Jadual 14.3.

Jadual 14.3: Persamaan antara Akta 258 dengan *Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)*

Bil.	Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Proses pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang mempunyai peruntukan bagi pemegang amanah untuk memohon pemerbadanan pemegang amanah sebagai badan korporat di bawah undang-undang masing-masing. Proses ini melibatkan permohonan kepada pihak berkuasa yang berkaitan dan memenuhi keperluan tertentu.	Hong Kong: Seksyen 3 dan seksyen 4 Malaysia: Seksyen 2
2.	Pemberian sijil sebagai badan korporat	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan tentang pemberian sijil pemerbadanan kepada pemegang amanah.	Hong Kong: Seksyen 4 Malaysia: Seksyen 2
3.	Perletakhakan harta	Kedua-dua undang-undang menggariskan kuasa pemegang amanah yang diperbadankan untuk memperoleh, memegang, dan melupuskan harta atas nama badan korporat.	Hong Kong: Seksyen 7 Malaysia: Seksyen 3

Bil.	Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
4.	Butir-butir berkaitan dengan permohonan sijil pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang memerlukan butir-butir tertentu dimasukkan dalam permohonan sijil pemerbadanan, seperti tujuan penubuhan badan korporat, nama pemegang amanah dan cadangan nama badan korporat.	Hong Kong: Seksyen 3 Malaysia: Seksyen 4
5.	Pelantikan dan perubahan pemegang amanah	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan tentang pelantikan dan pengisian kekosongan pemegang amanah.	Hong Kong: Seksyen 8 dan seksyen 9 Malaysia: Seksyen 5
6.	Liabiliti pemegang amanah	Kedua-dua undang-undang menetapkan liabiliti pemegang amanah bagi harta yang dimiliki oleh mereka dan kebertanggungjawaban mereka terhadap tindakan, pengabaian, dan keingkaran mereka selepas mendapat sijil pemerbadanan.	Hong Kong: Seksyen 11 Malaysia: Seksyen 6
7.	Penyelenggaraan rekod dan pematuhan	Kedua-dua undang-undang menghendaki pihak berkuasa yang berkaitan (iaitu Pendaftar di Hong Kong dan Menteri di Malaysia) untuk menyimpan rekod semua permohonan, sijil pemerbadanan, dan dokumen yang dihantar di bawah Akta, dengan peruntukan untuk menyediakan salinan rekod tersebut atas permintaan.	Hong Kong: Seksyen 10 Malaysia: Seksyen 8

Bil.	Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
8.	Penguatkuasaan syarat sijil	Kedua-dua undang-undang menyatakan bahawa syarat dan arahan yang digariskan dalam sijil pemerbadanan mengikat.	Hong Kong: Seksyen 14 Malaysia: Seksyen 9
9.	Hadiah dll.	Kedua-dua undang-undang menyatakan bahawa sumbangan, hadiah, atau pelupusan harta atau tanah yang dibuat sebelum atau selepas pemerbadanan tetapi tidak berkuat kuasa, akan dianggap berkuat kuasa seolah-olah dibuat terus kepada perbadanan atau badan korporat untuk tujuan yang dimaksudkan.	Hong Kong: Seksyen 12 Malaysia: Seksyen 11
10.	Meterai biasa	Kedua-dua Akta menetapkan keperluan untuk mengadakan meterai biasa bagi badan korporat dengan peruntukan tentang kelulusan dan penggunaannya.	Hong Kong: Seksyen 6 Malaysia: Seksyen 12
11.	Bayaran	Kedua-dua undang-undang menyatakan bayaran yang berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah.	Hong Kong: Seksyen 15 Malaysia: Seksyen 8, seksyen 15 dan seksyen 21

9. Perbezaan antara Akta 258 dengan *Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)* dinyatakan dalam Jadual 14.4.

Jadual 14.4: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Registered Trustees Incorporation Ordinance 1968 (Cap. 306)*

Bil.	Skop Perbezaan	Hong Kong	Malaysia
1.	Tafsiran	Mentakrifkan “body of persons” “certificate”, “charitable purpose”, “charity”, “corporation” dan “Register”. (Seksyen 2)	Hanya mentakrifkan “certificate of incorporations”. (Seksyen 1A)
2.	Asas pemerbadanan pemegang amanah	Badan yang boleh diperbadankan di bawah undang-undang tidak termasuk badan yang mencari keuntungan, kecuali imbuhan profesional. (Seksyen 3)	Pemegang amanah boleh dilantik oleh mana-mana badan atau persatuan orang yang ditubuhkan untuk apa-apa tujuan agama, pendidikan, sastera, saintifik, sosial atau khairat. (Seksyen 2)
3.	Had bilangan pemegang amanah	Pemegang amanah dihadkan antara 3 hingga 7 orang. (Seksyen 3)	Tiada peruntukan khusus.
4.	Proses permohonan pemerbadanan dan pengeluaran sijil pemerbadanan	Pemegang amanah hendaklah mengemukakan permohonan untuk pemerbadanan pemegang amanah kepada Pendaftar. (Seksyen 3)	Pemegang amanah hendaklah mengemukakan permohonan untuk pemerbadanan pemegang amanah kepada Menteri dengan memajukan butiran terperinci dan juga mungkin tertakluk kepada syarat tambahan. (Seksyen 2)

Bil.	Skop Perbezaan	Hong Kong	Malaysia
5.	Pengeluaran sijil pemerbadanan	Sijil pemerbadanan dikeluarkan oleh Ketua Eksekutif. (Seksyen 4)	Sijil pemerbadanan dikeluarkan oleh Menteri. (Seksyen 2)
6.	Keperluan pewartaan untuk sijil pemerbadanan	Notis pemberian, pembatalan, atau pindaan kepada sijil pemerbadanan hendaklah disiarkan dalam Warta. (Seksyen 5)	Tiada peruntukan khusus.
7.	Kekerapan Pelaporan	Tiada peruntukan khusus.	Dalam tempoh satu bulan selepas tamatnya setiap tempoh satu tahun selepas pemberian sijil pemerbadanan, atau, apabila dikehendaki oleh Menteri, satu penyata hendaklah dikemukakan kepada Menteri oleh para pemegang amanah pada masa itu yang menyatakan nama-nama para pemegang amanah berserta dengan alamat kediaman dan butiran mereka. (Seksyen 5)

Bil.	Skop Perbezaan	Hong Kong	Malaysia
8.	Pemberian notis tentang perubahan tentang ibu pejabat atau pemegang amanah	Notis tentang apa-apa perubahan tentang ibu pejabat atau pemegang amanah hendaklah diberikan kepada Pendaftar dalam tempoh 28 hari. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan ini merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman denda. (Seksyen 9)	Tiada peruntukan khusus.
9.	Hilang kelayakan pemegang amanah	Tiada peruntukan khusus.	Menyatakan hal keadaan seseorang hilang kelayakan daripada menjadi pemegang amanah (contohnya, sabitan jenayah, tidak waras atau muflis). (Seksyen 6A)
10.	Penguatkuasaan berhubung dengan liabiliti pemegang amanah	Tiada peruntukan khusus.	Menyatakan kebolehuatkuasaan oleh Peguam Negara, iaitu tentang kawalan dan kuasa berterusan Peguam Negara terhadap pemegang Amanah berhubung dengan dengan isu liabiliti. (Seksyen 6)

Bil.	Skop Perbezaan	Hong Kong	Malaysia
11.	Kelulusan meterai biasa	Meterai biasa hendaklah diluluskan oleh Pendaftar. Perubahan pada meterai memerlukan persetujuan Pendaftar. (Seksyen 6)	Meterai biasa hendaklah diluluskan oleh Menteri. (Seksyen 12)
12.	Pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan	Tiada peruntukan khusus.	Menteri boleh membatalkan sijil penubuhan badan korporat jika ia merupakan hasil penipuan, kesilapan, salah nyataan, penggunaan yang menyalahi undang-undang, melaksanakan objektif yang berbeza, dengan sengaja melanggar undang-undang, atau melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda atau pemenjaraan. (Seksyen 17)
13.	Kesan pembatalan sijil pemerbadanan	Tiada peruntukan khusus.	Pembatalan sijil pemerbadanan boleh mengakibatkan pemindahan aset atau liabiliti kepada pemegang amanah yang dilantik oleh badan atau persatuan orang, atau pemegang amanah yang sama yang diperbadankan sebelum pembubaran. Prosiding undang-undang terhadap pemegang

Bil.	Skop Perbezaan	Hong Kong	Malaysia
			amanah boleh diteruskan. Dengan ketiadaan pemegang amanah, harta yang terletak hak pada badan korporat akan terletak hak pada Amanah Raya Berhad, sehingga pemegang amanah baharu dilantik. (Seksyen 19)
14.	Laporan tahunan dan pengauditan	Tiada peruntukan khusus.	Pemegang amanah dikehendaki mengekalkan dan memberikan laporan tahunan akaun, termasuk pensijilan dan pengauditan oleh juruaudit badan atau persatuan. (Seksyen 15)
15.	Pembubaran sukarela	Tiada peruntukan khusus.	Tatacara dan akibat khusus yang berkaitan dengan pembubaran badan korporat secara sukarela diperincikan secara jelas. (Seksyen 18)
16.	Pemindahan aset selepas pembatalan	Tiada peruntukan khusus.	Selepas pembatalan sijil pemerbadanan, pemindahan aset atau liabiliti hendaklah dilaksanakan kepada pemegang amanah yang dilantik oleh badan atau persatuan atau kepada Amanah Raya Berhad jika tiada pemegang amanah. (Seksyen 19)

Bil.	Skop Perbezaan	Hong Kong	Malaysia
17.	Penetapan bayaran/fi	Terdapat jadual bayaran terperinci dalam Jadual Kedua untuk pelbagai perkhidmatan. (Seksyen 15)	Tiada peruntukan tentang fi. Duti setem sebanyak tiga puluh ringgit untuk permohonan pemerbadanan. (Seksyen 10)
18.	Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar	Tiada peruntukan khusus. "Pendaftar" ditakrifkan sebagai "Pendaftar Syarikat."	Menteri boleh melantik pegawai-pegawai ini untuk menjalankan fungsi-fungsi tertentu di bawah Akta, dengan perlindungan bagi tindakan yang dilakukan (Seksyen 20)
19.	Peraturan-peraturan	Tiada peruntukan khusus.	Menteri boleh mewujudkan peraturan-peraturan bagi pelaksanaan Akta ini, iaitu cara membuat permohonan untuk mendaftarkan pemegang amanah sebagai badan korporat; tatacara yang perlu diikuti dalam mendaftarkan pemegang amanah sebagai badan korporat; maklumat yang diberikan kepada Menteri; dan fi yang boleh dikenakan dan dikutip bagi maksud Akta ini. (Seksyen 21)

F. Kesimpulan

10. Kekuatan undang-undang Hong Kong terletak pada takrifan yang komprehensif dan rangka kerja pengawalseliaan yang jelas. Dengan mentakrifkan istilah utama, seperti “badan orang”, “sijil”, “tujuan khairat”, “khairat”, “perbadanan”, dan “Pendaftar”, undang-undang Hong Kong memberikan kejelasan dan kepastian kepada pihak berkepentingan di samping mengurangkan kekaburan dan pertikaian yang berpotensi untuk timbul. Di samping itu, Hong Kong mengehendkan skop penubuhan pemegang amanah kepada entiti bukan berasaskan keuntungan, kecuali pemerolehan imbuhan professional sahaja. Hal ini memastikan pemegang amanah ditubuhkan atas tujuan khairat dan bukannya tujuan keuntungan, di samping meningkatkan integriti dan kebolehpercayaan sistem pemegang amanah.
11. Selain itu, keperluan untukewartakan notis yang berkaitan dengan pemberian, pembatalan, atau pindaan sijil pemerbadanan dapat meningkatkan ketelusan dan kesedaran awam serta memupuk kebertanggungjawaban dalam rangka kerja pemegang amanah. Kekuatan ini menyumbang kepada persekitaran pengawalseliaan yang mantap dan berkesan untuk pemegang amanah di Hong Kong, menggalakkan keyakinan dalam kalangan pihak berkepentingan, dan memudahkan pentadbiran aktiviti khairat yang betul.

12. Kelemahan undang-undang Hong Kong dapat dilihat menerusi ketiadaan peruntukan khusus yang menangani aspek penting tadbir urus pemegang amanah dan kebertanggungjawaban, berbeza dengan peraturan yang terdapat dalam undang-undang Malaysia. Undang-undang Hong Kong tidak mempunyai beberapa peruntukan penting. Peruntukan yang dimaksudkan ialah kekerapan pelaporan, kriteria kehilangan kelayakan pemegang amanah, mekanisme penguatkuasaan yang berkaitan dengan liabiliti pemegang amanah, tatacara pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan, akibat pembatalan, keperluan untuk pelaporan tahunan dan pengauditan, garis panduan untuk pembubaran sukarela badan korporat, cara untuk pemindahan aset selepas pembatalan badan korporat, tatacara pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar untuk tugas khusus di bawah undang-undang yang mengawal selia pemerbadanan pemegang amanah. Jurang dalam liputan pengawalseliaan ini boleh menyebabkan kekaburan, ketidakseragaman dan pengawasan yang tidak mencukupi dalam operasi pemegang amanah yang berpotensi untuk menjejaskan integriti dan keberkesanan sistem pemegang amanah di Hong Kong.
13. Berdasarkan perbincangan di atas, Malaysia boleh mempertimbangkan undang-undang Hong Kong sebagai model untuk menambah baik undang-undang Malaysia berdasarkan beberapa justifikasi. Justifikasi tersebut ialah kekuatan dan keberkesanan yang ditunjukkan oleh takrifan yang lebih rinci, rangka kerja pengawalseliaan yang jelas, dan penekanan pada ketelusan dan kebertanggungjawaban. Dengan menerima pakai peruntukan yang sama, Malaysia boleh meningkatkan kejelasan dan kepastian bagi pihak berkepentingan, mengurangkan kekaburan dan pertikaian yang berpotensi, dan memupuk kepercayaan terhadap sistem pemegang amanah.

14. Selain itu, pendekatan Hong Kong untuk menyekat pemerbadanan kepada entiti bukan berasaskan keuntungan, kecuali menerima imbuhan profesional, dapat mengukuhkan integriti pemegang amanah dan memastikan bahawa pemegang amanah diperbadankan atas tujuan khairat. Di samping itu, pewartaan apa-apa notis yang berkaitan dengan pemegang amanah dapat meningkatkan ketelusan dan kesedaran awam serta mempromosikan kerbertanggungjawaban dalam rangka kerja pemegang amanah. Secara keseluruhannya, rujukan kepada aspek-aspek yang dinyatakan dalam undang-undang Hong Kong di atas boleh mewujudkan persekitaran kawal selia yang mantap untuk pemegang amanah di Malaysia.

BAB 15

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI MALAWI

A. Pengenalan

1. Malawi, yang dikenali sebagai “the warm heart of Africa,” merupakan sebuah negara yang terletak di selatan benua Afrika. Negara ini mencapai kemerdekaan daripada British pada tahun 1964 dan memiliki keluasan 118,484 kilometer persegi dengan populasi penduduk sekitar 19 juta orang (National Statistical Office of Malawi, 2024). Malawi terkenal dengan tasiknya yang besar, iaitu Tasik Malawi yang merupakan antara tasik air tawar yang terbesar di dunia. Malawi mempunyai kepentingan ekonomi dan budaya yang besar di rantau ini (Power, 2024).
2. Malawi memainkan peranan yang penting dalam hubungan serantau di Afrika dengan latar belakang sejarah yang mendalam dan pelbagai. Sebagai bekas jajahan British, Malawi mewarisi sistem undang-undang yang dibentuk oleh pemerintahan British yang memberikan pengaruh yang mendalam kepada perundangannya, termasuk undang-undang yang berkaitan dengan amanah dan pemerbadanan. Pengaruh British ini telah membentuk perkembangan undang-undang dan pentadbiran di Malawi, menjadikannya antara elemen penting dalam kajian perbandingan undang-undang (Central Intelligence Agent, 2024).
3. Selepas kemerdekaan, Malawi mengalami beberapa perubahan politik dan ekonomi yang signifikan. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran seperti kemiskinan dan ketidakseimbangan ekonomi, Malawi telah berusaha untuk mengekalkan kestabilan politik dan pembangunan sosioekonomi yang mampan. Negara ini juga memainkan peranan yang

penting dalam pertukaran budaya dan perdagangan di rantau Afrika menerusi hubungan erat dengan negara-negara jiran (Power, 2024).

4. Latar belakang sejarah Malawi dan budaya Afrika membentuk identiti unik dan tradisi tempatan. Walaupun menghadapi cabaran besar seperti krisis ekonomi dan masalah kesihatan, Malawi telah mengekalkan banyak aspek warisannya, termasuk sistem perundangan dan pentadbiran yang berterusan. Warisan ini masih jelas dalam sistem perundangan dan politik Malawi, ketidaksamarataan sosial, dan penggunaan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi dan perdagangan (Central Intelligence Agent, 2024).
5. Bagi kajian ini, Malawi telah dipilih sebagai antara negara perbandingan berdasarkan beberapa justifikasi. Pertamanya, Malawi merupakan sebuah negara bekas jajahan British seperti Malaysia. Kedua-dua bidang kuasa mewarisi sistem undang-undang yang dibentuk oleh pemerintahan British yang mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap perundangan mereka, termasuk undang-undang yang berkaitan dengan amanah dan pemerbadanan. Perundangan tersebut menjadi asas untuk mengkaji persamaan dan perbezaan dalam undang-undang pemerbadanan pemegang amanah antara Malaysia dengan Malawi.
6. Justifikasi kedua ialah kepentingan ekonomi dan komersial. Malaysia dan Malawi memainkan peranan yang penting dalam ekonomi serantau mereka. Malaysia merupakan pusat kewangan yang penting di Asia dan Malawi pula merupakan negara yang sedang membangun di Afrika. Pemahaman tentang cara setiap bidang kuasa mengawal selia pemegang amanah adalah penting bagi pelabur, institusi kewangan, dan pengurus kekayaan yang beroperasi di pasaran kedua-dua negara ini. Dengan membandingkan undang-undang di Malawi dan di Malaysia, pandangan dapat diperoleh cara bagaimana setiap bidang kuasa memudahkan aktiviti berkaitan dengan amanah dan menyokong pengurusan harta.

7. Justifikasi ketiga ialah Malawi dan Malaysia mempunyai persamaan dari segi kepelbagaian latar belakang budaya. Malaysia yang terletak di Asia Tenggara, mempunyai penduduk yang pelbagai yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik. Malawi yang terletak di Afrika juga mempunyai kepelbagaian budaya yang kaya dengan pelbagai kumpulan etnik dan bahasa. Persamaan ini boleh memberikan pandangan yang berharga tentang hubungan antara budaya, sejarah dan sistem perundangan.

8. Justifikasi keempat ialah perbandingan antara undang-undang Malawi dengan Malaysia menawarkan perspektif serantau yang lebih luas tentang peraturan berkaitan dengan amanah di Asia dan Afrika. Malaysia memiliki kepelbagaian dan kerancakan pertumbuhan ekonomi. Malawi pula berfungsi sebagai contoh negara membangun di Afrika yang sedang berusaha untuk membangunkan ekonomi dan sistem pengurusan. Perbandingan undang-undang antara kedua-dua negara ini memberikan pemahaman yang komprehensif tentang amanah dan undang-undang yang berkaitan dengan amanah dalam konteks yang lebih luas. Semua justifikasi yang dinyatakan di atas telah menjadikan Malawi sebagai sebuah negara yang sesuai untuk dijadikan sebagai subjek perbandingan dengan Malaysia.

B. Undang-undang tentang Amanah

9. Pemegang amanah di Malawi mempunyai kewajipan fidusiari untuk bertindak demi kepentingan terbaik benefisiari amanah dan memastikan asetnya dilindungi. Di Malawi, undang-undang yang mengawal selia perkara-perkara berkaitan dengan amanah adalah berdasarkan prinsip *common law* dan ekuiti. Di Malawi, terdapat beberapa undang-undang yang mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan dengan amanah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 15.1.

Jadual 15.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di Malawi

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>Trustees Act 1967</i>	Terpakai bagi menetapkan tanggungjawab dan kewajipan pemegang amanah. Akta ini memastikan bahawa pemegang amanah menguruskan amanah dengan integriti dan ketelusan, serta melindungi kepentingan benefisiari. Akta ini juga memperuntukkan cara-cara pelantikan dan penamatan pemegang amanah, serta memberikan panduan tentang pelaburan dan pengurusan aset amanah.
2.	<i>Companies Act 2013</i>	Terpakai kepada pemegang amanah korporat. Undang-undang ini mengawal selia tadbir urus dan operasi pemegang amanah yang ditubuhkan sebagai syarikat. Akta ini memastikan pematuhan pada keperluan dan piawaian undang-undang dalam pentadbiran amanah dan menyediakan panduan tentang aspek-aspek, seperti pendaftaran, laporan tahunan dan pengauditan.
3.	<i>Land Act 1965</i>	Terpakai bagi mengawal selia pengurusan dan pelupusan harta tanah yang dipegang dalam struktur amanah di Malawi. Akta ini memastikan bahawa transaksi yang melibatkan harta amanah adalah sah dan mematuhi undang-undang. Akta ini juga memberikan panduan tentang hak-hak dan tanggungjawab pemegang amanah berkaitan dengan harta tanah.
4.	<i>Deceased Estates (Wills, Inheritance and Protection) Act 2011</i>	Terpakai dalam konteks pengurusan amanah berkaitan dengan harta pusaka dan wasiat di Malawi dengan memastikan hak-hak benefisiari dilindungi, memberikan panduan tentang pelantikan dan tanggungjawab pemegang amanah, mengawal selia proses pembahagian harta pusaka, memberikan garis panduan pengurusan aset amanah, serta menggariskan tatacara pentadbiran

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		amanah yang memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban.
5.	<i>Taxation Act 1964</i>	Terpakai dalam konteks pengurusan amanah di Malawi dengan memastikan penilaian dan pengenaan cukai pendapatan amanah, keperluan pemfailan cukai tahunan oleh pemegang amanah, pemotongan dan pembayaran cukai bagi pendapatan amanah sebelum pengagihan kepada benefisiari, serta pengurusan kewangan amanah yang mematuhi peraturan cukai yang ditetapkan.
6.	<i>Non-Governmental Organizations Act 2001</i>	Terpakai dalam konteks pengurusan amanah di Malawi dengan memastikan pendaftaran dan pengawalseliaan NGO yang ditubuhkan sebagai amanah, menetapkan standard pengurusan dan tadbir urus yang baik, memastikan pematuhan pada peraturan dan undang-undang yang relevan, serta keperluan pelaporan tahunan dan pengawasan terhadap operasi NGO. Akta ini membantu memastikan NGO beroperasi secara sah, telus dan dana digunakan untuk tujuan yang betul.
7.	<i>Marriage, Divorce and Family Relations Act, 2015</i>	Terpakai dalam konteks pengurusan amanah untuk pengagihan aset semasa perceraian, penjagaan dan pemeliharaan anak-anak, pengagihan aset keluarga selepas perceraian atau kematian, serta pelantikan pemegang amanah untuk menguruskan aset tersebut.
8.	<i>Insurance Act 2010</i>	Terpakai dalam mengawal selia polisi insurans yang melibatkan amanah, memastikan bahawa pemegang amanah dapat mengambil insurans untuk melindungi aset amanah. Akta ini memberikan panduan tentang pelbagai aspek insurans yang berkaitan dengan amanah.

10. Undang-undang ini menyediakan asas yang kuat untuk pengurusan dan pentadbiran amanah di Malawi, memastikan bahawa pemegang amanah bertindak dengan ketelusan dan kebertanggungjawaban, serta melindungi kepentingan benefisiari. Dengan kerangka kerja undang-undang yang komprehensif, Malawi dapat memastikan bahawa amanah diuruskan dengan berkesan dan benefisiari mendapat perlindungan yang sewajarnya.

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

11. Di Malawi, Akta Pemerbadanan Pemegang Amanah (Trustees Incorporation Act) telah digubal pada tahun 1962 untuk mentadbir pemerbadanan pemegang amanah yang dilantik oleh badan-badan, pertubuhan dan komuniti. Tujuan pengubalan undang-undang ini adalah untuk memudahkan pemerbadanan pemegang amanah yang dilantik oleh badan-badan tertentu, pertubuhan dan komuniti serta pemegang amanah badan khairat, dan untuk membuat peruntukan bagi tujuan yang berkaitan dengannya. Akta Pemerbadanan Pemegang Amanah di Malawi telah melalui beberapa pindaan sejak penggubalannya pada tahun 1962. Pindaan pertama berlaku pada tahun 1966. Pindaan-pindaan ini bertujuan untuk memastikan bahawa peraturan dan garis panduan yang berkaitan dengan pemerbadanan, pentadbiran, dan pembubaran amanah adalah relevan dan berkesan mengikut perkembangan masa.
12. Akta Pemerbadanan Pemegang Amanah 1962 di Malawi mengandungi beberapa peruntukan dan jadual yang bertujuan untuk memastikan pentadbiran dan pengawasan pemegang amanah yang betul. Akta ini berfungsi sebagai kerangka undang-undang asas untuk menyokong operasi dan tadbir urus pemegang amanah di Malawi, memastikan mereka melaksanakan tanggungjawab mereka dengan telus dan bertanggungjawab. Akta tersebut mengandungi 16 peruntukan. Senarai kandungan dalam Akta tersebut dinyatakan dalam Jadual 15.2.

Jadual 15.2: Senarai Kandungan
Trustee Incorporation Act (Chapter 5:03)

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 1	<i>Short title</i>
Seksyen 2	<i>Interpretation</i>
Seksyen 3	<i>Upon application of trustees Minister may grant certificate of incorporation</i>
Seksyen 4	<i>Trusts not affected</i>
Seksyen 5	<i>Liability of trustees notwithstanding incorporation</i>
Seksyen 6	<i>Manner of vesting land</i>
Seksyen 7	<i>Vacancies in trustees</i>
Seksyen 8	<i>Name and change of name</i>
Seksyen 9	<i>Change in constitution</i>
Seksyen 10	<i>Contract made by trustees</i>
Seksyen 11	<i>Gifts to charity before incorporation to have same effect afterwards</i>
Seksyen 12	<i>Registrar may strike off a defunct corporate body</i>
Seksyen 13	<i>Service of process and notices</i>
Seksyen 14	<i>Register</i>
Seksyen 15	<i>Rules</i>
Seksyen 16	<i>Transitional</i>

D. Kes-kes Mahkamah tentang *Trustee Incorporation Act (Chapter 5:03)*

- (a) *Chilamba & amp; Others v Mfera & amp; 3 Others* [2022] MWHCCiv 14 (21 April 2022)

Dalam kes ini, pemohon telah membuat permohonan tanpa notis untuk perintah injunksi sementara bagi menghalang defendan dan/atau ejen defendan atau sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihak mereka daripada menukar penandatanganan akaun bank Majiga Church of Christ Building and Sunday School Block, melupuskan aset-aset gereja tersebut dan menghalang defendan daripada menggunakan bangunan gereja serta melakukan pembangunan baharu. Mahkamah memutuskan bahawa tiada bukti yang dikemukakan untuk menunjukkan bahawa dengan pemergian pemohon, Majiga Church of Christ tidak mempunyai keupayaan untuk mengumpul dana bagi dirinya sendiri atau melalui rakan kongsinya. Kedua, tiada keperluan undang-undang di bawah *Trustees Incorporation Act* yang mensyaratkan cawangan individu sesebuah Gereja, *denomination*, atau Kementerian untuk didaftarkan secara berasingan.

- (b) *Mhone & Anor. v Registered Trustees of Malawi United Methodist Church* [2019] MWHC 17 (11 January 2019)

Dalam kes ini, pemohon ialah *pastor* di Malawi United Methodist Church. Gereja tersebut telah memecat dan menyingkirkan mereka sebagai *pastor*. Mereka membawa kes ini ke Mahkamah untuk mendapatkan perintah yang menghalang responden daripada menyingkirkan dan memecat mereka sehingga keputusan tentang perkara ini dibuat. Responden menghujahkan bahawa mereka ialah badan awam. Mereka mengasaskan hujahan tersebut pada fakta bahawa responden telah diperbadankan di bawah *Trustees Incorporation Act*. Mereka menghujahkan bahawa itulah sebabnya Peguam Negara memulakan tindakan sebagai *parens patriae* terhadap pemegang amanah semasa. Pemohon pula mendakwa sebaliknya. Mahkamah telah memutuskan

bahawa responden hanyalah sebuah badan yang diperbadankan di bawah *Trustees Incorporation Act*, tetapi ia tidak menjadikannya badan tersebut sebagai badan awam.

E. Perbandingan dengan Malaysia

13. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara Akta Pemerbadanan Pemegang Amanah 1962 (Malawi) dengan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Malaysia) disediakan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara kedua-dua undang-undang tersebut adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 15.3.

Jadual 15.3: Persamaan antara Akta 258 dengan *Trustee Incorporation Act (Chapter 5:03)*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Tafsiran	Kedua-dua Akta mentakrifkan istilah penting yang digunakan dalam perundangan tersebut.	Malawi: Seksyen 2 Malaysia: Seksyen 1A
2.	Permohonan untuk sijil pemerbadanan	Kedua-dua Akta menyediakan mekanisme untuk pemegang amanah memohon pemerbadanan. Permohonan tersebut memerlukan kelulusan daripada orang yang diberi kuasa.	Malawi: Seksyen 3 Malaysia: Seksyen 2
3.	Kesan pemerbadanan	Kedua-dua Akta memperuntukkan bahawa pemegang amanah yang diperbadankan kekal turun-temurun, mempunyai meterai biasa, dan kuasa untuk menyaman dan disaman.	Malawi: Seksyen 3(3) Malaysia: Seksyen 2(3)

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
4.	Peletakhakan harta	Kedua-dua Akta memastikan bahawa semua harta yang dipegang oleh pemegang amanah dalam keadaan sebelum diperbadankan dipindahkan kepada badan korporat.	Malawi: Seksyen 7 Malaysia: Seksyen 3
5.	Liabiliti pemegang amanah	Kedua-dua Akta menekankan bahawa pemerbadanan tidak mengecualikan pemegang amanah daripada tugas dan tanggungjawab fidusiari mereka.	Malawi: Seksyen 5 Malaysia: Seksyen 6
6.	Pertukaran dan pengisian kekosongan pemegang amanah	Kedua-dua Akta menggariskan tatacara untuk melantik pemegang amanah baharu dan memerlukan pemberitahuan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.	Malawi: Seksyen 7 Malaysia: Seksyen 5
7.	Hadiah	Kedua-dua Akta menyatakan bahawa selepas pemegang amanah diperbadankan, semua derma, hadiah, dan pemindahan tanah atau kepentingan, sama ada yang dibuat sebelum pemerbadanan, tetapi belum berkuat kuasa atau yang dibuat selepas itu, akan dianggap sebagai dibuat kepada badan yang diperbadankan.	Malawi: Seksyen 11 Malaysia: Seksyen 11
8.	Pembatalan atau penggantungan sijil	Kedua-dua Akta menyediakan mekanisme untuk membatalkan atau menggantung pemerbadanan pemegang amanah dalam hal keadaan tertentu.	Malawi: Seksyen 12 Malaysia: Seksyen 17
9.	Penyampaian proses dan notis	Kedua-dua Akta memerlukan pemegang amanah yang diperbadankan untuk mempunyai alamat berdaftar bagi penyampaian dokumen dan notis.	Malawi: Seksyen 13 Malaysia: Seksyen 18

14. Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trustee Incorporation Act (Chapter 5:03)* adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 15.4.

Jadual 15.4: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trustee Incorporation Act (Chapter 5:03)*

No.	Skop Perbezaan	Malawi	Malaysia
1.	Tafsiran	Mentakrifkan istilah “constitution”, “public security”, “Registrar” dan “trustees” (Seksyen 2)	Hanya mentakrifkan “sijil pemerbadanan” (Seksyen 1A)
2.	Asas pemerbadanan pemegang amanah	Pemegang amanah yang boleh diperbadankan di bawah undang-undang ialah pemegang amanah mana-mana badan khairat untuk tujuan agama, pendidikan, kesusasteraan, seni, sains atau khairat awam atau mana-mana kumpulan orang untuk apa-apa tujuan agama, pendidikan, kesusasteraan, seni, sains, sosial, sukan atau apa-apa tujuan khairat atau untuk apa-apa tujuan yang pada pendapat Menteri adalah untuk manfaat atau kebajikan penduduk Malawi. (Seksyen 3(1))	Pemegang amanah boleh dilantik oleh mana-mana badan atau kumpulan orang yang ditubuhkan untuk apa-apa tujuan agama, pendidikan, sastera, saintifik, sosial atau khairat. (Seksyen 2)
3.	Kelulusan permohonan pemerbadanan	Menteri boleh menolak permohonan jika ia perlu untuk keselamatan awam. (Seksyen 3(2))	Menteri boleh menolak permohonan jika tidak memenuhi peruntukan Akta (Seksyen 4(3))

No.	Skop Perbezaan	Malawi	Malaysia
4.	Penyimpanan daftar dan rekod	<p>Pendaftar hendaklah menyimpan daftar semua badan korporat yang diperbadankan. Daftar ini boleh diperiksa oleh orang awam dengan membayar fi. (Seksyen 14)</p>	<p>Menteri hendaklah menyimpan rekod semua permohonan dan sijil pemerbadanan. Dokumen-dokumen ini hendaklah disimpan, dan salinan yang disahkan boleh diberikan dengan bayaran fi. (Seksyen 8)</p>
5.	Perubahan Perlembagaan badan korporat	<p>Jika mana-mana pertubuhan ingin mengubah perlembagaannya dalam cara tertentu, pertubuhan tersebut hendaklah terlebih dahulu mengemukakan draf pindaan kepada Menteri untuk kelulusan. Menteri boleh meluluskan atau menolak kelulusan tersebut. (Seksyen 9(1))</p> <p>Setiap pindaan yang diluluskan oleh Menteri hendaklah didaftarkan. (Seksyen 9(2))</p> <p>Pindaan yang memerlukan kelulusan ialah perkara yang melibatkan perubahan tujuan pertubuhan, pelantikan, pemberhentian dan kuasa pemegang amanah atau pegawai, kebenaran serta penggunaan meterai biasa. (Seksyen 9(3))</p>	Tiada peruntukan khusus.

No.	Skop Perbezaan	Malawi	Malaysia
		Perlembagaan yang didaftarkan akan dianggap sebagai perlembagaan rasmi badan korporat. (Seksyen 9(4))	
6.	Kesan perubahan perlembagaan	Jika mana-mana pertubuhan mengubah perlembagaannya tanpa kelulusan Menteri, Menteri boleh membatalkan sijil pemerbadanannya. Sekiranya perkara ini berlaku, semua harta hendaklah dipindahkan kepada pemegang amanah atau pegawai pertubuhan sekiranya tiada pemegang amanah. (Seksyen 9(5))	Tiada peruntukan khusus.
7.	Penukaran nama badan korporat	Nama setiap badan korporat yang didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah mengandungi perkataan “berdaftar” dan “pemegang amanah”. Badan korporat boleh menukar namanya dengan persetujuan bertulis daripada Pendaftar. Jika badan korporat tersebut ialah pemegang amanah pertubuhan, maka pertukaran nama juga hendaklah dilakukan mengikut perlembagaan pertubuhan tersebut. Apabila badan korporat menukar namanya, Pendaftar hendaklah	Tiada peruntukan khusus.

No.	Skop Perbezaan	Malawi	Malaysia
		<p>memasukkan nama baharu dalam daftar untuk menggantikan nama sebelumnya dan mengeluarkan sijil perbadanan yang diubah suai untuk memenuhi keadaan kes tersebut. Penukaran nama tidak akan menjejaskan apa-apa hak atau kewajipan badan korporat atau menjejaskan apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap badan korporat tersebut. Prosiding undang-undang yang diteruskan atau dimulakan dengan nama sebelumnya boleh diteruskan atau dimulakan dengan nama baharunya. (Seksyen 8)</p>	
8.	<p>Pelaporan selepas tamat tempoh sijil pemerbadanan</p>	<p>Dalam tempoh satu bulan selepas tamat tempoh setahun pemberian sijil pemerbadanan, pemegang amanah hendaklah mengembalikan nama pemegang amanah dan alamat kepada Pendaftar. (Seksyen 7(2))</p>	<p>Dalam tempoh satu bulan selepas tamat tempoh setahun pemberian sijil pemerbadanan, pemegang amanah hendaklah mengembalikan nama pemegang amanah, alamat dan butiran kepada Menteri. (Seksyen 5)</p>

No.	Skop Perbezaan	Malawi	Malaysia
9.	Kehilangan kelayakan pemegang amanah	Tiada peruntukan khusus.	Menyatakan hal keadaan seseorang hilang kelayakan daripada menjadi pemegang amanah (contohnya, sabitan jenayah, tidak waras dan muflis). (Seksyen 6A)
10.	Penguatkuasaan berhubung dengan liabiliti pemegang amanah	Tiada peruntukan khusus.	Menyatakan penguatkuasaan oleh Peguam Negara, iaitu kawalan dan kuasa Peguam Negara terhadap pemegang amanah berhubung dengan isu liabiliti. (Seksyen 6)
11.	Kelulusan meterai biasa	Tiada peruntukan khusus bagi kelulusan meterai biasa. Meterai biasa diberikan secara automatik semasa pemerbadanan sebahagian daripada status korporat. (Seksyen 3(3))	Meterai biasa hendaklah diluluskan oleh Menteri. (Seksyen 12)
12.	Kesahan instrumen yang dicap dengan meterai biasa	Individu yang membuat atau membenarkan dibuat apa-apa pemindahan atau pembayaran <i>bona fide</i> dengan kepercayaan pada mana-mana instrumen yang dicap dengan meterai biasa badan korporat hendaklah diberi ganti rugi dan dilindungi berhubung dengan pemindahan atau pembayaran itu walaupun terdapat apa-apa	Mana-mana instrumen yang dicap dengan meterai biasa mengikat badan korporat, tanpa mengira apa-apa kecacatan dalam pelaksanaannya. (Seksyen 12(2))

No.	Skop Perbezaan	Malawi	Malaysia
		kecacatan atau keadaan yang menjejaskan pelaksanaan instrumen itu. (Seksyen 6(4))	
13.	Pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan	Tiada peruntukan khusus.	Menteri boleh membatalkan sijil pemerbadanan badan korporat jika ia merupakan hasil penipuan, kesilapan, salah nyataan, penggunaan yang menyalahi undang-undang, mengejar objektif yang berbeza, dengan sengaja melanggar peraturan, atau melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda atau pemenjaraan. (Seksyen 17)
14.	Kesan Pembatalan Sijil Pemerbadanan	Jika mana-mana pertubuhan mengubah perlembagaannya tanpa kelulusan Menteri, Menteri boleh membatalkan sijil pemerbadanannya. Sekiranya perkara ini berlaku, semua harta hendaklah dipindahkan kepada pemegang amanah atau pegawai pertubuhan sekiranya tiada pemegang amanah. (Seksyen 9(5))	Selepas pembatalan sijil pemerbadanan, pemindahan aset atau liabiliti hendaklah dilaksanakan kepada pemegang amanah yang dilantik oleh badan atau persatuan atau kepada Amanah Raya Berhad jika tiada pemegang amanah. (Seksyen 19)

No.	Skop Perbezaan	Malawi	Malaysia
15.	Pembatalan badan korporat yang tidak berfungsi	<p>Pendaftar boleh membatalkan badan korporat yang tidak berfungsi.</p> <p>Jika Pendaftar percaya bahawa mana-mana badan khairat atau pertubuhan tidak lagi aktif, Pendaftar hendaklah menghantar surat kepada pemegang amanah untuk mendapatkan maklumat sama ada organisasi itu masih beroperasi. (Seksyen 12(1))</p> <p>Jika tiada jawapan dalam tempoh dua bulan, Pendaftar hendaklah menghantar surat berdaftar dan menyatakan bahawa jika tiada jawapan dalam tempoh satu bulan, notis akan dikeluarkan untuk membatalkan organisasi tersebut. (Seksyen 12(2))</p> <p>Jika Pendaftar menerima jawapan yang menunjukkan organisasi tidak beroperasi, atau jika tiada jawapan dalam tempoh satu bulan, Pendaftar hendaklah menyiarkan notis dalam Warta yang menyatakan bahawa nama organisasi akan dikeluarkan daripada daftar, kecuali ada sebab untuk tidak berbuat demikian. (Seksyen 12(3))</p>	Tiada peruntukan khusus.

No.	Skop Perbezaan	Malawi	Malaysia
		<p>Jika tiada sebab yang diberikan, Pendaftar hendaklah membatalkan nama organisasi daripada daftar dan menerbitkan notis ini dalam Warta dan organisasi tersebut hendaklah dibubarkan. Walau bagaimanapun, tanggungjawab pemegang amanah akan terus ada seolah-olah organisasi tidak dibubarkan. (Seksyen 12(4))</p> <p>Jika mana-mana orang tidak berpuas hati dengan pembatalan tersebut, mereka boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi yang boleh mengembalikan organisasi ke dalam daftar jika ia dianggap adil. Organisasi akan dianggap terus wujud seolah-olah ia tidak pernah dikeluarkan daripada daftar. (Seksyen 12(5))</p>	
16.	Penyampaian proses dan notis	<p>Setiap badan korporat yang didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah mendaftarkan alamat di Malawi agar penyampaian proses dan notis boleh dilakukan. (Seksyen 13(1))</p> <p>Pemegang amanah yang diperbadankan di bawah Akta ini diberi kuasa untuk menerima penyampaian</p>	Tiada peruntukan khusus.

No.	Skop Perbezaan	Malawi	Malaysia
		<p>proses dan apa-apa notis yang diperlukan untuk disampaikan kepada badan korporat. (Seksyen 13(2))</p> <p>Apa-apa proses, notis, atau dokumen lain boleh disampaikan kepada badan korporat yang didaftarkan di bawah Akta ini dengan meninggalkannya atau menghantarnya melalui pos ke alamat berdaftar badan korporat tersebut. (Seksyen 13(3))</p>	
17.	Laporan tahunan dan pengauditan	<p>Pemegang amanah hendaklah mengemukakan laporan tahunan kepada Pendaftar. (Seksyen 15)</p>	<p>Pemegang amanah dikehendaki untuk memberikan laporan tahunan akaun, termasuk pengauditan oleh juruaudit badan korporat tersebut. (Seksyen 15)</p>
18.	Pembubaran sukarela	Tiada peruntukan khusus.	<p>Tatacara dan akibat khusus yang berkaitan dengan pembubaran badan korporat secara sukarela diperincikan secara jelas. (Seksyen 18)</p>
19.	Pemindahan aset selepas pembatalan	<p>Jika mana-mana pertubuhan mengubah perlembagaannya tanpa kelulusan Menteri, Menteri boleh membatalkan sijil pemerbadanannya. Sekiranya perkara ini berlaku, semua harta</p>	<p>Pembatalan sijil pemerbadanan boleh mengakibatkan pemindahan aset atau liabiliti kepada pemegang amanah yang dilantik oleh badan atau kumpulan-kumpulan orang, atau</p>

No.	Skop Perbezaan	Malawi	Malaysia
		hendaklah dipindahkan kepada pemegang amanah atau pegawai pertubuhan tersebut. (Seksyen 9(5))	pemegang amanah tersebut ialah pemegang amanah yang sama yang telah diperbadankan sebelum pembubaran. Prosiding undang-undang terhadap pemegang amanah boleh diteruskan. Dengan ketiadaan pemegang amanah, harta yang terletak hak pada badan korporat akan terletak hak pada Amanah Raya Berhad, sehingga pemegang amanah baharu dilantik. (Seksyen 19)
20.	Penetapan bayaran/fi	<p>Pendaftar hendaklah menyimpan daftar semua badan berdaftar. Daftar ini boleh dilihat oleh orang awam, tetapi terdapat bayaran untuk perkhidmatan ini. (Seksyen 14)</p> <p>Menteri boleh membuat peraturan yang menetapkan bayaran dan bayaran bagi apa-apa tindakan atau perkhidmatan di bawah Akta ini. Peraturan ini juga boleh merangkumi penalti ketidakpatuhan kepada pembayaran tersebut dan peraturan untuk mengurangkan penalti. (Seksyen 15)</p>	Setiap permohonan sijil pemerbadanan hendaklah dikenakan duti setem sebanyak tiga puluh ringgit. (Seksyen 10)

No.	Skop Perbezaan	Malawi	Malaysia
21.	Penalti	<p>Menteri boleh membuat peraturan yang termasuk penalti untuk kegagalan mematuhi keperluan Akta ini dan boleh mengurangkan penalti tersebut. (Seksyen 15(2))</p> <p>Menteri boleh menetapkan tarikh akhir badan korporat ini hendaklah mendaftarkan alamat untuk penyampaian, dan terdapat penalti jika tidak berbuat demikian. (Seksyen 16(2))</p>	<p>Menteri boleh membatalkan sijil perbadanan jika badan korporat dengan sengaja melanggar mana-mana peraturan dalam Akta ini. (Seksyen 17(1)(d))</p> <p>Sijil juga boleh dibatalkan jika badan korporat melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda sekurang-kurangnya seribu ringgit atau pemenjaraan sekurang-kurangnya satu tahun, atau kedua-duanya. (Seksyen 17 (1)(e))</p>
22.	Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar	<p>Tiada peruntukan khusus. "Pendaftar" ditakrifkan sebagai "Pendaftar Besar (Registrar General)". (Seksyen 2)</p>	<p>Menteri boleh melantik pegawai-pegawai ini untuk menjalankan fungsi-fungsi tertentu di bawah Akta, dengan perlindungan bagi tindakan yang dilakukan dengan niat baik. (Seksyen 20(1))</p>
23.	Peraturan	<p>Menteri boleh membuat peraturan untuk menetapkan bilangan dan bentuk daftar yang perlu disimpan, tugas Pendaftar dan orang lain yang diberi kuasa untuk menyelia operasi di bawah Akta ini; bayaran untuk apa-apa tindakan di bawah Akta ini. Peraturan ini juga</p>	<p>Menteri boleh mewujudkan peraturan-peraturan bagi pelaksanaan Akta ini, iaitu berhubungan dengan cara membuat permohonan untuk mendaftarkan pemegang amanah sebagai pertubuhan perbadanan; tatacara yang perlu diikuti dalam</p>

No.	Skop Perbezaan	Malawi	Malaysia
		<p>boleh merangkumi penalti ketidakpatuhan kepada pembayaran tersebut dan peraturan untuk mengurangkan penalti. (Seksyen 15)</p>	<p>mendaftarkan pemegang amanah sebagai badan korporat; maklumat yang akan diberikan kepada Menteri; dan fi yang boleh dikenakan dan dikutip bagi maksud Akta ini. (Seksyen 21)</p>
24.	Peralihan	<p>Semua badan korporat yang sebelumnya diperbadankan di bawah Ordinan Perbadanan Pemegang Amanah yang lama (kini dimansuhkan) akan terus wujud seolah-olah ia diperbadankan di bawah Akta semasa. Badan korporat hendaklah mematuhi peraturan Akta ini, tetapi tidak perlu mematuhi seksyen 8 (1), kecuali jika badan korporat ingin menukar nama. Menteri boleh menetapkan tarikh akhir badan korporat ini hendaklah mendaftar alamat untuk penyampaian, dan terdapat penalti jika tidak berbuat demikian. Menteri boleh meluluskan meterai biasa yang baharu untuk badan korporat ini. (Seksyen 16)</p>	Tiada peruntukan khusus.

F. Kesimpulan

15. Kekuatan undang-undang Malawi terletak pada takrifan yang komprehensif dan pengawalseliaan yang jelas. Dengan mentakrifkan istilah utama, seperti “perlembagaan”, “keselamatan awam”, “Pendaftar”, dan “pemegang amanah”, undang-undang Malawi memberikan kejelasan kepada pihak berkepentingan serta mengurangkan kekaburan dan pertikaian yang berpotensi timbul. Selain itu, undang-undang ini mengehendkan skop pemerbadanan pemegang amanah kepada entiti bukan berasaskan keuntungan untuk tujuan khairat yang merangkumi agama, pendidikan, kesusasteraan, seni, sains, sosial, sukan, atau apa-apa tujuan khairat lain, memastikan pemegang amanah diperbadankan bagi tujuan yang benar-benar bukan berasaskan keuntungan. Keperluan untuk mendaftarkan alamat untuk penyampaian notis dan penyimpanan daftar badan korporat yang boleh diakses oleh orang awam dengan bayaran tertentu juga meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam rangka kerja pemegang amanah. Kekuatan ini menyumbang kepada persekitaran pengawalseliaan yang mantap dan berkesan untuk pemegang amanah di Malawi, menggalakkan keyakinan dalam kalangan pihak berkepentingan, dan memudahkan pentadbiran pemegang amanah yang betul.
16. Kelemahan undang-undang Malawi boleh dilihat dalam beberapa aspek. Contohnya, kekurangan peruntukan yang terperinci tentang kriteria kehilangan kelayakan pemegang amanah, mekanisme penguatkuasaan yang berkaitan dengan liabiliti pemegang amanah, tatacara pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan, serta pelaporan tahunan dan pengauditan. Tanpa peruntukan ini, undang-undang Malawi menghadapi cabaran dalam memastikan kebertanggungjawaban yang tinggi dan pengurusan pemegang amanah yang telus. Jurang dalam liputan pengawalseliaan ini boleh menyebabkan kekaburan, ketidakseragaman dan pengawasan yang tidak mencukupi dalam operasi pemegang

amanah yang berpotensi untuk menjejaskan integriti dan keberkesanan sistem pemegang amanah di Malawi.

17. Berdasarkan analisis undang-undang Malawi, Malaysia boleh mempertimbangkan beberapa penambahbaikan yang dapat meningkatkan kejelasan, kepastian dan keberkesanan undang-undangnya. Malaysia wajar menambah peruntukan yang jelas tentang pendaftaran bagi pelantikan pemegang amanah baharu dan pengesahan oleh Menteri, seperti yang dilakukan oleh Malawi. Selain itu, takrifan bagi istilah yang penting seperti “perlembagaan”, “keselamatan awam”, “Pendaftar”, dan “pemegang amanah” perlu dimasukkan untuk memberikan kejelasan yang lebih baik dalam Akta. Malaysia juga perlu menambah peruntukan yang mewajibkan kelulusan Menteri untuk apa-apa perubahan perlembagaan yang mempengaruhi objektif pertubuhan, pelantikan dan kuasa pemegang amanah atau pegawai, serta penggunaan meterai biasa.

18. Dalam konteks penukaran nama badan korporat, Malaysia wajar memperkenalkan tatacara yang ketat untuk memastikan penukaran nama tidak menjejaskan hak atau kewajipan badan korporat. Bagi menangani badan korporat yang tidak berfungsi, perlu ada peruntukan yang jelas untuk pembatalan pendaftaran badan korporat yang tidak aktif. Selain itu, skop tujuan pemerbadanan pemegang amanah perlu dihadkan kepada entiti bukan berasaskan keuntungan atau tujuan khairat, misalnya khairat yang berasaskan agama, pendidikan, kesusasteraan, seni, sains, sosial, sukan atau apa-apa tujuan khairat. Malaysia juga perlu memberikan kuasa kepada Menteri untuk menolak permohonan pemerbadanan jika ia perlu untuk keselamatan awam, seperti yang dilakukan oleh Malawi.

19. Malaysia perlu mewajibkan setiap badan korporat yang diperbadankan untuk mendaftar alamat agar penyampaian proses dan notis boleh dilakukan, serta memastikan Pendaftar menyimpan daftar semua badan berdaftar yang boleh dilihat oleh orang awam dengan bayaran tertentu. Akhirnya, Malaysia wajar menambah peruntukan yang membenarkan Menteri menetapkan penalti untuk kegagalan mematuhi keperluan Akta ini serta memberikan kuasa kepada Menteri untuk mengurangkan penalti tersebut jika perlu.

20. Dengan menerima pakai peruntukan yang serupa, Malaysia boleh meningkatkan kejelasan kepada pihak berkepentingan, mengurangkan kekaburan dan pertikaian yang berpotensi, serta memupuk kepercayaan terhadap sistem pemegang amanah. Hal ini akan mewujudkan persekitaran kawal selia yang mantap untuk pemegang amanah di Malaysia, memupuk keyakinan dalam kalangan pihak berkepentingan, dan memudahkan pentadbiran aktiviti pemegang amanah yang betul.

BAB 16

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI NEW ZEALAND

A. Pengenalan

1. New Zealand yang juga dikenali sebagai *Aotearoa*, yang bermaksud “tanah awan yang putih dan panjang” (the land of the long white cloud) dalam bahasa Māori, ialah sebuah negara kepulauan yang terletak di barat daya Lautan Pasifik. Negara ini terdiri daripada dua pulau utama, iaitu Pulau Utara dan Pulau Selatan, serta beberapa pulau kecil yang lain. Dengan keluasan 268,021 kilometer persegi dan populasi sekitar 5 juta orang (Stats NZ Tatauranga Aotearoa, 2024), New Zealand terkenal dengan keindahan alam semula jadi yang memukau, seperti gunung-ganang, tasik, hutan dan pantai yang menakjubkan (Fresno-Calleja & Wilson, 2020).
2. New Zealand mengamalkan sistem pemerintahan raja berperlembagaan dengan Ratu sebagai ketua negara dan Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan. Walaupun dipengaruhi oleh penjajahan British, New Zealand telah membina identiti nasional yang unik, terutamanya melalui budaya Māori yang kaya dan tradisi yang masih diamalkan hingga kini. New Zealand memiliki percampuran budaya Polinesia dengan Eropah, menjadikannya sebuah negara yang mempunyai identiti unik yang dibentuk oleh pengaruh ganda daripada kedua-dua budaya ini. Pada tahun 1840, Perjanjian Waitangi ditandatangani antara pihak British dengan para pemimpin Māori yang menandakan permulaan penjajahan British dan pembentukan New Zealand sebagai sebuah tanah jajahan.

Namun begitu, negara ini telah berjaya untuk mengekalkan banyak aspek budaya asal Māori yang terus memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian dan sistem sosial New Zealand (Chevalier-Watts, 2023).

3. New Zealand dipilih sebagai subjek kajian ini berdasarkan beberapa justifikasi. Pertama, New Zealand, seperti Malaysia, ialah bekas jajahan British. Kedua-dua negara ini mewarisi sistem undang-undang yang dibentuk oleh pemerintahan British, yang memberikan pengaruh yang mendalam terhadap perundangan mereka, termasuk undang-undang yang berkaitan dengan amanah dan pemerbadanan. Undang-undang ini menyediakan landasan untuk mengkaji persamaan dan perbezaan dalam undang-undang antara Malaysia dengan New Zealand.
4. Justifikasi kedua ialah kepentingan ekonomi dan komersial. New Zealand dan Malaysia ialah pusat ekonomi yang penting di rantau masing-masing, menarik pelaburan asing yang signifikan dan memiliki pasaran kewangan yang kukuh. Pemahaman tentang cara setiap bidang kuasa mengawal selia pemerbadanan dan ekonomi adalah penting bagi pelabur dan pengurus kewangan yang beroperasi di kedua-dua negara ini. Justifikasi ketiga ialah kepelbagaian latar belakang budaya. Malaysia yang terletak di Asia Tenggara mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, manakala New Zealand menggabungkan pengaruh budaya Barat dan Polinesia yang unik. Persamaan ini memberikan pandangan yang berharga tentang hubungan antara budaya, sejarah dan rangka kerja undang-undang.

5. Justifikasi terakhir ialah perbandingan antara undang-undang New Zealand dengan Malaysia menawarkan perspektif serantau yang lebih luas tentang peraturan berkaitan dengan amanah di Asia-Pasifik. Malaysia mewakili rantau Asia Tenggara yang dicirikan oleh kepelbagaian dan pertumbuhan ekonominya, manakala New Zealand merupakan negara utama di Pasifik Selatan. Perbandingan undang-undang di kedua-dua negara ini boleh memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang amanah dan khairat dalam konteks Asia-Pasifik yang lebih luas. Semua justifikasi ini menjadikan New Zealand sebagai negara yang sesuai untuk dijadikan subjek perbandingan dengan Malaysia.

6. Sistem perundangan New Zealand pada asasnya berdasarkan prinsip *common law* dari England yang menekankan peranan keputusan kehakiman dalam membentuk undang-undang. Sistem ini dicirikan oleh penerapan prinsip undang-undang yang diperolehi daripada keputusan mahkamah masa lalu, mewujudkan badan undang-undang yang berkembang dari semasa ke semasa melalui tafsiran dan doktrin duluan kehakiman. Dalam konteks ini, *common law* dilengkapi dengan statut yang digubal oleh Parlimen yang berfungsi sebagai sumber undang-undang tertinggi di New Zealand yang mencerminkan prinsip ketuanan parlimen. Hal ini membolehkan sistem perundangan bertindak balas dengan berkesan terhadap kerumitan masyarakat moden, memastikan keadilan dalam undang-undang. Kebebasan badan kehakiman serta sifat evolusi kedua-dua *common law* dan ekuiti adalah asas untuk mengekalkan kedaulatan undang-undang di New Zealand.

B. Undang-undang tentang Amanah

7. Bagi perkara yang berkaitan dengan amanah, landskap undang-undang dibentuk oleh statut khusus yang menyediakan struktur dan peraturan untuk pengurusan dan penguatkuasaan amanah di New Zealand. Undang-undang yang mengawal selia amanah digambarkan oleh Jadual 16.1.

Jadual 16.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di New Zealand

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>Trusts Act 2019</i>	Terpakai kepada cara amanah diuruskan dan ditadbir. Akta ini menetapkan tugas dan tanggungjawab pemegang amanah, memastikan ketelusan, dan memerlukan komunikasi tetap dengan benefisiari.
2.	<i>Charitable Trust Act 1957</i>	Terpakai kepada pengurusan amanah khairat. Akta ini membolehkan pemegang amanah diperbadankan untuk tujuan khairat.
3.	<i>Charities Act 2005</i>	Terpakai kepada entiti yang ingin mendaftar sebagai badan khairat. Akta ini menetapkan tatacara pendaftaran entiti khairat, pendaftaran badan khairat.
4.	<i>Trustee Companies Act 1967</i>	Terpakai kepada syarikat yang bertindak sebagai pemegang amanah, menetapkan kuasa, tugas dan tanggungjawab mereka.
5.	<i>Trustee Act 1956</i>	Terpakai kepada pemegang amanah sebagai individu. Undang-undang ini menggabungkan dan meminda beberapa peruntukan yang berkaitan dengan amanah dan pemegang amanah.

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
6.	<p><i>Anglican Children's Trust Act 1962</i></p> <p><i>Anglican Church Trusts Act 1981</i></p> <p><i>Anglican (Diocese of Christchurch) Church Property Trust Act 2003</i></p> <p><i>Auckland Trades Hall Trust Act 1952</i></p> <p><i>AMP Perpetual Trustee Company Act 1988</i></p> <p><i>Bank of New Zealand Act 1988</i></p> <p><i>Carter Trust Act 1961</i></p> <p><i>Companies Act 1993</i></p> <p><i>Community Trusts Act 1999</i></p> <p><i>Corporations (Investigation and Management) Act 1989</i></p> <p><i>Cutten Trust Act 1899</i></p> <p><i>Dempsey Trust Act 1892</i></p> <p><i>Dilworth Trust Board Act 1946</i></p> <p><i>Dilworth Trustees Act 1902</i></p> <p><i>Eastwoodhill Trust Act 1975</i></p> <p><i>Eden Park Trust Act 1955</i></p>	<p>Terpakai kepada pengurusan di New Zealand yang melibatkan pelbagai entiti seperti gereja, institusi kewangan, syarikat, dan komuniti. Akta-akta ini menyediakan rangka kerja undang-undang yang mengawal selia cara amanah diuruskan, dan dilaksanakan, termasuk perlindungan hak penerima amanah, pengurusan harta, serta kewajiban dan tanggungjawab pemegang amanah. Contohnya, Akta Syarikat Pemegang Amanah Kekal AMP 1988 dan Akta Amanah Syarikat Insurans New Zealand 1916 memberikan tumpuan kepada pengurusan amanah oleh entiti kewangan, manakala akta lain seperti Akta Amanah Gereja Anglikan 1981 mengatur pengurusan amanah yang berkaitan dengan institusi keagamaan. Secara keseluruhannya, akta-akta ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan bahawa amanah di New Zealand dikendalikan dengan baik.</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
	<p><i>New Zealand Permanent Trustees Limited Act 1991</i></p> <p><i>New Zealand Guardian Trust Company Act 1982</i></p> <p><i>New Zealand Insurance Company Trust Act 1916</i></p> <p><i>PGG Trust Limited Act 1989</i></p> <p><i>Trustees Executors Limited Act 2002</i></p> <p><i>Guardian, Trust, and Executors Company Act 1883</i></p>	

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

8. Tiada undang-undang yang serupa di New Zealand untuk pemerbadanan pemegang amanah dengan Akta 258. Walau bagaimanapun, pemerbadanan pemegang amanah, khususnya untuk tujuan khairat ditadbir di bawah *Trusts Act 2019* (TA 2019) dan *Charitable Trusts Act 1957* (CTA 1957) (secara kolektif dikenali sebagai “Akta”). Kajian ini menganalisis peruntukan yang relevan dalam Akta untuk membuat perbandingan dengan Akta 258. Penerangan tentang kedua-dua Akta tersebut adalah seperti yang dijelaskan di bawah.

(i) *Trusts Act 2019*

TA 2019 mempunyai sembilan bahagian dan 184 peruntukan. TA 2019 berkuat kuasa pada 30 Januari 2021 (sebelum ini ialah Akta Amanah 1957). Ia terpakai kepada semua amanah sedia ada dan akan datang, termasuk yang bersifat khairat.

(ii) *Charitable Trust Act 1957*

CTA 1957 mempunyai lima bahagian dan 63 peruntukan. CTA 1957 dibahagikan seperti berikut:

- Bahagian 1 (Vesting of property)
- Bahagian 2 (Incorporation of trust boards)
- Bahagian 3 (Schemes in respect of certain charitable trusts)
- Bahagian 4 (Schemes in respect of charitable funds raised by voluntary contribution)
- Bahagian 5 (Miscellaneous provisions)

Bahagian 1 dan Bahagian 2 boleh digunakan untuk amanah khairat yang diwujudkan untuk tujuan khairat termasuk, keagamaan atau pendidikan, sama ada ia jatuh di bawah khairat atau tidak mengikut undang-undang New Zealand. Bahagian 4 pula menyentuh amanah khairat melalui caruman secara sukarela. CTA 1957 memperuntukkan keperluan bagi pemegang amanah untuk menggabungkan diri mereka sebagai lembaga amanah khairat. Lembaga ini terdiri daripada sekumpulan individu yang bersetuju untuk memegang aset atau wang untuk orang atau kumpulan lain dan menjalankan aktiviti untuk tujuan khairat.

Badan korporat yang diperbadankan di bawah CTA 1957 tidak mempunyai ahli dan sebaliknya dikendalikan oleh sekumpulan pemegang amanah dalam lembaga. Lembaga boleh memohon untuk pemerbadanan badan korporat. Pendaftaran untuk pemerbadanan badan korporat khairat dikawal selia di bawah *Charities Act 2005* yang dikawal selia oleh Perkhidmatan Khairat (sebelum ini dikenali sebagai "Suruhanjaya Khairat). Entiti yang diperbadankan di bawah CTA1957 hanya perlu menyimpan dokumen pendaftaran semasa dan tidak perlu menyediakan penyata kewangan tahunan.

D. Kes Mahkamah tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

(a) *R v Rotorua District Council* [2022] NZDC 4081

Dalam kes ini, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman terhadap *Rotorua District Council* atas kesalahan berkaitan dengan *leachate* dari tapak pelupusan di Rotorua pada 19 November 202. Sebagai sebahagian daripada keputusan itu, Mahkamah telah mengarahkan pembayaran pampasan sebanyak \$80,000.00 kepada W Lee, P Staite, dan H Beckett (pemegang amanah) untuk suatu amanah yang akan ditubuhkan bagi membaiki saluran air Tureporepo Stream serta anak-anak sungainya dan Sungai Puarenga. Dalam kes itu, Mahkamah telah menyatakan bahawa pemegang amanah dibenarkan untuk diperbadankan di bawah CTA 1957.

(b) *Auimatagi v Mangere Congregational Church of Jesus Trust Board* [2023] 3 NZLR 720

Dalam kes ini, kesemua plaintif dan defendan ialah ahli Mangere Congregational Church of Jesus. Plaintif ialah ahli gereja yang lama dan plaintif kedua pula merupakan seorang Menteri yang telah ditauliahkan. Defendan pertama ialah sebuah amanah khairat yang diperbadankan di bawah CTA 1957. Mahkamah menjelaskan bahawa plaintif boleh meminta Peguam Negara untuk menjalankan siasatan terhadap operasi badan korporat tersebut seperti yang diperuntukan dalam seksyen 58 CTA 1957.

E. Perbandingan dengan Malaysia

9. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara TA 2019, CTA 1957 dengan Akta 258 diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara Akta 258 dengan TA 2019 dan CTA 1957 dinyatakan dalam Jadual 16.2.

Jadual 16.2: Persamaan antara Akta 258 dengan TA 2019 dan CTA 1957

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Pengeluaran perakuan pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa perakuan pemerbadanan hendaklah dikeluarkan kepada badan korporat sebagai pemegang amanah yang diperbadankan.	New Zealand: Seksyen 12 (CTA 1957) Malaysia: Seksyen 2

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
2.	Peletakhakan harta	Kedua-dua undang-undang menggariskan kuasa yang diberikan kepada badan korporat yang diperbadankan (pemegang amanah untuk Malaysia; lembaga untuk New Zealand) untuk memperoleh, memegang dan melupuskan harta atas nama badan korporat. Kedua-dua undang-undang telah mengenal pasti proses peletakhakan harta semasa pemerbadanan.	New Zealand: Seksyen 14 (CTA 157) Malaysia: Seksyen 3
3.	Permohonan pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang memerlukan butiran khusus untuk dimasukkan dalam permohonan dan memberikan kuasa kepada Menteri untuk bertindak.	New Zealand: Seksyen 7 (CTA 157) Malaysia: Seksyen 4
4.	Pengeluaran perakuan selepas pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan pengeluaran perakuan bagi pemerbadanan badan korporat.	New Zealand: Seksyen 11(1)(b) (CTA 157) Malaysia: Seksyen 7
5.	Meterai biasa	Kedua-dua Akta menetapkan keperluan untuk meterai biasa badan korporat, dengan peruntukan tentang kelulusan dan penggunaannya dalam melaksanakan instrumen.	New Zealand: Seksyen 13 (CTA 1957) Malaysia: Seksyen 12
7.	Butiran untuk permohonan pendaftaran	Jadual dalam kedua-dua Akta menyatakan butiran untuk dimasukkan bagi pendaftaran pemerbadanan lembaga amanah khairat atau badan korporat.	New Zealand: Jadual 2 (CTA 1957) Malaysia: Jadual

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
8	Kehilangan kelayakan pemegang amanah	Kedua-dua Akta menyatakan kehilangan kelayakan seseorang daripada menjadi pemegang amanah (contohnya, sabitan jenayah, ketidakupayaan mental, dan kebangkrapan).	New Zealand: Seksyen 96(2) (TA 2019) Malaysia: Seksyen 6A
9	Kuasa dan Tugas Peguam Negara untuk menguatkuasakan perintah dan arahan	Peguam Negara boleh menguatkuasakan kuasa dan tugasnya berhubungan dengan apa-apa tindakan badan korporat.	New Zealand, Seksyen 126 (4) (b) (TA 2019) Malaysia: Seksyen 6A

10. Perbezaan antara Akta 258 dengan TA 2019 dan CTA 1957 adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 16.3.

Jadual 16.3: Perbezaan antara Akta 258 dengan TA 2019 dan CTA 1957

Bil.	Skop Perbezaan	New Zealand	Malaysia
1.	Tujuan Akta	CTA 1957 membenarkan pemegang amanah yang diperbadankan untuk tujuan khairat hanya untuk agama, masyarakat atau mana-mana badan orang yang berkaitan. (Seksyen 3 CTA 1957)	Akta ini membenarkan mana-mana badan atau persatuan orang untuk melantik pemegang amanah bagi untuk apa-apa tujuan keagamaan, pendidikan, sastera, saintifik, sosial atau khairat. Pemegang amanah tersebut boleh memohon untuk diperbadankan. (Seksyen 2(1))

Bil.	Skop Perbezaan	New Zealand	Malaysia
2.	Tafsiran	CTA 1957 menerangkan definisi "Registrar", dan "board".	Tiada definisi untuk "Registrar".
3.	Pendaftaran Lembaga	Selepas pemerbadanan pemegang amanah, badan korporat tersebut hendaklah mendaftarkan dirinya sebagai lembaga. Nama dan butiran lembaga hendaklah dimasukkan dalam daftar lembaga. (Seksyen 11 CTA 1957)	Tiada peruntukan khusus.
4.	Sumbangan secara sukarela oleh orang ramai	Bahagian 4 CTA 1957 memperuntukkan bahagian khusus yang terpakai untuk dana/wang yang telah dikumpulkan untuk apa-apa tujuan khairat melalui sumbangan sukarela/dengan penjualan barangan yang disumbangkan secara sukarela apa-apa cara sumbangan sukarela yang lain. (Seksyen 39 CTA 1957)	Tiada peruntukan khusus.
5.	Ganti rugi untuk pemegang amanah	Peraturan umum adalah bahawa pemegang amanah bertanggungjawab secara peribadi untuk perbelanjaan atau liabiliti yang ditanggung oleh pemegang amanah apabila bertindak sebagai pemegang amanah melainkan jika	Pemegang amanah hanya boleh diberi ganti rugi dan dilindungi untuk apa-apa pemindahan atau pembayaran yang dibuat atas pergantungan pada mana-mana instrumen dengan

Bil.	Skop Perbezaan	New Zealand	Malaysia
		<p>pemegang amanah dapat membuktikan bahawa dia telah bertindak secara munasabah untuk menanggung kos tersebut bagi pihak amanah. (Seksyen 81 CTA 1957)</p> <p>Pemegang amanah boleh diberi ganti rugi daripada harta amanah bagi kes pecah amanah jika semua benefisiari bersetuju untuk berbuat demikian tertakluk pada seksyen 82(2) CTA 1957. Walau bagaimanapun, mahkamah juga boleh mengetepikan keperluan tersebut menurut seksyen 84 CTA 1957.</p>	<p>meterai biasa. (Seksyen 14)</p>
6.	Permohonan dan sijil yang dimatikan setem	Tiada peruntukan khusus.	Akta ini memperuntukkan bahawa setiap permohonan dan perakuan hendaklah dimatikan setem. (Seksyen 10)

Bil.	Skop Perbezaan	New Zealand	Malaysia
7.	Bentuk kontrak	Kontrak bagi pihak lembaga boleh dibuat mengikut keadaan khusus yang diperuntukkan dalam peruntukan Kontrak sedemikian hendaklah berkuat kuasa dan mengikat lembaga dan penggantinya serta semua pihak lain (Seksyen 19 CTA 1957).	Mana-mana instrumen yang dimeterai dengan meterai biasa hendaklah mengikat badan korporat itu. (Seksyen 12) Kontrak yang tidak dimeterai mengikat dalam kes-kes tertentu. (Seksyen 13)
8.	Penyimpanan rekod dan pengemukaan laporan tahunan	Pemegang amanah hanya diwajibkan untuk menyimpan rekod perakaunan dan penyata kewangan yang disediakan. (Seksyen 45 TA 2019) Tidak ada kewajipan untuk mengemukakan penyata tahunan.	Akta ini memperuntukkan tanggungjawab pemegang amanah untuk menyimpan akaun dan mengemukakan penyata akaun tahunan. (Seksyen 15).

F. Kesimpulan

11. Kekuatan undang-undang New Zealand terletak pada pendekatannya yang fleksibel dan komprehensif dalam menguruskan amanah, terutamanya melalui *Trusts Act 2019* dan *Charitable Trust Act 1957*. Dengan memberikan definisi yang jelas untuk istilah penting seperti “Registrar” serta menetapkan tatacara pendaftaran lembaga pemegang amanah, New Zealand memastikan ketelusan dan kepastian dalam pengurusan amanah.
12. Selain itu, peruntukan yang terperinci tentang tanggungjawab dan ganti rugi untuk pemegang amanah membantu dalam melindungi kepentingan benefisiari sambil mengekalkan integriti sistem amanah. Pendekatan ini menggalakkan kepercayaan dalam kalangan pihak berkepentingan dan memudahkan pentadbiran amanah yang berkesan.
13. Namun, kelemahan undang-undang New Zealand boleh dilihat dalam aspek keperluan pelaporan dan penyimpanan akaun yang kurang ketat berbanding dengan Malaysia. Tiada kewajipan untuk pemegang amanah mengemukakan penyata akaun tahunan di bawah *Trusts Act 2019* yang mungkin mengurangkan tahap ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pengurusan amanah. Jurang ini boleh menyebabkan risiko pengawasan yang tidak mencukupi dan mungkin menjejaskan integriti keseluruhan sistem amanah.
14. Berdasarkan kekuatan dan kelemahan ini, Malaysia boleh mempertimbangkan untuk menambah baik undang-undangnya dengan mengambil kira pendekatan fleksibel dan komprehensif yang diamalkan di New Zealand, sambil memastikan bahawa aspek pelaporan dan penyimpanan akaun dipertingkatkan untuk memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi.

15. Dengan mengadaptasi elemen-elemen yang positif daripada undang-undang New Zealand, Malaysia dapat meningkatkan kejelasan, kepastian dan integriti sistem pemerbadanan pemegang amanahnya, sekali gus memupuk keyakinan yang lebih besar dalam kalangan pihak berkepentingan.

BAB 17

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI GHANA

A. Pengenalan

1. Ghana yang terletak di pantai barat Afrika ialah negara yang terkenal dengan sejarah yang kaya, budaya yang pelbagai, dan ekonomi yang berpotensi. Ghana yang dikenali sebagai “Pantai Emas” (Gold Coast) pada zaman penjajahan inggeris kerana sumber emasnya yang banyak, Ghana memperoleh kemerdekaan daripada pemerintahan British pada tahun 1957. Hal ini menjadikan Ghana sebagai negara Afrika sub-Sahara yang pertama mencapai kemerdekaan.
2. Negara ini didiami oleh pelbagai kumpulan etnik, dengan etnik Akan sebagai etnik yang terbesar, dan mempunyai pelbagai bahasa, termasuk bahasa Inggeris yang digunakan sebagai bahasa rasmi. Accra, ibu kota yang sibuk, ialah pusat perdagangan dan budaya, serta mencerminkan gabungan tradisi dan kemodenan negara. Ekonomi Ghana didorong oleh sektor pertanian, perlombongan, dan pengeluaran minyak, dengan koko dan emas sebagai eksport utama. Persekitaran politik yang stabil, pemerintahan demokratik, dan penduduk yang mesra menyumbang kepada reputasinya sebagai antara negara yang paling mesra dan aman di Afrika.
3. Bagi kajian ini, Ghana telah dipilih sebagai antara negara perbandingan berdasarkan beberapa justifikasi. Pertamanya, Ghana mempunyai kestabilan dari segi politik, perundangan dan kehakiman. Maka, undang-undangnya tidak mudah dipengaruhi oleh unsur lain dan menyebabkannya sesuai untuk dirujuk.

4. Keduanya, Ghana mempunyai sejarah penjajahan yang sama dengan Malaysia. Ghana pernah dijajah oleh British sejak abad ke-19. British secara beransur-ansur menyebarkan dominasi mereka di kawasan pesisir dan pada tahun 1821, mereka mengambil alih kubu dan pos perdagangan Denmark dan Belanda di sepanjang Pantai Emas. Pada tahun 1874, British mengisytiharkan Pantai Emas sebagai koloni mahkota yang secara rasmi mengesahkan penguasaan mereka terhadap wilayah tersebut. Mereka menubuhkan rangka kerja pentadbiran dan perundangan, membina infrastruktur, dan mempromosikan penanaman koko yang menjadi komoditi eksport yang utama.
5. Ketiganya ialah persamaan latar belakang antara Ghana dengan Malaysia. Kedua-dua negara mempunyai kepelbagaian etnik. Ghana didiami oleh pelbagai kumpulan etnik, termasuk Akan, Mole-Dagbon dan Ewe. Malaysia pula mempunyai populasi yang pelbagai dengan majoritinya ialah orang Melayu, Cina, India dan kaum peribumi. Dari segi sumber ekonomi, kedua-dua negara mempunyai ekonomi yang secara tradisinya berasaskan pertanian. Ghana terkenal dengan pengeluaran koko, manakala Malaysia merupakan pengeluar utama minyak sawit dan getah.

B. Undang-undang tentang Amanah

6. Dalam konteks undang-undang di negara Ghana, prinsip *common law* dan ekuiti dirujuk dalam peruntukan undang-undangnya. Terdapat beberapa undang-undang yang mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan dengan amanah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 17.1.

Jadual 17.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di Ghana

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>Trustees Incorporation Act, 1962 (Act 106)</i>	Undang-undang yang memantau dan membolehkan kumpulan-kumpulan orang dan badan yang diperbadankan untuk tujuan keagamaan, pendidikan, sastera, saintifik, sukan, sosial atau khairat diperbadankan.
2.	<i>The Securities Industries Act 1993 (PNDCL 333)</i>	Undang-undang ini menubuhkan <i>Securities and Exchange Commission</i> untuk mengekalkan pengawasan terhadap perniagaan sekuriti untuk memastikan urusan sekuriti yang teratur, adil dan saksama.

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

7. Di Ghana, undang-undang yang berkaitan dengan Pemerbadanan Pemegang Amanah ialah *Trustees (Incorporation) Act, 1962*. Akta ini telah digubal pada tahun 1962 dan digelar sebagai Akta 106.
8. Tujuannya Akta 106 adalah untuk membolehkan kumpulan-kumpulan orang atau badan diperbadankan untuk tujuan keagamaan, pendidikan, sastera, saintifik, sukan, sosial, atau khairat. Akta tersebut juga membenarkan badan korporat untuk memegang tanah dan mempunyai status kekal turun-temurun.
9. Akta ini mempunyai 13 peruntukan dan satu jadual. Senarai kandungan Akta tersebut adalah seperti dalam Jadual 17.2.

Jadual 17.2: Senarai Kandungan
Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 1	<i>Grant of certificate as a corporate body</i>
Seksyen 1A	<i>Application of Act 106 to Religious Bodies.</i>
Seksyen 2	<i>Vesting of estate in body corporate</i>
Seksyen 3	<i>Particulars respecting application</i>
Seksyen 4	<i>Nomination of trustees and filling of vacancies</i>
Seksyen 5	<i>Certificate to be evidence of compliance with requisitions</i>
Seksyen 6	<i>Record of applications and documents to be kept and copies supplied</i>
Seksyen 7	<i>Enforcement of conditions of certificate</i>
Seksyen 8	<i>Application for Incorporation or Appointment of Trustees.</i>
Seksyen 9	<i>Gift to vest in corporate body</i>
Seksyen 10	<i>Official Seal</i>
Seksyen 11	<i>Regulations</i>
Seksyen 12	<i>Interpretations</i>
Seksyen 13	<i>Repeal</i>

D. Kes-Kes tentang *Trustees (Incorporation) Act 1962 [Act 106]*

- (a) *Annan v. The Trustees Of Jehovah Witness Church & 2 Others [2023]* GHACC 329 (12 July 2023)

Dalam kes in, plaintif telah membawa tuntutan melalui Writ dan Penyata Tuntutan terhadap defendan-defendan untuk satu deklarasi tentang hak milik sebidang tanah berukuran 0.30 ekar yang terletak di Kangkrom, Tarkwa. Plaintif juga memohon untuk mendapatkan semula pemilikan, ganti rugi untuk pencerobohan, injunksi berkekalan dan kos. Antara isu yang dipertikaian adalah sama ada defendan pertama dan defendan kedua mempunyai hak untuk menyaman dan disaman di bawah *Trustees (Incorporation) Act 1962 (Act 106)*. Mahkamah telah memutuskan isu tersebut secara afirmatif kerana defendan-defendan didaftarkan dan diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pendaftaran) 1962 (Akta 106) yang memperuntukkan hak untuk menyaman dan disaman di bawah seksyen 1(4).

- (b) *Douglas v. Assemblies of God [2023]* GHADC 113 (28 July 2023)

Dalam kes ini, plaintif ialah seorang petani yang tinggal di Dodosuo. Defendan pertama ialah sebuah institusi keagamaan, manakala defendan kedua merupakan *Queen Mother* bagi kawasan tradisional Dodosuo. Defendan ketiga pula ialah seorang pengendali bar. Plaintif telah membawa tuntutan melalui Writ dan Penyata Tuntutan terhadap defendan-defendan untuk satu deklarasi tentang hak milik 8 plot bangunan yang tidak berdaftar yang terletak di Dodosuo. Plaintif juga memohon untuk mendapatkan semula pemilikan, injunksi berkekalan dan kos. Dalam kes ini, Mahkamah telah memutuskan bahawa *Life Mission Church* yang kepadanya hak milik telah dikeluarkan, tidak didaftarkan, tidak mempunyai kapasiti undang-undang, dan tidak mempunyai keupayaan untuk memiliki harta. Mahkamah telah menyatakan bahawa

hak pemilikan harta boleh diperoleh dengan pendaftaran di bawah *Trustees (Incorporation) Act 1962 (Act 106)*.

- (c) *Saviour Church of Ghana v. Adusei & 4 Ors* [2021] GHASC 186 (24 November 2021)

Kes ini berkisar tentang pertikaian antara dua kumpulan *Gereja Saviour of Ghana*. Isu yang timbul ialah kumpulan mana yang merupakan pengganti kepada *Gereja Saviour of Ghana* yang diasaskan oleh Opanyin Samuel Brako. Dua kumpulan yang terlibat dalam pertikaian ini ialah kumpulan Elias Asirifi Asante yang diwakili oleh plaintif, dan kumpulan Abraham Kweku Adusei yang diwakili oleh defendan. Dalam kes ini, Mahkamah telah memutuskan bahawa hujahan bertulis plaintif adalah betul kerana ia menyatakan bahawa pemegang amanah Gereja tersebut telah didaftarkan di bawah *Trustees (Incorporation) Act 1962 (Act 106)*.

- (d) *Assemblies of God Church, gh. [per the Executive Presbytery] Headquarters Building* [2005] GHACA 14 (22 April 2005)

Kes ini merupakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kumasi. Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan telah menyatakan bahawa gereja yang telah dipertikaikan telah didaftarkan di bawah dua akta, iaitu *Trustees Incorporation Act 1962 (Act 106)* and *Religious Bodies (Registration) Law 1989*. Berdasarkan Akta 106, badan agama yang didaftarkan dan telah diperbadankan diberi hak untuk menyaman dan disaman atas nama korporat pemegang amanah menurut seksyen 4 Akta 106.

E. Perbandingan dengan Malaysia

10. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara Akta 258 dan *Trustees (Incorporation) Act 1962* diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara kedua-dua undang-undang tersebut adalah seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 17.3.

Jadual 17.3: Persamaan antara Akta 258 dengan *Trustees (Incorporation) Act 1962*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Pemberian sijil pemerbadanan sebagai badan korporat	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan tentang pemberian sijil pemerbadanan kepada kumpulan-kumpulan orang atau badan.	Ghana: Seksyen 1 Malaysia: Seksyen 2
2.	Peletakhakan harta pusaka	Kedua-dua undang-undang memberikan kuasa kepada badan korporat untuk memperoleh, memegang, dan melupuskan harta atas nama badan korporat. Kedua-dua undang-undang memperuntukkan proses memindahkan harta apabila diperbadankan.	Ghana: Seksyen 2 Malaysia: Seksyen 3
4.	Pendaftaran dan dokumen	Kedua-dua undang-undang memerlukan butir-butir tertentu dimasukkan dalam permohonan dan pemberian kuasa kepada Menteri untuk bertindak.	Ghana: Seksyen 3 Malaysia: Seksyen 4
5.	Pelantikan pemegang amanah dan pengisian jawatan kosong	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan tentang pelantikan dan pengisian kekosongan pemegang amanah. Tatacara untuk melantik pemegang amanah baharu dan pemakluman perubahan dinyatakan dalam kedua-dua undang-undang.	Ghana: Seksyen 4 Malaysia: Seksyen 5
6.	Pemberian sijil pematuhan	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan tentang pemberian sijil pematuhan oleh badan korporat.	Ghana: Seksyen 5 Malaysia: Seksyen 7

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
7.	Rekod permohonan dan dokumen	Kedua-dua undang-undang menghendaki pihak berkuasa yang berkaitan untuk menyimpan rekod semua permohonan, sijil pemerbadanan, dan dokumen yang dihantar di bawah Akta, dengan peruntukan untuk menyediakan salinan rekod tersebut atas permintaan.	Ghana: Seksyen 6 Malaysia: Seksyen 8
8.	Penguatkuasaan syarat-syarat sijil pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang menyatakan bahawa syarat dan arahan yang digariskan dalam sijil pemerbadanan mengikat badan atau kumpulan-kumpulan orang yang diperbadankan.	Ghana: Seksyen 7 Malaysia: Seksyen 9
9.	Hadiah	Kedua-dua undang-undang menyatakan bahawa sumbangan, hadiah, atau pelupusan harta atau tanah yang dibuat sebelum atau selepas pemerbadanan, tetapi tidak berkuat kuasa, akan dianggap berkuat kuasa seolah-olah dibuat terus kepada badan atau kumpulan-kumpulan orang yang diperbadankan.	Ghana: Seksyen 9 Malaysia: Seksyen 11
10.	Meterai biasa	Kedua-dua undang-undang menetapkan keperluan untuk mengadakan meterai rasmi bagi badan korporat, dengan peruntukan tentang kelulusan dan penggunaannya dalam melaksanakan instrumen. Namun, istilah yang digunakan adalah berbeza kerana Akta 258 di Malaysia menggunakan istilah "meterai biasa."	Ghana: Seksyen 10 Malaysia: Seksyen 12

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
11.	Butiran-butiran permohonan pemerbadanan	Jadual kedua-dua undang-undang memperuntukkan tentang butir-butir yang perlu dikemukakan semasa permohonan pemerbadanan badan korporat.	Ghana: Jadual Malaysia: Jadual

11. Perbezaan antara Akta 258 dengan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1962 dinyatakan dalam Jadual 17.4.

Jadual 17.4: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939*

Bil.	Skop Perbezaan	Ghana	Malaysia
1.	Tajuk Panjang	Akta meliputi skop yang membolehkan kumpulan-kumpulan orang atau badan diperbadankan untuk tujuan keagamaan, pendidikan, sastera, saintifik, sukan, sosial, atau khairat. Akta tersebut juga membenarkan badan korporat untuk memegang tanah dan mempunyai status kekal turun-temurun.	Akta ini merupakan akta yang memperbadankan badan atau kumpulan orang.
2.	Skop pemakaian Akta	Akta 106 terpakai kepada Badan. (Seksyen 1A)	Hanya terpakai di Semenanjung Malaysia.

Bil.	Skop Perbezaan	Ghana	Malaysia
3.	Liabiliti pemegang amanah	Tiada peruntukan khusus.	Pemegang amanah adalah bertanggungjawab untuk perbuatan mereka sendiri, penerimaan, pengabaian dan keingkaran mereka sendiri, dan untuk yang kena dibayar pentadbiran badan atau persatuan orang dan hartanya, dengan cara yang sama dan pada tahap yang sama seolah-olah tiada pemerbadanan sedemikian telah dilaksanakan. (Seksyen 6)
4.	Kehilangan kelayakan pemegang amanah	Tiada peruntukan khusus.	Terdapat hal keadaan yang menyebabkan seseorang hilang kelayakan daripada menjadi pemegang amanah (contohnya, sabitan jenayah, tidak sempurna akal, muflis). (Seksyen 6A)
5.	Kuasa Menteri untuk mewajibkan permohonan pemerbadanan oleh pemegang amanah	Akta memberikan kuasa kepada Menteri untuk mewajibkan kumpulan orang atau badan untuk memohon pendaftaran mengikut Akta ini. (Seksyen 8)	Tiada peruntukan khusus.
6.	Duti setem	Tiada peruntukan khusus.	Akta memperuntukkan tatacara bahawa setiap permohonan dan sijil untuk disetamkan dengan duti setem. (Seksyen 10)

Bil.	Skop Perbezaan	Ghana	Malaysia
7.	Tafsiran	Terdapat tafsiran "body", "body corporate", "Minister" dan "pemegang amanah". (Seksyen 12)	Hanya mentafsirkan istilah "certificate of incorporation". (Seksyen 1A)
8.	Kesahan kontrak yang tidak dimeteraikan	Tiada peruntukan khusus.	Kontrak yang dimasuki oleh pemegang amanah adalah sah dalam kes-kes yang tertentu. (Seksyen 13)
9.	Pembayaran untuk pemindahan bergantung pada meterai korporat yang dilindungi.	Tiada peruntukan khusus.	Perlindungan untuk pembayaran atau pemindahan seseorang adalah dilindungi. (Seksyen 14)
10.	Pemegang amanah untuk menjaga akaun dan memberikan pulangan tahunan akaun	Tiada peruntukan khusus.	Akta memperuntukkan tanggungjawab pemegang amanah untuk menyimpan akaun dan membekalkan pulangan tahunan akaun. (Seksyen 15)
11.	Peraturan	Akta memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membuat apa-apa peraturan yang sesuai. (Seksyen 11)	Akta memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan yang sesuai. (Seksyen 21)

F. Kesimpulan

12. Kajian ini meneliti undang-undang tentang pemerbadanan pemegang amanah di Ghana dan membandingkannya dengan Malaysia, dengan memfokuskan Akta Pemerbadanan Pemegang Amanah 1962 di Ghana (Trustees Incorporation Act 1962). Ghana dan Malaysia berkongsi latar belakang sejarah penjajahan British yang membentuk asas kepada sistem perundangan mereka berteraskan *common law*.
13. Terdapat banyak persamaan antara undang-undang Ghana dengan Malaysia berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah, termasuk pemberian sijil pemerbadanan, pelantikan pemegang amanah, dan penguatkuasaan syarat dalam sijil pemerbadanan. Namun, terdapat juga perbezaan signifikan, seperti objektif pemerbadanan, liabiliti pemegang amanah, dan kuasa Menteri untuk mengarahkan pendaftaran.
14. Persamaan juga boleh dilihat apabila Ghana dan Malaysia menyediakan mekanisme pemantauan melalui kuasa yang diberikan kepada Menteri untuk mengawasi pendaftaran, pelantikan pemegang amanah, dan penguatkuasaan sijil, termasuk kuasa untuk membatalkan sijil jika syarat tidak dipatuhi.
15. Malaysia boleh mempertimbangkan beberapa cadangan untuk menambah baik Akta 258 berdasarkan dapatan daripada undang-undang Ghana, seperti menambah takrifan penting, memperluas skop tujuan pemerbadanan, dan meningkatkan mekanisme pemantauan oleh pihak berkuasa. Walaupun terdapat manfaat dalam mengadaptasi elemen daripada undang-undang Ghana, cabaran utamanya termasuklah memastikan takrifan baharu selari dengan konteks Malaysia, mendapatkan persetujuan pihak berkepentingan, dan menghadapi perdebatan dalam proses pindaan undang-undang. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa undang-undang pemerbadanan

pemegang amanah di Ghana dan Malaysia mempunyai banyak persamaan dan perbezaan. Cadangan untuk memperkasakan undang-undang di Malaysia boleh diambil daripada amalan terbaik di Ghana, namun cadangan tersebut perlu mengambil kira cabaran dan isu yang mungkin timbul dalam pelaksanaannya.

BAB 18

UNDANG-UNDANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI SINGAPURA

A. Pengenalan

1. Republik Singapura ("Singapura") merupakan sebuah negara kota (city-state) yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia. Singapura terdiri daripada Pulau Singapura dan sekitar 60 pulau kecil, dan dikelilingi oleh Selat Johor di utara (yang memisahkannya daripada Malaysia) dan Selat Singapura di selatan (yang memisahkannya daripada Kepulauan Riau-Lingga, Indonesia).
2. Sejak berkurun-kurun lamanya, kedudukan Singapura yang strategik di Selat Melaka antara Lautan Hindi dengan Laut China Selatan, meletakkan Pelabuhan Singapura (yang dikenali sebagai Temasek pada zaman itu) sebagai pusat jaringan perdagangan serantau dan antarabangsa (Winstedt & Ho, 2024). Kini, Pelabuhan Singapura telah menjadi antara pelabuhan tersibuk di dunia. Kedudukan Pulau Singapura yang penting dari segi ekonomi ini menyebabkan penetapan penempatan British pada tahun 1819 oleh Sir Stamford Raffles, iaitu titik permulaan penjajahan Singapura sebagai jajahan mahkota (crown colony) di bawah Empayar British.
3. Singapura mencapai kuasa pemerintahan mandiri sepenuhnya pada tahun 1963 apabila Singapura bersetuju untuk menyertai Persekutuan Malaysia bersama dengan Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak. Walau bagaimanapun, akibat perselisihan politik antara Kerajaan Persekutuan Malaysia dan Kerajaan Singapura, pada tahun 1965 Perjanjian Kemerdekaan Singapura (Independence of Singapore Agreement) ditandatangani antara kedua-dua kerajaan tersebut yang telah

mengeluarkan Singapura secara rasminya daripada Persekutuan Malaysia.

4. Singapura dipilih sebagai satu daripada negara rujukan dalam kajian ini atas beberapa justifikasi. Pertamanya, sebagaimana yang dinyatakan di atas, Singapura merupakan negara bekas jajahan British seperti Malaysia. Oleh itu, sistem perundangan yang kini diamalkan oleh kedua-dua negara masih mempunyai unsur-unsur undang-undang kolonial yang dibawa oleh pentadbir-pentadbir British, terutamanya dari segi konsep amanah yang bermulanya dalam *common law*. Dalam merangka pindaan kepada undang-undang semasa di Malaysia, adalah penting untuk mengkaji sejarah dan pengaruh konsep-konsep perundangan British demi memahami butir-butir peruntukan statut berkaitan dengan amanah yang sedia ada.
5. Kedua, Singapura merupakan suatu pusat kewangan utama di seluruh dunia. Kepentingan ekonomi negara tersebut haruslah disokong oleh sistem perundangan kewangan yang teguh dan menyeluruh demi memelihara keyakinan pelabur, memperkukuh pasaran kewangan, dan mengawal selia aliran wang haram. Oleh itu, sistem pengawal seliaan badan amanah di Singapura mampu dijadikan suatu contoh penting dalam usaha menaiktaraf kerangka perundangan bagi sektor kewangan di Malaysia.
6. Ketiga, kedudukan kedua-dua negara ini yang terletak di rantau Asia Tenggara, penelitian undang-undang berkaitan dengan amanah di Singapura dapat memberikan perspektif serantau yang penting. Perbandingan antara dua buah negara ini dapat menghasilkan pemahaman lebih menyeluruh tentang landskap pengawalseliaan badan amanah di rantau ini. Atas sebab-sebab yang dinyatakan, Singapura memang sesuai dijadikan sebagai titik rujukan dalam menjalankan Kajian ini.

B. Undang-undang berkaitan dengan Amanah

7. Sebagai negara bekas jajahan British, Singapura telah mewarisi sistem perundangan *common law* yang bergantung pada doktrin duluan kehakiman (judicial precedent / stare decisis) dan terdiri daripada dua cabang, iaitu undang-undang dan prinsip ekuiti. Konsep amanah yang kini digunakan berasal daripada prinsip-prinsip ekuiti Inggeris.
8. Singapura mempunyai pelbagai statut yang mentadbir perkara berkenaan dengan amanah, seperti yang tersenarai dalam Jadual 18.1.

Jadual 18.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di Singapura

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>Trustee Act 1967</i>	Undang-undang ini merangkumi pentadbiran hal ehwal pemegang amanah secara am. Antara peruntukannya termasuk kewajipan berjaga-jaga statutori (statutory duty of care) pemegang amanah, isu pelaburan, kuasa statutori pemegang amanah, pelantikan dan pemecatan pemegang amanah, serta pemerbadanan amanah bersifat khairat.
2.	<i>Business Trust Act 2004</i>	Undang-undang ini merangkumi pendaftaran dan pengawalseliaan amanah perniagaan, iaitu perusahaan yang distrukturkan sebagai amanah dan dibenarkan membuat pengagihan daripada aliran tunai kepada para pelabur.
3.	<i>Public Trustee Act 1915</i>	Undang-undang ini merangkumi pelantikan Amanah Raya (Public Trustee), iaitu badan kerajaan yang boleh mentadbir harta pusaka dan hal-hal berkaitan. Tugas ini sama seperti tugas Amanah Raya Berhad di Malaysia di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995.

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
4.	<i>Trust Companies Act 2005</i>	Undang-undang ini merangkumi pelesenan dan pengawalseliaan syarikat amanah, iaitu syarikat yang diberi lesen oleh Penguasa Kewangan Singapura (Monetary Authority of Singapore) untuk menjalankan perusahaan amanah.
5.	<i>Charities Act 1994</i>	<p>Undang-undang ini merangkumi pendaftaran khairat, pentadbiran khairat dan hal ehwalnya, pengawalseliaan khairat dan institusi bersifat awam (institutions of a public character), serta pengawalseliaan aktiviti pengutipan dana (fund-raising).</p> <p>Pelbagai peraturan juga digubal di bawah Akta Khairat 1994, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none">- Large Charities) Regulations;- Registration of Charities) Regulations; dan- Charities (Institutions of a Public Character) Regulations.

9. Selain pewujudan amanah, undang-undang Singapura juga membolehkan penubuhan wakaf, iaitu aturan undang-undang yang hampir serupa kepada amanah *common law* (trust-like arrangement). Dalam kes *Mohamed Shariff Valibhoy and others v. Arif Valibhoy* [2016] SGHC 11, Mahkamah Tinggi Singapura telah memutuskan bahawa wakaf merupakan suatu *Muslim law juridical creature* (ciptaan undang-undang Islam) dan bukannya amanah dalam cakupan Akta Pemegang Amanah 1967. Seksyen 2 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam 1966 (Administration of Muslim Law Act 1966) Singapura mentakrifkan wakaf sebagai, *the permanent dedication by a Muslim individual or the Majlis of any movable or immovable property for any purpose recognised by the Muslim law as pious, religious or charitable*. Setiap wakaf di Singapura mesti didaftarkan dengan Majlis Ugama Islam Singapura yang berfungsi sebagai penjaga (custodian) dan mempunyai kuasa pengawalseliaan kepadanya.

C. Undang-undang tentang pemerbadanan pemegang Amanah

10. Peruntukan tentang aspek pemerbadanan pemegang amanah di Singapura termaktub dalam Akta Pemegang Amanah 1967. Berdasarkan *Hansard* (Penyata Rasmi) Parlimen Singapura bertarikh 29 Jun 1967, Rang Undang-Undang Pemegang Amanah digubal untuk memansuhkan dan menggantikan *Trustee Ordinance, 1949* yang masih dikekalkan selepas pemisahan Singapura daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965. Sejak pemisahan kedua-dua negara tersebut, pentafsiran undang-undang yang dikekalkan tersebut telah mendatangkan kesulitan. Oleh itu, Kerajaan Singapura membuat keputusan untuk menggubal undang-undang baharu yang menyatukan dan menambah baik undang-undang yang sedia ada.

11. *Hansard* berkenaan turut menjelaskan bahawa Rang Undang-Undang tersebut menggabungkan peruntukan-peruntukan *Trustee (Incorporation) Ordinance 1952 (Malaysia)*, iaitu ordinan yang akhirnya menjadi *Trustee (Incorporation) Act 1952* yang kini digunakan di Malaysia. Hal ini bermaksud bahawa undang-undang Singapura berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah hampir serupa dengan undang-undang Malaysia, tetapi dengan beberapa penambahan baharu yang memberikan kuasa kepada Amanah Raya Singapura untuk mentadbir harta amanah khairat yang tiada pemegang amanah, serta untuk mengesahkan amanah khairat yang tidak sempurna.
12. Peruntukan-peruntukan dalam *Trustees Act 1967* yang berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah terangkum dalam Bahagian 6 yang dinamakan sebagai Amanah Khairat (Charitable Trusts). Bahagian ini mengandungi 19 seksyen. Peruntukan yang relevan tentang permohonan pemerbadanan turut terkandung dalam Jadual Kedua. Ringkasan seksyen-seksyen and Jadual tersebut adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 18.2.

Jadual 18.2: Senarai Kandungan *Trustees Act 1967*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 63	<i>Public Trustee may administer property of charitable trust without trustee.</i>
Seksyen 64	<i>Validation of certain imperfect charitable trusts</i>
Seksyen 65	<i>Grant of certification of incorporation of trustees</i>
Seksyen 66	<i>Estate to vest in body corporate</i>
Seksyen 67	<i>Particulars respecting application</i>
Seksyen 68	<i>Nomination of trustees and filling up vacancies</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 69	<i>Liability of trustees and others, despite incorporation</i>
Seksyen 70	<i>Certificate to be evidence of compliance with requirements</i>
Seksyen 71	<i>Record of applications and documents to be kept, and supply of copies</i>
Seksyen 72	<i>Enforcement of conditions and directions</i>
Seksyen 73	<i>Repealed</i>
Seksyen 74	<i>Gifts to vest in body corporate</i>
Seksyen 75	<i>Common seal</i>
Seksyen 76	<i>Contracts not under seal to be binding in certain cases</i>
Seksyen 77	<i>Payments on transfers in reliance on corporate seal protected</i>
Seksyen 78	<i>Trustees to keep accounts and to render annual returns of accounts</i>
Seksyen 79	<i>Application to decide question whether person is a member of a body corporate</i>
Seksyen 80	<i>Dissolution of body corporate</i>
Seksyen 81	<i>Penalty for false statement</i>
Seksyen 82	<i>Penalty for not filing returns, etc.</i>
Jadual Kedua	<i>Particulars to be inserted in application for incorporation of trustees</i>

13. Bagi amanah khairat secara khususnya, terdapat keperluan tambahan yang wajib untuk berdaftar sebagai badan khairat (charity) mengikut *Charities Act 1994*. Menurut seksyen 2 *Charities Act 1994*, *charity* (khairat) ditafsirkan sebagai:

Any institution, corporate or not, which is established for charitable purposes and is subject to the control of the General Division of the High Court in exercise of the jurisdiction of the General Division of the High Court with respect to charities.

14. Tafsiran *charitable purposes* (tujuan-tujuan bersifat khairat) mengikut seksyen 2 *Charities Act 1994* pula ialah:

... purposes which are exclusively charitable according to the law of Singapore.

15. Peruntukan yang mewajibkan pendaftaran amanah khairat di bawah *Charities Act 1994* ialah seksyen 7. Seksyen ini menyatakan bahawa:

(1) *The Commissioner must continue to keep a register of charities in which must be entered the particulars that he or she may determine of any charity registered therein.*

(2) *There must be entered in the register every charity not excepted by subsection (6)...*

...

(6) *The following charities are not required to be registered:*

(a) *any charity specified in the Schedule; and*

(b) *any charity which is excepted by regulations made under this Act.*

...

(8) *It is the duty of —*

- (a) *the governing board members of any charity which is not registered nor excepted from registration to apply for it to be registered, and to supply the documents and information required by subsection (7), within 3 months after its establishment or such longer period as the Commissioner may allow; and*
- (b) *the governing board members (or last governing board members) of any institution which is for the time being registered to notify the Commissioner if it ceases to exist, or if there is any change in its governing instruments, or in its particulars entered in the register, and to furnish the Commissioner with particulars of any such change and copies of any new governing instruments or alterations of the governing instruments, within 7 days after such cessation or change or such longer period as the Commissioner may allow, and any person who makes default in carrying out any of the duties imposed by this subsection shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding \$10,000 or to imprisonment for a term not exceeding 3 years or to both and, in the case of a continuing offence, to a further fine not exceeding \$100 for every day or part of a day during which the offence continues after conviction, and the Commissioner may by order require that person to make good that default.*

16. Hal ini bermakna bahawa keingkaran atau kegagalan mendaftarkan mana-mana amanah khairat dalam tempoh masa tiga bulan selepas penubuhan badan tersebut boleh menjadi suatu kesalahan jenayah mengikut seksyen 7(8) *Charities Act 1994*. Oleh itu, dalam mengkaji sistem pengawalseliaan amanah yang diperbadankan di Singapura, terdapat juga keperluan untuk mempertimbangkan kerangka pendaftaran, pentadbiran, dan pengawalseliaan khairat secara amnya. Jadual 18.3 di bawah mengandungi ringkasan beberapa peruntukan dalam *Charities Act 1994* yang relevan kepada hal tersebut.

Jadual 18.3: Senarai Kandungan *Charities Act 1994*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 2	<i>Interpretation</i>
Seksyen 3	<i>Appointment of Commissioner of Charities and other officers</i>
Seksyen 4	<i>Objectives and general functions of Commissioner</i>
Seksyen 5	<i>Charity Council</i>
Seksyen 6	<i>Functions of Council</i>
Seksyen 7	<i>Registration of charities</i>
Seksyen 9	<i>Power of Commissioner to require change of charity's name</i>
Seksyen 10	<i>General power of Commissioner to institute inquiries</i>
Seksyen 11	<i>Duty to keep accounting records</i>
Seksyen 12	<i>Financial statements</i>
Seksyen 13	<i>Annual audit or examination of charity accounts</i>
Seksyen 14	<i>Annual reports</i>
Seksyen 15	<i>Public inspection of annual reports, etc.</i>
Seksyen 16	<i>Offences</i>
Seksyen 23	<i>Power to act for protection of charities</i>
Seksyen 24	<i>Power to suspend or remove trustees, etc., from membership of charity</i>
Seksyen 26	<i>Power to direct application of charity property</i>
Seksyen 27	<i>Power to direct application of charity property after charity ceases to exist</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 28	<i>Disqualifications and effects of removal</i>
Seksyen 34	<i>Power to relieve governing board members, etc., from personal liability</i>
Seksyen 44	<i>Power of Commissioner to call for documents and search records</i>
Seksyen 45	<i>Supply of false or misleading information to Commissioner, etc.</i>
Seksyen 50	<i>Offences by corporations</i>
Seksyen 52	<i>Enforcement of orders of Commissioner</i>
Seksyen 53	<i>Appeals from Commissioner</i>
Seksyen 55	<i>Power to compound</i>
Seksyen 57	<i>Regulations</i>

D. Kes Mahkamah tentang *Trustee Act 1967*

(a) *Cheng Kwee Siong v. Cheng Kwee & Anor* [1997] 1 SLR 593

Kes Mahkamah Rayuan Singapura ini berkisar tentang satu perjanjian persetujuan (compromise agreement) antara perayu dengan responden. Dalam kes ini, perayu ialah seorang penghuni sebuah harta yang terletak di 1A Tong Watt Road. Responden ialah wasi dan pemegang amanah harta tersebut berdasarkan wasiat si mati, yang merupakan ibu responden. Menurut perjanjian persetujuan antara kedua-dua pihak tersebut, responden bersetuju untuk membayar komisen sebanyak \$300,000 kepada perayu. Responden pula mendakwa bahawa pembayaran komisen tersebut tertakluk pada persetujuan penerima amanah yang lain. Perayu kemudiannya mengemukakan tuntutan untuk

mendapatkan semula komisen tersebut, tetapi rayuan itu ditolak. Hakim LP Thean menyatakan bahawa dalam apa-apa jua keadaan, responden pertama tidak boleh dianggap telah bertindak secara wajar, dan mahkamah tidak akan melepaskannya daripada liabiliti berdasarkan seksyen 63 Akta Pemegang Amanah Cap 337.

(b) *Koh Lau Keow and Others v. Attorney-General* [2013] 4 SLR 491

Dalam kes Mahkamah Tinggi ini, plaintif yang merupakan seorang warga emas telah memperoleh sebidang tanah di Rangoon Lane untuk membina sebuah kuil. Plaintif membiayai sepenuhnya pembinaan kuil tersebut. Plaintif telah mewujudkan amanah untuk harta tersebut bagi mendapatkan pengecualian cukai berdasarkan nasihat peguamnya pada masa itu. Selain itu, plaintif juga menandatangani satu deklarasi bahawa harta tersebut sedang dan akan terus digunakan untuk tujuan keagamaan. Isu dalam kes ini ialah plaintif ingin menamatkan deklarasi tersebut dan membuat peruntukan untuk pengagihan harta pusaka. Dalam kes ini, Hakim Tay Yong Kwang telah menjelaskan bahawa seksyen 64 telah mengubah kedudukan *common law* yang terpakai di Singapura kerana penggunaan dana untuk tujuan selain yang dinyatakan dalam kes *Pemsel* tidak akan dianggap sebagai khairat dan adalah tidak sah. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak terpakai kepada amanah yang diisytiharkan sebelum 14 Julai 1967.

(c) *Nai Seng Hiang & Ors v. Trustees of the Presbyterian Church in Singapore Registered & Ors* [1988] 1 SLR 717

Dalam kes Mahkamah Tinggi ini, plaintif ialah pemegang amanah untuk sebidang tanah yang telah diamanahkan bagi tujuan keagamaan, iaitu agama Kristian untuk kerja-kerja *evangelistic*, sosial atau lain-lain mengikut budi bicara Chinese Presbyterian Church of Malaya untuk manfaat kanak-kanak Cina yang bertutur dalam dialek Hakka di

Singapura. Isu yang dibicarakan adalah sama ada amanah tersebut sah dan, jika amanah tersebut gagal, sama ada tanah tersebut boleh digunakan secara *cy-pres*. Dalam kes ini, defendan ialah sebuah badan korporat yang didaftarkan di bawah seksyen 68(3) Akta Pemegang Amanah Cap 337.

E. Perbandingan dengan Malaysia

17. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara Akta 258 dengan Akta Pemegang Amanah 1967 dan Akta Khairat 1994 di Singapura diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan.
18. Persamaan antara Akta Akta 258 dengan Akta Pemegang Amanah 1967 Singapura adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 18.4.

Jadual 18.4: Persamaan antara Akta 258 dengan *Trustee Act 1967*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Proses pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang mempunyai peruntukan yang membolehkan pemegang amanah untuk memohon supaya diperbadankan sekiranya ditubuhkan demi tujuan keagamaan, pendidikan, kesusasteraan, saintifik, sosial, atau khairat. Proses ini melibatkan permohonan kepada Menteri.	Malaysia: Seksyen 2 Singapura: Seksyen 65
2.	Pemberian sijil pemerbadanan sebagai badan korporat	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa sijil pemerbadanan akan diberikan oleh Menteri sebagai instrumen pemerbadanan.	Malaysia: Seksyen 2 Singapura: Seksyen 65

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
3.	Kesan-kesan pemerbadanan dan peletakhakan harta dan hadiah pada badan korporat	<p>Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa apabila pemegang amanah diperbadankan, badan korporat tersebut akan kekal turun-temurun (perpetual succession), mempunyai meterai biasa, kuasa membawa guaman atau dibawa guaman atas nama korporat, serta kuasa memperoleh, memegang, dan melupuskan harta atas nama badan korporat.</p> <p>Kedua-dua undang-undang turut meletakkan hak harta amanah dan apa-apa sumbangan, hadiah, pemberian tanah atau kepentingan dalam tanah pada badan korporat.</p>	<p>Malaysia: Seksyen 2, seksyen 3 dan seksyen 11</p> <p>Singapura: Seksyen 65, seksyen 66 dan seksyen 74</p>
4.	Butiran berkenaan dengan permohonan	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan butiran yang harus dimasukkan dalam permohonan pemerbadanan, seperti tujuan badan, butiran peribadi pemegang-pemegang amanah, serta nama badan korporat dan meterai biasa yang dicadangkan.	<p>Malaysia: Seksyen 4 dan Jadual</p> <p>Singapura: Seksyen 67 dan Jadual Kedua</p>
5.	Pelantikan pemegang amanah dan pengisian kekosongan	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan tentang proses pelantikan pemegang amanah tertakluk kepada kepuasan hati Menteri dan pengisian kekosongan pemegang amanah.	<p>Malaysia: Seksyen 5</p> <p>Singapura: Seksyen 68</p>

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
6.	Liabiliti pemegang amanah	Kedua-dua undang-undang menetapkan bahawa pemegang amanah bertanggungjawab dan bertanggung kepada apa-apa tindakan, penerimaan, pengabaian, dan keingkaran sendiri.	Malaysia: Seksyen 6 Singapura: Seksyen 69 Akta Pemegang Amanah 1967
7.	Sijil pemerbadanan menjadi keterangan muktamad pematuhan keperluan awal pemerbadanan.	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa sijil pemerbadanan akan menjadi keterangan muktamad bahawa semua keperluan awal pemerbadanan telah dipatuhi.	Malaysia: Seksyen 7 Singapura: Seksyen 70
8.	Penyimpanan dan pembekalan rekod permohonan dan dokumen	Kedua-dua undang-undang meletakkan tanggungjawab pada pihak berkuasa (Menteri di Malaysia, Amanah Raya di Singapura) untuk menyimpan rekod setiap permohonan untuk pemerbadanan, sijil pemerbadanan yang diberikan, serta setiap dokumen, akaun, dan penyata yang dikemukakan mengikut peruntukan Akta. Selain itu, kedua-dua undang-undang turut memperuntukkan bahawa sesiapa boleh mendapatkan salinan dokumen-dokumen tersebut dengan pembayaran fi yang ditetapkan.	Malaysia: Seksyen 8 Singapura: Seksyen 71

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
9.	Penguatkuasaan syarat-syarat dan arahan-arahan	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa setiap syarat dan arahan yang terkandung dalam sijil pemerbadanan mengikat dan mesti dilaksanakan oleh pemegang amanah, serta boleh dikuatkuasakan oleh Peguam Negara.	Malaysia: Seksyen 9 Singapura: Seksyen 72
10.	Meterai biasa	Kedua-dua undang-undang memberikan kuasa kepada Menteri untuk meluluskan meterai biasa yang dicadangkan, dan apa-apa instrumen yang termeterai dengan menggunakan meterai tersebut adalah mengikat badan korporat tersebut.	Malaysia: Seksyen 12 Singapura: Seksyen 75
11.	Kontrak yang tidak dimeterai masih mengikat dalam kes-kes tertentu	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa mana-mana kontrak yang dibuat oleh pemegang amanah yang sah dan mengikat menurut peraturan dalaman badan tersebut, akan menjadi sah dan mengikat walaupun tidak dimeterai.	Malaysia: Seksyen 13 Singapura: Seksyen 76
12.	Pembayaran atas pemindahan yang bergantung pada meterai korporat dilindungi	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa sesiapa yang membuat apa-apa pemindahan atau pembayaran secara <i>bona fide</i> dengan bergantung pada apa-apa instrumen yang termeterai dengan menggunakan meterai biasa badan korporat akan ditanggung rugi (indemnified) dan dilindungi.	Malaysia: Seksyen 14 Singapura: Seksyen 77

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
13.	Tugas pemegang amanah untuk menyimpan akaun dan mengemukakan penyata tahunan akaun	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa pemegang amanah mesti menyimpan akaun penuh dan benar tentang semua wang yang diterima dan dibayar bagi pihak badan korporat tersebut. Kedua-dua undang-undang juga mengandungi peruntukan tentang tatacara pelaporan kepada pihak berkuasa serta tanggungjawab pihak berkuasa untuk menyimpan dokumen-dokumen yang diterima dan memastikan dokumen-dokumen tersebut tersedia untuk pemeriksaan awam (Menteri di Malaysia, manakala Amanah Raya di Singapura).	Malaysia: Seksyen 15 Singapura: Seksyen 78
14.	Permohonan kepada mahkamah untuk menentukan persoalan sama ada seseorang ialah ahli badan korporat	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa apa-apa persoalan sama ada seseorang ialah ahli mana-mana badan korporat boleh ditentukan melalui permohonan di mahkamah.	Malaysia: Seksyen 16 Singapura: Seksyen 79

19. Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trustee Act 1967* Singapura adalah seperti yang digambarkan dalam Jadual 18.5

Jadual 18.5: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trustee Act 1967*

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Singapura
1.	Proses peletakhakan harta amanah apabila tiada pemegang amanah	Akta hanya memperuntukkan bahawa apabila sijil pemerbadanan dibatalkan dan tiada pemegang amanah, apa-apa harta yang terletak pada badan korporat tersebut akan diletakhkan pada Amanah Raya Berhad sehingga pemegang amanah baharu dilantik. Akta tidak mempunyai peruntukan khusus untuk kes apabila terdapat ketiadaan pemegang amanah tanpa pembatalan sijil pemerbadanan. (Seksyen 19)	Akta memberikan kuasa kepada Amanah Raya untuk mentadbir harta amanah khairat yang didapati tiada pemegang amanah. (Seksyen 63 Akta Pemegang Amanah 1967)
2.	Pengesahan amanah khairat tidak sempurna meskipun penggunaan dana amanah dibenarkan bagi tujuan bukan khairat	Tiada peruntukan khusus.	Akta memperuntukkan bahawa suatu amanah khairat tidak menjadi tidak sah hanya kerana terdapat apa-apa tujuan bukan khairat sebagai salah satu tujuan penggunaan dana amanah tersebut. (Seksyen 64 Akta Pemegang Amanah 1967)

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Singapura
3.	Kuasa Menteri menolak pemberian sijil pemerbadanan	Menteri diberi kuasa untuk menolak pemberian sijil pemerbadanan sekiranya tidak berpuas hati bahawa permohonan itu telah mematuhi peruntukan Akta atau peraturan-peraturan. (Seksyen 4(3))	Tiada peruntukan khusus.
4.	Proses pelantikan pemegang amanah baharu	Pelantikan setiap pemegang amanah baharu diperakukan oleh Menteri, dan butiran tentang pemegang-pemegang amanah mesti dikemukakan kepada Menteri pada setiap tahun selepas pemberian sijil pemerbadanan. (Seksyen 5)	Pelantikan setiap pemegang amanah baharu diperakukan oleh Amanah Raya, dan butiran tentang pemegang-pemegang amanah mesti dikemukakan kepada Amanah Raya pada setiap 5 tahun selepas pemberian sijil pemerbadanan. (Seksyen 68 Akta Pemegang Amanah 1967)
5.	Kehilangan kelayakan pemegang amanah	Akta memperuntukkan beberapa hal keadaan seseorang hilang kelayakan sebagai pemegang amanah. (Seksyen 6A)	Tiada peruntukan khusus.
6.	Duti setem untuk permohonan	Akta memperuntukkan duti setem sebanyak RM30 untuk setiap permohonan bagi sijil pemerbadanan. (Seksyen 10)	Tiada peruntukan khusus.

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Singapura
7.	Proses bagi pengemukaan akaun dan penyata tahunan	Akaun-akaun harus dikemukakan pada atau sebelum tarikh 30 Jun setiap tahun kepada Menteri. (Seksyen 15)	Akaun-akaun harus dikemukakan pada atau sebelum tarikh 25 Mac setiap tahun kepada Amanah Raya. (Seksyen 78 Akta Pemegang Amanah 1967)
8.	Pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan	Menteri diberi kuasa untuk membatalkan sijil pemerbadanan dalam kes-kes tertentu, serta memberi badan korporat tersebut peluang untuk tunjuk sebab mengapa pembatalan tersebut tidak wajar. Dalam tempoh tersebut, Menteri juga diberi kuasa untuk menggantung apa-apa aktiviti badan tersebut atas sebab-sebab tertentu. (Seksyen 17)	Tiada peruntukan khusus.
9.	Pembubaran badan korporat	Terdapat dua cara untuk membubarkan badan korporat mengikut Akta, iaitu secara sukarela (seksyen 18) ataupun melalui pembatalan sijil pemerbadanan (seksyen 17). Kesan-kesan pembubaran tersebut termaktub dalam seksyen 19.	Akta memperuntukkan bahawa badan korporat boleh dibubarkan oleh Menteri sekiranya pentadbiran amanah telah diambil alih oleh Kerajaan atau perbadanan berkanun, atau sekiranya suai manfaat atas apa-apa sebab lain. (Seksyen 80 Akta Pemegang Amanah 1967).

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Singapura
			Tiada peruntukan khusus tentang kesan-kesan pembubaran badan korporat.
10.	Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar	Boleh dilantik oleh Menteri. (Seksyen 20)	Tiada peruntukan khusus.
11.	Kesalahan dan penalti	Tiada peruntukan khusus.	Pengemukaan apa-apa dokumen palsu (Seksyen 81) dan kegagalan memfailkan apa-apa dokumen (seksyen 82) ialah kesalahan jenayah.
12.	Peraturan-peraturan	Menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan di bawah Akta ini.	Kuasa Menteri untuk membuat peraturan terhadap kepada tujuan melaksanakan Pengesyoran FATF tentang ketelusan dan pemilikan benefisial, atau kehendak Global Forum tentang maklumat pemilikan dan identiti. (Seksyen 84A)

20. Sistem pengawalseliaan khairat mengikut *Charities Act 1994* (Singapura) berbeza daripada amanah khairat yang diperbadankan, dan boleh dikatakan sebagai proses berperingkat ataupun “two-stage.” Pendaftaran mengikut *Charities Act 1994* tidak terhad kepada amanah sahaja dan juga boleh dipohon oleh syarikat dan pertubuhan. Oleh itu, isu pendaftaran badan khairat serta pentadbiran sistem oleh Pesuruhjaya Khairat dan Majlis Khairat tidak perlu dikaji secara mendalam bagi tujuan kajian ini.

21. Sebaliknya, perbandingan antara *Trustee (Incorporation) Act 1952* dengan *Charities Act 1994* dalam bahagian ini akan bertumpu pada kuasa-kuasa pengawalseliaan yang diberikan kepada Pesuruhjaya Khairat Singapura di bawah *Charities Act 1994* untuk melihat sama ada pengawal selia mempunyai kuasa-kuasa yang serupa di bawah Akta 258.
22. Persamaan antara Akta 258 dengan *Charities Act 1994* di Singapura adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 18.6.

Jadual 18.6: Persamaan antara Akta 258 dengan *Charities Act 1994*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Tanggungjawab menyimpan rekod-rekod akaun	Kedua-dua undang-undang meletakkan tanggungjawab pada badan berkanun untuk menyimpan rekod-rekod akaun, termasuk rekod setiap jumlah wang yang diterima dan dibayar oleh badan tersebut.	Malaysia: Seksyen 15 Singapura: Seksyen 11
2.	Kehilangan kelayakan pemegang amanah	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan hal keadaan seseorang pemegang amanah hilang kelayakannya bertugas dalam kapasiti tersebut. Contohnya ialah termasuk sekiranya pemegang amanah tersebut muflis yang belum dilepaskan atau disabitkan dengan kesalahan-kesalahan tertentu.	Malaysia: Seksyen 6A Singapura: Seksyen 28
3.	Peraturan-peraturan	Kedua-dua undang-undang memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan bagi tujuan Akta masing-masing, termasuk tentang proses permohonan dan fi di bawah Akta.	Malaysia: Seksyen 21 Singapura: Seksyen 57

23. Perbezaan antara Akta 258 dengan *Charities Act 1994* pula adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 18.7.

Jadual 18.7: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Charities Act 1994*

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Singapura
1.	Tafsiran	Hanya mengandungi tafsiran "certificate of incorporation". (Seksyen 1A)	Mengandungi tafsiran "charity dan "charitable purposes." (Seksyen 2 Akta Khairat 1994)
2.	Kuasa pihak berkuasa mengarahkan penggantian nama badan	Tiada peruntukan khusus.	Pesuruhjaya Khairat diberi kuasa untuk mengarahkan penggantian nama khairat atas beberapa sebab, termasuk sekiranya nama tersebut didapati mengelirukan atau menyinggung perasaan. (Seksyen 9 Akta Khairat 1994)
3.	Kuasa pihak berkuasa untuk memulakan siasatan	Tiada peruntukan khusus.	Pesuruhjaya Khairat diberi kuasa untuk memulakan siasatan secara amnya atau bagi tujuan khusus. Bagi menjalankan siasatan, Pesuruhjaya boleh mengarahkan pengemukaan akaun, penyata kewangan dan dokumen-dokumen lain serta mengambil keterangan. (Seksyen 10 Akta Khairat 1994)

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Singapura
4.	Kuasa mengarahkan pengauditan badan	Menurut seksyen 15(2), penyata akaun tahunan yang perlu dikemukakan kepada pihak berkuasa oleh badan korporat mesti diaudit oleh juruaudit badan tersebut. Namun, Akta tidak mempunyai peruntukan khusus yang memberkan kuasa kepada pihak berkuasa untuk mengarahkan audit dilaksanakan pada akaun badan korporat.	Dalam beberapa situasi, Pesuruhjaya Khairat boleh mengarahkan akaun badan khairat diaudit oleh seorang yang dilantik olehnya. (Seksyen 13 Akta Khairat 1994)
5.	Laporan tahunan	Tiada peruntukan khusus.	Pada setiap tahun kewangan, setiap badan harus menyediakan laporan tahunan yang menyatakan aktiviti badan bagi tahun kewangan tersebut. Laporan tersebut mesti diserahkan kepada Pesuruhjaya Khairat, dan Pesuruhjaya Khairat mesti memastikan laporan yang diterima boleh dilihat oleh orang awam. (Seksyen 14 dan 15 Akta Khairat 1994)
6.	Kesalahan dan penalti	Tiada peruntukan khusus.	Keingkaran untuk mematuhi mana-mana kehendak pelaporan di bawah seksyen 16 Akta Khairat 1994, dan pembekalan maklumat palsu atau mengelirukan men

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Singapura
7.	Kuasa bertindak demi perlindungan harta badan	Tiada peruntukan khusus dalam Akta, tetapi menurut seksyen 9 Akta Prosiding Kerajaan 1956, Peguam Negara, atau dua atau lebih orang yang mempunyai kepentingan dalam amanah tersebut dan mempunyai persetujuan bertulis daripada Peguam Negara, boleh memulakan prosiding di mahkamah untuk, antara lainnya, menyingkirkan mana-mana pemegang amanah dan mengaturkan skim dalam apa-apa kes apabila terdapat dakwaan pecah amanah yang bersifat awam, keagamaan, sosial atau khairat.	Sekiranya Pesuruhjaya Khairat telah mendapati bahawa apa-apa salah laku atau salah tadbir telah berlaku dalam pentadbiran khairat, beliau diberi kuasa (dengan persetujuan Peguam Negara) untuk melakukan beberapa tindakan, termasuk menggantung atau mengeluarkan mana-mana pemegang amanah, mengarahkan pengaturan skim pentadbiran bagi khairat tersebut, dan mengehadakan transaksi yang boleh dilakukan dalam pentadbiran khairat tersebut. (Seksyen 23 dan 24 Akta Khairat 1994)
8.	Kuasa mengarahkan penggunaan harta khairat	Tiada peruntukan khusus.	Pesuruhjaya Khairat diberi kuasa untuk mengarahkan penggunaan harta khairat bagi tujuan khairat sekiranya pemegang-pemegang amanah tidak menggunakannya secara sesuai, atau sekiranya khairat tersebut tidak wujud lagi. (Seksyen 26 dan 27 Akta Khairat 1994)

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Singapura
9.	Kehilangan kelayakan pemegang amanah	<p>Antara alasan kehilangan kelayakan pemegang amanah ialah sekiranya individu tersebut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - disabitkan atas apa-apa jenayah dan dihukum dengan denda tidak kurang daripada RM1,000 dan/atau pemenjaraan tidak kurang daripada setahun; - dikenakan apa-apa perintah tahanan, pembuangan negeri, dan lain-lain; - telah didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal. <p>(Seksyen 6A)</p>	<p>Antara alasan kehilangan kelayakan pemegang amanah ialah sekiranya individu tersebut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - disabitkan atas kesalahan jenayah yang melibatkan ketidakjujuran, keganasan, pembiayaan keganasan, atau pengubahan wang haram; - telah membuat apa-apa komposisi atau perkiraan (composition or arrangement) dengan pemiutangnya tanpa dilepaskan; - telah hilang kelayakannya mengikut Akta Syarikat 1967. <p>(Seksyen 28)</p>
10.	Kuasa mahkamah melepaskan pemegang amanah daripada liabiliti peribadi	Tiada peruntukan khusus.	<p>Dalam apa-apa prosiding kecuaiian, keingkaran, kemungkiran kewajipan atau pecah amanah, mahkamah boleh melepaskan mana-mana pemegang amanah daripada liabiliti sekiranya difikirkan wajar apabila individu tersebut telah bertindak secara jujur dan munasabah.</p> <p>(Seksyen 34)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Singapura
11.	Kuasa pihak berkuasa mengarahkan pengemukaan dokumen dan memeriksa rekod	Tiada peruntukan khusus.	Pesuruhjaya Khairat diberi kuasa untuk mengarahkan pengemukaan apa-apa maklumat tentang apa-apa khairat atau usaha pengumpulan dana, serta diberi akses sepenuhnya kepada setiap premis, buku, dokumen, dan lain-lain. (Seksyen 44)
12.	Rayuan terhadap keputusan pihak berkuasa	Tiada peruntukan khusus.	Akta membolehkan penggubalan peruntukan di bawah Kaedah-kaedah Mahkamah Singapura mengenai rayuan kepada Bahagian Am Mahkamah Tinggi terhadap arahan atau keputusan Pesuruhjaya Khairat. (Seksyen 53)
13.	Kuasa mengkompaun	Tiada peruntukan khusus.	Menteri diberi kuasa untuk menentukan jenis jenayah yang boleh dikompaun, manakala Pesuruhjaya Khairat diberi kuasa mengkompaun. (Seksyen 55)

F. Kesimpulan

24. Undang-undang Singapura yang khusus tentang pemerbadanan amanah hampir serupa dengan versi di Malaysia oleh sebab penggunaan undang-undang Malaysia sebagai model. Peruntukan berbeza yang menjadi kekuatan undang-undang Singapura ialah peruntukan tentang peletakhakan harta amanah apabila didapati tiada pemegang amanah, yang menjadi suatu *lacuna* dalam undang-undang Malaysia. Selain itu, undang-undang Singapura turut mengandungi peruntukan jenayah bagi kegagalan mematuhi kehendak pelaporan yang mungkin menjadi pendorong kepada badan-badan korporat untuk memastikan pematuhan.
25. Kelemahan undang-undang Singapura tentang pemerbadanan pula ialah ketiadaan peruntukan berhubungan dengan syarat-syarat kehilangan kelayakan untuk bertindak sebagai pemegang amanah, serta kuasa pihak berkuasa membatalkan atau menggantung sijil pemerbadanan. Ketiadaan peruntukan tentang perkara tersebut mungkin mengehendkan kecekapan pihak berkuasa untuk mengawal selia badan-badan korporat di Singapura, dan menjadi kelebihan undang-undang Malaysia.
26. Peruntukan-peruntukan di bawah *Charities Act 1994* pula merupakan suatu contoh sistem pengawalseliaan yang amat berbeza daripada Malaysia. Meskipun Akta tersebut tidak tertumpu pada pemerbadanan amanah sahaja, fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya Khairat boleh disesuaikan dan diberikan kepada badan pengawal selia di bawah Akta 258.

27. Kekuatan pertama sistem pengawalseliaan di bawah *Charities Act 1994* terletak pada kuasa yang diberikan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan terhadap badan-badan di bawah penyeliaannya. Menurut peruntukan-peruntukan Akta, pihak berkuasa boleh mendapatkan dokumen dan maklumat serta mengehendaki kehadiran sesiapa sahaja untuk memberikan keterangan. Pihak berkuasa juga boleh menjalankan audit terhadap mana-mana badan di bawah penyeliaannya. Hal ini membolehkan pihak berkuasa memantau badan-badan korporat dan mengesan salah laku atau salah tadbir dengan cekap.
28. Selain itu, pihak berkuasa juga diberi kuasa untuk mengambil tindakan perlindungan ke atas badan-badan di bawah penyeliaannya, yang mampu memastikan harta khairat dilindungi daripada penyalahgunaan. Kehendak pelaporan statutori pula amat terperinci dan kegagalan mematuhi kehendak tersebut ialah kesalahan jenayah yang membolehkan pihak berkuasa mendapatkan maklumat terperinci tentang aktiviti dan situasi kewangan badan-badan di bawah penyeliaannya. Hal ini membolehkan pihak berkuasa di Singapura melaksanakan fungsi mereka untuk mengawal selia badan-badan khairat dengan berkesan dan menyeluruh.
29. Walau bagaimanapun, sistem di Singapura turut mempunyai kelemahan. Kelemahan utama ialah skop kuasa luas yang diberikan kepada pihak berkuasa. Walaupun kuasa-kuasa tersebut menyumbang kepada pengawalseliaan yang menyeluruh, kuasa ini juga harus diimbangi dengan mekanisme semak dan imbang untuk memastikan kuasa dan budi bicara tidak disalahgunakan oleh kerajaan. Keperluan pendaftaran wajib serta budi bicara *unilateral* dalam pelaksanaan kuasa mampu mencipta suatu ekosistem yang menindas dan menekan badan-badan khairat. Oleh itu, amat penting bagi mekanisme semak dan imbang dimasukkan dalam rangka pengawalseliaan untuk mengelakkan ketidakadilan daripada berlaku.

30. Sebagai kesimpulan, Malaysia wajar mempertimbangkan undang-undang Singapura sebagai model untuk menambah baik undang-undang Malaysia atas beberapa sebab. Pertama, pengisian jurang undang-undang sedia ada dalam hal peletakhakan harta amanah apabila tiada pemegang amanah amat penting untuk memastikan kerangka undang-undang Malaysia dapat meliputi setiap situasi yang mungkin berbangkit. Kedua, kehendak pelaporan statutori yang lebih terperinci serta peruntukan kesalahan dan penalti yang wajar bagi ketidakpatuhan mungkin dapat mendorong badan-badan korporat untuk mematuhi kehendak statutori tersebut dengan konsisten dan tepat. Hal ini sekali gus akan memudahkan tugas pihak berkuasa dari segi pemantauan dan pengawalseliaan. Ketiga, pemberian kuasa untuk memulakan siasatan dan mengambil tindakan perlindungan dapat mempertingkatkan kemampuan pihak berkuasa menyekat salah laku dan salah tadbir sebelum kerugian yang dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab menjadi terlalu parah. Secara langsungnya, hal ini dapat memupuk keyakinan rakyat terhadap badan-badan korporat yang sepatutnya berfungsi demi manfaat awam. Akhir kata, rujukan kepada aspek-aspek undang-undang Singapura yang dinyatakan di atas mampu menambah baik sistem pengawalseliaan badan-badan amanah korporat di Malaysia.

BAB 19

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI INDIA

A. Pengenalan

1. Sebagai usaha meminda Akta 258, negara India telah dipertimbangkan sebagai model negara perbandingan dalam Kajian ini. Menurut bahasa Sanskrit, nama India berasal daripada perkataan *Indus* dan dipanggil sebagai *Sindhu* (Sharma, 2024). Berdasarkan Orang Yunani dan Iran, India dipanggil sebagai *Hindo* atau *Indos* yang membawa maksud tanah di sebelah timur sungai yang dipanggil sebagai *Indus*. Masyarakat yang tinggal di barat laut pula memanggil negara India sebagai *Bharat* dan kemudiannya negara-negara menyelaraskan nama panggilan dengan nama India (India Today, 2023). India merupakan negara yang dikelilingi oleh teluk Bengal, iaitu Bay of Bengal di barat laut Arab dan selatan Lautan Hindi yang berukuran 3.28 juta km persegi (Anon, 2015). Oleh sebab sebahagian besar negara India membentuk suatu semenanjung, negara ini dikelilingi oleh perairan pada tiga bahagiannya. Himalaya, iaitu banjaran gunung yang tertinggi di dunia turut menjulang di utara negara tersebut (Bishop, B. C. & Chatterjee Shiba P, 2015).
2. India mempunyai 28 buah negeri dan lapan wilayah kesatuan (Anon, 2017) yang ditadbir oleh seorang Presiden menerusi Pentadbir yang dilantik olehnya (National Portal of India, 2023). Setakat bulan Julai tahun 2024, populasi masyarakat India ialah populasi yang paling tinggi di dunia dengan jumlah populasi sebanyak 1.45 bilion yang dijangka akan meningkat sehingga 1.69 bilion pada tahun 2054 (Anon, 2024). Oleh sebab keluasan saiz negara India yang besar dan pelbagai jenis agama dan adat yang berbeza, India menerusi *The People's Linguistic Survey of India* merekodkan anggaran sebanyak 780 jenis bahasa yang unik

(Seetharaman, 2017), manakala *Ethnologue*, suatu rujukan komprehensif tentang bahasa-bahasa yang masih digunakan di setiap negara melaporkan sebanyak 459 jenis bahasa di India (Anon, 2019). Berdasarkan Perlembagaan India, sebanyak 22 jenis bahasa telah dikenal pasti sebagai bahasa rasmi negara tersebut (Anon, 2017).

3. Tambahan pula, India juga merupakan negara yang memiliki antara perkembangan ekonomi yang paling cepat di dunia dan perkembangan ini disumbangkan oleh pelbagai jenis syarikat yang berlandaskan industri-industri minyak dan gas, teknologi, kewangan dan *Fast-Moving Consumer Goods* (FMCG). Setakat bulan Mei 2024, Reliance Industries mencatatkan nilai pasaran sebanyak 20.10 *lakh crore rupee* dalam sektor minyak dan gas, diikuti dengan *Tata Consultancy Services* (TCS) yang memiliki nilai pasaran sebanyak 16.22 *lakh crore rupee* dalam sektor teknologi maklumat. Reliance Industries juga merangkumi kerja-kerja berkaitan dengan tenaga, petrokimia, tekstil, sumber semula jadi, runcit dan telekomunikasi, manakala TCS pula menghalakan fokus pada sektor teknologi maklumat dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan, perundingan serta penyelesaian-penyelesaian perniagaan (*business solutions*) (Forbes India, 2024). Hal ini membuktikan bahawa ekonomi India turut terserlah menerusi perniagaan besar kerana India berada pada tahap kedua di dunia sebagai negara yang terbaik untuk memulakan suatu perniagaan berdasarkan laporan terkini oleh *Global Entrepreneurship Monitor* (GEM).
4. Oleh sebab wujudnya perkembangan ekonomi yang memacu selaras dengan kekayaan budaya dan pengamalan adat di negara India, perlindungan aset turut menjadi antara isu polemik yang turut dikawal selia menerusi undang-undang amanah. Hal ini kerana undang-undang amanah di India mempunyai kepentingan yang signifikan dan ketara dari segi budaya, ekonomi dan perniagaan, serta faktor sosial. Dari segi konteks budaya, India mempunyai sejarah khairat dan kedermawanan

yang mendalam kerana amanah lazimnya digunakan bagi mengawal selia aktiviti-aktiviti khairat tersebut. Pada masa yang sama, pelbagai jenis organisasi agama dan sosial di India turut menggunakan amanah sebagai medium bagi menyelaraskan sumbangan dan kerja-kerja khairat selaras dengan prinsip utama yang ditekankan dalam budaya India, iaitu saling membantu antara satu sama lain serta kepentingan perkhidmatan awam. Seterusnya, amanah agama di India oleh kuil, masjid, gereja dan entiti-entiti agama yang lain turut beroperasi sebagai pemegang amanah bagi mengurus aset dan sumbangan supaya dapat memastikan ketelusan dan tadbir urus yang baik. Dari segi ekonomi dan perniagaan pula, amanah adalah penting di India sebagai suatu mekanisme pengurusan kekayaan yang berkesan serta perancangan pewarisan. Menerusi amanah yang sesuai, aset-aset yang wujud dapat dilindungi, liabiliti cukai dapat dikurangkan dan pemindahan kekayaan daripada satu generasi kepada generasi yang lain dapat dilaksanakan dengan lancar (Harshal Bhuta, 2024). Seterusnya, amanah menjadi penting dalam sektor kewangan, termasuk dana bersama dan amanah pelaburan harta tanah.

5. Dengan ini, sumber-sumber daripada pelbagai jenis pelabur dapat dikumpul dan diurus secara profesional yang sekali gus menyumbang kepada pengurusan pulangan dan risiko yang lebih baik. Oleh hal yang demikian, undang-undang amanah di India menjadi aspek yang penting kerana diselaraskan dengan budaya, keseimbangan ekonomi dan kebajikan sosial negara seperti negara Malaysia yang pelbagai jenis kaum dan agama serta sedang menyerlah dari segi ekonomi. Apabila perbandingan dilakukan antara negara India dengan Malaysia dari segi undang-undang amanah, terutamanya dari segi pemerbadanan pemegang amanah, suatu pendekatan yang berstruktur dapat dikenal pasti dalam mengurus aset, melaksanakan aktiviti khairat dan memastikan pematuhan undang-undang dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Menerusi pemerbadanan pemegang amanah, pemegang-pemegang amanah yang diperbadankan dapat menggunakan status entiti

berasingan daripada individu-individu yang mengurus amanah yang berkaitan serta memiliki liabiliti yang kurang dan terhad supaya dapat mengelakkan tanggungjawab persendirian oleh seorang individu terhadap mana-mana hutang atau liabiliti lain.

6. Oleh sebab India merupakan negara yang memiliki antara lapan jenis agama terbesar di dunia, iaitu tempat lahirnya agama Hindu, Buddha, Sikh dan Jain serta mengamalkan agama-agama lain, seperti agama Islam, Kristian, Juda dan Zoroastrian, tidak dapat dinafikan bahawa India memiliki kekayaan dari segi kepelbagaian agama seperti negara Malaysia (Whelan, 2020). Apabila dibandingkan dengan Malaysia, India memiliki kepelbagaian agama yang lebih serta populasi masyarakat yang mendadak. Namun begitu, sistem perundangan Malaysia masih menerima pakai undang-undang India sebagai asas bagi pelbagai undang-undang, seperti *Contract Act 1872*, *Penal Code 1860*, *Evidence Act 1872*, *Companies Act 2013*, *Specific Relief Act 1877* dan *Trustee (Incorporation) Act 1952*. Memang tidak dapat dinafikan bahawa *Trustee (Incorporation) Act 1952* (Akta 258) di Malaysia mempunyai refleksi prinsip-prinsip yang sama tentang pemerbadanan dan pengawalselian pemegang amanah apabila dibandingkan dengan undang-undang amanah yang digunakan di India. Oleh itu, negara India merupakan antara negara yang signifikan untuk dibandingkan dengan Malaysia supaya pindaan yang memadai dapat dicadangkan kepada undang-undang pemerbadanan pemegang amanah di Malaysia untuk menjadikannya lebih menyeluruh.
7. Undang-undang berkaitan dengan amanah merupakan suatu bahagian asas *International Legal Institutions* di seluruh dunia apabila pengkanunan undang-undang amanah oleh kerajaan penjajahan India menerima pakai prinsip model kewajipan amanah berdasarkan seksyen 3 *Indian Trusts Act 1882* yang menggantikan pemilikan berekuiti, iaitu (*equitable ownership*). Pindaan undang-undang amanah dalam sistem perundangan British-India

berlaku pada hujung abad ke-19 yang selaras dengan transformasi undang-undang tersebut. Pada mulanya, British-India kaya dengan *tapestry* amanah dan mekanisme-mekanisme bersifat amanah yang mempunyai peraturan yang dibentuk dan dihasilkan menerusi badan undang-undang yang kompleks. Selepas pemansuhan dasar Perdagangan Syarikat Hindia Timur pada 1813, *influx of European capitalists* turut meningkat di negara India yang menyumbang kepada perkembangan penggunaan amanah khairat dan persendirian. Amanah-amanah ini diperlakukan sebagai amanah Inggeris dan dikawal selia oleh undang-undang Inggeris (Panjolia, 2017).

8. Pada masa yang sama, negara India turut dipilih untuk dibandingkan dengan Malaysia dari segi undang-undang pemerbadanan pemegang amanah oleh sebab penerimaan undang-undang amanah Inggeris sewaktu zaman penjajahan dan sewaktu zaman British-India. Selain itu, wujud juga beberapa mekanisme berbentuk amanah yang digunakan oleh populasi tempatan bagi tujuan yang lain, seperti sebagai *waqf* Islam dan transaksi *benami*, iaitu pemindahmilikan harta oleh seorang, manakala balasannya diberikan oleh orang lain (Panjolia, 2017). Hal ini merupakan antara persamaan dengan negara Malaysia yang mengutamakan undang-undang Islam dalam dwisistem keadilan di Malaysia menurut Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan membahagikan bidang kuasa mahkamah sivil dan syariah secara asing, manakala Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa agama Islam merupakan agama bagi Persekutuan. Sepertimana yang sudah ditubuhkan secara jelas, Malaysia turut menerima pakai sistem wakaf yang berbentuk sumbangan bagi penggunaan awam atau bagi tujuan berkaitan dengan agama Islam. Walaupun secara keseluruhannya, mekanisme amanah tempatan dioperasikan tanpa campur tangan mahkamah-mahkamah jajahan, namun wujud juga beberapa pengecualian kerana kes-kes amanah masih dibawa ke hadapan mahkamah. Dalam keadaan-keadaan tersebut, hakim lazimnya

mengaplikasikan undang-undang agama Hindu dan Islam atau prinsip keadilan bersama dengan ekuiti dan *good conscience* menggunakan konsep dan kosa kata Anglo-India. Meskipun keadaan ini mewujudkan suatu penyimpangan linguistik dan konseptual, ia juga mengundang pengimportan prinsip-prinsip Inggeris yang berkait rapat dengan mekanisme amanah tempatan yang lebih luas. Oleh itu, layanan kehakiman terhadap wakaf telah mengubah pemakaiannya sama seperti transaksi Hindu *benami* yang menerima pakai konsep-konsep Inggeris (Panjolia, 2017).

9. Percubaan atau usaha yang pelbagai turut diambil oleh penduduk tempatan di India bagi mengurus harta mereka berdasarkan amanah persendirian berasaskan sistem perundangan Inggeris yang berbeza daripada mekanisme amanah tempatan yang kerap berlaku menerusi wasiat. Oleh hal yang demikian, negara India juga mengalami pengaruh undang-undang Inggeris seperti Malaysia memandangkan kedua-dua negara mempunyai adat dan budaya yang tersendiri serta pengamalan undang-undang tempatan pada masa penjajahan berlaku. Undang-undang Inggeris masih menjadi tulang belakang kepada penggubalan akta-akta yang berkaitan dengan amanah di dua buah negara ini dan membuktikan betapa signifikannya perbandingan antara dua buah negara ini dalam menambah baik undang-undang amanah, terutamanya undang-undang tentang pemerbadanan amanah oleh sebab wujudnya pemegang amanah dalam bentuk institusi, tempat sembahyang, pusat agama, dan organisasi berasaskan budaya dan agama di kedua-dua negara tersebut (Venkatarama Aiyar, T.L, 1961). Selain itu, kestabilan dan kepelbagaian dari segi undang-undang amanah mengikut setiap negeri atau kawasan yang dipengaruhi oleh amalan agama dan budaya turut perlu diambil kira di Malaysia memandangkan Malaysia ialah negara berbilang kaum dan bangsa, tetapi hanya menggunakan sistem dwikeadilan yang memfokuskan pada undang-undang sivil dan Islam sahaja.

10. Pada masa ini, amanah di India dikawal selia dan diurus menerusi akta-akta amanah yang utama, iaitu *The Indian Trusts Act 1882*, *The Official Trustees Act 1913* dan *Charitable and Religious Trusts Act 1920*. Namun begitu, apabila dibandingkan dengan Malaysia, India tidak mempunyai akta atau undang-undang amanah yang berkaitan dengan amanah secara khusus, tetapi memperuntukkan undang-undang pemerbadanan tersebut menerusi beberapa akta, iaitu pendaftaran di bawah *Societies Registration Act 1860*, Akta Syarikat 2013, khususnya seksyen 8 yang memperuntukkan tentang pertubuhan syarikat yang berlandaskan harta khairat serta pendaftaran di bawah akta-akta amanah awam yang khusus mengikut negeri masing-masing. Secara asasnya, dengan memperbadankan pemegang-pemegang amanah, suatu identiti korporat dapat dibentuk yang sekali gus menyumbang kepada pentadbiran harta amanah yang lebih efisien dan perlindungan yang menyeluruh di sisi undang-undang. Menerusi suatu kerangka undang-undang yang spesifik, pengoperasian harta amanah yang lebih telus dan selaras dengan objektif masing-masing dapat ditetapkan.

B. Undang-Undang tentang Amanah

11. Secara asasnya, konsep amanah di India bukannya sekadar suatu pemindahan prinsip Inggeris tentang amanah. Walaupun pelbagai jenis peraturan dan amalan yang berkaitan dengan amanah telah dipinjam dan diterima pakai daripada undang-undang amanah Inggeris, undang-undang di India masih memelihara sifat tersendiri yang merangkumi suatu sistem perundangan yang lebih meluas dan menyeluruh dari segi pemilikan atau penguasaan terhadap harta bersama dengan kewajiban untuk menggunakan amanah tersebut, sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi kemaslahatan orang lain selain pemilik atau pemegang amanah tersebut. Konsep yang lebih luas ini telah menjadi asas kepada sistem-sistem perundangan amanah Hindu dan Islam, namun, peraturan yang terperinci tentang amanah dalam keadaan ini tidak

bebas daripada keraguan, terutamanya dari segi undang-undang Hindu. Hal ini kerana walaupun undang-undang substantif Hindu melarang penindasan, penipuan dan menggariskan kepentingan memenuhi perjanjian, undang-undang tersebut mempunyai jurang kerana gagal merincikan peraturan-peraturan khusus yang sepatutnya mempunyai impak terhadap prinsip-prinsip yang berkaitan dengan amanah. Secara lazimnya, hakim-hakim Inggeris mengamalkan penentuan harta pusaka pemegang amanah dengan merujuk undang-undang persendirian harta yang berkaitan dan mengamalkan penentuan tugas-tugas dalam mengurus harta amanah, hak-hak benefisiari dan pendekatan untuk merealisasikan hak-hak tersebut dengan merujuk peraturan-peraturan ekuiti Inggeris (Anon, 2022). Secara ringkasnya, berlandaskan konsep amanah di India, suatu sistem yang komprehensif berkenaan dengan prinsip-prinsip ekuiti Inggeris turut dikembangkan di India.

12. Sehingga tahun 1882, proses perkembangan undang-undang yang berkaitan dengan amanah terletak hak pada mahkamah dan hanya wujud beberapa peruntukan statutori yang meliputi aspek amanah. Pada masa itu, peruntukan bagi hukuman untuk kesalahan pecah amanah telah digubal dalam Kanun Keseksaan India, manakala Akta Relief Spesifik pula merangkumi definisi bagi istilah “amanah” dan “pemegang amanah” serta membenarkan tindakan diambil oleh pemegang amanah terhadap pemilikan khairat awam berdasarkan Kanun Tatacara Jenayah 1877 (Akta 10). Akta Had Masa 1877 (Akta 15) juga memperuntukkan had bagi tindakan yang berkaitan dengan amanah dan harta amanah. Selain akta-akta ini, terdapat juga undang-undang lain, seperti seksyen 7 hingga seksyen 11 *Statute of Fraudis* yang hanya dikuatkuasakan di bandar-bandar berpresiden, iaitu *Presidency Towns* serta *Indian Trustee Act 1886* (Akta 27) dan *Mortgagees Powers Act 1866* (Akta 28) digunakan hanya dalam kes-kes yang melibatkan pihak-pihak Eropah-British. Keadaan ini merupakan situasi nyata sewaktu Whitley Stokes, seorang peguam Irish di Ireland menyediakan suatu rang undang-undang yang berkaitan

dengan undang-undang amanah persendirian dari tahun 1878 hingga tahun 1879. Kemudiannya, rang undang-undang ini dirujuk kepada *Fourth Law Commission* yang terdiri daripada penulis rang undang-undang, Sir Charles Turner, seorang ahli politik dan Raymond West, seorang peguam bela Ireland. Seterusnya, rang undang-undang tersebut diubah suai oleh Pesuruhjaya dan digubal sebagai *Indian Trusts Act 1882* berserta dengan beberapa perubahan (Venkatarama Aiyar, T.L, 1961). Kini, wujud pelbagai jenis undang-undang di India yang berkaitan dengan amanah yang akan dibincangkan di bawah.

13. Berdasarkan konsep undang-undang negara India, prinsip *common law* dan ekuiti berlandaskan undang-undang Inggeris turut dirujuk dan diterima pakai dalam penggubalan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan amanah. Jadual 19.1 menunjukkan beberapa undang-undang yang mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan dengan amanah di India.

Jadual 19.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di India

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>Indian Trusts Act 1882</i>	<p>Akta ini merupakan akta utama yang membentuk, mengawal selia dan mentadbir urus amanah persendirian dan semua perkara yang berkaitan di India. Antara jenis amanah yang dikenal pasti dalam Akta ini ialah amanah awam, amanah persendirian, amanah khairat, amanah nyata dan amanah tersirat. Namun, amanah awam lebih dikawal selia oleh akta-akta kerajaan negeri yang spesifik.</p> <p>Secara khususnya, akta ini merangkumi peruntukan yang berkaitan dengan pembentukan, pentadbiran dan pembatalan amanah. Akta ini terpakai kepada pembentukan amanah (creation of trusts) berkaitan dengan pelantikan,</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		<p>kelayakan, bilangan serta pemberhentian dan pembatalan pemegang amanah, tugas-tugas pemegang amanah dari aspek fidusiari, pemeliharaan, pelaburan, penyenggaraan serta pengedaran amanah, bertindak secara saksama dan mengelakkan konflik kepentingan. Tambahan pula, kuasa pemegang amanah, hak pemegang amanah, hak benefisiari, pelupusan amanah, remedi bagi pelanggaran amanah dan peruntukan-peruntukan am turut dijelaskan dalam Akta ini.</p>
2.	<p><i>The Official Trustees Act 1913</i></p>	<p>Akta ini yang mempunyai 33 peruntukan yang digubal untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berkaitan dengan jawatan Pemegang Amanah Rasmi (<i>Official Trustee</i>). <i>Official Trustee</i> merupakan seorang pegawai awam yang dilantik oleh kerajaan untuk mengurus harta, harta pusaka dan harta amanah dalam keadaan-keadaan tertentu. Akta ini juga menjelaskan peruntukan bagi pihak <i>Official Trustee</i> untuk bertindak sebagai pemegang amanah dalam kes-kes apabila tiada pemegang amanah persendirian yang sesuai atau apabila mahkamah mewajibkan supaya <i>Official Trustee</i> tersebut mengambil alih harta tersebut. Antara peruntukan utama dalam Akta ini ialah jabatan pemegang amanah rasmi (the office of official trustee), hak, kuasa, tugas dan liabiliti pemegang amanah rasmi (rights, powers, duties and liabilities of official trustee), fi (fees), audit dan peruntukan pelbagai (miscellaneous).</p> <p>Walaupun Akta ini tidak menerangkan prinsip-prinsip am tentang undang-undang amanah, namun Akta ini menghalakan fokus pada pengurusan</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		<p>amanah dalam keadaan apabila pemegang amanah persendirian tidak sesuai atau tidak wujud. Namun begitu, seorang pemegang amanah tidak akan memiliki entiti berasingan di sisi undang-undang selagi tidak didaftarkan di bawah akta-akta yang spesifik, seperti Akta Syarikat 2013 atau <i>Societies Registration Act 1980</i> kerana seorang pemegang amanah rasmi di bawah Akta ini dilantik oleh kerajaan dan dijadikan sebagai sebuah entiti korporat. Oleh itu, Akta ini tidak memperuntukkan pemerbadanan pemegang amanah, tetapi merupakan pegawai kerajaan yang mempunyai tugas fidusiar terhadap harta amanah dan benefisiari.</p>
3.	<p><i>Charitable and Religious Trusts Act 1920</i></p>	<p>Akta ini merupakan suatu Akta ringkas dengan 12 peruntukan sahaja yang digubal bagi tujuan mewujudkan pengawalan yang lebih berkesan tentang pentadbiran amanah khairat dan agama. Menerusi Akta ini, ketelusan dan kebertanggungjawaban dapat diwujudkan bagi mengurus amanah yang ditubuhkan untuk tujuan khairat dan agama serta membenarkan benefisiari dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk memperoleh maklumat tentang pentadbiran amanah dan akaun serta sekali gus mempromosikan tadbir urus yang baik.</p> <p>Antara peruntukan utama dalam Akta ini adalah hak terhadap maklumat tentang pentadbiran amanah, seperti hak untuk memeriksa akaun amanah, memperoleh salinan dokumen yang relevan, dan memperoleh butiran tentang pengurusan amanah. Seterusnya, peruntukan lain ialah peruntukan yang berkaitan dengan petisyen kepada Mahkamah oleh benefisiari atau pihak-pihak yang berkepentingan sekiranya</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		<p>wujud keraguan salah urus atau salah guna harta amanah. Dalam hal ini, suatu petisyen boleh difailkan di mahkamah daerah dan mahkamah mempunyai kuasa untuk mengarahkan pemegang amanah mengemukakan akaun dan menerangkan tindakan mereka, atau mengambil tindakan munasabah untuk melindungi aset amanah. Pemegang amanah juga boleh dibatalkan dan digantikan dengan pemegang amanah yang baharu manakala pemberian remedi juga menjadi penyelesaian dalam Akta ini. Tugas-tugas pemegang amanah dan kuasa mahkamah yang lain turut disenaraikan dan diterangkan dalam Akta ini kerana tugas fidusiari wujud untuk memastikan kepentingan terbaik benefisiari dilindungi.</p> <p>Memandangkan <i>Indian Trusts Act 1882</i> mengawal selia amanah persendirian, Akta ini pula bertindak sebagai suatu peluasan rang undang-undang amanah di India dalam mengawal selia pentadbiran amanah yang berkaitan dengan tujuan khairat atau agama sahaja. Walau bagaimanapun, Akta ini tidak mewujudkan apa-apa hak atau kewajipan bagi pemegang amanah, tetapi memperkukuh prinsip-prinsip yang sudah ada, terutamanya tentang tugas fidusiari pemegang amanah dan hak benefisiari.</p> <p>Menerusi Akta ini, tiada apa-apa peruntukan yang secara khususnya membenarkan pemerbadanan pemegang amanah atau menyatakan bahawa amanah ialah suatu entiti berasingan di sisi undang-undang kerana selagi amanah tidak diperbadankan di bawah undang-undang yang lain, seperti Akta Syarikat 2013, ia tidak memiliki personaliti berasingan di sisi undang-undang dan</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		mesti beroperasi melalui pemegang amanah masing-masing.
4.	<i>Companies Act 2013</i>	<p>Akta Syarikat 2013 ini diperkenalkan untuk memperuntukkan undang-undang dan peraturan yang menyeluruh bagi syarikat-syarikat di India yang merangkumi segala pengoperasian syarikat. Walaupun Akta ini menjelaskan penubuhan, pengurusan dan pengoperasian syarikat di India, Akta ini juga mempunyai hubung kait dalam pengawalseliaan amanah menerusi sifatnya yang membantu penambahbaikkan tadbir urus korporat, ketelusan dan juga kebertanggungjawaban. Selain itu, Akta ini merupakan asas bagi pemerbadanan dan tatacara bagi setiap jenis syarikat.</p> <p>Secara khususnya, seksyen 8 Akta ini menerangkan bahawa pertubuhan bukan kerajaan boleh diperbadankan mengikut Akta ini dengan objektif untuk mempromosikan aktiviti-aktiviti berbentuk khairat, seperti pendidikan, kesihatan, dan khairat. Syarikat-syarikat ini serupa dengan amanah khairat, tetapi mempunyai kelebihan sebagai entiti korporat, seperti liabiliti terhad, kekal turun-temurun dan boleh memasuki kontrak menggunakan nama syarikat. Berdasarkan seksyen 8 Akta ini, syarikat-syarikat dikawal selia di bawah undang-undang syarikat dan tertakluk pada pengawalseliaan dan pematuhan syarat-syarat yang lebih ketat dan tegas, tidak seperti amanah-amanah tradisional di bawah <i>Indian Trusts Act 1882</i>. Menerusi seksyen 8, pengarah syarikat mempunyai tugas fidusiari yang sama seperti pemegang amanah dalam suatu amanah dan mesti bertindak demi kepentingan terbaik syarikat dan pemegang saham,</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		<p>mengurus dan mentadbir aset syarikat secara hemat, dan memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban pada setiap masa.</p> <p>Oleh sebab wujud perbezaan antara amanah tradisional dengan entiti-entiti korporat, terutamanya dari segi istilah undang-undang dan cara pengoperasiannya, seksyen 8 Akta ini memperuntukkan beberapa prinsip utama dalam mentadbir urus suatu amanah dengan baik. Menerusi seksyen 8 yang berkaitan dengan amanah, sebuah syarikat yang diperbadankan mengikut Akta ini mempunyai suatu personaliti berasingan di sisi undang-undang, iaitu suatu pertubuhan bukan kerajaan yang berasingan daripada ahli-ahlinya. Dengan ini, syarikat secara sendiri boleh memiliki harta, boleh memasuki kontrak atas nama sendiri, dan boleh menyaman atau disaman atas nama sendiri. Dari segi pengoperasian amanah pula, menerusi seksyen 8, pertubuhan bukan kerajaan sebagai syarikat akan mengurus perkara-perkara syarikat menerusi pengarah (sama seperti pemegang amanah tradisional), namun, syarikat merupakan pemilik sah harta-harta tersebut di sisi undang-undang.</p>
5.	<i>Waqf Act 1995</i>	<p>Akta yang memiliki sebanyak 113 peruntukan ini merupakan suatu akta yang memperuntukkan pentadbiran <i>auqaf</i> yang lebih baik dan perkara-perkara yang berkaitan yang digunakan di seluruh negara India. Akta ini memberikan definisi yang terperinci tentang <i>waqf</i> yang merupakan dedikasi tetap apa-apa harta boleh alih atau tidak boleh oleh seorang individu bagi tujuan-tujuan yang dikenal pasti oleh undang-undang Islam.</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		<p>Seterusnya, Akta ini mengawal selia pentadbiran dan pengurusan harta-harta <i>waqf</i> di India yang memperuntukkan penubuhan, pengawalseliaan dan penyeliaan <i>waqf</i> di India yang digubal oleh Lembaga Waqf setiap negeri, iaitu suatu badan korporat secara kekal turun-temurun dan dengan meterai biasa. Lembaga Waqf ini turut bertanggungjawab bagi pengawasan am, pentadbiran dan pengawalan semua <i>waqf</i> yang berada dalam bidang kuasa mereka. Tambahan pula, Akta ini membolehkan penubuhan suatu majlis, iaitu <i>Central Waqf Council</i> yang merupakan sebuah badan penasihat yang mengawasi pengoperasian, fungsi Lembaga Waqf negeri dan menyediakan bimbingan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar. <i>Central Waqf Council</i> ini terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Kerajaan pusat, termasuk wakil daripada pelbagai negeri.</p> <p>Antara tujuan utama Akta ini digubal adalah untuk menyekat harta-harta daripada diceroboh, dihuni atau dipindah milik tanpa kebenaran, serta membanteras penyalahgunaan harta <i>waqf</i>.</p> <p>Akta ini merangkumi prinsip-prinsip yang sama seperti undang-undang amanah am, seperti tugas fidusiari pemegang amanah, perlindungan kepentingan benefisiari, serta pentadbiran harta secara teratur dan sesuai. Sebagaimana suatu amanah khairat atau persendirian, seorang Mutawali, iaitu seorang pengurus atau pemegang amanah bagi <i>waqf</i> akan dilantik dan memiliki tugas fidusiari untuk mengurus harta-harta <i>waqf</i> selaras dengan Akta ini dan objektif-objektif <i>waqf</i>.</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
6.	<i>Income Tax Act 1961</i>	<p>Akta ini yang secara khusus mengawal selia perkara-perkara berhubungan dengan cukai pendapatan di India. Selain itu, Akta ini turut merangkumi cara-cara individu, syarikat atau entiti lain dikenakan cukai berdasarkan pendapatan masing-masing. Akta ini penting untuk memastikan pemahaman tentang kewajipan cukai serta kelebihan yang terpakai kepada amanah dan pemegang amanah di India. Secara khususnya, Akta ini terpakai kepada <i>Hindu Undivided Families</i> (HUFs), syarikat, firma, <i>Associations of Persons</i> (AOPs), <i>Bodies of Individuals</i> (BOIs) dan amanah. Antara jenis amanah yang diperuntukkan dalam Akta ini ialah amanah khairat awam, amanah agama awam, amanah persendirian, amanah berasaskan budi bicara, amanah khusus, amanah boleh batal, amanah tidak boleh batal, <i>accumulation trusts</i>, amanah bagi tujuan kepentingan kanak-kanak, amanah pendapatan perniagaan, amanah tanpa nama dan lain-lain yang memiliki layanan cukai yang berbeza, bergantung pada sifat semula jadi dan perincian setiap surat ikatan amanah.</p> <p>Secara asasnya, bagi amanah-amanah khairat awam dan agama, apa-apa pendapatan yang diperoleh menerusi harta yang dipegang bagi tujuan amanah tersebut akan dikecualikan daripada cukai pendapatan berdasarkan seksyen 11 dan seksyen 12 Akta tersebut sekiranya memenuhi syarat yang disenaraikan. Seksyen 80G membenarkan potongan bagi sumbangan untuk tujuan amanah khairat atau amanah institusi. Seksyen 12A dan seksyen 12AA menerangkan keperluan untuk mendaftarkan amanah dan pertubuhan bukan kerajaan untuk</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		<p>menuntut pengecualian cukai. Bagi tujuan pencukaian, walaupun amanah bukannya suatu entiti berasingan di sisi undang-undang, namun ia dikendalikan oleh dan dianggap sebagai perbadanan kerana pemegang amanah dianggap sebagai wakil amanah dan bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan undang-undang cukai. Setiap amanah mesti memperoleh suatu <i>Permanent Account Number</i> (PAN) daripada Jabatan Cukai Pendapatan untuk memfailkan pulangan cukai dan dokumen lain. Seterusnya, bagi amanah yang ingin beroperasi bersama dengan suatu struktur korporat, pemerbadanan mengikut seksyen 8 Akta Syarikat 2013 boleh dilaksanakan, manakala pengecualian cukai dapat diperolehi sekiranya wajar.</p> <p>Selain itu, pemegang amanah mempunyai tugas fidusiari mengikut Akta ini untuk memastikan pematuhan undang-undang cukai, pemfailan pulangan cukai dan pembayaran cukai dalam mengurus aset amanah bagi kepentingan terbaik benefisiari atau untuk tujuan khairat. Pemegang amanah diberi garis panduan tentang perancangan cukai yang baik untuk memaksimumkan kelebihan di bawah Akta ini.</p>
7.	<i>Religious Endowments Act 1863</i>	<p>Akta ini mempunyai 24 peruntukan dan merupakan antara akta terawal di India berkaitan dengan pengurusan endowmen agama (religious endowments). Akta yang digubal sewaktu zaman penjajahan British ini bertujuan untuk mengawal selia pentadbiran harta-harta yang diberikan bagi tujuan agama dan khairat, terutamanya yang berada di bawah pengurusan pihak berkuasa awam atau</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		<p>kerajaan. Antara peruntukan utama Akta ini ialah pemindahan pengurusan endowmen agama daripada pengawalan kerajaan kepada pengawalan berasaskan pengurus atau pemegang amanah tempatan. Menerusi Akta ini, kerajaan perlu menyerahkan pentadbiran institusi-institusi agama dan endowmen kepada jawatankuasa tempatan, terutamanya yang terdiri daripada kumpulan-kumpulan agama yang berkaitan.</p> <p>Akta ini membenarkan pembentukan jawatankuasa pengurusan amanah untuk mengurus harta endowmen agama selaras dengan objektif-objektif agama dan khairat yang menjadi tujuan pemberian dibentuk. Akta ini membenarkan mahkamah untuk menyelia tindakan-tindakan pemegang amanah atau pengurus dalam memastikan tugas masing-masing dilaksanakan dengan baik.</p> <p>Walaupun Akta ini tidak secara nyata memperbadankan pemegang amanah dari segi membentuk entiti korporat, ia masih memperuntukkan undang-undang tentang pelantikan dan pengawalseliaan pemegang amanah yang berkaitan kerana individu atau jawatankuasa ini dikenal pasti sebagai personaliti di sisi undang-undang yang berkeupayaan untuk memegang atau mengurus harta-harta bagi pihak endowmen agama. Konsep ini agak sama dengan konsep pemegang amanah korporat sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 8 Akta Syarikat 2013 yang membenarkan entiti yang sah di sisi undang-undang untuk memegang dan mengurus harta bagi tujuan khairat atau agama.</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
8.	<p><i>The Tamil Nadu Hindu Religious and Charitable Endowments Act 1959 (Tamil Nadu Act 22 to 1959)</i></p>	<p>Akta ini merupakan suatu undang-undang yang signifikan dalam mengawal selia pentadbiran institusi-institusi agama Hindu dan khairat di negeri Tamil Nadu yang menggantikan <i>Madras Hindu Religious and Charitable Endowments Act of 1951</i>. Peruntukan-peruntukan baharu telah diperkenalkan, dan undang-undang telah ditambah baik untuk membaiki pengurusan dan penyeliaan kuil, <i>mathas</i> (monasteries) dan endowmen agama dan khairat yang lain di Tamil Nadu.</p> <p>Tambahan pula, Akta ini memperuntukkan tentang penubuhan jabatan khas bagi endowmen agama dan khairat Hindu (Hindu Religious and Charitable Endowments Department) yang bertanggungjawab untuk keseluruhan pentadbiran, penyeliaan dan pengurusan institusi-institusi khairat dan agama Hindu di negeri Tamil Nadu. Akta ini juga melantik pemegang amanah atau pegawai eksekutif yang mempunyai tugas untuk mengurus urusan harian institusi tersebut dan pemegang amanah bertanggungjawab kepada jabatan <i>Hindu Religious and Charitable Endowments Department</i> tersebut, dan boleh dilantik oleh kerajaan atau menerusi suatu proses lantikan, bergantung pada setiap institusi dan peraturannya. Harta-harta yang dikendalikan mengikut Akta ini juga dikenali sebagai <i>Dewaswom</i>, iaitu “kepunyaan Tuhan” atau amanah sosioagama di India yang ahlinya dilantik oleh kerajaan dan masyarakat.</p> <p>Akta ini juga mengawal selia pendapatan dan pembelanjaan institusi agama, termasuk <i>collection of endowments</i>, sumbangan dan pendapatan daripada harta kuil serta memperuntukkan kadar pengagihan</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		<p>yang sesuai bagi dana-dana yang diperoleh untuk tujuan agama, khairat dan penyenggaraan. Pemegang-pemegang amanah menurut Akta ini mempunyai tugas fidusiari yang sama seperti di bawah Akta Amanah India 1882 dalam mengurus harta amanah secara hemat, mengelakkan konflik kepentingan dan memastikan pendapatan yang diperoleh digunakan hanya untuk tujuan agama atau khairat institusi yang berkaitan.</p> <p>Mana-mana pemegang amanah yang dilantik di bawah Akta ini tidak akan memperoleh status korporat secara automatik kerana institusi agama secara amnya tidak dianggap sebagai entiti berasingan di sisi undang-undang dengan personaliti berasingan, tetapi pemegang amanah akan mengurus aset institusi bagi pihak benefisiari dan memegang harta tersebut dalam keupayaan sendiri sebagai fidusiari. Sekiranya pemegang amanah atau institusi hendak diperbadankan, mereka boleh memilih untuk diperbadankan mengikut seksyen 8 Akta Syarikat 2013 yang akan membolehkan mereka bertindak sebagai struktur korporat.</p>
9.	<p><i>The National Trust For the Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disabilities Act 1999 (No.44 of 1999)</i></p>	<p>Akta ini digubal dan dikuatkuasakan bagi menubuhkan suatu Lembaga pada tahap kebangsaan untuk kebajikan golongan yang mempunyai autisme, <i>cerebral palsy</i>, kerencatan akal, masalah kesihatan yang bersifat kurang upaya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini memfokuskan perlindungan dan promosi hak-hak individu dengan keadaan kesihatan sedemikian supaya dapat memudahkan pelibatan sepenuhnya dalam masyarakat.</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		<p>Menerusi Akta ini, suatu Amanah Kebangsaan, iaitu <i>National Trust</i> dapat ditubuhkan sebagai badan korporat dengan <i>perpetual succession</i> dan meterai biasa. Dengan ini, badan korporat tersebut dapat memperoleh, memegang, dan melupuskan harta boleh alih dan tidak alih, serta boleh menyaman atau disaman atas namanya sendiri. Oleh itu, Akta ini mempunyai peruntukan bagi penubuhan satu Lembaga Pemegang Amanah untuk Amanah Kebangsaan tersebut. Lembaga ini bertanggungjawab kepada penyeliaan am, <i>direction of management</i> dan pentadbiran dana amanah serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. <i>Local Level Committees</i> (LLGs) juga dibentuk menerusi Akta ini di setiap wilayah untuk mengawal selia dan memastikan bahawa pelaksanaan program dan skim amanah tersebut dilaksanakan dengan baik. LLGs juga bertanggungjawab dalam melantik penjaga yang sah di sisi undang-undang untuk golongan kurang upaya yang berkaitan.</p> <p>Pada masa yang sama, Akta ini dapat memastikan bahawa amanah ini digunakan untuk tujuan memperkembangkan program dan dasar pemulihan yang lebih menyeluruh, mempromosikan penyelidikan, pendokumentasian dan perkembangan strategi yang berbentuk lebih inovatif, membentuk dan memelihara kemudahan seperti rumah, pusat jagaan dan <i>respite care services</i>, serta memastikan keselamatan kewangan dan perlindungan harta dan hak golongan kurang upaya.</p> <p>Oleh sebab Akta ini memperbadankan Amanah Kebangsaan sebagai suatu badan tunggal yang memberinya identiti</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		yang berasingan, pemerbadanan amanah ini membolehkannya berfungsi secara berdikari di sisi undang-undang, memiliki harta tersendiri, melibatkan diri dalam kontrak, dan meneruskan mandatnya dengan berkesan.
10.	<i>Bombay Public Trusts Act 1950</i>	<p>Akta ini digubal untuk mengawal selia dan menambah baik peruntukan tentang pentadbiran amanah agama dan khairat awam di negeri Maharashtra yang dikenali sebelum ini sebagai <i>Bombay</i>. Peruntukan-peruntukan utama dalam Akta ini merangkumi skop dan pemakaian amanah (amanah awam), pendaftaran amanah awam pendaftaran wajib, tatacara, keperluan Daftar, pentadbiran dan pengurusan, kuasa Pesuruhjaya khairat, penyelesaian pertikaian, dan dana pentadbiran amanah awam.</p> <p>Oleh sebab <i>Indian Trusts Act 1882</i> mengawal selia amanah-amanah persendirian, Akta ini pula mengawal selia amanah awam dengan tujuan yang lebih luas, iaitu khairat, pendidikan dan agama. Akta ini membenarkan amanah awam untuk didaftarkan dan dianggap sebagai entiti berasingan bagi tujuan pentadbiran tertentu, namun, ia bukannya suatu pemerbadanan amanah dan pemegang amanah sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta Syarikat 2013. Secara alternatif, Akta ini mewajibkan pendaftaran pemegang amanah yang diselia oleh Pesuruhjaya Khairat, manakala tugas-tugas dan liabiliti tertentu dikenakan pada pemegang amanah.</p> <p>Bab-bab dalam Akta ini ialah penubuhan (establishment), tujuan khairat dan kesahan amanah awam (charitable purposes and validity of public trusts),</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		pendaftaran amanah awam (registration of public trusts), akaun dan audit (accounts and audit), kawalan (control), fungsi-fungsi dan kuasa Pesuruhjaya Khairat (other functions and powers of charity commissioner), peruntukan-peruntukan khas (special provision as respects religious and charitable institutions and endowments which vest in, or the management of which vests in, the state government), pentadbiran dana amanah awam (public trusts administration fund), pentaksir (assessor), kesalahan dan penalti (offences and penalties), fungsi Pesuruhjaya Khairat, tatacara dan bidang kuasa rayuan (functions of charity commissioners, procedure, jurisdiction appeals), dan peruntukan pelbagai (miscellaneous).

C. Undang-undang berkaitan dengan Pemerbadanan Pemegang Amanah

14. Dalam kes *Ganendra Mohan Tagore v. Upendra Mohan Tagore*, 4 Bent' OCJ 134, Mahkamah memutuskan bahawa sistem perundangan amanah di India tidak dihalang oleh apa-apa tanggapan teknikal dan perbezaan, seperti harta pusaka undang-undang dan ekuiti, tetapi lebih bersandarkan suatu konsep yang luas, iaitu:

... of possession or dominion over property coupled with, the obligation to use it, either wholly or partially, for the benefit of others than the possessor.

15. Lazimnya, hakim Inggeris mengenal pasti sesuatu harta pusaka pemegang amanah dengan merujuk undang-undang persendirian harta yang berkaitan dan mengenal pasti tugas-tugas yang disertakan bersama harta pusaka amanah, hak benefisiari dan keadaan hak-hak tersebut direalisasikan menerusi ekuiti Inggeris. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa sistem perundangan amanah di India turut mengamalkan prinsip-prinsip ekuiti Inggeris dalam perkembangan undang-undang amanah India. Menerusi perkembangan konsep-konsep yang diterapkan oleh undang-undang Inggeris dengan pengubahsuaian yang sesuai, suatu bentuk atau model kewajipan, iaitu *obligational model of trust* menggantikan tanggapan milikan berekuiti. *Indian Trusts Act 1882* mengamalkan suatu model amanah yang berbeza dan bersifat kewajipan serta tidak membezakan antara milikan sah di sisi undang-undang dengan ekuiti. Secara ringkasnya, seorang pemegang amanah mempunyai hubungan fidusiari dan milikan terhadap harta serta kewajipan untuk menggunakan harta tersebut bagi kepentingan seorang individu berbanding dengan pemilik sendiri. Selepas pertengahan abad ke-19, suatu takfifan yang berlandaskan prinsip kewajipan telah diterapkan oleh para penggubal *New York Civil Code* pada tahun 1865.

16. Konsep undang-undang amanah Inggeris dan India mengalami perubahan yang ketara antara model yang berbentuk ketuanpunyaan dan kewajipan. Di England, pembahagian antara dua model ini dianggap sebagai suatu aspek yang tersendiri dan dipengaruhi oleh keadaan ketuanpunyaan tanah yang unik serta dianggap sebagai asing kepada amalan India. *Indian Trusts Act 1882* pula lebih bersandarkan pemahaman kewajipan amanah yang sekali gus menjelaskan tentang pihak-pihak berkuasa yang berkaitan. Namun, terdapat juga peruntukan dalam Akta tersebut, seperti seksyen 56, seksyen 58, seksyen 63 dan seksyen 64 yang mencerminkan sifat ketuanpunyaan hak benefisiari dan menunjukkan bahawa model kewajipan Akta ini tidak konsisten dalam amalan harian. Selama bertahun-tahun, Akta tersebut telah berjaya

mengelakkan semakan undang-undang oleh sebab amalan mahkamah-mahkamah di India yang sering merujuk kes-kes Inggeris apabila wujud jurang dalam undang-undang tempatan sepertimana yang dijelaskan dalam kes *D.H. Vahalia v. V. P. Bhatt*, AIR 1972 Bombay 103. Kes yang disebutkan ini turut mencerminkan suatu kekaburan dari segi analitik oleh sebab pengamalan rujukan kepada undang-undang Inggeris dan peruntukan yang tidak jelas dalam *Indian Trustees Act 1882* dalam membezakan konsep ketuanpunyaan dan kebertanggungjawaban. Namun begitu, dalam amalan harian pula, dikatakan bahawa perbezaan antara benefisiari di bawah kedua-dua negara adalah sangat sedikit sahaja.

17. Menerusi sejarah dan latar belakang undang-undang amanah, undang-undang pemerbadanan pemegang amanah tidak diperuntukkan secara khusus oleh sebab pengamalan konsep peramanahan (trusteeship) di bawah *common law* tradisional, iaitu pemegang amanah merupakan individu atau suatu kumpulan individu yang memegang dan mengurus harta bagi kepentingan orang lain, India tidak memiliki suatu akta atau peruntukan khusus bagi pemerbadanan pemegang amanah kerana struktur undang-undang yang sedia ada ini memastikan bahawa pemegang amanah bertindak dalam kapasiti fidusiari sambil mengurus harta amanah dengan berhati-hati dan kesetiaan terhadap benefisiari. Pada masa yang sama, konsep peramanahan dalam undang-undang amanah India menegaskan tentang tugas peribadi dan tugas fidusiari seorang pemegang amanah. Dengan memperbadankan seorang pemegang amanah, elemen-elemen korporat seperti liabiliti terhad akan diperkenalkan dan sekali gus menyusut kebertanggungjawaban peribadi seorang pemegang amanah terhadap benefisiari. Oleh itu, dapat dilihat bahawa undang-undang amanah India memelihara pendirian ini untuk memastikan bahawa pemegang amanah tidak boleh menyembunyikan diri di belakang tirai sekiranya berlaku salah urus harta-harta amanah.

18. Selain sifat semula jadi amanah dan peramanahan, terdapat kekurangan keperluan pemerbadanan pemegang amanah oleh sebab kewujudan struktur undang-undang alternatif bagi mencapai hasil yang sama seperti pemegang amanah yang diperbadankan. Alternatif ini dapat dilihat menerusi seksyen 8 *Companies Act 2013* yang membolehkan pendaftaran amanah khairat, manakala *Societies Registration Act 1860* pula memperuntukkan pendaftaran suatu kumpulan masyarakat. Oleh itu, entiti-entiti ini mampu memiliki hak sebagai entiti berasingan di sisi undang-undang dan tiada keperluan ketara yang diinginkan oleh India untuk menggubal suatu akta khas bagi pemerbadanan pemegang amanah. Oleh hal yang demikian, bahagian ini akan memfokuskan kepada peruntukan akta-akta yang boleh digunakan sebagai alternatif dalam mendaftarkan pemegang amanah sebagai suatu badan tunggal serta undang-undang yang mempunyai kesan sama seperti undang-undang pemerbadanan pemegang amanah di India.
19. Jadual 19.2 menunjukkan kandungan *Companies Act 2013 (No.18 of 2013)* yang menjelaskan tentang syarikat-syarikat yang dapat ditubuhkan bagi tujuan khairat dan amanah.

Jadual 19.2: Senarai Kandungan *Companies Act 2013 (No.18 of 2013)*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 8	<p>Penubuhan syarikat menggunakan objek-objek khairat dll. (Formation of companies with charitable objects, etc.)</p> <p><i>*Nota: seksyen ini membenarkan pemerbadanan syariat yang memiliki harta amanah khairat, seperti mempromosikan perdagangan, seni, sains, sukan, pendidikan, penyelidikan, kebajikan sosial, agama, khairat, dan perlindungan alam sekitar. Syarikat sebegitu dianggap sebagai mempunyai persamaan dengan konsep amanah kerana mesti</i></p>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
	<i>menggunakan keuntungan atau pendekatan bagi mempromosikan objektif masing-masing dan tidak boleh bergantung pada dividen ahli mereka.</i>
Seksyen 135	<p>Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility)</p> <p><i>Nota: Walaupun seksyen ini tidak secara langsung melibatkan pemerbadanan, syarikat-syarikat yang jatuh di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat ini lazim membentuk amanah atau bergabung dengan amanah yang sedia ada untuk melaksanakan kewajipan masing-masing.</i></p>
Seksyen 166	<p>Tugas-tugas Pengarah (Duties of Directors)</p> <p><i>Nota: Pengarah dianggap sebagai pemegang amanah aset syarikat dan mesti bertindak dalam kepentingan terbaik syarikat dan pemegang saham. Tugas fidusiari yang digariskan dalam peruntukan ini menerangkan tugas-tugas sepertimana seorang pemegang amanah yang mengurus harta amanah.</i></p>

20. Jadual 19.3 pula menunjukkan senarai kandungan *Societies Registration Act 1860* yang menjelaskan tentang penubuhan pertubuhan dalam mengurus harta amanah di India. Walaupun Akta ini tidak secara nyata menggunakan istilah pemerbadanan pemegang amanah, Akta ini membenarkan penubuhan suatu entiti yang sah di sisi undang-undang yang dikenali sebagai suatu *Society* dan pemegang amanah dijadikan sebahagian daripada badan pengelola.

Jadual 19.3: Senarai Kandungan *Societies Registration Act 1860*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 1	<i>Societies formed by memorandum of association and registration</i>
Seksyen 2	<i>Memorandum of Association</i>
Seksyen 3	<i>Registration and Fees</i>
Seksyen 4	<i>Annual list of managing body to be filed</i>
Seksyen 5	<i>Property of society how vested</i>
Seksyen 6	<i>Suits by and against societies</i>
Seksyen 7	<i>Suits not to abate</i>
Seksyen 8	<i>Enforcement of judgement against society</i>
Seksyen 9	<i>Recovery of penalty accruing under bye-laws</i>
Seksyen 10	<i>Members liable to be sued as strangers</i>
Seksyen 11	<i>Members guilty of offences punishable as strangers</i>
Seksyen 12	<i>Societies enabled to alter, extend or abridge their purposes.</i>
Seksyen 13	<i>Provision for dissolution of societies and adjustment of their affairs</i>
Seksyen 14	<i>Upon a dissolution no member to receive profit</i>
Seksyen 15	<i>Member defined Disqualified members</i>
Seksyen 16	<i>Governing body defined</i>
Seksyen 17	<i>Registration of societies formed before Act</i>
Seksyen 18	<i>Such societies to file memorandum, etc., with Registrar of Joint-stock Companies</i>
Seksyen 19	<i>Inspection of documents, Certified copies</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 20	To what societies Act Applies
Pindaan kepada Haryana: Seksyen 25	<i>Terms of gift to be observed</i>
Pindaan kepada Haryana: Seksyen 26	<i>Penalties</i>

21. Jadual 19.4 pula menunjukkan kandungan *Banking Regulation Act 1949* yang merangkumi penjelasan tentang pemerbadanan pemegang amanah di India menerusi seksyen 6. Peruntukkan ini menyatakan bahawa suatu syarikat perbankan boleh menjadi pemegang amanah dan bertindak untuk melaksanakan pentadbiran harta pusaka sebagai pemegang amanah.

Jadual 19.4: Senarai Kandungan *Banking Regulation Act 1949*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 6(1)(i) dan Seksyen 6(1)(j)	<p><i>Form of business in which banking companies may engage</i></p> <p><i>Nota: Syarikat perbankan boleh menjadi pemegang amanah dan boleh bertindak untuk pentadbiran harta pusaka sebagai pemegang amanah.</i></p>

22. Akta seterusnya yang relevan ialah *Official Trustees Act 1913*. Jadual 19.5 menggambarkan ringkasan kandungan peruntukan utama yang berkaitan dalam *Official Trustees Act 1913*.

Jadual 19.5: Senarai Kandungan *Official Trustees Act 1913*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 4	<i>Official Trustees</i>
Seksyen 6	<i>Official Trustee to be corporate sole, to have perpetual succession and official seal, and to sue and be sued in his corporate name</i>
Seksyen 7	<i>General powers and duties of Official Trustee</i>
Seksyen 14	<i>Entry of Official Trustee not constitute notice of trust</i>
Seksyen 28	<i>General powers of administration</i>

23. Jadual 19.6 pula ialah ringkasan kandungan utama dalam *Waqf Act 1995* yang relevan dengan skop pengawalseliaan dan pengurusan harta *waqf* di India.

Jadual 19.6: Senarai Kandungan *Waqf Act 1995*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 9	<i>Establishment and constitution of Central [Waqf] Council</i>
Seksyen 13	<i>Incorporation</i>
Seksyen 14	<i>Composition of Board</i>
Seksyen 15	<i>Term of Office</i>
Seksyen 16	<i>Disqualification for being appointed, or for continuing as, a member of the Board</i>
Seksyen 17	<i>Meetings of the Board</i>
Seksyen 18	<i>Committees of the Board</i>
Seksyen 19	<i>Resignation of Chairperson and members</i>
Seksyen 20	<i>Removal of Chairperson and Member</i>
Seksyen 20A	<i>Removal of Chairperson by vote of no confidence</i>
Seksyen 21	<i>Filling of a vacancy</i>
Seksyen 22	<i>Vacancies, etc., not to invalidate proceedings of the Board</i>
Seksyen 23	<i>Appointment of Chief Executive Officer and his term of office and other conditions of service</i>
Seksyen 24	<i>Officers and other employees of the Board</i>
Seksyen 25	<i>Duties and Powers of Chief Executive Officer</i>
Seksyen 26	<i>Powers of Chief Executive officer in respect of orders or resolutions of Board</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 27	<i>Delegation of powers by the Board</i>
Seksyen 28	<i>Power of District Magistrate, Additional District Magistrate or Sub-Divisional Magistrate to implement the directions of the Board</i>
Seksyen 29	<i>Powers of Chief Executive Officer to inspect records, registers, etc</i>
Seksyen 30	<i>Inspection of Records</i>
Seksyen 31	<i>Prevention of disqualification for membership of Board</i>
Seksyen 32	<i>Powers and functions of the Board</i>
Seksyen 33	<i>Powers of Inspection by Chief Executive Officer or persons authorised by him</i>
Seksyen 34	<i>Recovery of amount determined under section 33</i>
Seksyen 35	<i>Conditional attachment by Tribunal</i>
Seksyen 63	<i>Power to appoint mutawallis in certain cases</i>

24. Jadual 19.7 di bawah menunjukkan ringkasan kandungan *The National Trust for the Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disabilities Act 1999* yang merangkumi peruntukan-peruntukan yang relevan tentang pemerbadanan pemegang amanah di India. Akta ini digubal secara khusus untuk golongan kurang upaya sepertimana yang telah disebutkan dalam nama akta tersebut.

Jadual 19.7: Senarai Kandungan
*The National Trust for the Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy,
 Mental Retardation and Multiple Disabilities Act 1999*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 3	<i>Constitution of the National Trust for Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disability, etc</i>
Seksyen 4	<i>Term of office of Chairperson and Members, meeting of Board, etc</i>
Seksyen 5	<i>Resignation of Chairperson and Members</i>
Seksyen 6	<i>Disqualifications - No person shall be a Member if he-</i>
Seksyen 7	<i>Vacation of office by Member - If a member -</i>
Seksyen 8	<i>Chief Executive Officer and Staff of Trust</i>
Seksyen 9	<i>Vacancies in Board not to invalidate acts, etc.</i>
Seksyen 11	<i>Powers and duties of Board</i>
Seksyen 12	<i>Procedure for registration</i>

25. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, *The Bombay Public Trusts Act 1950* juga relevan dalam membincangkan pemegang amanah. Jadual 19.8 menunjukkan ringkasan kandungan Akta tersebut yang merangkumi peruntukan-peruntukan yang relevan tentang pemerbadanan pemegang amanah di India.

Jadual 19.8: Senarai Kandungan *The Bombay Public Trusts Act 1950*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 3	<i>Chapter II: (Establishment)</i>
Seksyen 3A	<i>Chapter II: (Establishment)</i>
Seksyen 16	<i>Deputy or Assistant Charity Commissioner to be in charge of Public Trusts Registration Office</i>
Seksyen 18	<i>Registration of Public Trusts</i>
Seksyen 42	<i>Charity Commissioner to be Corporation Sole</i> Nota: Seksyen ini paling penting dalam hubungkait dengan pemerbadanan kerana Charity Commissioner yang merupakan pemegang amanah boleh dianggap sebagai satu badan korporat tunggal

26. Jadual 19.9 pula menunjukkan ringkasan kandungan *The Rajasthan Public Trusts Act 1959* yang relevan tentang pemerbadanan pemegang amanah di India.

Jadual 19.9: Senarai Kandungan *The Rajasthan Public Trusts Act 1959*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 7	<i>Devasthan Commissioner</i> Nota: Walaupun seorang pegawai dilantik sebagai Devasthan Commissioner, namun, beliau adalah suatu badan korporat nama korporat 'Devasthan Commissioner' untuk bertindak sebagai suatu badan asing (seperti syarikat)
Seksyen 53(3), 53(4) dan 53(5)	<i>Management of public trusts to which this chapter applies</i>

D. Kes-kes Mahkamah tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

- (a) *B. Ramachandran Adityan v. Educational Trustee Co. (P.) Ltd. on 8 November 2002* [2003] 113 Compas 334 (Mad)

Dalam kes itu, N. Suryanarayana Iyer, seorang penulis yang menjelaskan *Indian Trusts Act 1882* menyatakan bahawa:

Formerly the notion was that the relationship of a trustee being one of confidence involving a personal element, a corporation could not be a trustee as there could not be a question of confidence being reposed in a corporation and therefore that it could not be a trustee. This notion, however, has long ago been given up. Corporate bodies have been held to be amenable to the jurisdiction in Chancery and compellable to carry out the intentions of the settlor of property which has been vested in them. ... Under the Indian law also a corporation, whether aggregate or sole, can be a trustee and there is ample jurisdiction in the court to enforce the performance of its duty by such trustee.

Tiada apa-apa pertikaian sama ada sebuah syarikat boleh bertindak sebagai pemegang amanah. Dalam kes ini, objek didefinisikan sebagai tujuan yang digunakan oleh badan korporat dalam jangka hidupnya untuk mengejar keuntungan apabila tujuan dipenuhi. Walaupun prinsip yang dijelaskan dalam kes ini diterima pakai bagi korporat komersial yang berpandukan keuntungan, prinsip ini tidak digunakan secara automatik terhadap syarikat amanah. Hal ini kerana syarikat amanah ialah suatu badan korporat yang ditubuhkan secara khusus untuk bertindak sebagai pemegang amanah dan mengurus aset atau harta untuk kepentingan orang lain berdasarkan terma-terma surat ikatan amanah. Selain itu, sebuah syarikat amanah boleh mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti komersial dan menjalankan perniagaan yang berlandaskan keuntungan, bergantung pada surat ikatan amanah atau perintah mahkamah. Sekiranya syarikat mengambil keputusan untuk tidak menerima bayaran bagi perkhidmatannya kerana bertindak sebagai pemegang amanah yang tidak menginginkan keuntungan, ia masih dianggap sebagai badan korporat kerana pendapatan bukan suatu faktor pengubah penetapan bahawa syarikat amanah ialah suatu entiti yang sah di sisi undang-undang syarikat. Keputusan untuk tidak menerima pendapatan bukannya suatu alasan yang munasabah untuk menggulung syarikat kerana pengoperasian syarikat amanah bergantung pada kerelaannya untuk bertindak sebagai pemegang amanah dan bukan untuk menjana pendapatan.

(b) *Gotnathinayagam Filial v. Mantharamurthi High School* 76 L. W. 229

Mahkamah memutuskan bahawa sebuah syarikat boleh menjadi pemegang amanah dengan merujuk *A Treatise on the Law of Corporations* oleh penulis Stewart Kyd. Dalam penulisan beliau, fokus dihalakan pada peranan dan pengawalseliaan pemegang amanah di bawah suatu Kanun, terutamanya dalam konteks khairat. Pertama sekali, Kanun merupakan suatu dokumen yang menubuhkan organisasi, seperti badan korporat atau khairat secara rasmi serta memberikan beberapa kuasa dan hak di sisi undang-undang. Sekiranya khairat atau amanah ditubuhkan di bawah suatu Kanun yang secara jelas mendefinisikan kuasa dan cara pengoperasiannya, undang-undang akan menganggap bahawa Kanun tersebut memperuntukkan panduan yang memadai bagi tujuan pentadbiran khairat atau amanah yang terlibat. Dalam konteks ini, apabila Kanun telah menggariskan kuasa dan pentadbiran khairat dengan baik, tiada keperluan untuk campur tangan mahkamah kerana khairat tersebut mesti diurus berdasarkan panduan daripada Kanun tanpa apa-apa penyeliaan tambahan oleh mahkamah. Seterusnya, prinsip ini diaplikasikan secara saksama terhadap pemegang-pemegang amanah, tidak kira sama ada mereka ialah individu atau badan korporat kerana sifat suatu pemegang amanah tidak memberikan kesan kepada pemakaian peraturan yang dijelaskan dalam Kanun. Bagi pemegang amanah korporat pula, badan korporat sebagai pemegang amanah mesti mematuhi peraturan dan prinsip berdasarkan Kanun tanpa mengambil kira tujuan ia ditubuhkan.

- (c) *Uttar Pradesh Cricket Association, rep. By its President, RajivShukla, Kanpur, Uttar Pradesh v. Uttar Pradesh Cricket Association, rep. by its Treasurer Imran Ullah, Lucknow, Uttar Pradesh* (2007) 5 MLJ 849.

Defendan kedua merupakan suatu Pertubuhan yang didaftarkan di bawah *Societies Registration Act 1860*. Pertubuhan yang didaftarkan mengikut Akta ini atau mana-mana akta negeri yang berkaitan tidak dikategorikan sebagai suatu badan atau seorang *juristic person*. Namun begitu, Akta ini membenarkan Pertubuhan untuk menyaman atau disaman dengan satu atau lebih nama Pemegang Jawatan (Office Bearer) atau pemegang-pemegang amanah. Secara alternatif, Akta ini juga membolehkan Pertubuhan untuk menggubal undang-undang kecil untuk menamakan dan memberikan kuasa kepada pemegang amanah untuk menyaman atau disaman bagi pihak Pertubuhan. Mahkamah merujuk kes mahkamah yang tertinggi, iaitu kes *Illachi Devi (dead) by Lrs and Others v. Jain-Society, Protection of Orphans India and Others*, AIR 2003 SC 3397 yang menyatakan bahawa suatu Pertubuhan yang didaftarkan di bawah *Societies Registration Act 1860* bukanlah suatu badan korporat sepertimana sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat. Oleh hal yang demikian, suatu Pertubuhan di India bukannya seorang *juristic person*. Hal ini membezakan pendaftaran menerusi kedua-dua akta kerana Pertubuhan hanya boleh menyaman atau disaman dengan menggunakan nama *President, Chairman* atau *Principal Secretary* atau pemegang-pemegang amanah yang ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Pertubuhan yang berkaitan atau atas nama sesiapa yang dilantik oleh badan pengelola. Dengan ini, dapat dikenal pasti bahawa walaupun *Societies Registration Act 1860* merupakan suatu alternatif dalam membentuk suatu pertubuhan tunggal sebagai pemegang amanah, iaitu suatu Pertubuhan, Pertubuhan tersebut masih berbeza apabila dibandingkan dengan suatu badan korporat atau syarikat yang telah diperbadankan kerana perlu saman-menyaman menggunakan nama wakil daripada Pertubuhan dan bukannya atas nama Pertubuhan itu sendiri.

E. Perbandingan dengan Malaysia

27. Bagi tujuan Kajian ini, perbandingan antara Akta 258 dengan akta-akta di India telah diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan (Jadual 19.10) dan jadual perbezaan (Jadual 19.11).

Jadual 19.10: Persamaan antara Akta 258 dengan Akta-akta berkaitan dengan Pemerbadanan Amanah di India

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Kesan-kesan pemerbadanan	Peruntukan undang-undang di kedua-dua buah negara menyatakan bahawa apabila pemegang amanah diperbadankan, badan korporat tersebut menjadi kekal secara turun-temurun, mempunyai <i>meterai biasa</i> , kuasa samanmenyaman atas nama korporat dan juga memiliki kuasa memperoleh, memegang dan melupuskan harta atas nama badan korporat.	<p>India:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 6 <i>Banking Regulation Act 1949</i> - Seksyen 6 <i>Official Trustees Act 1913</i> - Seksyen 3 <i>The National Trust for Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disability 1999</i> - Seksyen 7 <i>The Rajasthan Public Trust Act 1959</i> - Seksyen 42 <i>The Bombay Public Trusts Act 1950</i> - Seksyen 13(3) <i>The Waqf Act 1995</i> <p>Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 2, Seksyen 3 dan Seksyen 11

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
2.	Butiran berkenaan dengan permohonan	Peruntukan undang-undang di kedua-dua buah negara menyatakan butiran yang harus dikemukakan bersama dengan permohonan dan cara permohonan dilaksanakan, terutamanya pemegang amanah, nama badan dan tujuan ia diperbadankan.	<p>India</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 10 <i>The Official Trustees Act</i> - Seksyen 3 <i>The Societies Registration Act 1860</i> <p>Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 4 dan Jadual
3.	Pelantikan pemegang amanah dan pengisian kekosongan	Peruntukan undang-undang di kedua-dua buah negara menjelaskan tentang proses pelantikan pemegang amanah apabila pihak berkuasa berpuas hati dan pengisian kekosongan pemegang amanah dalam keadaan-keadaan tertentu.	<p>India</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 41 <i>The Rajasthan Public Trust Act 1959</i> - Seksyen 47 dan Seksyen 47AA <i>The Bombay Public Trusts Act 1950</i> <p>Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 5
4.	Liabiliti pemegang amanah	Peruntukan undang-undang di kedua-dua buah negara menjelaskan tentang liabiliti yang diletakkan terhadap pemegang amanah oleh sebab tanggungjawab seorang pemegang amanah terhadap tindakan, penerimaan, pengabaian dan keingkaran.	<p>India</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 23, Seksyen 27 dan Seksyen 29 <i>Indian Trusts Act 1882</i> - Seksyen 7 <i>Official Trustees Act 1913</i> - Seksyen 10 <i>Societies Registration Act 1860</i> - Seksyen 72(5) <i>The Waqf Act 1995</i> - Seksyen 16 <i>The National Trust for Welfare of</i>

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
			<p><i>Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disability 1999</i></p> <p>Malaysia - Seksyen 6</p>
5.	Penyimpanan dan pembekalan rekod permohonan dan dokumen	Peruntukan undang-undang di kedua-dua buah negara menjelaskan tentang tanggungjawab yang terletak pada pihak berkuasa masing-masing untuk menyimpan rekod, dokumen, akaun dan penyata. Pihak-pihak yang berkepentingan boleh mendapatkan sesalinan dokumen-dokumen tersebut dan dokumen ini tertakluk pada pengawasan pihak berkuasa.	<p>India</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 61(2)(a) <i>The Rajasthan Public Trust Act 1959</i> - Seksyen 56N(2)(a) dan Seksyen 68 <i>The Bombay Public Trusts Act 1950</i> - Seksyen 32(2)(a) <i>The Waqf Act 1995</i> <p>Malaysia - Seksyen 8</p>
6.	Meterai biasa	Peruntukan undang-undang di kedua-dua buah negara menjelaskan bahawa suatu badan korporat mempunyai meterai biasa apabila dikategorikan sebagai badan korporat.	<p>India:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 6 <i>Banking Regulation Act 1949</i> - Seksyen 6 <i>Official Trustees Act 1913</i> - Seksyen 3 <i>The National Trust for Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and</i>

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
			<p><i>Multiple Disability 1999</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 7 <i>The Rajasthan Public Trust Act 1959</i> - Seksyen 42 <i>The Bombay Public Trusts Act 1950</i> - Seksyen 13(3) <i>The Waqf Act 1995</i> <p>Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 12
7.	Penyimpanan buku daftar dan akaun	Kedua-dua negara mempunyai peruntukan undang-undang yang mewajibkan suatu pertubuhan atau badan korporat untuk menyimpan suatu buku daftar dan akaun yang mencatatkan wang yang diperoleh dan dibayar atas nama badan atau pertubuhan tersebut.	<p>India:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 17, Seksyen 21 dan Seksyen 23, <i>Rajasthan Public Trusts Act 1959</i> - Seksyen 17, Seksyen 21 dan Seksyen 22, <i>The Bombay Public Trusts Act 1950</i> - Seksyen 3, <i>The Waqf Act 1995</i> <p>Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 15
8.	Penyelenggaraan rekod	Kedua-dua negara mempunyai peruntukan undang-undang yang menyatakan bahawa pihak berkuasa perlu menyimpan segala rekod dan akaun yang dihantar.	<p>India:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 19(2)(b) <i>Official Trustees Act 1913</i> - Seksyen 36 dan Seksyen 48(b) <i>The Rajasthan Public Trust Act 1959</i> <p>Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seksyen 15(3)

Jadual 19.11: Perbezaan antara Akta 258 dengan Akta-akta berkaitan dengan Pemerbadanan Pemegang Amanah

Bil.	Skop Perbezaan	India	Malaysia
1.	Tafsiran (berkaitan dengan amanah dan pemerbadanan pemegang amanah)	<p><u>Indian Trusts Act 1882</u> Mendefinisikan istilah “amanah”, “<i>author of trust</i>”, pemegang amanah”, “benefisiari”, “harta amanah”, “kepentingan benefisiari”, “instrumen atau surat ikatan amanah”, “pelanggaran amanah”, “pendaftaran” dan “notis”.(Seksyen 3)</p> <p><u>The Official Trustees Act 1913</u> Mendefinisikan “kerajaan” (Seksyen 2), “pemegang amanah rasmi” (Official Trustee) sebagai badan korporat tunggal. (Seksyen 6)</p> <p><u>The Companies Act 2013</u> Mendefinisikan badan korporat, buku dan kertas, buku akaun dan Ketua Pegawai Eksekutif (Chief Executive Officer) dan lain-lain. (Seksyen 2)</p> <p><u>The Waqf Act 1995</u> Mendefinisikan “benefisiari”, “kepentingan”, “Lembaga”, “ketua pegawai eksekutif”, “Majlis”, “mutawalli”, “waqf”, “surat ikatan waqf” dan dana waqf”. (Seksyen 3)</p>	Hanya mentakrifkan “sijil pemerbadanan.” (Seksyen 1A)

Bil.	Skop Perbezaan	India	Malaysia
		<p><u>The National Trust for Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disabilities Act 1999</u> Mentakrifkan “Lembaga”, “pengerusi”, “ketua pegawai eksekutif”, “ahli”, “organisasi yang didaftarkan” dan “amanah”. (Seksyen 2)</p> <p><u>The Bombay Public Trusts Act 1950</u> Mendefinisikan “assessor”, “penolong pesuruhjaya khairat”, “pesuruhjaya khairat”, “timbangan pesuruhjaya khairat”, Hindu, “pemeriksa”, “instrumen amanah”, “pesuruhjaya khairat bersama”, “pengurus”, “math”, “orang yang berkepentingan”, “keselamatan awam”, “amanah awam”, “kuil”, “pemegang amanah”, “waqf”. (Seksyen 2)</p> <p><u>Rajasthan Public Trusts Act 1959</u> Mendefinisikan “penolong pesuruhjaya”, “Lembaga”, “endowmen khairat”, “pesuruhjaya”, “jawatankuasa”, “pemegang amanah keturunan”, “math”, “orang yang berkepentingan”, “keselamatan awam”, “amanah awam”, “daftar”, “endowmen agama”,</p>	

Bil.	Skop Perbezaan	India	Malaysia
		<p>“institusi agama”, “endowmen spesifik”, “kuil”, “pemegang amanah”, “pemegang amanah bekerja.” (Seksyen 2)</p>	
2.	Permohonan pemerbadanan	<p>Tiada peruntukan khusus bagi permohonan pemerbadanan. Namun begitu, pendaftaran badan korporat atau suatu pertubuhan bagi tujuan amanah telah diperuntukkan dalam akta-akta yang berikut:</p> <p><u>The National Trust for Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disability</u> Menerangkan tentang tatacara pendaftaran pertubuhan untuk persatuan yang menjadi pemegang amanah bagi golongan kurang upaya diperuntukkan dalam Akta ini. (Seksyen 12)</p> <p><u>The Rajasthan Public Trusts Act 1959</u> Menjelaskan pendaftaran amanah awam menerusi permohonan kepada Penolong Pesuruhjaya. (Seksyen 17)</p> <p><u>The Bombay Public Trusts Act 1950</u> Peruntukan bagi pendaftaran amanah</p>	<p>Setiap permohonan kepada Menteri untuk memperoleh sijil pemerbadanan mesti dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang menulisnya. Suatu jadual yang menerangkan butiran yang diperlukan dalam permohonan sijil pemerbadanan dan memberikan kuasa kepada Menteri untuk enggan memberikan sijil jika syarat-syarat awal yang telah diperuntukkan tidak dipenuhi. (Seksyen 4)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	India	Malaysia
		<p>awam telah diperuntukkan dalam Bab IV. (Seksyen 14 - Seksyen 31)</p> <p><u>The Waqf Act 1995</u> Peruntukkan bagi pendaftaran waqf dan pendaftaran auqaf telah diperuntukkan dalam Bab V. (Seksyen 36 - Seksyen 43)</p> <p><u>The Societies Registration Act 1860</u> Peruntukan bagi pendaftaran pertubuhan telah diperuntukkan dalam Akta ini. (Seksyen 1, Seksyen 3 dan Seksyen 17)</p>	
3.	Pelaksanaan perintah dan Arahan Peguam Negara	Tiada peruntukan khusus.	Syarat-syarat yang tertera dalam sijil pemerbadanan hendaklah dipatuhi oleh pemegang amanah dan boleh dikuatkuasakan oleh Peguam Negara menerusi <i>Government Proceeding Act 1956</i> . (Seksyen 9)
4.	Kehilangan kelayakan pemegang amanah	Tiada peruntukan khusus tentang kehilangan kelayakan sebagai pemegang amanah. Pembatalan yang diperuntukkan ialah tentang ahli-ahli pertubuhan, Pengerusi dan lain-lain yang boleh bertindak sebagai pemegang amanah bagi pertubuhan.	Kehilangan kelayakan sebagai seorang pemegang amanah menerusi pembatalan sijil pemerbadanan diperuntukkan. (Seksyen 6A)

Bil.	Skop Perbezaan	India	Malaysia
5.	Kontrak yang tidak ditandakan dengan meterai biasa mengikat dalam kes-kes tertentu	<p>Tiada peruntukan khusus.</p> <p><i>Nota: Akta-akta di India memperuntukkan tentang kewujudan meterai biasa bagi pertubuhan atau jawatan yang dianggap sebagai badan korporat, tetapi tidak menerangkan kontrak yang ditandakan dengan meterai biasa atau tidak.</i></p>	<p>Setiap kontrak yang dibuat tetap sah dan mengikat walaupun kontrak tersebut tidak dibuat atau dimeterai di bawah meterai biasa. (Seksyen 13)</p>
6.	Pembubaran sukarela badan korporat	<p><u>The Waqf Act 1995</u> Pembubaran Lembaga Waqf hanya berlaku apabila kerajaan negeri beranggapan bahawa mana-mana bahagian badan korporat mesti dibubarkan atau dibina semula. (Seksyen 102 dan Seksyen 103(2))</p>	<p>Badan korporat boleh dibubarkan secara sukarela dalam keadaan-keadaan atau cara tertentu yang telah disenaraikan dalam Akta ini yang mengakibatkan pembubaran atau menerusi keputusan pemegang amanah. Perintah pembatalan sijil pemerbadanan dilaksanakan oleh Menteri. (Seksyen 18)</p>
7.	Rayuan	<p><u>The Waqf Act 1995</u> Akta ini menerangkan tentang kuasa rayuan untuk mendengar rayuan selepas tamatnya suatu tempoh spesifik. (Seksyen 95)</p> <p><u>The Bombay Public Trusts Act 1950</u> Akta ini menerangkan tentang rayuan menerusi dapatan oleh timbalan atau penolong</p>	<p>Tiada peruntukan khusus</p>

Bil.	Skop Perbezaan	India	Malaysia
		<p>pesuruhjaya khairat (Seksyen 70), rayuan kepada Tribunal Hasil Bombay (Bombay Revenue Tribunal) (Seksyen 71) dan kuasa mendengar dan melupuskan rayuan daripada dapatan timbalan atau penolong pesuruhjaya khairat (Seksyen 20, Seksyen 22 dan Seksyen 28).</p> <p><u>The Rajasthan Public Trust Act 1950</u> Peruntukan bagi rayuan dijelaskan di bawah (Seksyen 20) dengan memfailkan rayuan kepada Pesuruhjaya.</p> <p><u>The Charitable and Religious Trusts Act 1920</u> Pengecualian apabila rayuan tidak dibenarkan, diterangkan dalam Akta ini. Suatu keputusan atau arahan adalah muktamad dan mengikat, manakala tiada rayuan yang dibenarkan bagi mencabarnya. (Seksyen 12)</p>	

Bil.	Skop Perbezaan	India	Malaysia
8.	Kesalahan	<p><u>The Bombay Trusts Act 1950</u> Kesalahan-kesalahan telah diperuntukkan. (Seksyen 67)</p> <p><u>The Official Trustees Act 1913</u> Mana-mana orang yang enggan menghadiri atau memberikan dokumen secara cuai akan dianggap sebagai melakukan suatu kesalahan. (Seksyen 20(2)).</p> <p><u>The Societies Registration Act 1860</u> Peruntukan bagi kesalahan telah dijelaskan dalam Akta ini dan dikenakan hukuman yang wajar. (Seksyen 4-C Orissa State Amendment dan Seksyen 4-C Union Territory of Ladakh State Amendment)</p> <p><u>The Waqf Act 1995</u> Seseorang ahli Lembaga boleh diberhentikan jawatan sekiranya melakukan kesalahan yang melibatkan keburukan akhlak. (Seksyen 16(d)). Penalti bagi kesalahan pemberian milik harta waqf tanpa kebenaran (sanction) Lembaga telah diperuntukkan. (Seksyen 52A).</p>	Tiada peruntukan khusus

Bil.	Skop Perbezaan	India	Malaysia
9.	Kesalahan boleh dikompau	<p><u>Indian Trusts Act 1882</u> Dalam peruntukan bagi liabiliti terhadap pemegang amanah untuk kesalahan pelanggaran amanah, pemegang amanah boleh dikompau dalam kadar yang diperuntukkan. (Seksyen 23(e) dan Seksyen 23(f))</p> <p>Kuasa untuk mengenakan kompaun juga diperuntukkan bahawa dua atau lebih pemegang amanah yang bertindak bersama boleh membuat keputusan sedemikian sekiranya dianggap munasabah dan sesuai. (Seksyen 43)</p> <p><u>Companies Act 2013</u> Kompaun bagi kesalahan-kesalahan tertentu telah diperuntukkan. (Seksyen 441)</p> <p><i>*Nota: Oleh sebab suatu pemegang amanah yang diperbadankan di bawah seksyen 8 boleh dianggap sebagai syarikat, maka rujukan boleh dilakukan kepada peruntukan ini dalam keadaan yang sesuai.</i></p> <p><u>The Societies Registration Act 1860</u> Kompaun untuk kesalahan telah dijelaskan dan kompaun ini dikenakan oleh Pendaftar apabila</p>	Tiada peruntukan khusus

Bil.	Skop Perbezaan	India	Malaysia
		<p>wujud keraguan munasabah bahawa suatu kesalahan telah dilakukan. (Seksyen 27 Haryana State Amendment)</p>	
10.	Penalti	<p><u>The Societies Registration Act 1860</u> Tindakan untuk mendapatkan kembali penalti di bawah pelanggaran undang-undang kecil diperuntukkan (Seksyen 9). Peruntukan yang khusus bagi penalti sehingga 5000 <i>rupees</i> juga dijelaskan (Seksyen 26).</p> <p><u>The Waqf Act 1995</u> Penalti akibat kegagalan <i>mutawalli</i> untuk melaksanakan tugas atau melanggar kewajipan dalam keadaan-keadaan tertentu telah diperuntukkan. (Seksyen 61). Penalti bagi kesalahan pemindahan harta waqf tanpa kebenaran (sanction) Lembaga diperuntukkan dalam Akta ini. (Seksyen 52A).</p> <p><u>Bombay Public Trusts Act 1950</u> Pemegang amanah awam boleh dikenakan penalti dalam seksyen 66 sekiranya gagal membayar caruman</p>	Tiada peruntukan khusus.

Bil.	Skop Perbezaan	India	Malaysia
		<p>mengikut seksyen 58. (Seksyen 59)</p> <p>Peruntukan tentang penalti telah dijelaskan dalam Akta ini. (Seksyen 66)</p>	
11.	Proses pelantikan pemegang amanah baharu	<p><u>The Rajasthan Public Trusts Act 1959</u> Dalam keadaan-keadaan tertentu apabila pemegang amanah yang sedia ada tidak lagi boleh melaksanakan tugasnya, permohonan untuk melantik pemegang amanah baharu boleh dilakukan oleh Penolong Pesuruhjaya. (Seksyen 41)</p> <p><u>The Bombay Public Trusts Act 1950</u> Kuasa mahkamah untuk melantik pemegang amanah baharu dan kuasa Pesuruhjaya Khairat untuk memohon kepada mahkamah untuk melantik pemegang amanah baharu telah diperuntukkan. (Seksyen 47 dan seksyen 47AA)</p>	<p>Pelantikan setiap pemegang amanah yang baharu diluluskan oleh Menteri, dan butiran tentang pemegang-pemegang amanah mesti dikemukakan kepada Menteri pada setiap tahun setelah perakuan sijil pemerbadanan diluluskan. (Seksyen 5)</p>
12.	Duti Setem untuk disertakan bersama dengan permohonan	<p><u>The Bombay Public Trusts Act 1950</u> Dokumen-dokumen yang disenaraikan dalam Jadual B mesti mempunyai suatu fi setem mahkamah padanya. (Seksyen 79D dan Jadual B)</p>	<p>Akta memperuntukkan duti setem sebanyak RM30 untuk setiap permohonan bagi sijil pemerbadanan. (Seksyen 10)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	India	Malaysia
13.	Keperluan pengemukaan akaun dan penyata tahunan	<p><u>The Waqf Act 1995</u> Setiap <i>mutawalli</i> mesti menyimpan akaun dan mengemukakannya sebelum 1 Julai setiap tahun kepada Lembaga. (Seksyen 46(2))</p> <p><u>The Societies Registration Act 1860</u> Akaun mesti dikira pada 31 Mac setiap tahun atau pada tarikh yang ditetapkan oleh Pendaftar. (Seksyen 12C)</p> <p><u>The Bombay Public Trusts Act 1950</u> Akaun yang disimpan mesti dikira dan dikemukakan pada 31 Mac setiap tahun atau hari yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya Khairat. (Seksyen 33)</p> <p><u>The Rajasthan Public Trusts Act 1959</u> Akaun mesti dikira dan dikemukakan pada 31 Mac setiap tahun atau pada tarikh yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya. (Seksten 33(1))</p> <p><u>The National Trust for Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disabilities Act 1999</u> Setiap penjaga mesti mengemukakan akaun</p>	Akaun-akaun harus dikemukakan pada atau sebelum tarikh 30 Jun setiap tahun kepada Menteri. (Seksyen 15)

Bil.	Skop Perbezaan	India	Malaysia
		tentang harta yang ditugaskan kepadanya serta jumlah wang dalam akaun pada penghujung tahun kewangan. (Seksyen 16(2))	
14.	Pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan	Tiada peruntukan yang khusus	Menteri diberi kuasa untuk membatalkan sijil pemerbadanan dalam kes-kes tertentu, serta memberi badan korporat tersebut peluang untuk tunjuk sebab mengapa pembatalan tersebut tidak wajar. Dalam tempoh tersebut, Menteri juga diberi kuasa untuk menggantung apa-apa aktiviti badan tersebut atas sebab-sebab tertentu. (Seksyen 17)
15.	Perlindungan data dan buku daftar	<u>The Official Trustees Act 1913</u> Juruaudit yang dilantik mesti memeriksa akaun yang mengesahkan sama ada buku yang diarahkan untuk disimpan oleh Official Trustee telah disimpan dengan baik. (Seksyen 19(2)(b))	Tiada peruntukan khusus.

F. Kesimpulan

28. Apabila suatu analisis dilaksanakan dalam membandingkan struktur undang-undang amanah, terutamanya undang-undang yang berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah di India dan di Malaysia, wujudnya perbezaan ketara yang mencerminkan rang undang-undang yang unik dan dipengaruhi dengan konteks sejarah bidang kuasa masing-masing. Walaupun negara India memiliki sejarah yang mendalam dan agak sama dengan Malaysia oleh sebab pengaruh penjajahan British, undang-undang amanah di India tidak secara spesifik memperuntukkan tentang pemerbadanan pemegang amanah atau memiliki akta yang berkaitan pemerbadanan ini. Hal ini berbeza dengan negara Malaysia yang memiliki Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 yang membenarkan pemerbadanan pemegang amanah yang formal terutamanya bagi tujuan amanah khairat dan agama. Ketidakhadiran undang-undang pemerbadanan pemegang amanah di India disebabkan oleh faktor-faktor tertentu seperti struktur undang-undang yang lebih fleksibel dan bersifat tradisional.
29. Secara asasnya, akta amanah di India, iaitu *Indian Trusts Act 1952* memperuntukkan suatu struktur undang-undang amanah yang berlandaskan prinsip *common law* dan menggariskan tugas, hak dan obligasi seorang pemegang amanah. Walaupun pemegang amanah di bawah undang-undang amanah India dapat dikategorikan kepada jenis individu atau entiti korporat dalam memegang dan mengurus amanah bagi kepentingan benefisiari, namun, undang-undang tersebut tidak merangkumi pemerbadanan pemegang amanah sebagai entiti berasingan di sisi undang-undang secara khusus atau mempunyai akta yang spesifik bagi tujuan tersebut.

30. Kekurangan atau jurang dari segi undang-undang pemerbadanan ini dapat dianggap sebagai kelonggaran yang membenarkan pemegang-pemegang amanah untuk beroperasi tanpa pengawalseliaan atau formaliti yang banyak yang disertakan bersama suatu struktur korporat. Hal ini kerana undang-undang amanah India menghalakan fokus terhadap prinsip dan tugas fidusiari serta amanah yang bersifat model kewajipan dalam memastikan kepentingan terbaik benefisiari-benefisiari atau pihak-pihak yang berkepentingan. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa ketiadaan suatu status entiti yang sah di sisi undang-undang meletakkan pemegang-pemegang amanah pada kedudukan yang senang dicabar, terutamanya dari segi liabiliti dan obligasi berterusan.

31. Oleh hal yang demikian, negara India memiliki akta-akta lain secara alternatif bagi memberikan status badan korporat kepada pemegang-pemegang amanah dalam mengurus amanah-amanah awam, terutamanya amanah khairat atau amanah agama menerusi akta-akta yang dijelaskan sebelum ini seperti *The Official Trustees Act 1913*, *The Charitable and Religious Trusts Act 1920*, Seksyen 8 *The Companies Act 2013*, *The Waqf Act 1995*, *The National Trust For the Welfare of Persons with Autism, Cerebral Palsy, Mental Retardation and Multiple Disabilities Act 1999 (No.44 of 1999)*, *The Societies Registration Act 1860*, *The Banking Regulation Act 1949*, *The Bombay Public Trusts Act 1950*, *The Rajasthan Public Trusts Act 1959* dan akta-akta lain berdasarkan negeri masing-masing.

32. Apabila dibandingkan dengan negara Malaysia, akta-akta tersebut membentuk suatu pendekatan alternatif dalam menjadikan pemegang amanah menerusi pendaftaran sebagai badan korporat tanpa wujudnya peruntukkan spesifik berkenaan dengan pemerbadanan. Hal ini kerana Akta 258 memperuntukkan suatu mekanisme pemerbadanan yang memberikan personaliti berasingan di sisi undang-undang yang memberikan kuasa untuk memiliki harta, memasuki dalam kontrak atau perjanjian, saman dan disaman atas nama sendiri serta memiliki kelebihan suatu badan korporat yang diperbadankan.
33. Tambahan pula, liabiliti dan status kekal turun temurun turut dapat dikekalkan menerusi pendekatan moden dalam hal-hal pentadbiran amanah yang selaras dengan prinsip-prinsip korporat. Menerusi suatu sistem pemerbadanan yang secara langsung menjadikan pemegang amanah sebagai suatu badan korporat, perlindungan di sisi undang-undang dan ketelusan yang memadai yang disertakan dengan kebertanggungjawaban dapat dikekalkan. Namun begitu, terdapat juga kerumitan dan jurang di sisi undang-undang pemerbadanan Malaysia oleh sebab akta yang wujud adalah suatu akta yang ringkas dan kurang komprehensif sepertimana yang telah dijelaskan di atas.
34. Oleh hal yang demikian, terdapat keperluan bagi meminda Akta 258 tersebut yang sudah lama digubal untuk mewujudkan suatu sistem perundangan yang meliputi semua perkara, keperluan agama dan jenis pertubuhan khairat menerusi perbandingan yang dilaksanakan dengan negara India. Walaupun negara India tidak memiliki akta atau peruntukan yang khusus tentang pemerbadanan pemegang amanah, namun, undang-undang alternatif yang wujud masih merangkumi keperluan yang pelbagai terutamanya bagi amanah khairat, amanah awam dan amanah agama.

BAB 20

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI AUSTRALIA

A. Pengenalan

1. Australia ialah benua terkecil di dunia yang meliputi 7 juta kilometer persegi. Australia terdiri daripada enam negeri, iaitu New South Wales, Victoria, Queensland, Australia Barat, Australia Selatan dan Tasmania serta dua wilayah dalaman, iaitu Wilayah Utara dan Wilayah Ibu Kota Australia. Setiap negeri dan wilayah dalaman di Australia mempunyai perlembagaan, parlimen, kerajaan dan undang-undang mereka yang tersendiri (Robert French AC, 2015). Oleh itu, rujukan kepada perundangan negeri atau wilayah yang berkaitan adalah sangat penting dalam mengkaji undang-undang atau peruntukan tertentu.
2. Kedua-dua Malaysia dan Australia berkongsi warisan undang-undang yang sama, yang berasaskan *common law*. Amanah di Australia dikawal selia oleh prinsip *common law* yang berlandaskan undang-undang Inggeris. Keputusan kehakiman memainkan peranan yang penting dalam membentuk undang-undang amanah, termasuk prinsip yang berkaitan dengan tugas pemegang amanah, hak benefisiari dan pentadbiran harta amanah di Australia (Robert French AC, 2015). Semua pertimbangan ini menjadikan undang-undang amanah di Australia sebagai sumber rujukan yang relevan kepada Malaysia.
3. Menerusi kajian ini, Pasukan Penyelidik memberikan tumpuan kepada perundangan persekutuan yang terpakai di semua negeri dan wilayah. Di samping itu, Pasukan Penyelidik memilih untuk mengkaji undang-undang khusus di New South Wales. Pemilihan undang-undang Australia sebagai model bagi kajian perbandingan bagi undang-undang pemerbadanan

pemegang amanah di Malaysia didasari oleh beberapa justifikasi. Pertama, Australia mempunyai sistem undang-undang yang mantap dan teratur. Perundangan yang berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah di Australia telah melalui proses penambahbaikan yang berterusan, menjadikannya suatu model yang baik untuk kajian perbandingan. Kedua, Malaysia dan Australia mewarisi sistem perundangan *common law* daripada British. Hal ini menjadikan sistem perundangan yang digunakan di kedua-dua negara serupa dan memudahkan perbandingan dari segi prinsip dan pemakaian.

4. Ketiga, Australia mempunyai pengalaman yang luas dalam mengurus pelbagai jenis amanah, termasuk amanah komersial, keluarga dan khairat. Pengalaman ini menyediakan pelbagai contoh amalan terbaik yang boleh diaplikasikan dalam konteks Malaysia. Keempat, sistem undang-undang Australia menekankan ketelusan dan tadbir urus yang baik. Hal ini penting dalam memastikan kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap sistem amanah. Kajian tentang perundangan Australia boleh membantu Malaysia meningkatkan aspek ketelusan dan tadbir urus dalam undang-undang pemerbadanan pemegang amanah. Berdasarkan justifikasi-justifikasi ini, pemilihan undang-undang Australia sebagai model kajian perbandingan boleh membantu Malaysia untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan undang-undang pemerbadanan pemegang amanah, memastikan perlindungan dan kepentingan pemegang amanah serta benefisiari dijamin dengan baik.

B. Undang-undang tentang Amanah

5. Terdapat beberapa undang-undang di Australia yang mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan dengan amanah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 20.1.

Jadual 20.1: Undang-undang tentang Amanah di Australia

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	(a) <i>Trustee Companies Act 1964 (New South Wales)</i> (b) <i>Trustee Companies Act 1984 (Victoria)</i> (c) <i>Trusts Act 1973 (Queensland)</i> (d) <i>Trustee Companies Act 1988 (South Australia)</i> (e) <i>Trustee Companies Act 1987 (Western Australia)</i> (f) <i>Trustee Companies Act 1953 (Tasmania)</i> (g) <i>Companies (Trustees and Personal Representatives) Act 1984 (Northern Territory)</i>	Terpakai kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan amanah, termasuk wasi (executorship) dan pentadbir (administrator).
2.	<i>Trustee Act 1958 (Victoria)</i>	Terpakai kepada pentadbiran amanah dan tugas, kuasa serta tanggungjawab pemegang amanah di negeri Victoria, Australia.
3.	<i>Trustees Act 1962</i>	Terpakai kepada pemegang amanah sebagai individu. Akta ini menggabungkan dan meminda undang-undang yang berkaitan dengan pemegang amanah.
4.	<i>State Trustee (State Owned Company) Act 1994 (Victoria)</i>	Terpakai kepada pentadbiran amanah dan harta pusaka oleh syarikat amanah terhad milik negeri (State Trustees Limited), termasuk tanggungjawab dan kewajipannya sebagai pemegang amanah di negeri Victoria, Australia.
5.	<i>Charitable Trusts Act 1962 (Western Australia)</i>	Terpakai kepada amanah yang dibentuk untuk tujuan khairat.

6.	<i>Charitable Trusts Act 1993 No 10 (New South Wales)</i>	Terpakai kepada amanah yang dibentuk untuk tujuan khairat.
7.	<i>Charities Act 2013</i>	Terpakai kepada organisasi khairat dengan mewujudkan rangka kerja mengawal selia badan khairat.
8.	<i>Australian Charities and Not-for-profits Commission Act 2012</i>	Terpakai kepada badan khairat dan organisasi bukan beraskan keuntungan di Australia.
9.	<i>Corporations Act 2001</i>	Terpakai kepada syarikat pemegang amanah, terutamanya yang berkaitan dengan pentadbiran skim pelaburan terus dan produk kewangan lain yang distrukturkan sebagai amanah.
10.	<i>Superannuation Industry (Supervision) Act 1993</i>	Terpakai kepada dana persaraan di Australia.

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

6. Australia tidak mempunyai undang-undang pemerbadanan pemegang amanah yang khusus seperti Malaysia. Syarikat pemegang amanah dikawal selia di bawah *Corporation Act 2001* dan perlu mematuhi keperluan khusus untuk pemerbadanan serta operasi yang ditetapkan oleh *Australian Securities and Investments Commission*.

7. Kategori syarikat yang boleh didaftarkan dengan *Australian Securities and Investments Commission* mengikut seksyen 112 *Corporation Act 2001* adalah seperti yang berikut:
 - (a) syarikat hak milik terhad menurut saham;
 - (b) syarikat hak milik tanpa had menurut modal saham;
 - (c) syarikat awam terhad menurut saham;
 - (d) syarikat awam terhad menurut jaminan;
 - (e) syarikat awam tanpa had menurut modal saham;
 - (f) syarikat tanpa liabiliti; dan
 - (g) syarikat pelaburan kolektif korporat terhad menurut saham.

8. Oleh itu, Pasukan Penyelidik membandingkan *Australian Charities and Not-for-profits Commission Act 2012* yang merupakan undang-undang persekutuan dan *Charitable Trusts Act 1993 No. 10 (New South Wales)* yang merupakan undang-undang negeri. Perbandingan ini boleh dijadikan rujukan yang relevan bagi kajian ini.

D. Australian Charities and Not-for-profits Commission Act 2012

9. *Australian Charities and Not-for-profits Commission* (“ACNC”) merupakan pengawal selia badan khairat kebangsaan. ACNC berperanan untuk mendaftar dan mengawal selia badan-badan khairat di Australia. Undang-undang utama yang mengawal selia aktiviti ACNC ialah *Australian Charities and Not-for-profits Commission Act 2012* (“Akta ACNC”).

10. Akta ACNC mengandungi 300 peruntukan. Kandungan Akta tersebut yang berkaitan dengan pemegang amanah dinyatakan dalam Jadual 20.2.

Jadual 20.2: Senarai Kandungan Akta ACNC tentang Amanah

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 100-65	<i>Property vesting orders</i>
Seksyen 100-70	<i>Property vested in acting trustee—former trustees’ obligations relating to books, identification of property and transfer of property</i>
Seksyen 180-20	<i>Obligations and liabilities</i>
Seksyen 180-25	<i>Offences</i>
Seksyen 100-30	<i>Appointment of acting responsible entities</i>
Seksyen 205-5	<i>Definition of ‘Entity’</i>

E. Kes Mahkamah berkaitan dengan *Australian Charities and Not-for-profits Commission Act 2012*

- (a) *Waubra Foundations and Commissioner of Australian Charities and Not-for-Profits Commission, Re* [2017] AATA 2424

Berdasarkan kes ini, suatu entiti boleh didaftarkan sebagai badan khairat dalam subjenis tertentu atau beberapa subjenis jika mereka memenuhi kriteria tertentu di bawah *Australian Charities and Not-for-profits Commission Act 2012*. Dalam beberapa kes, subjenis di mana sesuatu khairat didaftarkan menentukan sama ada sumbangan kepada khairat tersebut boleh dikecualikan cukai daripada pendapatan atau tidak. Dalam kes ini, berdasarkan *Australian Charities and Not-for-profits Commission Act 2012* dan pengesahan sebelumnya oleh *Commissioner of Taxation*, pemohon telah dikatakan didaftar sebagai khairat dalam dua subjenis, iaitu tujuan yang bermanfaat kepada komuniti dan untuk mempromosikan pencegahan atau kawalan penyakit.

- (b) *Global Citizen Ltd and Commissioner of Australian Charities and Not for profits Commission, Re* [2021] AATA 3313

Dalam kes ini, Global Citizen Limited (GCL) ialah entiti bukan untuk keuntungan yang didaftarkan sebagai khairat oleh *Australian Charities and Not-for-Profit Commission* (ACNC). Semua khairat didaftarkan mengikut subjenis mereka. GCL kini didaftarkan dengan subjenis memajukan pendidikan. GCL ingin didaftarkan dengan subjenis institusi khairat awam. Pesuruhjaya ACNC telah menolak permohonan tersebut. GCL menyatakan bahawa ia bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan global yang melampau menjelang tahun 2030. GCL menghujahkan bahawa objektif tersebut, dan cara yang digunakan untuk mencapainya, menjadikan GCL dalam konsep *Public Benevolent Institution* (PBI). Mahkamah telah memutuskan bahawa GCL boleh didaftarkan sebagai PBI mengikut undang-undang.

F. *Charitable Trusts Act 1993 No. 10* (“Akta Amanah Khairat Australia”)

11. Akta Amanah Khairat Australia merupakan undang-undang di New South Wales, Australia yang menyediakan kerangka untuk pengawalseliaan amanah khairat. Akta ini menggariskan keperluan untuk pentadbiran, tadbir urus dan pengawasan amanah khairat bagi memastikan amanah khairat beroperasi secara telus dan mengikut tujuan khairat yang dimaksudkan. Akta ini juga menetapkan peranan Pesuruhjaya Amanah Khairat yang menyelia pematuhan dan menyiasat perkara yang berkaitan dengan amanah khairat bagi memastikan pemegang amanah mematuhi piawaian undang-undang dan etika.
12. Akta Amanah Khairat Australia mengandungi 12 peruntukan. Senarai kandungan Akta tersebut adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 20.3.

Jadual 20.3: Senarai Kandungan Akta Amanah Khairat Australia

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 1	<i>Name of Act</i>
Seksyen 2	<i>Commencement</i>
Seksyen 3	<i>Definitions</i>
Seksyen 4	<i>Application of Act</i>
Seksyen 5	<i>Definition of “charitable trust proceedings”</i>
Seksyen 6	<i>Bringing of certain charitable trust proceedings to be authorised by Attorney General or by leave</i>
Seksyen 7	<i>Extension of powers of Court to protect charitable property</i>
Seksyen 8	<i>Provisions relating to removal of trustees etc.</i>
Seksyen 9	<i>Extension of the occasions for applying trust property cy pres</i>
Seksyen 10	<i>Requirement for general charitable intention of donor</i>
Seksyen 11	<i>Duty of trustee to secure application of trust property cy pres</i>
Seksyen 12	<i>Attorney General may establish schemes</i>

G. Perbandingan dengan Malaysia

13. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara ketiga-tiga Akta diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara Akta 258 dengan Akta ACNC dan Akta Amanah Khairat Australia adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 20.4.

Jadual 20.4: Persamaan antara Akta 258 dengan Akta ACNC dan Akta Amanah Khairat Australia

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Pengawalseliaan dan pemantauan operasi organisasi khairat	Ketiga-tiga Akta mempunyai selia dan memantau operasi organisasi khairat atau pemegang amanah.	Akta ACNC 2012: Seksyen 100-5, 100-10 Akta Amanah Khairat 1993: Seksyen 3 Malaysia: Seksyen 2
2.	Pemerbadanan pemegang amanah	Ketiga-tiga Akta menyediakan mekanisme untuk pemerbadanan pemegang amanah bagi mengurus dan mengawal selia amanah atau organisasi khairat	Akta ACNC 2012: Seksyen 180-20 Akta Amanah Khairat 1993: Seksyen 3 Malaysia: Seksyen 2, seksyen 3.
3.	Perlindungan harta amanah	Ketiga-tiga Akta mengandungi peruntukan untuk melindungi harta amanah daripada penyalahgunaan atau pengurusan yang tidak betul.	Akta ACNC 2012: Seksyen 100-20, 100-30 Akta Amanah Khairat 1993: Seksyen 5, 6, 7, 8. Malaysia: Seksyen 3

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
4.	Penyingkiran dan penggantian pemegang amanah	Ketiga-tiga Akta mempunyai peruntukan untuk menyingkirkan pemegang amanah akibat salah laku, pengurusan yang tidak betul, atau ketidakupayaan, dan melantik pemegang amanah yang baharu.	Akta ACNC 2012: Seksyen 100-60 Akta Amanah Khairat 1993: Seksyen 6, seksyen 8 Malaysia: Seksyen 5
5.	Pelaporan dan kebertanggungjawaban	Pemegang amanah dikehendaki untuk menyimpan rekod dan mengemukakan penyata tahunan atau laporan kepada pihak berkuasa atau mahkamah yang berkaitan.	Akta ACNC 2012: Seksyen 60-1 hingga 60-5 Akta Amanah Khairat 1993: Seksyen 26 Malaysia: Seksyen 15, seksyen 16.
6.	Status undang-undang dan kuasa pemegang amanah	Pemegang amanah, apabila diperbadankan, diberi status undang-undang dan kuasa untuk bertindak bagi pihak amanah atau organisasi khairat.	Akta ACNC 2012: Seksyen 180-25 Akta Amanah Khairat 1993: Seksyen 7 Malaysia: Seksyen 2, seksyen 13, seksyen 14

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
7.	Kuasa Peguam Negara atau Menteri	Setiap Akta memberikan kuasa kepada Peguam Negara atau Menteri yang berkenaan untuk menguatkuasakan syarat dan perintah.	Akta ACNC 2012: Seksyen 190-15 Akta Amanah Khairat 1993: Seksyen 12 Malaysia: Seksyen 9

14. Perbezaan antara Akta 258 dengan Akta Amanah Khairat 1993 (New South Wales) adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 20.5.

Jadual 20.5: Perbezaan antara Akta 258 dengan Akta Amanah Khairat 1993 (New South Wales)

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
1.	Tujuan dan skop	Akta ini memperuntukkan pemegang amanah yang merupakan entiti yang ditubuhkan untuk bertindak sebagai pemegang amanah, menguruskan amanah untuk tujuan keagamaan, pendidikan, sastera, saintifik, sosial atau khairat. (Seksyen 2)	Akta ini mentakrifkan tujuan amanah khairat dan menggariskan skop penggunaannya, serta memberikan tumpuan kepada pengawalseliaan amanah khairat.

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
2.	Pemerbadanan	<p>Memberikan perakuan pemerbadanan kepada badan korporat atas permohonan oleh pemegang amanah yang dilantik, dan Menteri akan mempertimbangkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Sifat, tujuan dan keadaan lain badan atau persatuan orang tersebut; (ii) Kelayakan dan bilangan pemegang amanah; (iii) Penjagaan dan penggunaan meterai biasa; (iv) Jumlah tanah yang boleh dipegang oleh pemegang amanah tersebut, jika berkenaan; dan (v) Tujuan tanah tersebut boleh digunakan, jika berkenaan. <p>(Seksyen 2)</p>	Proses pendaftaran/pemerbadanan tidak disebut dalam Akta.

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
4.	Kuasa Menteri	<p>(a) Menteri boleh meminta untuk mendapatkan akuan berkanun atau bukti lain untuk mengesahkan pernyataan dan butir-butir dalam permohonan dan apa-apa maklumat dan bukti lain yang mungkin perlu.</p> <p>(b) Menteri boleh menolak untuk mengeluarkan sijil pemerbadanan jika beliau berpuas hati bahawa permohonan itu tidak mematuhi peruntukan Akta 258 atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.</p> <p>(c) Menteri boleh membatalkan sijil pemerbadanan jika didapati melanggar peruntukan di bawah seksyen 17 Akta 258.</p>	Pihak yang bertanggungjawab untuk pemantauan pematuhan ialah Peguam Negara.

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
5.	Kuasa Peguam Negara	<p>Menyatakan kebolehuatkuasaan oleh Peguam Negara, iaitu tentang kawalan dan kuasa berterusan Peguam Negara terhadap pemegang Amanah berhubung dengan dengan isu liabiliti. (Seksyen 6)</p>	<p>(1) Peguam Negara boleh menubuhkan skim untuk pentadbiran mana-mana amanah khairat. SEcara khususnya, Peguam Negara boleh melalui perintah sedemikian:</p> <p>(a) menubuhkan skim untuk mengubah tujuan asal amanah khairat supaya membolehkan harta amanah atau mana-mana bahagian daripadanya digunakan jika Peguam Negara berpandangan bahawa harta amanah atau mana-mana bahagian daripadanya boleh digunakan sedemikian; atau</p> <p>(b) menubuhkan skim untuk memperluas atau mengubah kuasa pemegang amanah khairat atau menetapkan atau mengubah cara atau cara pentadbiran mana-mana amanah khairat, sama ada secara amnya atau dalam kes tertentu, jika Peguam Negara berpandangan</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
			<p>bahawa adalah wajar untuk berbuat demikian demi kepentingan pentadbiran amanah khairat; atau</p> <p>(c) Dalam kes 2 atau lebih amanah khairat, skim boleh ditubuhkan untuk memberikan kuasa kepada pemegang amanah dengan menggunakan premis biasa atau menggaji kakitangan biasa dalam pentadbiran amanah, untuk mengumpulkan harta amanah bagi tujuan pelaburan, atau sebaliknya untuk menggabungkan bagi apa-apa tujuan pentadbiran amanah.</p> <p>(2) Tanpa menghadkan keluasan mana-mana peruntukan Bahagian ini, skim di bawah Bahagian ini boleh terletak hak pada mana-mana pemegang amanah bagi amanah khairat yang ingin menjual, menggadai atau memajak harta amanah atau mana-mana bahagian daripadanya, tetapi</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
			<p>yang tidak boleh berbuat demikian kerana kekurangan kuasa yang diberikan kepada mereka oleh instrumen (jika ada) yang mewujudkan amanah atau oleh undang-undang.</p> <p>(3) Jika tiada pemegang amanah bagi amanah khairat, skim di bawah Bahagian ini boleh melantik pemegang amanah bagi maksud skim itu.</p> <p>(4) (4) Skim untuk pentadbiran amanah khairat yang ditubuhkan oleh Peguam Negara di bawah Bahagian ini mempunyai kesan yang sama seperti yang akan berlaku jika ia telah ditubuhkan oleh Mahkamah. (Seksyen 12)</p>

15. Perbezaan antara Akta 258 dengan Akta ACNC pula adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 20.6.

Jadual 20.6: Perbezaan antara Akta 258 dengan Akta ACNC

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
1.	Pemerbadanan	<p>Memberikan perakuan pemerbadanan kepada badan korporat atas permohonan oleh pemegang amanah yang dilantik, dan Menteri akan mempertimbangkan perkara berikut:</p> <p>(i) Sifat, tujuan dan keadaan lain badan atau persatuan orang tersebut;</p> <p>(ii) Kelayakan dan bilangan pemegang amanah;</p> <p>(iii) Penjagaan dan penggunaan meterai biasa;</p> <p>(iv) Jumlah tanah yang boleh dipegang oleh pemegang amanah tersebut, jika berkenaan; dan</p> <p>(v) Tujuan tanah tersebut boleh digunakan, jika berkenaan.</p>	<p>(1) Entiti berhak untuk didaftarkan jika:</p> <p>(a) ia memenuhi syarat-syarat dalam subseksyen (3); dan</p> <p>(b) ia memenuhi perihalan jenis entiti itu dalam lajur 1 jadual dalam subseksyen (5); dan</p> <p>Jika entiti itu sebelum ini merupakan entiti berdaftar, tetapi pendaftarannya sebagai sejenis entiti telah dibatalkan dan Pesuruhjaya berpuas hati bahawa perkara-perkara yang menyebabkan pembatalan telah ditangani sedemikian rupa sehingga pendaftaran entiti tidak akan bercanggah dengan tujuan yang dinyatakan dalam Akta ini.</p> <p>(2) Entiti berhak untuk mendapat pendaftaran sebagai entiti jika:</p> <p>(a) ia memenuhi syarat-syarat dalam subseksyen (3);</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
		(Seksyen 2)	<p>(b) ia memenuhi perihalan subjenis entiti itu dalam lajur 2 jadual dalam subseksyen (5); dan</p> <p>(c) ia berhak untuk pendaftaran sebagai jenis entiti yang sepadan dengan subjenis entiti itu (seperti yang dinyatakan dalam jadual itu); dan</p> <p>(d) ia didaftarkan sebagai entiti jenis itu.</p> <p>(3) Syarat-syarat adalah seperti yang berikut:</p> <p>(a) entiti itu ialah entiti tidak berasaskan keuntungan;</p> <p>(b) entiti hendaklah mematuhi piawaian tadbir urus dan piawaian kelakuan luaran (lihat Bahagian 3-1);</p> <p>(c) entiti mempunyai ABN (Nombor Perniagaan Australia);</p> <p>(d) entiti itu tidak dilindungi oleh keputusan bertulis yang dibuat oleh agensi kerajaan Australia (termasuk pegawai kehakiman)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
			<p>di bawah undang-undang Australia yang memperuntukkan entiti untuk dicirikan berdasarkan penglibatan, atau menyokong, pengganas atau aktiviti jenayah lain.</p> <p>(5) Bagi mengelakkan keraguan, entiti mungkin berhak untuk pendaftaran sebagai lebih daripada satu subjenis entiti.</p> <p>(6) Jadual yang menetapkan jenis entiti dan subjenis entiti yang sepadan ditunjukkan, terutamanya merujuk definisi tujuan khairat dalam subseksyen 12(1) Akta Khairat 2013.</p> <p>(Seksyen 25-5 Akta ACNC 2012)</p> <p>Takrifan tujuan khairat di bawah Bahagian 3 Akta Khairat 2013 adalah seperti yang berikut: “Tujuan khairat” bermaksud mana-mana yang berikut:</p> <p>(a) tujuan untuk memajukan kesihatan;</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
			<p>(b) tujuan untuk memajukan pendidikan;</p> <p>(c) tujuan untuk memajukan khairat sosial atau awam;</p> <p>(d) tujuan untuk memajukan agama;</p> <p>(e) tujuan untuk memajukan budaya;</p> <p>(f) tujuan untuk menggalakkan perdamaian, saling menghormati dan toleransi antara kumpulan individu yang berada di Australia;</p> <p>(g) tujuan untuk mempromosikan atau melindungi hak asasi manusia;</p> <p>(h) tujuan untuk keselamatan Australia atau orang awam Australia;</p> <p>(i) tujuan untuk mencegah atau melegakan penderitaan haiwan;</p> <p>(j) tujuan untuk memajukan persekitaran semula jadi;</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
			<p>(k) apa-apa tujuan lain yang bermanfaat kepada orang awam yang secara munasabah boleh dianggap sebagai serupa dengan mana-mana tujuan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (j);</p> <p>(l) tujuan untuk menggalakkan atau menentang perubahan kepada apa-apa perkara yang ditetapkan oleh undang-undang, dasar atau amalan di Komanwel, Negeri, Wilayah atau negara lain, jika:</p> <p>(i) dalam hal menggalakkan perubahan—perubahan itu adalah untuk meneruskan atau membantu satu atau lebih tujuan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (k); atau</p> <p>(ii) dalam kes menentang perubahan-perubahan itu bertentangan dengan, atau menghalang, satu atau lebih tujuan</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
			<p>yang disebut dalam perenggan tersebut.</p> <p>(Subseksyen 12(1) – Bahagian 3 Akta Khairat 2013)</p> <p>Di samping itu, bagi badan korporat yang didaftarkan di bawah Akta ACNC 2012, Bahagian 1.6 Akta Korporat 2001 akan terpakai.</p> <p>Bahagian ini terpakai kepada badan korporat yang:</p> <p>(a) didaftarkan di bawah ACNC; dan</p> <p>(b) bukan satu pun daripada yang berikut:</p> <p>(i) sebuah syarikat Komanwel untuk tujuan Akta Tadbir Urus, Prestasi dan Akauntabiliti Awam 2013;</p> <p>(ii) anak syarikat Komanwel bagi maksud Akta itu;</p> <p>(iii) anak syarikat Komanwel; dan</p> <p>(iv) entiti untuk tujuan Akta itu.</p> <p>(Seksyen 111K Akta Syarikat 2001)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
			Di bawah Bahagian 1.6 Akta Korporat 2001, Seksyen 111L mengecualikan kebolegunaan tugas dan tanggungjawab syarikat di bawah Akta Syarikat 2001.
3.	Penyelenggaraan dan pematuhan rekod	<p>(a) Seksyen 7 – perakuan untuk menjadi bukti pematuhan rekod</p> <p>(b) Seksyen 8 – Rekod permohonan dan dokumen yang perlu disimpan</p> <p>(c) Seksyen 9 – Penguatkuasaan perintah dan arahan Peguam Negara</p> <p>(d) Seksyen 10 – Permohonan dan perakuan yang dicap</p> <p>(e) Seksyen 11 – Hadiah kepada badan korporat</p> <p>Perakuan pemerbadanan yang diberikan di bawah Akta ini hendaklah menjadi bukti muktamad bahawa semua syarat berkenaan dengan</p>	<p>Tanggungjawab entiti berdaftar:</p> <p>(a) Bahagian 45- Piawaian Tadbir Urus</p> <p>(b) Bahagian 50 – Piawaian kelakuan luar</p> <p>(c) Bahagian 55 – Penyimpanan rekod</p> <p>(d) Bahagian 60 – Pelaporan</p> <p>Entiti berdaftar hendaklah memberikan penyata untuk tahun kewangan kepada Suruhanjaya dalam borang yang diluluskan.</p> <p>Entiti berdaftar sederhana atau entiti berdaftar besar hendaklah memberikan laporan kewangan kepada Pesuruhjaya untuk tahun kewangan, bersama dengan mana-mana laporan juruaudit atau laporan pengulas yang dikehendaki untuk diperolehi oleh entiti.</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
		<p>pemerbadanan tersebut telah dipatuhi.</p> <p>Menteri hendaklah mengarahkan rekod untuk disimpan bagi semua permohonan dan perakuan pemerbadanan, mengarahkan semua dokumen yang dihantar kepadanya di bawah Akta ini.</p> <p>(Seksyen 7-11)</p>	<p>Walau bagaimanapun, perkara ini tidak terpakai kepada khairat agama, atau kepada mana-mana laporan yang berkaitan dengan khairat agama.</p> <p>(Seksyen 60-5 dan seksyen 60-10 Akta ACNC 2010)</p>
4.	Badan pentadbir	<p>(a) Menteri boleh meminta untuk mendapatkan akuan berkanun atau bukti lain bagi mengesahkan pernyataan dan butir-butir dalam permohonan dan apa-apa maklumat dan bukti lain.</p> <p>(b) Menteri boleh menolak untuk mengeluarkan sijil pemerbadanan jika beliau berpuas hati bahawa permohonan itu tidak mematuhi peruntukan Akta 258 atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.</p> <p>(c) Menteri boleh, dengan perintah,</p>	<p>Pesuruhjaya Australia mengawal selia pendaftaran dan pematuhan Akta ACNC 2012.</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
		<p>membatalkan sijil Pemerbadanan jika didapati melanggar mana-mana peruntukan di bawah seksyen 17 Akta 258.</p>	
5.	Proses rayuan dan semakan	Tiada peruntukan khusus.	<p>Keputusan ACNC boleh disemak semasa rayuan. Keputusan yang boleh disemak secara dalaman dinyatakan dalam Akta ACNC 2012, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Keputusan pendaftaran; (b) Keputusan penyambungan; (c) Keputusan hala tuju ACNC; (d) Keputusan yang berkaitan dengan Orang yang Bertanggungjawab; dan (e) Keputusan penalti pentadbiran. <p>Bahagian 7-2 menetapkan proses semakan dan rayuan bagi entiti yang tidak berpuas hati dengan keputusan pentadbiran.</p> <p>Entiti yang membuat bantahan hendaklah (menurut seksyen 160-5 Akta ACNC 2012):</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) membuatnya dalam borang yang diluluskan; dan

Bil.	Skop Perbezaan	Malaysia	Australia
			<p>(b) mengemukakan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh semakan 60 hari (lihat seksyen 160-10); dan</p> <p>(c) menyatakan dalamnya, sepenuhnya dan terperinci, alasan yang menjadi sandaran entiti itu.</p> <p>Pesuruhjaya mempunyai kuasa untuk memutuskan sama ada untuk membenarkan bantahan, sepenuhnya atau sebahagian; atau tidak membenarkannya jika entiti telah mematuhi seksyen 160-5.</p> <p>Sekiranya entiti tidak berpuas hati dengan keputusan bantahan, entiti boleh, sama ada (seksyen 160-25 Akta ACNC 2012):</p> <p>(a) memohon kepada tribunal rayuan pentadbiran untuk semakan keputusan bantahan; atau</p> <p>(b) membuat rayuan terhadap keputusan bantahan ke mahkamah yang ditetapkan.</p> <p>(Bahagian 7-2 Akta ACNC 2012)</p>

H. Kesimpulan

16. Kekuatan undang-undang Australia, khususnya melalui *Australian Charities and Not-for-profits Commission Act 2012* dan Akta Amanah Khairat 1993 (New South Wales) terletak pada definisi yang komprehensif dan rangka kerja pengawalseliaan yang jelas. Takrifan istilah utama seperti “amanah khairat” dan “Pesuruhjaya” memberikan kejelasan dan kepastian kepada pihak berkepentingan, sekali gus mengurangkan kekeliruan dan pertikaian yang berpotensi untuk timbul. Selain itu, undang-undang ini menghadkan skop penubuhan badan khairat kepada entiti bukan berasaskan keuntungan yang meningkatkan integriti dan kebolehpercayaan sistem tersebut. Keperluan untukewartakan notis berkaitan dengan perubahan atau pembatalan pemerbadanan juga meningkatkan ketelusan dan kesedaran awam, yang seterusnya memupuk kebertanggungjawaban dalam rangka kerja pengurusan badan khairat di Australia.
17. Namun begitu, terdapat kelemahan dalam undang-undang ini, terutamanya dalam aspek bebanan pentadbiran tambahan yang mungkin timbul akibat keperluan pematuhan yang lebih ketat. Kelemahan lain termasuk cabaran dalam memastikan bahawa pengawalseliaan yang ketat tidak menghalang inovasi dalam pengurusan badan khairat. Selain itu, perbezaan dalam keperluan pengawalseliaan antara badan khairat yang besar dengan badan khairat yang kecil juga boleh menimbulkan ketidakseragaman dalam pelaksanaan undang-undang.
18. Berdasarkan perbincangan di atas, Malaysia boleh mempertimbangkan untuk mengambil kira undang-undang Australia sebagai model untuk menambah baik pengawalseliaan pemegang amanah di negara ini. Justifikasinya termasuklah kekuatan dan keberkesanan yang ditunjukkan oleh takrifan yang lebih terperinci, rangka kerja pengawalseliaan yang jelas, dan penekanan pada ketelusan serta kebertanggungjawaban.

19. Dengan menerima pakai beberapa peruntukan yang serupa, Malaysia boleh meningkatkan kejelasan dan kepastian bagi pihak berkepentingan, mengurangkan kekeliruan dan pertikaian yang berpotensi, serta memupuk kepercayaan terhadap sistem badan khairat di negara ini. Selain itu, usaha untuk menyelaraskan undang-undang Malaysia dengan pendekatan Australia bagi menghadkan pemerbadanan kepada entiti bukan berasaskan keuntungan dapat mengukuhkan integriti badan khairat dan memastikan bahawa badan tersebut ditubuhkan bagi tujuan khairat sahaja. Secara keseluruhannya, rujukan kepada aspek-aspek yang dinyatakan dalam undang-undang Australia ini boleh mewujudkan persekitaran pengawalseliaan yang mantap untuk badan khairat di Malaysia, memupuk keyakinan dalam kalangan pihak berkepentingan, dan memudahkan pentadbiran aktiviti khairat dengan lebih berkesan.

BAB 21

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI UNITED KINGDOM

A. Pengenalan

1. United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland (UK) ialah sebuah negara yang terletak di Kepulauan British di bahagian barat laut benua Eropah. UK terdiri daripada empat bahagian atau “negara”, iaitu England, Scotland dan Wales (yang terletak di pulau besar Great Britain) dan Ireland Utara (yang seperti namanya, terletak di bahagian utara pulau besar Ireland). Ibu kota UK ialah London, iaitu suatu pusat kewangan dan kebudayaan tersohor di dunia.
2. Permulaan negara UK seperti yang kini wujud boleh dikatakan bermula pada tahun 1707 apabila Kerajaan England (yang pada masa itu merangkumi Wales juga) bergabung dengan Kerajaan Scotland di bawah Perjanjian Kesatuan (Treaty of Union), dan menjadi negara Great Britain. Pada tahun 1801 pula, Kerajaan Ireland digabungkan bersama dengan Great Britain menurut Akta-akta Kesatuan 1800 (Acts of Union 1800) untuk mewujudkan United Kingdom of Great Britain and Ireland. Walau bagaimanapun, 26 daripada 32 daerah (counties) Ireland telah berpisah daripada United Kingdom of Great Britain and Ireland pada tahun 1922 untuk menjadi Negara Bebas Ireland (Irish Free State) menurut Perjanjian Inggeris-Ireland (Anglo-Irish Treaty), yang menjadi Republik Ireland kini. Pemisahan tersebut turut meninggalkan enam daerah di Ireland Utara yang masih bergabung bersama dengan Great Britain sehingga kini.

3. UK merupakan negara pertama yang mengalami pengindustrian (industrialisation) secara pesat dan merupakan lokasi titik permulaan Revolusi Perindustrian pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19. Dalam menyokong perindustrian tempatan yang makin berkembang, UK juga menjadi suatu kuasa penjajah utama pada abad ke-19 dan ke-20. Pada tahap tertingginya dalam tahun 1920-an, Empayar British merupakan empayar terbesar dalam sejarah manusia dan meliputi hampir satu suku kawasan daratan di muka bumi. Walau bagaimanapun, selepas Perang Dunia Kedua, bermulanya era penyahjajahan (decolonisation) apabila negara-negara yang dijajah mula bangkit dan berjuang demi kemerdekaan dan pemerintahan mandiri. Kini, UK bukan lagi empayar agung seperti dahulu, tetapi masih mempunyai kepentingan dari segi kewangan, komersial, politik, akademik, dan kebudayaan.
4. UK dipilih sebagai antara negara rujukan dalam kajian ini atas beberapa justifikasi. Pertama, UK merupakan sumber utama sistem undang-undang yang kini diterima pakai di Malaysia. Sebagai negara bekas jajahan British, kebanyakan undang-undang di Malaysia, sama ada undang-undang bertulis atau *common law* (iaitu undang-undang berdasarkan prinsip duluan kehakiman), mempunyai asas daripada prinsip undang-undang UK, termasuk juga konsep amanah. Oleh itu, kajian tentang pembaharuan yang telah dilaksanakan dalam undang-undang amanah UK mampu mendedahkan contoh-contoh hala tuju yang boleh diambil dalam meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.

5. Kedua, UK merupakan suatu pusat kewangan utama di seluruh dunia. Kepentingan ekonomi negara tersebut haruslah disokong oleh sistem perundangan kewangan yang teguh dan menyeluruh demi memelihara keyakinan pelabur, memperkukuh pasaran kewangan, dan mengawal selia aliran wang haram. Oleh itu, sistem pengawalseliaan badan amanah di UK mampu dijadikan suatu contoh penting dalam usaha menambah baik taraf kerangka perundangan bagi sektor kewangan di Malaysia, terutamanya dari segi pelaksanaan Syor 8 *Financial Action Task Force (FATF)* tentang pertubuhan-pertubuhan tidak berasaskan keuntungan (non-profit organisations).
6. Ketiga, kajian undang-undang UK dapat memberikan sudut pandangan yang berbeza daripada yang terdapat di rantau Asia secara umumnya dan Asia Tenggara khususnya. Demi mendapatkan suatu gambaran menyeluruh tentang jenis-jenis sistem pengawalseliaan amanah yang berbeza, adalah penting untuk melihat sistem di pelbagai negara. Oleh itu, kajian undang-undang UK yang terletak di Eropah, mampu mempelbagaikan cadangan-cadangan yang dirumuskan dalam laporan ini. Atas sebab-sebab yang dinyatakan, UK memang merupakan negara yang sesuai dijadikan titik rujukan dalam menjalankan kajian ini.

B. Undang-undang tentang amanah

7. Pada asasnya, konsep “trust” ataupun amanah berasal daripada *common law*, iaitu prinsip-prinsip yang dibangunkan melalui penghakiman mahkamah. Tambahan pula, Parlimen UK turut menggubal beberapa undang-undang statut bagi mentadbir dan mengawal selia pelbagai aspek yang berkaitan dengan sistem amanah di negara itu, seperti yang tersenarai dalam Jadual 21.1 di bawah.

Jadual 21.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di UK

Bil.	Nama undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>Trustee Act 1925</i>	Merangkumi beberapa aspek dan fungsi pemegang amanah, seperti pelaksanaan pelaburan, kuasa-kuasa am pemegang amanah, pelantikan dan penyingkiran pemegang amanah, serta kuasa-kuasa mahkamah untuk melantik pemegang amanah dan membuat perintah peletakhakan.
2.	<i>Trustee Act 2000</i>	Merangkumi beberapa aspek dan fungsi pemegang amanah, seperti kewajipan berjaga-jaga (duty of care), kuasa pelaburan dan perolehan tanah, pelantikan ejen, dan imbuhan bagi pemegang amanah.
3.	<i>Trustee Investments Act 1961</i>	Mengandungi peruntukan terperinci tentang kuasa-kuasa pemegang amanah berkenaan dengan pelaburan.
4.	<i>Recognition of Trusts Act 1987</i>	Merupakan undang-undang tempatan UK yang menguatkuasakan <i>Convention on the Law Applicable to Trusts and on Their Recognition</i> .
5.	<i>Charities Act 2011</i>	Digubal bagi menyatukan beberapa Akta dan Perintah yang berkenaan dengan khairat. Akta ini merangkumi pelbagai perkara tentang khairat, termasuk takrifan khairat, penubuhan Suruhanjaya Khairat serta fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya, proses pendaftaran khairat, kehendak pelaporan dan proses audit bagi khairat. Selain Akta Khairat 2011, terdapat beberapa Akta lain yang juga berkenaan dengan pengawalseliaan khairat, seperti: Akta Khairat 1992 (Charities Act 1992) yang mengandungi peruntukan tentang kawalan pengumpulan dana oleh badan-badan khairat; dan Akta Khairat 2006 (Charities Act 2006) yang mengandungi peruntukan tentang kawalan kutipan awam khairat (public charitable collections).

6.	<i>Financial Services and Markets Act 2000</i>	Mengandungi peruntukan tentang pengawalseliaan perkhidmatan kewangan dan pasaran-pasaran, yang termasuk skim unit amanah.
----	--	---

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

8. Undang-undang yang memperuntukkan pemerbadanan pemegang amanah di UK terangkum dalam *Charities Act 2011*. Seperti namanya, Akta ini secara khususnya digunakan bagi badan-badan khairat secara am, dan pemegang amanah khairat yang diperbadankan merupakan sejenis daripadanya. Contoh badan-badan khairat lain yang juga dikawal selia di bawah Akta yang sama ialah syarikat-syarikat bersifat khairat (charitable companies) dan organisasi khairat yang diperbadankan (charitable incorporated organisations).
9. Peruntukan-peruntukan dalam *Charities Act 2011* yang berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah terkandung dalam Bahagian 12 yang bertajuk *incorporation of charity trustees*. Selain itu, terdapat juga peruntukan-peruntukan relevan di bawah bahagian-bahagian yang berikut:
 - Bahagian 1: Makna “khairat” dan “tujuan khairat” (Meaning of “charity” and “charitable purpose”);
 - Bahagian 2: Suruhanjaya Khairat dan Penjaga Khairat Rasmi (The Charity Commission and the Official Custodian for Charities);
 - Bahagian 4: Pendaftaran dan nama khairat (Registration and names of charities);
 - Bahagian 5: Kuasa-kuasa maklumat (Information powers)
 - Bahagian 6: Kuasa-kuasa *cy-près* dan bantuan dan penyeliaan khairat oleh mahkamah dan Suruhanjaya (Cy-près powers and assistance and supervision of charities by court and Commission)

- Bahagian 8: Akaun, laporan, dan penyata khairat (Charity accounts, reports and returns)
- Bahagian 9: Pemegang amanah khairat, pemegang amanah dan pengaudit, serta lain-lain (Charity Trustees, trustees and auditors etc.);
- Bahagian 17: Tribunal (The Tribunal); dan
- Bahagian 18: Hal-hal pelbagai dan tambahan (Miscellaneous and supplementary).

Jadual 21.2: Senarai Kandungan
Trustees Incorporation Act (Chapter 165) 1939

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 1	<i>Meaning of “charity”</i>
Seksyen 2	<i>Meaning of “charitable purpose”</i>
Seksyen 3	<i>Descriptions of purposes</i>
Seksyen 4	<i>The public benefit requirement</i>
Seksyen 5	<i>Recreational and similar trusts, etc.</i>
Seksyen 6	<i>Registered sports clubs</i>
Seksyen 9	<i>Interpretation</i>
Seksyen 13	<i>The Charity Commission</i>
Seksyen 14	<i>The Commission’s objectives</i>
Seksyen 15	Fungsi am Suruhanjaya <i>The Commission’s general functions</i>
Seksyen 16	<i>The Commission’s general duties</i>
Seksyen 17	<i>Guidance as to operation of public benefit requirement</i>
Seksyen 18	<i>Supply by Commission of copies of documents</i>
Seksyen 19	<i>Fees and other amounts payable to Commission</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 21	<i>The official custodian for charities</i>
Seksyen 29	<i>The register</i>
Seksyen 30	<i>Charities required to be registered: general</i>
Seksyen 34	<i>Removal of charities from register</i>
Seksyen 38	<i>Right to inspect register</i>
Seksyen 39	<i>Statement required to be made in official publications etc.</i>
Seksyen 42	<i>Power to require name or working name to be changed</i>
Seksyen 46	<i>General power to institute inquiries</i>
Seksyen 47	<i>Obtaining evidence etc. for purposes of inquiry</i>
Seksyen 48	<i>Power to obtain search warrant for purposes of inquiry</i>
Seksyen 49	<i>Execution of search warrant</i>
Seksyen 50	<i>Publication of results of inquiries</i>
Seksyen 52	<i>Power to call for documents</i>
Seksyen 53	<i>Power to search records</i>
Seksyen 60	<i>Supply of false or misleading information to Commission etc.</i>
Seksyen 75A	<i>Official warnings by the Commission</i>
Seksyen 76	<i>Suspension of trustees etc. and appointment of interim managers</i>
Seksyen 76A	<i>Exercise of powers where section 76(1)(a) applies</i>
Seksyen 77	<i>Offence of contravening certain orders under s.76</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 79	<i>Removal of trustee or officer etc for protective etc purposes</i>
Seksyen 79A	<i>Removal of disqualified trustee</i>
Seksyen 80	<i>Other powers to remove or appoint charity trustees</i>
Seksyen 82	<i>Removal of trustees etc.: notice</i>
Seksyen 84	<i>Power to direct specified action to be taken</i>
Seksyen 84A	<i>Power to direct specified action not to be taken</i>
Seksyen 85	<i>Power to direct application of charity property</i>
Seksyen 89	<i>Publicity for orders relating to trustees or other individuals</i>
Seksyen 110	<i>Power to give advice</i>
Seksyen 130	<i>Accounting records</i>
Seksyen 131	<i>Preservation of accounting records</i>
Seksyen 132	<i>Preparation of statement of accounts</i>
Seksyen 133	<i>Account and statement an option for lower-income charities</i>
Seksyen 134	<i>Preservation of statement of accounts or account and statement</i>
Seksyen 144	<i>Audit of accounts of larger charities</i>
Seksyen 145	<i>Examination of accounts an option for lower-income charities</i>
Seksyen 146	<i>Commission's powers to order audit</i>
Seksyen 154	<i>Regulations relating to audits and examinations</i>
Seksyen 155	<i>Power of Commission to direct compliance with certain regulations</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 162	<i>Charity trustees to prepare annual reports</i>
Seksyen 162A	<i>Annual reports: fund-raising standards information</i>
Seksyen 163	<i>Transmission of annual reports to Commission in certain cases</i>
Seksyen 164	<i>Documents to be transmitted with annual repor</i>
Seksyen 165	<i>Preservation of annual reports etc.</i>
Seksyen 169	<i>Annual returns by registered charities</i>
Seksyen 170	<i>Public inspection of annual reports etc. kept by Commission</i>
Seksyen 171	<i>Supply by charity trustees of copy of most recent annual report</i>
Seksyen 172	Pemberian salinan akaun terbaharu oleh pemegang amanah khairat <i>Supply by charity trustees of copy of most recent accounts</i>
Seksyen 173	<i>Offences of failing to supply certain documents</i>
Seksyen 177	<i>Meaning of “charity trustees”</i>
Seksyen 178	<i>Persons disqualified from being charity trustees or trustees of a charity</i>
Seksyen 178A	Kes A: kesalahan-kesalahan khusus <i>Case A: specified offences</i>
Seksyen 181	<i>Power to waive disqualification</i>
Seksyen 181A	<i>Disqualification orders</i>
Seksyen 181B	<i>Duration of disqualification, and suspension pending disqualification</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 182	<i>Records of persons removed from office</i>
Seksyen 183	<i>Criminal consequences of acting while disqualified</i>
Seksyen 184	<i>Civil consequences of acting while disqualified</i>
Seksyen 251	<i>Incorporation of charity trustees</i>
Seksyen 252	<i>Estate to vest in incorporated body</i>
Seksyen 253	<i>Gifts to take effect as gifts to incorporated body</i>
Seksyen 254	<i>Liability of charity trustees not affected by incorporation</i>
Seksyen 255	<i>Charity trustees bound by conditions in certificate etc.</i>
Seksyen 256	<i>Applications for incorporation</i>
Seksyen 257	<i>Requirement to be met before certificate is granted</i>
Seksyen 258	<i>Certificate conclusive as to compliance with incorporation requirements etc.</i>
Seksyen 259	<i>Filing up of vacancies in charity trustees</i>
Seksyen 260	<i>Execution of documents by incorporated body: general</i>
Seksyen 261	<i>Conferral of authority to execute documents</i>
Seksyen 262	<i>Amendment of certificate of incorporation</i>
Seksyen 263	<i>Dissolution of incorporated body</i>
Seksyen 264	<i>Records of applications and certificates</i>
Seksyen 265	<i>Meaning of “incorporated body” and “relevant charity”</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 266	<i>Effect of provisions relating to vesting or transfer of property</i>
Seksyen 315	<i>The Tribunal</i>
Seksyen 318	<i>Intervention by Attorney General</i>
Seksyen 319	<i>Appeals: general</i>
Seksyen 321	<i>Review</i>
Seksyen 322	<i>Reviewable matters</i>
Seksyen 325	<i>References by Commission</i>
Seksyen 326	<i>References by Attorney General</i>
Seksyen 335	<i>Enforcement of requirements by order of Commission</i>
Seksyen 336	<i>Enforcement of orders of Commission</i>
Seksyen 345	<i>Restriction on institution of proceedings for certain offences</i>
Seksyen 346	<i>Offences by bodies corporate</i>
Seksyen 347	<i>Regulations and orders: general</i>
Seksyen 348	<i>Regulations subject to affirmative procedure etc.</i>
Seksyen 349	<i>Orders subject to affirmative procedure etc.</i>

D. Kes Mahkamah tentang *Charities Act 2011*

Children's Investment Fund Foundation (UK) v. Attorney General and others [2022] AC 155

Kes Mahkamah Agung United Kingdom ini telah menjelaskan kedudukan pemerbadanan pemegang amanah di bawah Akta Khairat 2011. Mahkamah Agung telah menjelaskan bahawa *charitable incorporated organisations* merupakan suatu bentuk badan khairat yang diperbadankan di bawah Akta Khairat 2011 yang memansuhkan dan menggantikan Akta Khairat 2006. *Charitable incorporated organisations* ini mempunyai entiti undang-undang yang berasingan. Seperti syarikat khairat, badan yang diperbadankan tersebut mempunyai dua lapisan tadbir urus, iaitu: (1) pemegang amanah; dan (2) ahli. Apabila diperbadankan, ia hanya didaftarkan dengan Suruhanjaya Khairat.

E. Perbandingan dengan Malaysia

10. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara *Trustee (Incorporation) Act 1952* (Malaysia) dengan *Charities Act 2011* (UK) diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan.
11. Persamaan antara Akta 258 dengan *Charities Act 2011* (UK) adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 21.3.

Jadual 21.3: Persamaan antara Akta 258 dengan *Charities Act 2011*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Skop tujuan pemerbadanan amanah	Kedua-dua undang-undang merangkumi tujuan keagamaan, pendidikan, sastera, saintifik, sosial serta konsep “khairat” bagi badan yang dikawal selia di bawahnya.	Malaysia: Seksyen 2 UK: Seksyen 3
2.	Pembekalan salinan dokumen-dokumen apabila diminta	Kedua-dua undang-undang menetapkan bahawa pengawal selia harus, apabila diminta oleh sesiapa, membekalkan salinan atau cabutan apa-apa dokumen yang disimpan oleh badan tersebut yang terbuka kepada pemeriksaan oleh orang awam.	Malaysia: Seksyen 8 dan seksyen 15 UK: Seksyen 18 dan seksyen 170
3.	Penetapan fi	Kedua-dua undang-undang memberikan kuasa kepada pihak berkuasa masing-masing untuk menetapkan fi di bawah Akta masing-masing.	Malaysia: Seksyen 21 UK: Seksyen 19
4.	Tanggungjawab penyediaan dan penyimpanan akaun badan	Kedua-dua undang-undang meletakkan tanggungjawab menyediakan dan menyimpan rekod akaun badan pada pemegang amanah badan.	Malaysia: Seksyen 15 UK: Seksyen 130-132
5.	Tanggungjawab penyediaan dan penyimpanan penyata tahunan	Kedua-dua undang-undang meletakkan tanggungjawab menyediakan dan menyimpan penyata tahunan pada pemegang amanah badan.	Malaysia: Seksyen 15 UK: Seksyen 169

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
6.	Kehilangan kelayakan menjadi pemegang amanah	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan hal keadaan yang menyebabkan pemegang amanah hilang kelayakan untuk menjadi pemegang amanah.	Malaysia: Seksyen 6A UK: Seksyen 178 dan seksyen 178A
7.	Pemerbadanan pemegang amanah melalui sijil pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan proses pemerbadanan pemegang amanah melalui pemberian sijil pemerbadanan.	Malaysia: Seksyen 2 UK: Seksyen 251
8.	Peletakhakan harta pada badan korporat	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa setelah diperbadankan, apa-apa harta yang dipegang oleh mana-mana orang sebagai pemegang amanah bagi badan tersebut akan diletakhakan pada badan tersebut.	Malaysia: Seksyen 3 UK: Seksyen 252
9.	Hadiah akan diletakhakan pada badan korporat	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa setelah diperbadankan, apa-apa derma, hadiah, atau pelupusan harta kepada pemegang amanah akan dianggap sebagai derma, hadiah atau pelupusan harta kepada badan korporat.	Malaysia: Seksyen 11 UK: Seksyen 253
10.	Liabiliti pemegang amanah tidak terkesan oleh pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang menetapkan bahawa pemegang amanah bertanggungjawab dan bertanggung kepada apa-apa tindakan, penerimaan, pengabaian, dan keingkaran diri sendiri.	Malaysia: Seksyen 6 UK: Seksyen 254

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
11.	Pemegang amanah terikat dengan setiap syarat dan arahan yang terkandung dalam sijil pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa setiap syarat dan arahan yang terkandung dalam sijil pemerbadanan mengikat pemegang-pemegang amanah.	Malaysia: Seksyen 9 UK: Seksyen 255
12.	Butiran proses permohonan untuk pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang mempunyai peruntukan tentang format permohonan bagi sijil pemerbadanan, termasuk bahawa permohonan harus secara bertulis.	Malaysia: Seksyen 4 UK: Seksyen 256
13.	Kehendak sebelum pemberian sijil pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang menetapkan bahawa sebelum sijil pemerbadanan boleh diberikan, pemegang-pemegang amanah perlu dilantik secara berkesan hingga memuaskan hati pengawal selia.	Malaysia: Seksyen 5 UK: Seksyen 257
14.	Sijil pemerbadanan ialah keterangan muktamad bahawa keperluan awal telah dipatuhi	Kedua-dua undang-undang menetapkan bahawa sijil pemerbadanan ialah keterangan muktamad bahawa semua keperluan awal pemerbadanan telah dipatuhi.	Malaysia: Seksyen 7 UK: Seksyen 258
15.	Pengisian kekosongan pemegang amanah	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa apa-apa kekosongan dalam bilangan pemegang amanah perlu diisi menurut peruntukan dalam dokumen asas badan tersebut, atau syarat dan arahan dalam sijil pemerbadanan.	Malaysia: Seksyen 5 UK: Seksyen 259

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
16.	Pembubaran badan korporat	Kedua-dua undang-undang memberikan kuasa kepada pengawal selia untuk membubarkan badan korporat atas beberapa faktor.	Malaysia: Seksyen 17 dan seksyen 19 UK: Seksyen 263
17.	Penyimpanan rekod permohonan dan sijil pemerbadanan	Kedua-dua undang-undang memperuntukkan bahawa badan pengawal selia perlu menyimpan rekod setiap permohonan bagi pemerbadanan dan sijil pemerbadanan yang diberikan.	Malaysia: Seksyen 8 UK: Seksyen 264
18.	Peraturan-peraturan	Kedua-dua undang-undang mempunyai peruntukan tentang kuasa Menteri untuk membuat peraturan di bawah Akta masing-masing.	Malaysia: Seksyen 21 UK: Seksyen 347 dan seksyen 348

12. Perbezaan antara Akta 258 dengan Akta Khairat 2011 (UK) adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 21.4.

Jadual 21.4: Perbezaan antara Akta 258 dan *Charities Act 2011*

Bil.	Skop Perbezaan	UK	Malaysia
1.	Skop Akta	Akta hanya merangkumi pemegang amanah yang diperbadankan. (Seksyen 2)	Akta bukan sahaja bertumpu pada pemegang amanah khairat yang diperbadankan, tetapi juga merangkumi badan-badan khairat secara amnya, termasuk syarikat khairat dan <i>charitable incorporated organisations</i> (CIO).
2.	Maksud “khairat” dan “tujuan khairat”	Akta menetapkan beberapa tujuan bagi membolehkan suatu amanah diperbadankan di bawah Akta ini, iaitu keagamaan, pendidikan, sastera, saintifik, sosial dan khairat. Di sini, “tujuan khairat” ini berbeza daripada tujuan-tujuan lain tersebut. (Seksyen 2)	Akta mempunyai tafsiran yang luas tentang maksud “khairat” dan “tujuan khairat.” “Khairat” ditakrifkan sebagai sesuatu badan yang terangkum dalam 13 “tujuan khairat” yang disenaraikan di bawah seksyen 3 (yang termasuk keagamaan, pendidikan, sastera dan saintifik), dan juga mempunyai kepentingan awam di bawah seksyen 4. (Seksyen 2 - 6)
3.	Maksud “pemegang amanah khairat”	Tiada peruntukan khusus.	Ditakrifkan sebagai individu yang melaksanakan kawalan dan pengurusan pentadbiran am sebuah badan khairat. (Seksyen 177)

Bil.	Skop Perbezaan	UK	Malaysia
4.	Maksud “badan korporat”	Tiada peruntukan khusus.	Frasa ini diberi takrifan. (Seksyen 265)
5.	Pengawal selia	Dalam Akta, tiada peruntukan khusus tentang pengawal selia, tetapi seksyen-seksyen ada menyatakan bahawa “Menteri” menjalankan beberapa fungsi pengawalseliaan.	Akta menetapkan Suruhanjaya Khairat sebagai suatu badan korporat yang mempunyai objektif, fungsi, dan tanggungjawab am pengawalseliaan badan-badan khairat. (Seksyen 14 - 16)
6.	Daftar khairat	Tiada peruntukan khusus.	Suruhanjaya perlu menyimpan daftar setiap badan khairat yang mengandungi nama dan butiran lain tentang badan-badan tersebut. (Seksyen 29)
7.	Keperluan menyatakan status berdaftar	Tiada peruntukan khusus.	Setiap badan khairat yang berdaftar mesti menyatakan perkara tersebut dalam dokumen-dokumen yang diterbitkan atau dikeluarkan oleh badan tersebut sekiranya pendapatan kasar badan tersebut melebihi £10,000 dalam tahun kewangan sebelum. (Seksyen 39)
8.	Kuasa mengarahkan penukaran nama	Tiada peruntukan khusus.	Suruhanjaya diberi kuasa untuk mengarahkan badan khairat menukarkan namanya atas beberapa faktor. (Seksyen 42)

Bil.	Skop Perbezaan	UK	Malaysia
9.	Kuasa pengawal selia untuk menjalankan siasatan terhadap badan khairat	Tiada peruntukan khusus.	Suruhanjaya diberi kuasa untuk memulakan siasatan terhadap badan-badan khairat secara amnya atau bagi tujuan tertentu. Dalam menjalankan kuasa ini, Suruhanjaya mempunyai pelbagai kuasa untuk memperoleh keterangan bagi tujuan siasatan. (Seksyen 46 - 50)
10.	Kuasa pengawal selia untuk meminta dokumen	Tiada peruntukan khusus. Seksyen 15 meletakkan tanggungjawab penyerahan penyata akaun tahunan pada pemegang-pemegang amanah, manakala seksyen 17 memperuntukkan bahawa ketidakpatuhan mana-mana peruntukan di bawah Akta akan menyebabkan penarikan balik sijil pemerbadanan. Akta tidak memberikan kuasa kepada pengawal selia secara nyata untuk meminta dokumen sekiranya tidak diserahkan oleh pemegang-pemegang amanah.	Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk mengarahkan mana-mana individu untuk memberikan dokumen atau maklumat dalam milikannya yang berkenaan dengan mana-mana badan khairat dan relevan kepada Suruhanjaya. (Seksyen 52)

Bil.	Skop Perbezaan	UK	Malaysia
11.	Kuasa pengawal selia untuk memeriksa rekod mahkamah dan pejabat pendaftar lain	Tiada peruntukan khusus.	Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk memeriksa dan mengambil salinan atau cabutan daripada rekod atau dokumen mana-mana mahkamah atau pejabat pendaftar yang lain. (Seksyen 53)
12.	Kuasa pengawal selia untuk memberikan amaran rasmi	Tiada peruntukan khusus.	Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk memberikan amaran rasmi kepada pemegang amanah khairat yang didapati telah melakukan pecah amanah, kemungkiran kewajipan ataupun apa-apa salah laku atau salah tadbir lain dalam pentadbiran badan khairat. (Seksyen 75A)
13.	Kuasa pengawal selia untuk menyingkirkan pemegang amanah dan menubuhkan skim pentadbiran badan	Tiada peruntukan khusus dalam Akta, tetapi menurut seksyen 9 Akta Prosiding Kerajaan 1956, Peguam Negara, atau dua atau lebih orang yang mempunyai kepentingan dalam amanah tersebut dan mempunyai persetujuan bertulis daripada Peguam Negara, boleh memulakan prosiding di mahkamah untuk, antara lainnya, menyingkirkan mana-mana pemegang amanah dan mengaturkan skim	Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk menyingkirkan pemegang amanah sekiranya terdapat isu salah laku atau salah tadbir, atau jika terdapat keperluan untuk melindungi harta khairat. Selanjutnya, Suruhanjaya boleh menubuhkan skim bagi pentadbiran badan tersebut. (Seksyen 79)

Bil.	Skop Perbezaan	UK	Malaysia
		pentadbiran dalam apa-apa kes apabila terdapat dakwaan pecah amanah yang bersifat awam, keagamaan, sosial atau khairat.	
14.	Kuasa pengawal selia untuk menyingkirkan pemegang amanah yang telah hilang kelayakan	Tiada peruntukan khusus.	Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk menyingkirkan pemegang amanah yang telah hilang kelayakan (seksyen 79A), atau atas beberapa faktor lain (seksyen 80).
15.	Kuasa pengawal selia untuk mengarahkan tindakan tertentu diambil atau tidak diambil	Tiada peruntukan khusus.	Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk mengarahkan badan khairat atau pemegang amanahnya untuk mengambil atau tidak mengambil tindakan tertentu demi kepentingan badan tersebut. (Seksyen 84, 84A dan 85)
16.	Kuasa pengawal selia untuk memberikan nasihat	Tiada peruntukan khusus.	Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk memberikan nasihat jika dipohon oleh pemegang amanah tentang pentadbiran badan khairat tersebut. (Seksyen 110)

Bil.	Skop Perbezaan	UK	Malaysia
17.	Tempoh penyimpanan dokumen-dokumen tertentu	Tiada peruntukan khusus.	Pemegang amanah perlu menyimpan rekod perakaunan (seksyen 131), penyata akaun (seksyen 134), dan laporan tahunan (seksyen 165) selama 6 tahun dari akhir tahun kewangan yang relevan.
18.	Pilihan format pelaporan dan audit berlainan bagi badan khairat berpendapatan rendah	Tiada peruntukan khusus.	<p>Akta memperuntukkan bahawa bagi badan khairat yang memperoleh pendapatan kasar kurang daripada £250,000 dalam satu tahun kewangan, badan tersebut boleh memilih untuk menyediakan dokumen pelaporan kewangan lain, iaitu akaun resit dan bayaran (receipts and payments account) dan penyata aset dan liabiliti (statement of assets and liabilities). (seksyen 133).</p> <p>Selain itu, bagi badan khairat yang memperoleh pendapatan kasar antara £25,000 hingga £1 juta dalam satu tahun kewangan, badan tersebut tidak perlu melaksanakan audit, tetapi harus diperiksa akaunnya oleh seorang pemeriksa yang bebas (seksyen 145).</p>

Bil.	Skop Perbezaan	UK	Malaysia
19.	Kuasa pengawal selia untuk mengarahkan audit	Tiada peruntukan khusus.	Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk mengarahkan akaun sesuatu badan khairat diaudit atas beberapa faktor. (Seksyen 146)
20.	Penyediaan laporan tahunan tentang aktiviti badan	Tiada peruntukan khusus.	Pemegang amanah perlu menyediakan laporan tahunan bagi setiap tahun kewangan yang mengandungi butiran seperti aktiviti badan tersebut dalam tahun itu dan pernyataan tentang dasar pengumpulan dana. (Seksyen 162, 162A, 163 dan 164)
21.	Tanggungjawab pemegang amanah untuk memberikan salinan dokumen kepada pemohon apabila diminta	Tiada peruntukan khusus. Akta hanya memperuntukkan bahawa Menteri harus memastikan dokumen-dokumen seperti akaun badan harus terbuka kepada pemeriksaan oleh orang awam. (Seksyen 15)	Sekiranya sesiapa memohon secara bertulis kepada badan khairat untuk sesalinan laporan tahunan terbaharu (Seksyen 171) atau akaun terbaharu (Seksyen 172), dan membayar fi yang ditetapkan, maka badan khairat tersebut harus memenuhi permohonan tersebut.

Bil.	Skop Perbezaan	UK	Malaysia
22.	Alasan-alasan kehilangan kelayakan	<p>Akta memperuntukkan bahawa seseorang pemegang amanah akan hilang kelayakannya atas 4 faktor, termasuk sekiranya dia ialah bankrap yang belum dilepaskan (undischarged bankrupt), atau disabitkan atas mana-mana kesalahan jenayah dan dihukum kepada denda tidak kurang daripada RM1,000 dan/atau pemenjaraan untuk tempoh tidak kurang daripada setahun. (Seksyen 6)</p>	<p>Akta mempunyai peruntukan lebih terperinci tentang alasan-alasan kehilangan kelayakan, yang termasuk situasi apabila individu tersebut telah disingkirkan sebagai pemegang amanah khairat sebelum ini atas sebab salah laku atau salah tadbir (Seksyen 178 dan 178A).</p> <p>Suruhanjaya boleh membuat perintah bagi menghilangkan kelayakan seorang pemegang amanah (Seksyen 181A) yang perlu menyatakan tempoh kehilangan kelayakan tersebut (Seksyen 181B). Proses selanjutnya termaktub dalam Seksyen 181C.</p>
23.	Kuasa pengawal selia untuk mengetepikan kehilangan kelayakan	Tiada peruntukan khusus.	<p>Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk mengetepikan kehilangan kelayakan seorang pemegang amanah dalam beberapa kes. (Seksyen 181)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	UK	Malaysia
24.	Rekod orang yang disingkirkan daripada jawatan	Tiada peruntukan khusus.	Suruhanjaya perlu menyimpan rekod daftar yang mengandungi setiap orang yang telah disingkirkan daripada jawatannya dalam badan khairat oleh Suruhanjaya atau Mahkamah Tinggi. (Seksyen 182)
25.	Kesan-kesan bertindak walaupun telah hilang kelayakan	Tiada peruntukan khusus.	Sekiranya seorang pemegang amanah khairat masih bertindak dalam kapasiti tersebut selepas dia telah hilang kelayakan, Akta mempunyai peruntukan tentang kesan-kesan jenayah (Seksyen 183) dan sivil (Seksyen 184) yang berbangkit pada pemegang amanah tersebut.
26.	Meterai biasa dan penyempurnaan dokumen oleh badan korporat	Setiap badan korporat mesti mempunyai meterai biasa (Seksyen 2) yang perlu diluluskan oleh Menteri (Seksyen 12). Apa-apa dokumen yang termeterai dengan menggunakan meterai tersebut, dalam pematuhan zahir dengan mana-mana syarat atau arahan relevan, akan mengikat badan tersebut (Seksyen 12).	Sebuah badan korporat tidak semestinya mempunyai meterai biasa, dan badan tersebut boleh menyempurnakan dokumen tanpa meterai jika dokumen tersebut ditandatangani oleh majoriti pemegang amanah dan disempurnakan menurut Seksyen 261. (Seksyen 260)

Bil.	Skop Perbezaan	UK	Malaysia
27.	Pindaan sijil pemerbadanan	Tiada peruntukan khusus.	Suruhanjaya boleh meminda sijil pemerbadanan berdasarkan permohonan badan korporat atau atas kehendaknya sendiri dengan memberikan notis bertulis kepada badan tersebut. (Seksyen 262)
28.	Pembubaran badan korporat oleh pengawal selia	Badan korporat akan dibubarkan sekiranya Menteri membuat perintah agar sijil pemerbadanan ditarik balik atas beberapa faktor yang berkenaan dengan ketidakpatuhan undang-undang, penipuan, atau kesalahan undang-undang. (Seksyen 17 dan 19)	Suruhanjaya boleh membuat perintah untuk membubarkan badan korporat atas faktor-faktor, seperti ketiadaan operasi, terhenti kewujudan, atau sekiranya tujuan badan tersebut telah tercapai sejauh mungkin atau tidak mungkin tercapai. (Seksyen 263)
29.	Tribunal untuk membuat rayuan	Tiada peruntukan khusus.	Akta menubuhkan suatu Tribunal yang mendengar rayuan dan permohonan semakan terhadap keputusan Suruhanjaya. Akta turut memperuntukkan bahawa rujukan boleh dibuat oleh Suruhanjaya dan Peguam Negara kepada Tribunal. (Seksyen 315, 318, 319, 321, 322, 325 dan 326)

Bil.	Skop Perbezaan	UK	Malaysia
30.	Kuasa untuk menguatkuasakan kehendak dan perintah	Akta hanya memperuntukkan bahawa syarat-syarat dan arahan-arahan dalam sijil pemerbadanan boleh dikuatkuasakan oleh Peguam Negara atau individu lain menurut Seksyen 9 Akta Prosiding Kerajaan 1956. (Seksyen 9)	Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan kehendak di bawah Akta dengan membuat perintah (Seksyen 335). Keingkaran terhadap perintah sebegitu dianggap sebagai keingkaran terhadap arahan Mahkamah Tinggi (Seksyen 336).
31.	Peruntukan kesalahan	Tiada peruntukan khusus.	Akta mempunyai beberapa peruntukan kesalahan jenayah, termasuk kesalahan membekalkan maklumat palsu atau mengelirukan (Seksyen 60), pelanggaran perintah (Seksyen 76), serta kegagalan memberikan dokumen-dokumen tertentu kepada Suruhanjaya atau pemohon lain (Seksyen 173).
32.	Kesalahan oleh badan korporat	Tiada peruntukan khusus.	Liabiliti jenayah bagi kesalahan yang dilakukan oleh badan korporat boleh dilanjutkan juga kepada pegawai badan tersebut dalam beberapa kes. (Seksyen 346)

Bil.	Skop Perbezaan	UK	Malaysia
33.	Tatacara penggubalan peraturan-peraturan	Akta memperuntukkan bahawa Menteri mempunyai kuasa untuk membuat peraturan yang difikirkan wajar demi pelaksanaan peruntukan Akta. (Seksyen 21)	Sesetengah peraturan yang dibuat oleh Menteri tertakluk pada tatacara pengesahan oleh Parlimen, iaitu draf peraturan tersebut perlu dibentangkan di hadapan kedua-dua Dewan Parlimen dan diluluskan olehnya. (Seksyen 347 – 349)

H. Kesimpulan

13. Undang-undang UK tentang pemerbadanan amanah secara amnya amat terperinci. Peruntukan yang berbeza yang menjadi kekuatan undang-undang UK ialah peruntukan tentang pelaporan yang harus dipatuhi oleh badan-badan khairat yang mengandungi perincian jelas yang dapat menjadi panduan kepada badan-badan khairat serta membolehkan pihak berkuasa untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang aktiviti dan situasi kewangan badan-badan di bawah penyeliaannya.
14. Selain itu, pembezaan kehendak pelaporan yang dikenakan pada badan-badan khairat yang berpendapatan rendah menunjukkan sifat fleksibel sistem pengawalseliaan khairat di UK yang mengambil kira keupayaan berlainan bagi badan-badan tersebut yang tidak mempunyai akses kepada sumber dan tenaga manusia yang sama. Kekuatan sistem pengawalseliaan juga terletak pada kuasa yang diberikan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan terhadap badan-badan di bawah penyeliaannya. Menurut peruntukan-peruntukan Akta, pihak berkuasa boleh memperoleh dokumen dan maklumat serta menghendaki kehadiran sesiapa sahaja untuk memberikan keterangan. Pihak berkuasa juga boleh

menjalankan audit pada badan di bawah penyeliaannya. Hal ini membolehkan pihak berkuasa memantau badan-badan korporat dan mengesan salah laku atau salah tadbir dengan cekap.

15. Selain itu, pihak berkuasa juga diberi kuasa untuk mengambil tindakan perlindungan bagi pihak badan-badan di bawah penyeliaannya yang mampu memastikan harta khairat dilindungi daripada penyalahgunaan. Hal-hal ini membolehkan pihak berkuasa di UK melaksanakan fungsi mereka untuk mengawal badan-badan khairat dengan berkesan dan menyeluruh.
16. Walau bagaimanapun, sistem di UK turut mempunyai kelemahan. Kelemahan utama yang pernah dikenal pasti ialah keberkesanan Suruhanjaya Khairat dalam pengawalseliaan sektor khairat. Pada tahun 2013, Pejabat Audit Negara telah menerbitkan laporan bertajuk *The regulatory effectiveness of the Charity Commission*. Antara dapatan dalam laporan ini adalah bahawa terdapat jurang antara jangkaan orang awam tentang kuasa dan kapasiti Suruhanjaya dengan kuasa sebenar Suruhanjaya dari segi amalan. Suruhanjaya tidak banyak menggunakan kuasa penguatkuasaan statutorinya, dan Suruhanjaya lambat dalam mengambil tindakan apabila menyiasat badan khairat.
17. Pada tahun 2017 pula, laporan *Stronger charities for a stronger society* diterbitkan oleh Jawatankuasa Pilihan mengenai Khairat (Select Committee on Charities) di bawah Dewan Pertuanan (House of Lords), yang membuat kesimpulan bahawa kerajaan mesti membantu badan-badan khairat dalam membina piawaian tatakelola yang lebih tinggi. Laporan ini turut menyatakan bahawa penambahan kehendak laporan mandatori bagi tujuan pengawalseliaan mungkin akan meletakkan beban birokrasi yang tinggi terhadap badan khairat yang kecil. Ekoran daripada laporan-laporan tersebut, pelbagai pindaan telah dibuat kepada Akta Khairat 2011. Suruhanjaya Khairat turut telah memperkenalkan tatacara

dan dasar-dasar baharu bagi mempertingkatkan kecekapannya. Hal ini menunjukkan bahawa meskipun suatu kerangka undang-undang yang menyeluruh dan terperinci diwujudkan, pelaksanaan dan semakan berkala juga amat penting demi memastikan sistem pentadbiran dan pengawalseliaan terus berfungsi dengan baik.

18. Sebagai kesimpulan, Malaysia wajar mempertimbangkan undang-undang UK sebagai model untuk menambah baik undang-undang Malaysia atas beberapa sebab. Pertama, pemberian kuasa untuk memulakan siasatan, melaksanakan audit, dan mengambil tindakan perlindungan dapat mempertingkat kebolehan pihak berkuasa dalam menyekat salah laku dan salah tadbir sebelum kerugian yang dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab menjadi terlalu parah. Secara langsung, hal ini dapat memupuk keyakinan rakyat terhadap badan-badan korporat yang sepatutnya melaksanakan aktiviti khairat demi manfaat awam.
19. Kedua, pemberian kuasa untuk memberikan amaran dan nasihat kepada badan-badan korporat merupakan contoh penggunaan kaedah bukan menghukum (non-punitive measures) dalam pengawalseliaan. Kaedah ini akan membantu badan-badan korporat mematuhi undang-undang secara proaktif, dan dapat mengurangkan beban pengawal selia.
20. Ketiga, kehendak pelaporan statutori yang lebih terperinci serta peruntukan kesalahan dan penalti yang wajar bagi ketidakpatuhan akan dapat mendorong badan-badan korporat untuk mematuhi kehendak statutori tersebut dengan konsisten dan tepat. Keadaan ini sekali gus akan memudahkan tugas pihak berkuasa dalam pemantauan dan pengawalseliaan. Akhir kata, rujukan kepada aspek-aspek undang-undang UK yang dinyatakan di atas mampu menambah baik sistem pengawalseliaan badan-badan amanah di Malaysia.

BAB 22

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI AFRIKA SELATAN

A. Pengenalan

1. Afrika Selatan merupakan negara yang menarik perhatian dunia, bukan hanya kerana keindahan alam semula jadinya yang memukau, tetapi juga kerana latar belakang sejarah dan sosial yang menakjubkan. Negara ini memiliki pelbagai ciri yang membuatnya unik di benua Afrika dan juga di pentas dunia. Selain kedudukannya yang berada di bahagian selatan, ia turut terkenal dalam aspek sejarah penjajahan, perlombongan, politik dan sosial (Britannica, 2024). Sejarah Afrika Selatan bermula sejak ribuan tahun sebelum kedatangan penjajah Eropah, dengan penempatan awal oleh puak-puak, seperti Khoi, San, Zulu, dan Xhosa. Puak-puak ini memiliki budaya dan tradisi yang kaya serta berperanan penting dalam membentuk identiti negara ini (Mackenzie & Stead, 1899). Sejarah penjajahan Afrika Selatan bermula pada abad ke-17 dengan kedatangan Belanda yang mendirikan penempatan di Cape Town pada tahun 1652. Penjajahan ini kemudian disusuli oleh British pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19 yang menyebabkan kepada konflik dan peperangan yang berlarutan antara kuasa-kuasa penjajah dan juga penduduk asal Afrika Selatan (Paramesthi & Dwiyantri, 2023).
2. Antara peristiwa penting dalam sejarah Afrika Selatan ialah penemuan emas dan berlian pada akhir abad ke-19. Penemuan ini menjadikan Afrika Selatan sebagai antara destinasi utama bagi pelombong dan pelabur dari seluruh dunia. Emas dan berlian bukan sahaja membawa kekayaan kepada negara ini, tetapi juga menyebabkan ketegangan antara British dengan Boer (keturunan Belanda) yang akhirnya mengakibatkan Perang Boer (Britannica, 2024). Selepas peperangan tersebut, Kesatuan Afrika

Selatan ditubuhkan pada tahun 1910, yang menjadi asas kepada negara moden Afrika Selatan hari ini. Namun, perjalanan menuju kemerdekaan dan kesaksamaan di Afrika Selatan tidak mudah. Pada tahun 1948, Parti Nasional yang dikuasai oleh orang Afrika Selatan berketurunan Eropah (Afrikaner) yang bahasa ibundanya adalah Afrikaans, memperkenalkan dasar *apartheid* yang menginstitusikan pengasingan kaum secara meluas dan mengekalkan dominasi politik dan ekonomi oleh penduduk kulit putih (Paramesthi & Dwiyanti, 2023). Dasar ini menyebabkan diskriminasi yang kejam terhadap penduduk kulit hitam, Asia dan penduduk kulit putih. Penduduk kulit hitam yang merupakan penduduk majoriti di negara ini, dihadkan aksesnya kepada pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan tanah, serta dipaksa tinggal di kawasan yang dikhaskan bagi mereka, jauh dari bandar-bandar utama.

3. Perjuangan menentang *apartheid* merupakan antara episod yang paling penting dalam sejarah Afrika Selatan. Gerakan menentang *apartheid* dipelopori oleh tokoh-tokoh, seperti Nelson Mandela, Oliver Tambo, dan Desmond Tutu, serta organisasi seperti African National Congress (ANC) (Britannica, 2024). Perjuangan mereka yang pada mulanya berbentuk demonstrasi aman, bertukar menjadi pemberontakan bersenjata apabila kerajaan *apartheid* bertindak balas dengan kekerasan. Nelson Mandela yang menjadi simbol perjuangan menentang *apartheid*, ditahan selama 27 tahun, dan kebebasannya pada tahun 1990 menandakan permulaan era baharu dalam sejarah Afrika Selatan.
4. Di samping itu, Afrika Selatan juga memainkan peranan yang penting dalam politik antarabangsa, terutamanya dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali dan Kesatuan Afrika. Negara ini telah menjadi model dalam usaha perdamaian dan penyelesaian konflik, terutamanya melalui usaha Nelson Mandela yang dihormati di seluruh dunia sebagai pejuang hak asasi manusia dan simbol perpaduan (Britannica, 2024).

5. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa justifikasi bagi pemilihan negara ini sebagai antara negara kajian perbandingan. Yang pertama, kerangka undang-undang amanah di Afrika Selatan merangkumi pelbagai aspek penting yang berkaitan dengan pengurusan amanah, perlindungan penerima manfaat dan tanggungjawab pemegang amanah (*Trust Property Control Act, 1988*). Dengan mengkaji kerangka ini, Malaysia dapat memperoleh idea yang bernilai tentang bagaimana *Trustee (Incorporation) Act 1952* (Akta 258) dapat diperkemas. Elemen-elemen yang mempromosikan pentadbiran amanah yang lebih telus, bertanggungjawab dan berkesan boleh diadaptasi dalam undang-undang Malaysia untuk memastikan bahawa amanah dikendalikan dengan lebih profesional dan mengutamakan kepentingan penerima manfaat.
6. Yang kedua, pengalaman Afrika Selatan dalam menangani ketidaksamarataan sosioekonomi merupakan satu lagi alasan yang kukuh untuk mengkaji undang-undang amanahnya. Afrika Selatan telah melalui sejarah yang panjang dalam aspek diskriminasi dan ketidaksamarataan, terutamanya semasa era *apartheid* apabila komuniti kulit hitam dan etnik minoriti lain telah dinafikan hak ekonomi dan sosial mereka. Dalam usaha membina semula masyarakat yang lebih adil, undang-undang amanah di Afrika Selatan telah disesuaikan untuk melindungi kepentingan golongan yang kurang bernasib baik. Melalui kajian ini, Malaysia boleh belajar bagaimana untuk memantapkan Akta 258 supaya lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan masyarakat yang pelbagai. Hal ini penting dalam usaha untuk memastikan bahawa semua lapisan masyarakat, termasuk yang kurang bernasib baik, dapat menikmati perlindungan yang adil menurut undang-undang amanah.
7. Yang ketiga, Afrika Selatan telah mengamalkan undang-undang berkaitan dengan amanah selama hampir dua abad, dengan kes mahkamah pertama yang berkaitan dengannya direkodkan pada tahun 1833 (*Trusts Unlimited, n.d.*). Dengan mengkaji kandungan akta dan kes-kes yang

diputuskan, Malaysia dapat mengambil inspirasi untuk mempertingkatkan kecekapan pentadbiran amanah di negara ini. Selain itu, Negara Afrika Selatan juga pernah dijajah oleh British, dan perkara ini membuatkan negara tersebut juga mewarisi konsep *common law*. Oleh itu, adalah jelas bahawa kajian di negara Afrika Selatan penting untuk diperhalusi, membolehkan Akta 258 dipindah dengan sewajarnya.

8. Yang keempat, penyertaan Afrika Selatan dalam organisasi antarabangsa, seperti organisasi Brazil, Russia, India, China, and South Africa (BRICS) memacu ekonomi negara tersebut dalam menghadapi cabaran yang serupa dengan Malaysia dalam aspek pembangunan ekonomi dan menangani isu-isu sosial (Pant, 2013). Hal ini termasuk usaha untuk mengimbangi antara pertumbuhan ekonomi dengan keperluan untuk memastikan keadilan sosial dan ekonomi. Kajian tentang undang-undang amanah Afrika Selatan boleh menawarkan perspektif yang relevan dan praktikal kepada Malaysia, membolehkan Akta 258 ditambah baik dengan mengambil kira konteks dan cabaran unik yang dihadapi oleh negara-negara membangun.

B. Undang-undang berkaitan dengan Amanah

9. *Trust Property Control Act, 1988 (Act No. 57, 1988)* bertujuan untuk mengawal selia pengurusan harta amanah dengan lebih lanjut dan mengadakan peruntukan yang berkaitan untuk pengurusan dan kawalan harta amanah. Naskah undang-undang ini menekankan pentingnya pengaturan yang jelas dan berkesan dalam pengurusan harta amanah, memastikan bahawa harta tersebut diuruskan dengan cara yang mematuhi prinsip amanah dan peraturan yang berlaku.

10. Selain itu, dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran yang membantu pertubuhan tidak berasaskan keuntungan (Non Profit Organisation [NPO]) dan memastikan pengurusan harta amanah yang berkesan, Afrika Selatan telah menetapkan undang-undang khusus bagi memastikan aktiviti berkaitan amanah dan mana-mana badan pertubuhan berjalan dengan teratur. Undang-undang yang mengawal selia NPO di Afrika Selatan bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan dan keberkesanan NPO. *Non profit Organisations Act, 1997 (Act No. 71, 1997)* menyatakan tujuan utama undang-undang ini adalah untuk menyediakan persekitaran yang membolehkan NPO berkembang dengan baik, mewujudkan rangka kerja pentadbiran dan pengawalseliaan yang jelas, serta membatalkan beberapa bahagian *Fundraising Act 1978* yang lama. Hal ini menunjukkan komitmen undang-undang di Afrika Selatan untuk memudahkan operasi NPO dalam cara yang teratur dan terkawal, sambil memastikan mereka mematuhi prinsip-prinsip yang telah ditetapkan. Jadual 22.1 menunjukkan senarai undang-undang berkaitan dengan amanah di Afrika Selatan.

Jadual 22.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di Afrika Selatan

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>Trust Property Control Act 57 of 1988</i>	Akta ini menetapkan garis panduan dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh pemegang amanah dalam mengendalikan dan menguruskan harta amanah.
2.	<i>Administration of Estates Act 66 of 1965</i>	Akta ini bertujuan untuk mengatur pembahagian harta peninggalan orang yang sudah meninggal dunia, mengurus harta anak-anak di bawah umur dan mereka yang di bawah penjagaan, serta mengurus harta yang tidak dituntut. Selain itu, ia juga menetapkan hak penerima wasiat bersama dan meminda undang-undang berkaitan dengan kesihatan mental.

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
3.	<i>Nonprofit Organisations Act 71 of 1997</i>	Akta ini diperkenalkan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi perkembangan NPO, menetapkan rangka kerja pentadbiran dan peraturan yang perlu dipatuhi.
4.	<i>Fund-raising Act 107 of 1978</i>	Akta ini bertindak sebagai suatu bentuk perlindungan, dengan menetapkan peraturan dan garis panduan yang perlu diikuti oleh pihak yang bertanggungjawab ke atas dana tersebut.

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

11. Di Afrika Selatan, *Trust Property Control Act, 1988 (Act No. 57, 1998)* telah digubal untuk menyediakan kerangka undang-undang yang jelas tentang pengurusan dan pengawalan harta amanah. Undang-undang ini bertujuan untuk mengatur lebih lanjut kawalan terhadap harta amanah dan memastikan bahawa pengurusan dan penggunaan harta tersebut mematuhi prinsip-prinsip undang-undang yang telah ditetapkan.
12. *Act No. 57, 1998* mengandungi 27 peruntukan dan satu jadual. Ringkasan kandungan dalam Akta tersebut dinyatakan dalam Jadual 22.2.

Jadual 22.2: Ringkasan Kandungan Act No. 57, 1998

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 1	<i>Definitions</i>
Seksyen 2	<i>Certain documents deemed to be trust instruments</i>
Seksyen 3	<i>Jurisdiction of Masters</i>
Seksyen 4	<i>Lodgement of trust instrument</i>
Seksyen 5	<i>Notification of address</i>
Seksyen 6	<i>Authorization of trustee and security</i>
Seksyen 7	<i>Appointment of trustee and co-trustee by Master</i>
Seksyen 8	<i>Foreign trustees</i>
Seksyen 9	<i>Care, diligence and skill required of trustee</i>
Seksyen 10	<i>Trust account</i>
Seksyen 11	<i>Registration and identification of trust property</i>
Seksyen 12	<i>Separate position of trust property</i>
Seksyen 13	<i>Power of court to vary trust provisions</i>
Seksyen 14	<i>Variation of trust instrument.</i>
Seksyen 15	<i>Report of irregularities</i>
Seksyen 16	<i>Master may call upon trustee to account</i>
Seksyen 17	<i>Custody of documents</i>
Seksyen 18	<i>Copies of documents</i>
Seksyen 19	Failure by trustee to account or perform duties
Seksyen 20	<i>Removal of trustee</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 21	<i>Resignation by trustee</i>
Seksyen 22	<i>Remuneration of trustee</i>
Seksyen 23	<i>Access to court</i>
Seksyen 24	<i>Regulations</i>
Seksyen 25	<i>Application of Act</i>
Seksyen 26	<i>Amendment or repeal of laws, and savings</i>
Seksyen 27	<i>Short title and commencement</i>
Jadual	<i>Schedule</i>

D. Kes mahkamah tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

Kruth v. Rall N.O. and Others (14625/2021) [2023] ZAWCHC 196; 2023 (6) SA 514

Kes ini diputuskan di Mahkamah Tinggi Afrika Selatan. Pemohon, seorang penerima manfaat, memohon perintah supaya para pemegang amanah menyediakan penyata kewangan amanah dan memberikan dokumen-dokumen tertentu. Pada mulanya, para pemegang amanah membantah, tetapi Lenette, ibu pemohon, menarik diri daripada bantahan tersebut. Pemohon menerima pelbagai dokumen termasuk penyata kewangan amanah dari tahun 2017 hingga 2021, serta maklumat kewangan berkaitan Route 62 Investments (Pty) Ltd, sebuah entiti milik amanah. Kini, pemohon menuntut kos berkaitan dengan permohonan tersebut. Mahkamah juga mengeluarkan beberapa perintah yang lain, termasuk penilaian modal amanah pada Februari 2017 dan butiran harta yang dicagarkan pada tahun 2020. Pemohon menghujahkan bahawa walaupun haknya sebagai penerima manfaat belum disahkan, dia berhak untuk menuntut maklumat

kewangan mengikut seksyen 19 *Trust Property Control Act 1988* yang memberikan hak kepada semua penerima manfaat untuk mendapatkan maklumat tentang pengurusan amanah. Mahkamah memutuskan untuk menolak permohonan pemohon dan memerintahkan kos permohonan dibayar dari dana Elbert De Wit Family Trust. Mahkamah menyatakan bahawa pemohon, sebagai *contingent beneficiary* yang haknya belum disahkan, tidak berhak untuk mendapatkan maklumat kewangan yang terperinci tentang harta amanah dan entiti berkaitan seperti yang diminta. Tambahan pula, Mahkamah tidak melihat alasan yang cukup kuat untuk memihak kepada pemohon, dan memerintahkan supaya kos permohonan ditanggung oleh dana Elbert De Wit Family Trust kerana ia berkaitan dengan urusan amanah tersebut. Mahkamah mendapati bahawa para pemegang amanah telah memberikan maklumat yang mencukupi, termasuk penyata kewangan dan dokumen-dokumen lain yang diminta.

E. Perbandingan dengan Malaysia

13. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara Akta 258 dengan *Trust Property Control Act 57 of 1988* diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara Akta 258 dengan *Trust Property Control Act 57 of 1988* dinyatakan dalam Jadual 22.3 di bawah.

Jadual 22.3: Persamaan antara Akta 258 dengan *Trust Property Control Act 57 of 1988*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Pelantikan pemegang amanah	Kedua-dua Akta memperuntukkan tentang pelantikan pemegang amanah.	Afrika Selatan: Seksyen 7 Malaysia: Seksyen 5
2.	Liabiliti pemegang amanah	Kedua-dua Akta menetapkan liabiliti pemegang amanah bagi harta yang diuruskan.	Afrika Selatan: Seksyen 9 Malaysia: Seksyen 6
3.	Kehilangan kelayakan pemegang amanah	Kedua-dua Akta memperuntukkan tentang kehilangan kelayakan pemegang amanah jika dia telah disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah undang-undang dan dijatuhi hukuman.	Afrika Selatan: Seksyen 20 Malaysia: Seksyen 6A
4.	Kuasa mahkamah	Kedua-dua Akta memberikan kuasa kepada mahkamah (Supreme Court di Afrika Selatan dan Mahkamah Tinggi di Malaysia) untuk menjalankan kuasa kehakiman yang termaktub dalam setiap peruntukan tersebut.	Afrika Selatan: Seksyen 13 Malaysia: Seksyen 16
5.	Rekod permohonan dan dokumen yang perlu disimpan	Kedua-dua Akta mewajibkan penyimpanan rekod	Afrika Selatan: Seksyen 17 Malaysia: Seksyen 8

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
6.	Peraturan	Kedua-dua Akta ini memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta.	Afrika Selatan: Seksyen 24 Malaysia: Seksyen 21

14. Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trust Property Control Act 57 of 1988* pula digambarkan oleh Jadual 22.4.

Jadual 22.4: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trust Property Control Act 57 of 1988*

Bil.	Skop Perbezaan	Afrika Selatan	Malaysia
1.	Tafsiran	Tiada peruntukan mengenai sijil pemerbadanan.	Secara khusus mentakrifkan "certificate of incorporation" tetapi tidak termasuk definisi untuk istilah penting yang lain. (Seksyen 1A)
2.	Permohonan pemerbadanan	Tiada peruntukan khusus.	Merangkumi suatu jadual menerangkan butiran-butiran yang diperlukan dalam permohonan sijil pemerbadanan dan memberikan kuasa kepada Menteri untuk enggan memberikan sijil jika keperluan awal tidak dipenuhi. (Seksyen 4)

Bil.	Skop Perbezaan	Afrika Selatan	Malaysia
3.	Pelaksanaan perintah dan arahan Peguam Negara	Tiada peruntukan khusus.	Semua syarat yang tertera dalam sijil pemerbadanan hendaklah dipatuhi oleh pemegang amanah dan ia boleh dikuatkuasakan oleh Peguam Negara di bawah Government Proceeding Act 1956. (Seksyen 9)
4.	Sekuriti (Security)	Memerlukan pemegang amanah untuk memberikan sekuriti bagi memastikan pematuhan kepada tanggungjawab mereka. (Seksyen 6)	Tiada Peruntukan.
5.	Kontrak yang tidak dimeterai mengikat dalam kes-kes tertentu	Tiada peruntukan khusus.	Setiap kontrak yang dibuat tetap sah dan mengikat walaupun kontrak tersebut tidak dibuat atau dimeterai di bawah meterai biasa. (Seksyen 13)
6.	Pembubaran sukarela badan korporat	Tiada peruntukan khusus.	Badan korporat boleh dibubarkan secara sukarela apabila berlaku mana-mana kejadian seperti yang dinyatakan dalam akta amanah yang mengakibatkan pembubaran atau oleh keputusan pemegang amanah. (Seksyen 18)

Bil.	Skop Perbezaan	Afrika Selatan	Malaysia
7.	Hukuman	Seorang pemegang amanah boleh dilucutkan dari tanggungjawabnya mengikut kesalahan yang diperuntukan dalam akta tersebut. (Seksyen 20)	Tidak diperuntukan secara khusus.

15. Selain *Trust Property Control Act 57 of 1988*, persamaan dan perbezaan antara Akta 258 dengan *Nonprofit Organisations Act 1997* juga diterjemahkan dalam bentuk jadual. Jadual 22.5 menunjukkan persamaan antara Akta 258 dengan *Nonprofit Organisations Act 1997*.

Jadual 22.5: Persamaan antara Akta 258 dengan *Nonprofit Organisations Act 1997*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Rekod permohonan dan dokumen yang perlu disimpan	Kedua-dua Akta ini mewajibkan penyimpanan rekod.	Afrika Selatan: Seksyen 17 Malaysia: Seksyen 8
2.	Peraturan	Kedua-dua Akta ini memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta.	Afrika Selatan: Seksyen 26 Malaysia: Seksyen 21

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
3.	Pemberian sijil sebagai badan korporat	Kedua-dua Akta ini memberikan suatu perakuan pendaftaran sebagai pertubuhan perbadanan kepada pemegang amanah atau pemegang amanah kepada mana-mana badan atau persatuan.	Afrika Selatan: Seksyen 15 Malaysia: Seksyen 2
4.	Butir-butir yang berkaitan dengan Permohonan sijil pemerbadanan	Kedua-dua Akta ini memerlukan butir-butir tertentu dimasukkan ke dalam permohonan sijil pemerbadanan.	Afrika Selatan: Seksyen 13 Malaysia: Seksyen 4
5.	Pencalonan pemegang amanah dan pengisian kekosongan	Kedua-dua Akta ini menerangkan pelantikan pemegang amanah.	Afrika Selatan: Seksyen 12 Malaysia: Seksyen 5

16. Jadual 22.6 pula menunjukkan perbezaan antara Akta 258 dengan *Nonprofit Organisations Act 1997*.

Jadual 22.6: Perbezaan antara antara Akta 258 dengan *Nonprofit Organisations Act 1997*

Bil.	Skop Perbezaan	Afrika Selatan	Malaysia
1.	Tafsiran	Tiada peruntukan mengenai sijil pemerbadanan.	Hanya mentakrifkan “sijil pemerbadanan.” (Seksyen 1A)
2.	Permohonan Pemerbadanan	Tiada peruntukan khusus.	Merangkumi suatu jadual menerangkan butiran-butiran yang diperlukan dalam permohonan sijil pemerbadanan dan memberikan kuasa kepada Menteri untuk enggan memberikan sijil jika keperluan awal tidak dipenuhi. (Seksyen 4)
3.	Pelaksanaan perintah dan arahan Peguam Negara	Tiada peruntukan khusus.	Semua syarat yang tertera dalam sijil pemerbadanan hendaklah dipatuhi oleh pemegang amanah dan ia boleh dikuatkuasakan oleh Peguam Negara di bawah <i>Government Proceeding Act 1956</i> . (Seksyen 9)
4.	Kontrak yang tidak dimeterai mengikat dalam kes-kes tertentu	Tiada peruntukan khusus.	Setiap kontrak yang dibuat tetap sah dan mengikat walaupun kontrak tersebut tidak dibuat atau dimeterai di bawah meterai biasa. (Seksyen 13)

Bil.	Skop Perbezaan	Afrika Selatan	Malaysia
5.	Pembubaran sukarela badan korporat	Tiada peruntukan khusus.	Sebuah badan korporat boleh dibubarkan secara sukarela apabila berlaku mana-mana kejadian seperti yang dinyatakan dalam akta amanah yang mengakibatkan pembubaran atau oleh keputusan pemegang amanah. (Seksyen 18)
6.	Penalti	Memperuntukkan kesalahan berkaitan dengan pemindahan aset NPO yang sedang dibubarkan secara tidak sah, untuk individu atau organisasi mengaku berdaftar tanpa pendaftaran yang sah, serta membuat kenyataan palsu dalam dokumen atau laporan yang diserahkan kepada pihak berkuasa. (Seksyen 29)	Tidak diperuntukan secara khusus.

G. Kesimpulan

17. Cadangan-cadangan pindaan kepada Akta 258 daripada *Trust Property Control Act, 1988* bertujuan untuk memperkukuh kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan amanah di Malaysia. Beberapa elemen utama yang boleh dipertimbangkan, termasuk memperkenalkan peranan seperti “Master”, mewajibkan “sekuriti” dan audit tahunan oleh pemegang amanah, serta menetapkan garis panduan yang lebih terperinci dan penalti yang lebih jelas bagi kesalahan.
18. Walau bagaimanapun, setiap cadangan ini diiringi dengan isu-isu yang mungkin timbul dan cabaran yang perlu dihadapi, terutamanya berkaitan dengan perubahan struktur pentadbiran dan beban tambahan yang mungkin dikenakan kepada pemegang amanah. Oleh itu, perlunya pendekatan yang seimbang dalam melaksanakan pindaan ini dengan memastikan bahawa ia bukan sahaja meningkatkan kebertanggungjawaban dan ketelusan, tetapi pada masa yang sama, tidak menghalang pemegang amanah daripada menjalankan tugas mereka dengan berkesan.
19. Secara keseluruhannya, cadangan-cadangan ini boleh memberikan sumbangan yang signifikan kepada penambahbaikan perundangan berkaitan dengan amanah di Malaysia, terutamanya dalam aspek pengawalan dan pengurusan yang lebih sistematik dan telus. Pelaksanaan cadangan-cadangan ini perlu dilakukan dengan teliti dan berperingkat bagi memastikan penerimaan yang baik serta kelancaran dalam proses peralihan undang-undang.

BAB 23

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI REPUBLIK BERSATU TANZANIA

A. Pengenalan

1. Antara negara yang dipertimbangkan oleh Pasukan Penyelidik untuk dijadikan sebagai model perbandingan dalam kajian tentang pindaan Akta 258 ialah Republik Bersatu Tanzania (selepas ini akan dirujuk sebagai “Tanzania”). Pada awalnya, Tanzania ialah sebuah kawasan yang hanya terdiri daripada savana atau kawasan padang rumput. Penduduknya bergantung pada pemburuan dan pengumpulan hasil hutan untuk menyara hidup (Martin Sturmer, 1998). Kini, Tanzania merupakan sebuah negara separa gurun atau “sub-saharan” yang sedang membangun (Prof. Dr. Ratlan Pardede, 2019). Tanzania mempunyai saiz pasaran ekonomi global sebanyak US\$28 bilion dan dijangka menjadi antara negara dengan perkembangan ekonomi yang paling pesat di dunia (PwC, 2015). Pembangunan pesat tersebut disebabkan oleh penemuan gas asli (natural gas) di luar pesisir dan perancangan projek-projek infrastruktur yang baharu, seperti pelabuhan baharu bernilai US\$10 bilion di Bagomoyo (Annie Njanja, 2015).
2. Selain itu, perdagangan antarabangsa juga telah mendatangkan sumbangan yang signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Tanzania dengan 31% daripada eksport dan 50% daripada import (PwC, 2015). Seterusnya, sektor pelancongan merupakan penyumbang kedua yang terbesar kepada mata wang asing di Tanzania (Tanzania Investment Centre, 2024). Tambahan pula, kepelbagaian ekonomi, keberkesanan logistik yang dan infrastruktur pengangkutan yang efisien juga memainkan peranan yang penting dalam memacu pembangunan pesat negara tersebut. Tanzania merupakan negara terbesar di Afrika

Timur yang merangkumi beberapa pulau, seperti Zanzibar, Pemba dan Mafia (National Geographic, 2015). Tanzania mempunyai keluasan keseluruhan sebanyak 947,300 km persegi dengan 885,800 km persegi darat dan 61,500 km persegi kawasan perairan (Central Intelligence Agency, 2024). Oleh hal yang demikian, Tanzania mempunyai potensi pertanian yang amat besar. Walaupun hanya 5% daripada tanah telah diusahakan setakat Ogos 2024, 20% daripada tanah di Tanzania berpotensi untuk diusahakan lagi.

3. Tanzania dikatakan kira-kira dua kali ganda saiz California, sebuah negeri di Amerika Syarikat. Tanzania bersempadan dengan negara-negara, seperti Republik Kenya, Republik Uganda, Republik Rwanda, Burundi, Republik Demokratik Kongo, Republik Zambia, Republik Malawi dan Republik Mozambique (African Union Sports Council, 2024). Tanzania mempunyai sebanyak 67,462,121 penduduk yang majoritinya etnik Afrika (National Geographic, 2015). Terdapat kira-kira 120 kumpulan suku Afrika di Tanzania. Antara bahasa yang menjadi kebiasaan dalam amalan penduduk Tanzania ialah Kishwahili, Kiunguja dan English (UNICEF, 2017). Penduduk Tanzania terdiri daripada agama Kristian, Muslim, Buddha dan Hindu. Tanzania juga merupakan negara yang sangat mementingkan dan mengutamakan keselamatan dan perlindungan hidupan liar (National Geographic, 2015). Bukanlah suatu fakta yang berlebihan untuk menyatakan bahawa negara ini ialah tempat perlindungan atau “sanctuary” hidupan liar, seperti zirafah, gnu, gajah dan singa. Buaya dan badak air juga boleh ditemukan di tebing sungai dan tasik-tasik di negara tersebut. Taman Negara Serengeti yang merupakan taman negara yang tertua dan paling popular di Tanzania menjadi kawasan perlindungan bagi kira-kira 1.7 juta gnu dan kira-kira satu juta haiwan-haiwan yang lain. Taman Negara Gombe Stream di Tanzania menjadi tempat perlindungan cimpanzi. Dari segi pentadbiran negara, Tanzania merupakan negara yang mengamalkan republik presiden. Dalam pentadbiran republik presiden, presiden bertindak sebagai ketua

negara dan ketua kerajaan. Presiden akan dipilih secara langsung oleh rakyat melalui pilihan raya umum yang diadakan setiap lima tahun. Presiden mempunyai kuasa eksekutif yang besar, termasuk dalam mengendalikan hal-hal pentadbiran dan membuat keputusan penting tentang dasar negara. Dodoma ialah ibu kota pentadbiran Tanzania.

4. Bagi kajian tentang pindaan Akta 258, Tanzania telah dipilih kerana negara tersebut mempunyai sejarah undang-undang yang sama seperti Malaysia. Sejarah undang-undangnya menelusuri kembali ke zaman penjajahan British yang menjadikan Tanzania sebagai negara Komanwel sama seperti Malaysia (President Jayake Kikwete, 2020). Tanzania telah diperintah oleh Jerman pada akhir abad ke-19. Selepas Perang Dunia Pertama, Britain telah menguasai negara tersebut dengan nama Tanganyika. Tanzania menyertai negara-negara Komanwel sejak meraih kemerdekaan pada tahun 1961. Sama seperti Malaysia sebagai negara komanwel, sistem perundangan di kedua-dua negara ini adalah berdasarkan prinsip-prinsip *common law* yang diwarisi daripada British, iaitu undang-undang yang tidak dikanunkan secara menyeluruh. Sistem perundangan Tanzania sangat bergantung pada kes-kes mahkamah (case laws) dan doktrin duluan kehakiman (judicial precedents) dalam memutuskan kes-kes undang-undang, meskipun terdapat peningkatan dan perkembangan dalam undang-undang bertulis serta peraturan-peraturan pentadbiran (Ministry of Foreign Affairs and East African Co-operation, 2024). Tambahan pula, secara khususnya, Tanzania mempunyai undang-undang yang berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah sama seperti Malaysia. Tanzania juga mempunyai *Trustees' Incorporation Act, 1956* yang boleh menjadi model perbandingan yang penting dalam kajian ini.

5. Selanjutnya, Tanzania juga sering menjadi rujukan semasa proses pembaharuan dan pindaan undang-undang di Malaysia. Sebagai contoh, semasa bacaan kali yang kedua dan ketiga bagi Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) (2022), Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan telah merujuk Tanzania sebagai sebuah negara separuh demokrasi yang mempunyai undang-undang yang melibatkan lompat parti. Lebih-lebih lagi, rujukan kepada perundangan Tanzania juga boleh dilihat semasa usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ahli Parlimen Tanjong Manis, Datuk Hajah Norah Abd Rahman merujuk Tanzania sebagai model negara yang mempunyai bank wanita. Semasa bacaan kali yang kedua dan ketiga Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, Ahli Parlimen Pasir Mas, Dato Ibrahim Ali telah merujuk *Tanganyika Preventive Detention Act 1962* di Tanzania sebagai model negara yang mempunyai undang-undang yang berkaitan dengan penahanan tanpa perbicaraan.

B. Undang-undang tentang Amanah

6. Asal usul konsep amanah dapat dijejaki hingga ke sistem perundangan purba, tetapi konsep tersebut telah menjadi formal pada abad pertengahan atau *medieval period* di England (Datius Didace, 2023). Pada masa itu, konsep amanah mula diamalkan apabila sateria mengamanahkan tanah mereka tanpa apa-apa balasan kepada pihak ketiga semasa mereka pergi berperang di *Crusades*. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa undang-undang amanah berakar umbi daripada undang-undang Inggeris. Secara umumnya, amanah boleh diertikan sebagai suatu pengaturan undang-undang. Aturan undang-undang tersebut melibatkan tiga pihak, iaitu pengasas amanah, pemegang amanah dan penerima amanah. Pengasas amanah akan memindahkan hak milik undang-undang suatu harta kepada pemegang amanah. Pemegang amanah bertanggungjawab untuk menguruskan harta tersebut

bagi manfaat penerima amanah. Amanah boleh diwujudkan melalui tindakan peribadi pengasas amanah, atau melalui perintah mahkamah, atau berdasarkan operasi undang-undang. Di Tanzania, undang-undang amanah yang digunakan adalah berdasarkan undang-undang amanah Inggeris yang telah diterima semasa zaman penjajahan British. Kini, di Tanzania, amanah dikawal selia dan diurus oleh *Trustees' Incorporation Act, 1956* yang dipinda oleh *Written Laws (Miscellaneous Amendments) (No.8) 2020*. Sehubungan dengan itu, undang-undang di Tanzania mendefinisikan amanah sebagai suatu hubungan yang wujud antara pengasas amanah, pemegang amanah dan penerima amanah. Menurut Seksyen 1A *Written Laws (Miscellaneous Amendments) (No.8) 2020*–

'trust' means a legal relationship created by personal acts, by an order of the court or operation of the law, when specified property or interests are placed under the control and management of a trustee or trustees for the benefit of another party or parties, called a beneficiary or beneficiaries, or for purposes specified under section 2(1).

7. Konsep ini bermaksud bahawa setelah amanah diwujudkan, amanah tersebut akan mengenakan kewajipan ekuiti kepada pemegang amanah yang memegang hak milik undang-undang dan memberikan hak atau kepentingan ekuiti kepada penerima amanah.
8. Antara undang-undang yang mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan dengan amanah di Tanzania adalah seperti dalam Jadual 23.1 di bawah.

Jadual 23.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di Tanzania

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>Trustees' Incorporation Rules 1956</i>	Peraturan ini telah digubal berdasarkan kuasa Menteri yang diperuntukkan dalam <i>Trustees' Incorporation Act 1956</i> . Peraturan ini mengandungi 7 peruntukan dan 2 Jadual.
2.	<i>Agricultural Development Fund Act 1984 [Chapter 199]</i>	Akta ini telah digubal dengan tujuan untuk menubuhkan Dana Pembangunan Pertanian atau <i>Agricultural Development Fund</i> dan bagi menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan dengan dana tersebut.
3.	<i>Community Health Fund Act 2017 [Chapter 409]</i>	Tanzania telah membangunkan strategi pembiayaan kesihatan 2016-2026 bagi menangani ketidaksamaan dan ketidakberkesanan yang wujud dalam struktur pembiayaan kesihatannya. Strategi ini telah mencadangkan pengenalan insurans kesihatan kebangsaan wajib yang memerlukan tatacara undang-undang, dan parlimen jangka panjang.
4.	<i>Education Fund Act 2017 [Chapter 412]</i>	Akta ini telah digubal dengan tujuan untuk menubuhkan suatu Dana Pendidikan dan menyediakan pengurusan bagi menyelaraskan dana tersebut serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
5.	<i>Loans and Advances Realisation Trust Act [Chapter 248]</i>	Dalam usaha mencapai matlamatnya untuk membersihkan bank-bank milik negara, Tanzania telah menubuhkan <i>Loans and Advances Realisation Trust</i> melalui <i>Loans and Advances Realisation Trust Act 1991</i> . Akta tersebut mengarahkan institusi kewangan untuk memindahkan aset yang tidak digunakan

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
		<p>kepada <i>Loans and Advances Realisation Trust</i> pada harga yang ditetapkan olehnya. Institusi tersebut menerima bon kerajaan sebagai ganti bagi aset yang dipindahkan. Selepas pemindahan ini, Kerajaan Tanzania kemudiannya menambah modal institusi yang memindahkan aset tersebut.</p>
6.	<p><i>Local Authorities Provident Fund Act 2000 [Chapter 407]</i></p>	<p>Akta ini telah digubal dengan tujuan untuk menubuhkan suatu <i>Local Authorities Provident Fund</i> dan menyediakan perlembagaan, pentadbiran dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Objektif dana tersebut adalah untuk menyediakan suatu skim bagi pembayaran pencen dan faedah lain kepada penyimpan, untuk merumus, menawarkan, dan mentadbir pakej pencen dan faedah lain yang menarik kepada individu dan institusi yang menjadi penyimpan atau pekerja penyumbang, untuk berusaha ke arah penambahbaikan secara beransur-ansur dan berterusan terhadap pencen dan faedah lain yang dibayar kepada pekerja pihak berkuasa tempatan.</p>
7.	<p><i>National Health Insurance Fund Act 1999 [Chapter 395]</i></p>	<p>Akta ini telah digubal dengan tujuan untuk menubuhkan suatu Dana Insurans Kesihatan Kebangsaan dan untuk menyediakan sumbangan serta pembayaran faedah penjagaan kesihatan kepada pegawai-pegawai kerajaan serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini akan digunakan untuk semua pekhidmat awam selain mereka yang bekerja dalam kerajaan tempatan, pertahanan, polis, penjara, dan mereka yang dilindungi oleh dana keselamatan sosial kebangsaan.</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
8.	<i>Privatisation Trust Act 1997 [Chapter 127]</i>	<p>Akta ini telah digubal dengan tujuan untuk membenarkan penswastaan amanah. Akat ini memperuntukkan kewajipan dan fungsi-fungsinya berkaitan dengan promosi pemilikan saham yang lebih luas oleh warganegara Tanzania, dan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Amanah tersebut akan menjadi badan korporat dengan meterai pemerbadanan dan boleh menyaman atau disaman dengan nama korporatnya. Badan korporat akan menjadi entiti bebas yang mempunyai integriti dan profesionalisme yang tinggi.</p>
9.	<i>Probate and Administration of Estates Act 1963 [Chapter 352]</i>	<p>Akta ini telah digubal dengan tujuan menyediakan pemberian Probet Wasiat dan Surat Pentadbiran kepada harta pusaka orang yang telah meninggal dunia, untuk membuat peruntukan tertentu tentang kuasa dan tanggungjawab wasi dan pentadbir, pentadbiran harta wakaf, pembayaran khairat dalam harta pusaka Islam, dan perkara-perkara berkaitan.</p> <p>Mengikut Akta ini, suatu perbadanan amanah boleh diberi probet wasiat mana-mana orang, jika ia dinamakan sebagai wasi dalam wasiat tersebut, atau boleh diberikan surat pentadbiran. Suatu perbadanan amanah boleh diberi probet atau surat pentadbiran sama ada secara sendiri atau bersama dengan orang lain. Probet atau surat pentadbiran tidak akan diberikan kepada sindiket atau wakil bagi pihak perbadanan amanah.</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
10.	<p style="text-align: center;"><i>Provident Fund (Government Employees) Act 1942 [Chapter 51]</i></p>	<p>Akta ini telah digubal dengan tujuan menubuhkan Dana Kesejahteraan bagi Manfaat Pegawai Kerajaan tertentu yang tidak layak untuk pencen atau imbuhan di bawah undang-undang yang sedia ada. Setiausaha Tetap kepada perbendaharaan akan melantik sebuah Lembaga Pengurusan yang akan bertanggungjawab untuk kawalan dan pengurusan dana tersebut mengikut peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.</p> <p>Lembaga tersebut akan terdiri daripada seorang Pengerusi yang akan dinominasikan oleh Setiausaha Tetap kepada perbendaharaan dan sekurang-kurangnya dua orang ahli, salah seorang daripadanya mestilah seorang yang mampu mewakili kepentingan penyimpan dengan memuaskan hati Setiausaha Tetap kepada perbendaharaan, dan tiga orang ahli akan membentuk kuorum.</p> <p>Wang yang dibayar ke dalam dana tersebut akan, sejauh mungkin, dilaburkan oleh Setiausaha Tetap kepada perbendaharaan bagi pihak dana dalam sekuriti atau sekuriti yang memberikan faedah sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga, atau, dengan kelulusan Lembaga, boleh didepositkan oleh beliau di Bank Pos yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Pos Tanzania.</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
11.	<p><i>Public Trustee (Powers and Functions) Act 1970</i> [Chapter 31]</p>	<p>Akta ini telah digubal dengan tujuan menyediakan pelantikan seorang pemegang amanah awam dan untuk mentakrifkan kuasa dan tanggungjawab pegawai tersebut serta untuk menyediakan peruntukan wang modal di tangan pemegang amanah awam kepada dana bersama dan untuk perkara-perkara berkaitan.</p> <p>Menteri boleh melantik mana-mana individu yang sesuai dan wajar sebagai Penjaga Awam untuk Tanzania, dan boleh melantik satu atau lebih pembantu atau ejen kepada Penjaga Awam tersebut. Mana-mana pembantu atau ejen yang dilantik sedemikian akan, tertakluk kepada kawalan Penjaga Awam, berwibawa untuk menjalankan mana-mana tanggungjawab dan melaksanakan mana-mana kuasa Penjaga Awam, dan ketika menjalankan tanggungjawab tersebut atau melaksanakan kuasa tersebut, akan mempunyai keistimewaan yang sama dan tertakluk kepada liabiliti yang sama seperti Penjaga Awam.</p> <p>Penjaga Awam akan menjadi sebuah perbadanan tunggal dengan nama Penjaga Awam dan sebagai perbadanan tunggal, Penjaga Awam akan mempunyai kesinambungan kekal, meterai rasmi, dan boleh menyaman serta disaman dalam nama korporatnya.</p>

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
12.	<i>Tanganyika Higher Education Trusts Fund Act 1956 [Chapter 313]</i>	<p>Akta ini telah digubal dengan tujuan untuk menubuhkan sebuah dana amanah bagi menyediakan pendidikan tinggi dan untuk pengurusan dana tersebut serta perkara-perkara berkaitan. Suatu lembaga akan ditubuhkan dan dikenali sebagai Lembaga Pemegang Amanah Dana Pendidikan Tinggi Tanganyika yang akan menjadi sebuah badan korporat dengan kesinambungan kekal dan meterai rasmi.</p> <p>Atas nama korporatnya, Lembaga ini berwibawa untuk menyaman dan disaman, berwibawa untuk memegang, memperoleh, dan melepaskan harta, tertakluk pada peruntukan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan apa-apa sahaja dan memasuki sebarang transaksi (sama ada melibatkan perbelanjaan atau pinjaman atau pelaburan wang) yang pada pendapatnya dapat memudahkan pelaksanaan fungsi-fungsinya atau adalah berkaitan atau menyokongnya.</p>
13.	<i>Trustee Investments Act [1967] [Chapter 53]</i>	<p>Akta ini telah digubal dengan tujuan untuk menyediakan pelaburan dana amanah oleh pemegang amanah, untuk mengabaikan Bahagian I Akta Pemegang Amanah United Kingdom dan untuk perkara-perkara berkaitan.</p>

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

Dalam perundangan Tanzania, undang-undang berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah memainkan peranan yang sangat penting kerana negara tersebut tidak mempunyai Akta Amanah atau Akta Khairat. Segala perkara yang berkaitan dengan amanah dan khairat dikawal selia oleh *Trustees' Incorporation Act, 1956*. Secara tidak langsung, pemerbadanan pemegang amanah menjadi suatu kewajipan di negara tersebut. *Trustees' Incorporation Act, 1956* telah dipinda pada tahun 2020 melalui *Written Laws (Miscellaneous Amendments) (No.3) Act, 2020*. Akta tersebut (termasuk pindaan tahun 2020) mengandungi 32 peruntukan. Senarai kandungan dalam Akta tersebut adalah seperti dalam Jadual 23.2.

Jadual 23.2: Senarai Kandungan *Trustees' Incorporation Act, 1956*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 1	<i>Short Title</i>
Seksyen 1A	<i>Interpretation</i>
Seksyen 2	<i>Application for Incorporation</i>
Seksyen 3	<i>Compulsory Incorporation</i>
Seksyen 4	<i>Persons not eligible to take part in management or administration as trustee</i>
Seksyen 5	<i>Grant of certificate</i>
Seksyen 6	<i>Names of bodies corporate</i>
Seksyen 7	<i>Certificate to be evidence of compliance with requisitions</i>
Seksyen 8	<i>Effect of incorporation</i>
Seksyen 9	<i>Property to vest in body corporate</i>
Seksyen 10	<i>Gifts to vest in body corporate</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 11	<i>Common seal</i>
Seksyen 12	<i>Deeds and contracts</i>
Seksyen 13	<i>Liability of trustees notwithstanding incorporation</i>
Seksyen 14	<i>Registrar-General may investigate activities of trustee or trustees</i>
Seksyen 15	<i>Certain trustees to be resident in Tanzania</i>
Seksyen 16	<i>Nomination of trustees, filling of vacancies and return of trustees</i>
Seksyen 17	<i>Monitoring meetings of body corporates, and organisations</i>
Seksyen 18	<i>Postal address</i>
Seksyen 19	<i>Notification of change of trust</i>
Seksyen 20	<i>Registrar-General may call for audited accounts</i>
Seksyen 21	<i>Persons responsible for supplying information</i>
Seksyen 22	<i>Discretion to publish information for the benefit of members</i>
Seksyen 23	<i>Revocation of incorporation</i>
Seksyen 24	<i>Registrar-General may revoke or suspend incorporation</i>
Seksyen 25	<i>Record of applications and documents to be kept and copies supplied</i>
Seksyen 26	<i>Application to decide question whether a person is a member of a corporate body or as to property</i>
Seksyen 27	<i>Appeals</i>
Seksyen 28	<i>Offences</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Seksyen 29	<i>Power to compound offences</i>
Seksyen 30	<i>Exercise of power in relation to religious bodies</i>
Seksyen 31	<i>Rules</i>
Seksyen 32	<i>Repeal of R.L. Cap. 119 and saving</i>

D. Kes-kes tentang *Trustees' Incorporation Act, 1956*

- (a) *Registered Trustees of Arusha Muslim Union v Registered Trustees of National Muslim Council of Tanzania Alias Bakwata* [2019] TZCA 301

Kes ini merupakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Tanzania yang bersidang di Arusha. Perayu dalam kes ini ialah Registered Trustees of Arusha Muslim Union dan responden ialah Registered Trustees of National Muslim Council of Tanzania Alias Bakwata. Hakim perbicaraan yang bijaksana telah memutuskan bahawa perayu merupakan suatu pertubuhan (society) yang tidak sah dan tidak mempunyai kapasiti untuk memiliki harta. Responden pula didapati gagal untuk membuktikan pemilikan harta yang dipertikaikan. Oleh itu, tanggungjawab untuk menyelia harta tersebut diberikan kepada *Registrar-General*. Perayu merayu ke Mahkamah Rayuan Tanzania. Keputusan hakim perbicaraan yang bijaksana menunjukkan bahawa *Trustees Incorporation Act 1956* dan *Societies Act 2002* berfungsi secara selari dan bukannya secara alternatif seperti di Malaysia. Perundangan tersebut tidak memberikan pilihan kepada badan korporat ditubuhkan di bawah mana-mana satu daripada akta tersebut. Dalam kes tersebut, Mahkamah memutuskan bahawa perayu ialah pertubuhan yang tidak sah kerana gagal berdaftar dengan *Societies Act 2002* walaupun diperbadankan mengikut *Trustees Incorporation Act 1956*. Mahkamah menyatakan

bahawa badan korporat tersebut perlu didaftarkan mengikut *Societies Act 2002* dan sebelum diperbadankan mengikut *Trustees Incorporation Act 1956*.

- (b) *Alli Saidi Kurungu & Others v Administrator General the Registered Trustees of Masjid Mabox - Mtoni Sokoni & Others* [2023] TZCA 17279

Kes ini merupakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Tanzania. Dalam kes ini, responden-responden telah dilantik dalam *Board of Registered Trustees of Masjid Mabox Mtoni Sokoni*. Para perayu berpendapat bahawa pelantikan responden-responden tersebut tidak sah. Para perayu telah mengemukakan satu petisyen mengikut seksyen 26 *Trustees Incorporation Act 1956* untuk mendapatkan beberapa relief. Pada peringkat rayuan, Mahkamah Rayuan telah menjelaskan bahawa seksyen 26 *Trustees Incorporation Act 1956* membenarkan mana-mana individu untuk menyemak status mana-mana anggota badan korporat di mana-mana mahkamah. Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa kausa tindakan perayu mengikut seksyen 26 adalah betul dan sah.

- (c) *Ilela Village Council v Ansaar Muslim Youth Center & Another* [2021] TZCA 181

Kes ini merupakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Tanzania yang bersidang di Songea. Dalam kes ini, perayu ialah Ilela Village Council, manakala responden pula Ansaar Muslim Youth Center. Responden menyatakan bahawa ia membeli sebuah rumah melalui lelongan awam. Responden juga mendakwa bahawa lelongan tersebut dibuat disebabkan oleh kegagalan perayu untuk menyelesaikan jumlah yang diperintahkan oleh Regional Housing Tribunal di Ruvuma. Perayu telah memohon perintah untuk mengisytiharkan bahawa perayu merupakan pemilik sah rumah tersebut. District Land and Housing Tribunal di Mbinga membatalkan lelongan tersebut. Responden merayu ke Mahkamah Tinggi Tanzania. Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan

Responden. Perayu membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan Tanzania. Mahkamah Rayuan menjelaskan bahawa berdasarkan seksyen 3 *Trustees Incorporation Act 1956*, adalah wajib untuk memperbadankan amanah yang memegang harta bagi dan atas tujuan keagamaan, pendidikan, sastera, saintifik, sosial atau khairat. Mahkamah Rayuan juga menyatakan bahawa seksyen 8 Akta tersebut memberikan hak untuk menyaman dan disaman kepada pemegang amanah yang diperbadankan. Tambahan pula, seksyen 6(2) Akta tersebut menghendaki setiap badan korporat yang ditubuhkan di bawah Akta ini untuk menyertakan perkataan *Registered Trustees* dalam namanya.

- (d) *Hawa Hashimu v Sharifu Hassan Selemani and Another* [2021] TZHC 3516

Kes ini merupakan kes Mahkamah Tinggi Tanzania yang bersidang di Dar es Salaam. Dalam kes ini, responden pertama menyaman responden kedua dan perayu untuk pembayaran berjumlah TZS 10,740,000.00, iaitu jumlah yang didakwa telah hilang semasa berada dalam jagaan mereka. Responden pertama telah berjaya untuk mendapatkan penghakiman terhadap responden kedua dan perayu. Perayu merayu ke Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi Tanzania menjelaskan bahawa menurut seksyen 2 *Trustees Incorporation Act 1956*, badan atau kumpulan orang yang ingin diperbadankan hendaklah memohon terlebih dahulu kepada *Registrar-General*. Setelah sijil perbadanan diberikan mengikut seksyen 5(1) Akta tersebut, pemegang amanah akan menjadi badan korporat dengan nama yang dinyatakan dalam sijil tersebut. Keadaan ini memberikannya *perpetual succession* dan meterai rasmi serta kuasa untuk menyaman dan disaman dengan nama korporat tersebut mengikut seksyen 8(1) Akta tersebut.

E. Perbandingan dengan Malaysia

9. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara Akta 258 dengan *Trustees Incorporation Act 1956* diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara Akta 258 dengan *Trustees Incorporation Act 1956* adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 23.3.

Jadual 23.3: Persamaan antara Akta 258 dengan *Trustees Incorporation Act 1956*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Pemberian sijil pemerbadanan sebagai badan korporat	Kedua-dua Akta ini memperuntukkan tentang pemberian sijil pemerbadanan kepada badan atau kumpulan orang yang memohon untuk diperbadankan.	Tanzania: Seksyen 5 Malaysia: Seksyen 2
2.	Peletakhakan harta badan korporat	Kedua-dua Akta ini memperuntukkan aspek peletakhakan semua harta tanah dan peribadi yang dipegang oleh mana-mana orang sebagai pemegang amanah bagi badan korporat apabila sijil pemerbadanan diberikan.	Tanzania: Seksyen 9 Malaysia: Seksyen
3.	Butir-butir yang berkaitan dengan Permohonan Sijil Pemerbadanan	Kedua-dua Akta ini memerlukan butir-butir tertentu dimasukkan semasa permohonan sijil pemerbadanan.	Tanzania: Seksyen 2 (2) Malaysia: Seksyen 4

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
4.	Pelantikan pemegang amanah dan pengisian jawatan kosong	Kedua-dua Akta ini mewajibkan pelantikan pemegang amanah sebelum pemberian sijil pemerbadanan dengan kelulusan Menteri. Kekosongan dalam bilangan pemegang amanah hendaklah diisi mengikut perlembagaan, penyelesaian, atau peraturan badan, dan pemegang amanah yang baharu hendaklah diperakukan oleh Menteri.	Tanzania: Seksyen 16 Malaysia: Seksyen 5
5.	Liabiliti pemegang amanah	Kedua-dua Akta menetapkan liabiliti pemegang amanah bagi harta yang dimiliki dan kebertanggungjawaban mereka terhadap tindakan, resit, pengabaian, dan keingkaran mereka selepas mendapat sijil pemerbadanan.	Tanzania: Seksyen 13 Malaysia: Seksyen 6
6.	Sijil pemerbadanan sebagai keterangan muktamad pematuhan terhadap semua keperluan awal	Kedua-dua Akta ini menetapkan sijil pemerbadanan sebagai bukti bahawa segala keperluan awal telah dipenuhi.	Tanzania: Seksyen 7 Malaysia: Seksyen 7
7.	Rekod permohonan dan dokumen yang perlu disimpan serta salinan yang perlu diberikan	Kedua-dua Akta ini mewajibkan penyimpanan rekod permohonan sijil pemerbadanan dan salinan dokumen tersebut.	Tanzania: Seksyen 25 Malaysia: Seksyen 8

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
8.	Hadiah dll.	Kedua-dua Akta menetapkan bahawa setiap derma, hadiah dan pemindahan tanah yang telah dibuat sebelum pemerbadanan badan korporat hendaklah berkuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat selepas pemerbadanan badan korporat tersebut.	Tanzania: Seksyen 10 Malaysia: Seksyen 11
9.	Meterai biasa	Kedua-dua Akta ini menetapkan keperluan untuk mengadakan meterai biasa bagi badan korporat dengan peruntukan tentang kelulusan dan penggunaannya dalam melaksanakan instrumen.	Tanzania: Seksyen 11 Malaysia: Seksyen 12
10.	Petisyen untuk memutuskan persoalan sama ada seseorang ialah ahli badan korporat	Kedua-dua Akta ini membenarkan permohonan ke Mahkamah Tinggi untuk menentukan persoalan sama ada seseorang ialah ahli badan korporat.	Tanzania: Seksyen 26 Malaysia: Seksyen 16
11.	Pembatalan atau penggantungan sijil pemerbadanan	Kedua-dua Akta ini membenarkan pembatalan sijil pemerbadanan badan korporat jika ia adalah hasil penipuan, kesilapan, salah nyataan, penggunaan yang menyalahi undang-undang, mengejar objektif yang berbeza, dengan sengaja melanggar peraturan, atau melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda atau pemenjaraan	Tanzania: Seksyen 24 Malaysia: Seksyen 17

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
12.	Peraturan	Kedua-dua Akta ini memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta.	Tanzania: Seksyen 31 Malaysia: Seksyen 21

10. Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trustees Incorporation Act 1956* dinyatakan dalam Jadual 23.4 di bawah.

Jadual 23.4: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trustees Incorporation Act 1956*

Bil.	Perbezaan	Tanzania	Malaysia
1.	Tafsiran	Tiada peruntukan khusus.	Hanya mentakrifkan istilah "sijil pemerbadanan." (Seksyen 1A)
2.	Permohonan pemerbadanan	Tiada apa-apa jadual untuk menjelaskan butiran yang diperlukan dalam permohonan sijil pemerbadanan, tetapi meletakkan budi bicara kepada Administrator General. Administrator General tidak diberi kuasa untuk enggan memberikan sijil jika keperluan awal tidak dipenuhi. (Seksyen 2)	Terdapat suatu jadual yang menerangkan butiran yang diperlukan dalam permohonan sijil pemerbadanan dan memberikan kuasa kepada Menteri untuk enggan memberikan sijil jika keperluan awal tidak dipenuhi. (Seksyen 4)

Bil.	Perbezaan	Tanzania	Malaysia
3.	Kehilangan kelayakan pemegang amanah	Tiada peruntukan khusus.	Terdapat peruntukan tentang kehilangan kelayakan pemegang amanah dalam keadaan-keadaan yang tertentu. (Seksyen 6A)
4.	Pelaksanaan perintah dan arahan Peguam Negara	Tiada peruntukan khusus.	Semua syarat yang tertera dalam sijil pemerbadanan hendaklah dipatuhi oleh pemegang amanah dan ia boleh dikuatkuasakan oleh Peguam Negara mengikut <i>Government Proceeding Act 1956</i> . (Seksyen 9)
5.	Kontrak yang tidak dimeterai di bawah meterai biasa mengikat dalam kes-kes tertentu	Tiada peruntukan khusus.	Setiap kontrak yang dibuat tetap sah dan mengikat walaupun kontrak tersebut tidak dibuat atau dimeterai di bawah meterai biasa. (Seksyen 13)
6.	Pembubaran sukarela badan korporat	Tiada peruntukan khusus.	Terdapat peruntukan tentang pembubaran sukarela badan korporat dalam keadaan-keadaan tertentu. (Seksyen 18)
7.	Rayuan	Terdapat peruntukan untuk rayuan jika permohonan pemerbadanan ditolak oleh <i>Administrator-General</i> . (Seksyen 27)	Tiada peruntukan khusus.

Bil.	Perbezaan	Tanzania	Malaysia
8.	Kesalahan	Badan korporat melakukan kesalahan jika gagal menghantar pulangan yang diperlukan, jika membuat pernyataan palsu dan lewat menyelesaikan yuran.	Hanya memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membatalkan dan menggantung sijil pemerbadanan dalam keadaan-keadaan tertentu. (Seksyen 17)
9.	Kesalahan boleh kompaun	Terdapat peruntukan tentang kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun. (Seksyen 29)	Tiada peruntukan khusus.

F. Kesimpulan

11. Perbandingan antara Akta 258 dengan *Trustees Incorporation Act, 1956* memberikan suatu gambaran yang jelas tentang persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya. Bukan hanya dari segi nama, tetapi konteks peruntukan dalam kedua-dua Akta ini mempunyai persamaan. Persamaan antara kedua-dua Akta ini boleh dilihat dalam aspek, seperti sijil pemerbadanan, peletakhakan harta, butir-butir permohonan pemerbadanan, pelantikan pemegang amanah, liabiliti pemegang amanah, hadiah, dan peraturan.
12. Walau bagaimanapun, perbandingan ini juga menunjukkan perbezaan. Perbezaan yang ketara boleh dilihat dari segi peruntukan tafsiran, rayuan, kesalahan dan kesalahan boleh dikompau. Perbezaan-perbezaan tersebut sangat berguna dalam menilai sama ada ketiadaannya dalam Akta 258 merupakan suatu kelompangan yang perlu diatasi melalui pindaan undang-undang.
13. Menerusi perbandingan ini Pasukan Penyelidik berpendapat bahawa adalah wajar untuk mempertimbangkan penambahan takrifan bagi istilah-istilah penting yang lain, seperti *trust* dan *trustee* untuk memberikan kejelasan dalam Akta 258. Selain itu, pengubal undang-undang juga wajar mempertimbangkan untuk menambah peruntukan berkenaan dengan rayuan terhadap keengganan Menteri untuk mengeluarkan sijil pemerbadanan, peruntukan berkenaan dengan kesalahan oleh pemegang amanah dalam badan korporat, dan peruntukan berkenaan dengan kesalahan boleh dikompau.

BAB 24

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI TAIWAN

A. Pengenalan

1. Taiwan (yang dikenali secara rasmi sebagai Republik China) merupakan negara yang mengamalkan sistem perundangan *civil law* yang merupakan suatu sistem undang-undang yang berasaskan undang-undang yang telah digubal (statutory legislations). Sistem ini berasal dari Eropah. Taiwan yang sangat dipengaruhi oleh perundangan Jerman telah mengadaptasi sistem tersebut.
2. Taiwan adalah antara negara dijadikan sebagai model perbandingan dalam kajian tentang pindaan *Trustee (Incorporation) Act 1952* [Akta 258]. Sejarah penubuhan Taiwan boleh dikesan kembali ke kira-kira 400 tahun yang lalu dan boleh dibahagikan kepada empat tempoh (Kementerian Luar Negeri Republik Tiongkok). Antaranya ialah pemerintahan Belanda (1624-1662), Kerajaan Tungning (1661-1683), Pemerintahan Dinasti Qing (1683-1895), Pemerintahan Jepun (1895-1945), dan Pemerintahan Republik China (1945 - sehingga kini). Peristiwa sejarah yang paling penting dalam penubuhan Taiwan telah berlaku pada tahun 1912 (A. Safril Mubah, 2014). Revolusi 1911 telah menandakan permulaan tempoh Republik dalam sejarah China. Revolusi 1911 yang dipimpin oleh Dr. Sun Yat-sen telah menggulingkan Empayar Qing dan menubuhkan Republik China. Pada masa itu, Taiwan berada di bawah pemerintahan penjajahan Jepun akibat Perjanjian Shimonoseki 1895 (Suffian Mansor, et al., 2017). Berdasarkan Perjanjian tersebut, Taiwan telah diserahkan secara berterusan kepada Jepun dengan tertakluk pada 11 perkara yang telah diperuntukkan dalam Perjanjian tersebut. Kerajaan Republik China mula melaksanakan bidang kuasa terhadap Taiwan pada tahun 1945 selepas

Jepun menyerah kalah pada akhir Perang Dunia Kedua. Taiwan merupakan negara yang merangkumi keluasan keseluruhan sebanyak 36,197 km persegi dengan bilangan penduduk sebanyak 23.3 juta orang (Ministry of Foreign Affairs, 2024). Penduduk Taiwan terdiri terutama daripada etnik Han yang mewakili sekitar 95% penduduk termasuk Holo, Hakka, dan kumpulan lain yang berasal dari China, 2.5% ialah rakyat asli Malayo-Polinesia, dan 2.5% ialah pendatang asing (Ministry of Foreign Affairs, 2024). Antara bahasa yang menjadi kebiasaan dalam amalan penduduk Taiwan ialah Mandarin, Holo, Hakka dan Austronesia. Penduduk Taiwan mengamalkan agama Buddha, Taoisme, I-Kuan Tao, Kristian dan Islam.

3. Taiwan telah dipilih sebagai model perbandingan dalam Kajian ini atas beberapa faktor. Pertama sekali, Taiwan sering menjadi rujukan semasa proses pembaharuan dan pindaan undang-undang di Malaysia. Sebagai contoh, semasa pertimbangan semula Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2023 dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2023, Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan telah merujuk Taiwan sebagai model perbandingan yang menggunakan *Multi-Lane Fast Flow* (MLFF). Selain itu, semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Timbalan Menteri Kesihatan, Dato Lukanisman bin Awang Sauni telah menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meneliti *National Health Insurance Scheme* di Taiwan dalam pertimbangan reformasi pembiayaan sistem kesihatan negara. Tambahan pula, semasa Rang Undang-Undang Pembekalan 2024 bacaan kali yang kedua, Menteri Undang-Undang Reformasi dan Institusi, Dato' Sri Azalina Othman Said telah menyatakan bahawa Jawatankuasa Akta Pembelaan Awam (JAPA) dalam penilaian kewajaran penggubalan Akta Pembelaan Awam di Malaysia, telah membuat kajian perbandingan dengan beberapa negara, termasuk Taiwan.

4. Taiwan juga dipilih sebagai model perbandingan Kajian ini kerana kesesuaian dan kebolehlaksanaan undang-undang di negara tersebut yang menyediakan proses pemerbadanan badan korporat amanah yang lebih komprehensif jika dibandingkan dengan Malaysia. Taiwan mempunyai *Trust Law 1996* yang menyediakan kerangka untuk penubuhan, struktur dan hak serta tanggungjawab pemegang amanah dan penerima amanah. Undang-undang tersebut menjadi asas dan peraturan utama untuk amanah di Taiwan. Undang-undang tersebut adalah relevan dalam konteks Kajian ini kerana *Trust Law 1996* juga merangkumi aspek pemerbadanan pemegang amanah. Sebagai contoh, seksyen 8 Akta tersebut menyatakan bahawa amanah yang diwujudkan tidak akan dimansuhkan walaupun pemegang amanah yang merupakan satu entiti undang-undang berhenti beroperasi akibat pembubaran atau pembatalan pendaftaran syarikat. Seksyen 8 dan peruntukan-peruntukan lain seperti seksyen 45 undang-undang tersebut, menunjukkan pengiktirafan perundangan Taiwan tentang pemerbadanan pemegang amanah. Lebih-lebih lagi, Taiwan juga mempunyai *Trust Enterprise Act 2000* bagi mengawasi operasi perusahaan amanah. Perbandingan dengan *Trust Enterprise Act 2000* ini adalah bermanfaat kerana Akta tersebut mengandungi peruntukan dalam semua parameter Kajian ini, iaitu tafsiran, tadbir urus, kawalan proses pemerbadanan, pendedahan maklumat, pemantauan dan penyeliaan, pematuhan serta penalti bagi ketidakpatuhan. Terdapat juga peraturan yang diwujudkan di bawah Akta tersebut.

B. Undang-undang tentang Amanah

5. Pada awalnya, tiada undang-undang yang digubal berkaitan dengan amanah di Taiwan, menyebabkan perundangannya kurang berkesan dalam menguruskan amanah. Perkembangan undang-undang amanah di Taiwan boleh dikesan sejak awal tahun 1950-an. Pada tahun 1950-an, bank-bank di Taiwan kebanyakannya dimiliki oleh kerajaan dan tidak dibuka untuk penubuhan swasta. Konsep amanah ini mula digunakan apabila kerajaan membenarkan penubuhan syarikat amanah dan pelaburan. Pada masa itu, syarikat-syarikat tersebut dikawal selia oleh *Banking Act 1931*. Tujuan penubuhan syarikat amanah dan pelaburan ini adalah untuk memenuhi permintaan perniagaan bagi mengumpul dana daripada pelabur swasta. Syarikat-syarikat ini mengambil dana daripada pelabur dan menyediakan pulangan yang dijamin dengan faedah. Pada tahun 1980-an, dalam usaha untuk membuka pasaran sekuriti bagi pelaburan luar negara, *Securities and Exchange Act 1988* telah dipinda. Pindaan tersebut telah memperkenalkan syarikat amanah yang berfungsi sebagai institusi kewangan untuk mengendalikan dana bersama. Keputusan mahkamah juga menjadi rujukan akibat kelompangan undang-undang amanah di Taiwan pada masa itu. Pada tahun 1980-an, beberapa kes mahkamah telah membuat keputusan tentang konsep amanah. Mahkamah Agung Taiwan telah menjelaskan amanah sebagai:

An act conferring to the trustee a right which is beyond the economic purpose behind it, and which can at the same time only be exercised within the scope of economic purpose for which it is granted.

6. Undang-undang amanah Taiwan telah dikuatkuasakan pada 26 Januari 1996. Undang-undang tersebut telah memperuntukkan tentang penubuhan, struktur, serta hak dan tanggungjawab pemegang amanah dan penerima amanah. Sejak penggubalannya, undang-undang dan peraturan berkaitan dengan amanah telah mengalami perkembangan pesat.
7. Antara undang-undang yang mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan dengan amanah di Taiwan adalah seperti dalam Jadual 24.1.

Jadual 24.1: Senarai Undang-undang tentang Amanah di Taiwan

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
1.	<i>The Banking Act of the Republic of China 1931</i>	Akta ini digubal untuk menambah baik pengendalian perniagaan perbankan, melindungi hak penyimpan deposit selaras dengan pembangunan perusahaan produktif, dan memastikan kredit bank selaras dengan dasar kewangan negara.
2.	<i>Company Act 1929</i>	Akta ini telah digubal pada tahun 1929 dan telah dipinda sebanyak 27 kali. Akta ini merangkumi peruntukan tentang syarikat berhad dan perkara berkaitan, syarikat tidak berhad dan perkara berkaitan, syarikat tidak berhad dengan pemegang saham liabiliti terhad, syarikat berhad saham, syarikat luar negara, serta pendaftaran dan pengiktirafan syarikat. Institusi amanah diiktiraf mengikut seksyen 248 Akta ini yang mengawal isu bon korporat.

Bil.	Nama Undang-undang	Kaitan dengan Amanah
3.	<i>Securities and Exchange Act 1988</i>	Akta ini digubal dengan tujuan untuk mempromosikan pembangunan ekonomi negara dan melindungi pelabur. Pengaturan dan penyeliaan tawaran awam, penerbitan, dan perdagangan sekuriti ditadbir oleh Akta ini. Akta ini telah mewujudkan syarikat amanah dan pelaburan secara rasmi.
4.	<i>Trust Law 1996</i>	Undang-undang ini menyediakan kerangka untuk penubuhan, struktur, serta hak dan tanggungjawab pemegang amanah dan penerima amanah. Akta ini menjadi peraturan utama untuk amanah di Taiwan.
5.	<i>Income Tax Act 1943</i>	Akta ini mengklasifikasikan cukai pendapatan kepada cukai pendapatan terkumpul (consolidated income tax) dan cukai pendapatan perusahaan yang berorientasikan keuntungan (profit seeking enterprise income tax).
6.	<i>Estate and Gift Tax Act 1973</i>	Semua harta milik si mati yang merupakan warganegara Taiwan dan menetap secara berterusan di Taiwan akan dikenakan cukai harta di bawah Akta ini, tanpa mengira sama ada harta tersebut terletak di dalam atau di luar Taiwan. Harta milik si mati yang merupakan warganegara Taiwan, tetapi menetap di luar negara, hanya akan dikenakan cukai harta jika harta tersebut terletak di dalam Taiwan.

8. Undang-undang yang disenaraikan di atas menyediakan asas yang kuat untuk pengurusan dan pentadbiran amanah di Taiwan, memastikan bahawa pemegang amanah bertindak dengan ketelusan dan kebertanggungjawaban, serta melindungi kepentingan benefisiari. Dengan kerangka undang-undang yang komprehensif, Taiwan dapat memastikan bahawa amanah diurus dengan berkesan dan benefisiari mendapat perlindungan yang sewajarnya.

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

9. Dalam perundangan Taiwan, undang-undang berkaitan dengan pemerbadanan pemegang amanah memainkan peranan yang sangat penting kerana negara tersebut mempunyai *Trust Laws 1996* dan juga *Trust Enterprise Act 2000* sama seperti Malaysia yang mempunyai *Trutees Act 1949* dan *Trustee (Incorporation) Act 1952*. *Trust Enterprise Act 2000* telah dipinda sebanyak tujuh kali, yang terakhir adalah pada tahun 2018. *Trust Enterprise Act 2000* mengandungi 63 peruntukan yang dibahagikan kepada tujuh bahagian. Senarai kandungan Akta tersebut adalah seperti dalam Jadual 24.2.

Jadual 24.2: Senarai Kandungan *Trust Enterprise Act 2000*

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Perkara 1	<i>Chapter I General Provisions (Objective)</i>
Perkara 2	<i>Chapter I General Provisions (Interpretation of "Trust Enterprise")</i>
Perkara 3	<i>Chapter I General Provisions (Approval of Competent Authority for the conduct of Securities Investment Trust Enterprises and Securities Investment Consulting Enterprises)</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Perkara 3-1	<i>Chapter I General Provisions (Innovative Experiments of Trust Business)</i>
Perkara 4	Chapter I General Provisions (Interpretation of “Competent Authority”)
Perkara 5	<i>Chapter I General Provisions (Interpretation of “Responsible Officer of a Trust Enterprise”)</i>
Perkara 6	<i>Chapter I General Provisions (Qualifications of Responsible of a Trust Enterprise)</i>
Perkara 7	<i>Chapter I General Provisions (Interpretation of “Related Party”)</i>
Perkara 8	<i>Chapter I General Provisions (Interpretation of “collective trust funds”)</i>
Perkara 9	<i>Chapter I General Provisions (Name of Truste Enterprise)</i>
Perkara 10	<i>Chapter II Formation and Amendment (Requirements of Trust Enterprise)</i>
Perkara 11	<i>Chapter II Formation and Amendment (Approval of the Competent Authority)</i>
Perkara 12	<i>Chapter II Formation and Amendment (Limitation of Business Commencement and Registration Fee)</i>
Perkara 13	<i>Chapter II Formation and Amendment (Establishment of Branch Office)</i>
Perkara 14	<i>Chapter II Formation and Amendment (Banking Act shall apply mutatis mutandis)</i>
Perkara 15	<i>Chapter II Formation and Amendment (Suspend or Terminate Trust Business)</i>
Perkara 16	<i>Chapter III Scope of Business (List of Business Activities)</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Perkara 17	<i>Chapter III Scope of Business (List of Supplementary Business Activities)</i>
Perkara 18	<i>Chapter III Scope of Business (Approval of Competent Authority)</i>
Perkara 18-1	<i>Chapter III Scope of Business (Requirement for Specification of Business Scope, Limits on Transfer of Beneficial Rights and Disclosure of Risks)</i>
Perkara 19	<i>Chapter III Scope of Business (Details on Trust Agreements)</i>
Perkara 20	<i>Chapter III Scope of Business (Applicable Regulations)</i>
Perkara 20-1	<i>Chapter III Scope of Business (Voting Rights)</i>
Perkara 21	<i>Chapter III Scope of Business (Trust Asset Assessment)</i>
Perkara 22	<i>Chapter III Scope of Business (Drafting of Regulations on Obligations)</i>
Perkara 23	<i>Chapter III Scope of Business (Prohibitions on Activities)</i>
Perkara 24	<i>Chapter III Scope of Business (Personnel with Professional Knowledge or Experience)</i>
Perkara 25	<i>Chapter III Scope of Business (Prohibitions on Transactions)</i>
Perkara 26	<i>Chapter III Scope of Business (Prohibition of Usage of Trust Property to Process Business of Extending Credits)</i>
Perkara 27	<i>Chapter III Scope of Business (Exception to Conduct Activities Pursuant to Trust Agreement)</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Perkara 28	<i>Chapter III Scope of Business (Entrustment of Trust Funds)</i>
Perkara 29	<i>Chapter III Scope of Business (Collective Trust Funds)</i>
Perkara 30	<i>Chapter III Scope of Business (Collective Trust Fund Beneficial Certificates)</i>
Perkara 31	<i>Chapter III Scope of Business (Non-Guarantee of Principle or Minimum Return)</i>
Perkara 32	<i>Chapter III Scope of Business (Investment of Trust Funds)</i>
Perkara 32-1	<i>Chapter IV Supervision (Management and Employment of Collective Investment Trust Funds)</i>
Perkara 32-2	<i>Chapter IV Supervision (Request to Raise Collective Trust Funds by Beneficiary with 3% or above Beneficial Rights)</i>
Perkara 33	<i>Chapter IV Supervision (Prohibited Trust Business Under The Mandate By Non-Specified Investors)</i>
Perkara 34	<i>Chapter IV Supervision (Reservation of Fund to Secure Indemnity Obligations)</i>
Perkara 35	<i>Chapter IV Supervision (Liability of Trustors or Beneficiaries)</i>
Perkara 36	<i>Chapter IV Supervision (Adequate Liquidity)</i>
Perkara 37	<i>Chapter IV Supervision (Accounting Principles)</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Perkara 38	<i>Chapter IV Supervision (Application of Banking Act to the Reserves of Trust Enterprises)</i>
Perkara 39	<i>Chapter IV Supervision (Business Report and Financial)</i>
Perkara 40	<i>Chapter IV Supervision (Scope of Use of the Own Assets)</i>
Perkara 41	<i>Chapter IV Supervision (Report to the Competent Authority and Circulation in Newspaper in the Course of Occurrence o Certain Events)</i>
Perkara 42	<i>Chapter IV Supervision (Application of Banking Act to the Competent Authority's Examination)</i>
Perkara 43	<i>Chapter IV Supervision (Transfer of Trust Agreement)</i>
Perkara 44	<i>Chapter IV Supervision (Corrective Measures)</i>
Perkara 45	<i>Chapter V Associations (Trust Enterprise Association)</i>
Perkara 46	<i>Chapter V Associations (Governing Regulations)</i>
Perkara 47	<i>Chapter V Associations (Corrective Measures for Violations and Abuse by Trust Enterprise Associations)</i>
Perkara 48	<i>Chapter VI Penal Provisions (Violation of Article 33)</i>
Perkara 48-1	<i>Chapter VI Penal Provisions (Causing Any Damage to the Property or Other Interests Owned by the Trust Enterprise)</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Perkara 48-2	<i>Chapter VI Penal Provisions (Deliver Any Valuable of The Trust Enterprise by Fraud)</i>
Perkara 48-3	<i>Chapter VI Penal Provisions (Offender Who Turns Himself)</i>
Perkara 49	<i>Chapter VI Penal Provisions (Violations of Article 23 or Article 29)</i>
Perkara 50	<i>Chapter VI Penal Provisions (Violations of Article 25 or Article 26)</i>
Perkara 51	<i>Chapter VI Penal Provisions (Violations of Article 24)</i>
Perkara 52	<i>Chapter VI Penal Provisions (Violations of Article 9)</i>
Perkara 53	<i>Chapter VI Penal Provisions (Violations of Article 43)</i>
Perkara 54	<i>Chapter VI Penal Provisions (Violations Punishable by a Fine Not Less Than One Million Eight Hundred Thousand New Taiwan Dollars)</i>
Perkara 55	<i>Chapter VI Penal Provisions (Violations of Article 26)</i>
Perkara 56	<i>Chapter VI Penal Provisions (Violations Punishable by a Fine Not Less Than Six Hundred Thousand New Taiwan Dollars)</i>
Perkara 57	<i>Chapter VI Penal Provisions (Violations Punishable by a Fine Not Less Six Hundred Thousand New Taiwan Dollars)</i>
Perkara 58	<i>Chapter VI Penal Provisions (Fine Determined By Competent Authority)</i>
Perkara 58-1	<i>Chapter VI Penal Provisions (Return of Criminal Gains)</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Perkara 58-2	<i>Chapter VI Penal Provisions (Fails To Pay a Fine of Over Fifty Million New Taiwan Dollars)</i>
Perkara 58-3	<i>Chapter VI Penal Provisions (Correction)</i>
Perkara 59	<i>Chapter VII Supplementary (Application for Amendments of Business License)</i>
Perkara 60	<i>Chapter VII Supplementary (Conversion of Status to Commercial Banks)</i>
Perkara 61	<i>Chapter VII Supplementary (Assignment or Entrustment of Shares or Capital by Political Parties or Organisations)</i>
Perkara 62	<i>Chapter VII Supplementary (Enforcement Rules)</i>
Perkara 63	<i>Chapter VII Supplementary (Effective Date)</i>

D. Perbandingan dengan Malaysia

10. Bagi tujuan Kajian ini, perbandingan antara Akta 258 dengan *Trust Enterprise Act 2000* diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara Akta 258 dan *Trust Enterprise Act 2000* dinyatakan dalam Jadual 24.3.

Jadual 24.3: Persamaan antara Akta 258 dengan *Trust Enterprise Act 2000*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Syarat-syarat proses pemerbadanan	Kedua-dua Akta ini memperuntukkan syarat-syarat untuk proses pemerbadanan entiti undang-undang pemegang amanah.	Taiwan: Seksyen 10 – seksyen 15 Malaysia: Seksyen 2
2.	Harta milik badan korporat	Kedua-dua Akta ini membenarkan peletakhakan harta oleh mana-mana orang sebagai pemegang amanah bagi badan korporat.	Taiwan: Seksyen 17 Malaysia: Seksyen 3
3.	Liabiliti Pemegang Amanah	Kedua-dua Akta menetapkan liabiliti pemegang amanah bagi harta yang mereka urus dan akauntabiliti mereka terhadap tindakan, resit, pengabaian, dan keingkaran mereka selepas mendapat sijil pemerbadanan.	Taiwan: Seksyen 38 Malaysia: Seksyen 6
4.	Peraturan	Kedua-dua Akta ini memperuntukkan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta.	Taiwan: Seksyen 62 Malaysia: Seksyen 21

11. Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trust Enterprise Act 2000* Taiwan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 24.4.

Jadual 24.4: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Trust Enterprise Act 2000*

Bil.	Skop Perbezaan	Taiwan	Malaysia
1.	Tafsiran	Terdapat tafsiran bagi beberapa istilah, seperti <i>trust enterprise, competent authority, responsible officer of the trust enterprise, related party, dan collective trust funds.</i> (Seksyen 1-9)	Hanya mentafsirkan istilah "certificate of incorporation". (Seksyen 1A)
2.	Sijil pemerbadanan	Tiada peruntukan khusus.	Terdapat peruntukan tentang sijil pemerbadanan (Seksyen 2)
3.	Permohonan pemerbadanan	Tiada peruntukan khusus.	Merangkumi suatu jadual menerangkan butiran-butiran yang diperlukan dalam permohonan sijil pemerbadanan dan memberikan kuasa kepada Menteri untuk enggan memberikan sijil jika keperluan awal tidak dipenuhi. (Seksyen 4)

Bil.	Skop Perbezaan	Taiwan	Malaysia
4.	Kehilangan kelayakan pemegang amanah	Tiada peruntukan khusus.	<p>Pemegang amanah akan hilang kelayakan jika dia telah disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah undang-undang dan dijatuhi hukuman denda tidak kurang daripada seribu ringgit atau penjara untuk tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau kedua-duanya. Jika terdapat perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, pengusiran atau deportasi yang telah dikeluarkan dan sedang berkuat kuasa terhadapnya, atau jika terdapat sebarang bentuk sekatan atau pengawasan yang dikenakan ke atasnya. Jika dia adalah seorang muflis atau didapati tidak sihat akal. (Seksyen 6A)</p>
5.	Pelaksanaan perintah dan arahan Peguam Negara	Tiada peruntukan khusus.	<p>Semua syarat yang tertera dalam sijil pemerbadanan hendaklah dipatuhi oleh pemegang amanah dan ia boleh dikuatkuasakan oleh Peguam Negara di bawah Government Proceeding Act 1956. (Seksyen 9)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Taiwan	Malaysia
6.	Kontrak yang tidak dimeterai mengikat dalam kes-kes tertentu	Tiada peruntukan khusus.	Setiap kontrak yang dibuat tetap sah dan mengikat walaupun kontrak tersebut tidak dibuat atau dimeterai di bawah meterai biasa. (Seksyen 13)
7.	Pembubaran sukarela badan korporat	Tiada peruntukan khusus.	Sebuah badan korporat boleh dibubarkan secara sukarela apabila berlaku mana-mana kejadian seperti yang dinyatakan dalam akta amanah yang mengakibatkan pembubaran atau oleh keputusan pemegang amanah (Seksyen 18)
8.	Pemantauan	Terdapat satu bahagian khusus tentang pemantauan (Seksyen 33 -44)	Tiada peruntukan khusus.
9.	Kesalahan	Terdapat satu bahagian khusus tentang kesalahan (Seksyen 48 - 58.3)	Tiada peruntukan khusus.

F. Kesimpulan

11. Perbandingan antara Akta 258 dengan *Trust Enterprise Act 2000* telah memberikan suatu gambaran yang jelas walaupun tidak sepenuhnya menyeluruh. Walaupun objektif kedua-dua Akta ini tidak serupa secara menyeluruh, tetapi konteks peruntukan dalam *Trust Enterprise Act 2000* memenuhi keperluan pindaan *Trustees (Incorporation) Act 1952* menurut parameter yang ditetapkan oleh Pasukan Penyelidik.
12. Persamaan antara kedua-dua Akta ini boleh dilihat dalam peruntukan seperti syarat-syarat proses pemerbadanan, harta milik badan korporat, liabiliti pemegang amanah dan peraturan. Namun, perbandingan ini tidaklah tanpa perbezaan. Perbezaan yang ketara boleh dilihat dari segi peruntukan takrifan, sijil pemerbadanan, permohonan pemerbadanan, kehilangan kelayakan pemegang amanah, pelaksanaan perintah dan arahan Peguam Negara, kontrak yang tidak bertanda meterai untuk mengikat dalam kes-kes tertentu, pembubaran sukarela badan korporat, pemantauan dan kesalahan. Perbezaan-perbezaan tersebut sangat berguna dalam menilai sama ada ketiadaannya dalam Akta 258 merupakan suatu kelompangan yang perlu diatasi melalui pindaan undang-undang.

BAB 25

UNDANG-UNDANG TENTANG PEMERBADANAN PEMEGANG AMANAH DI INDONESIA

A. Pengenalan

1. Indonesia merupakan negara kepulauan yang kaya dengan kepelbagaian budaya, suku kaum dan tradisi. Setiap wilayah mempunyai ciri khas yang berbeza, yang tercermin pada pola dan gaya hidup masing-masing. Namun, perbezaan-perbezaan tersebut dapat disatukan dalam suatu kesatuan, sesuai dengan slogan negara, iaitu Bhinneka Tunggal Ika, yang bermaksud walaupun berbeza-beza, tetapi tetap satu jua (R. Teresa, 2010).
2. Asal usul pembentukan undang-undang bertujuan untuk membentuk individu dan masyarakat Indonesia yang adil, makmur, sejahtera dan tertib selaras dengan prinsip-prinsip Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945. Bagi mencapai masyarakat yang adil dan makmur berlandaskan Pancasila, pembangunan perlu dijalankan dalam semua sektor, yang pada dasarnya ialah pembentukan berasaskan undang-undang yang digubal oleh kerajaan bagi kesejahteraan masyarakat (Ranggawijaya, 1998).
3. Bagi Kajian ini, Indonesia telah dipilih sebagai antara negara perbandingan berdasarkan beberapa justifikasi. Antara faktor utama yang membentuk perkembangan sejarah peradaban Indonesia dan Malaysia ialah faktor geopolitik disebabkan oleh kedudukan kedua-dua negara yang terletak berdekatan secara geografi dan budaya. Perkembangan budaya Malaysia-Indonesia, terutamanya dalam konteks tamadun dan zaman prasejarah, jelas menunjukkan adanya hubungan kebudayaan antara kedua-dua negara serta pengaruh luar seperti China (Ismail, 1984).

4. Pada 31 Ogos 1967, Pejabat Perhubungan Malaysia di Jakarta dan Pejabat Perhubungan Indonesia di Kuala Lumpur mula menjalankan misi diplomatik antara kedua-dua negara. Dengan termeterainya Perjanjian Pemulihan Persahabatan, muncul suatu paradigma baharu yang menekankan perlunya hubungan bilateral yang lebih erat. Hal ini diterjemahkan dalam konteks yang lebih luas melalui kerjasama untuk mewujudkan hubungan serantau dalam kalangan negara Asia Tenggara. Hal ini jelas dinyatakan dalam ucapan Tun Abdul Razak semasa upacara menandatangani perjanjian tersebut, yang antara lain, menyebut “Negara-negara Asia Tenggara mesti bekerjasama dan bersikap ikhlas antara satu sama lain, untuk memainkan peranan penting dalam mencapai kerjasama dan persahabatan yang baik dalam kalangan negara-negara di Asia Tenggara” (Foreign Affairs Malaysia, 1966).

5. Berikutan dengan pemikiran tentang perlunya kerjasama yang lebih luas, ASEAN (Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara) telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 melalui Deklarasi Bangkok di Bangkok. Pertubuhan ini diwujudkan berdasarkan rangka kerja yang dicadangkan oleh Indonesia yang dikenali sebagai South East Asia Association For Regional Cooperation (SEARC) (Muhamad Hear, 1976). Kini, ASEAN wujud sebagai sebuah pertubuhan serantau yang terus memberikan jaminan keselamatan kepada rantau ini dan memastikan hubungan berterusan antara negara-negara anggotanya. Pertubuhan ini diperkukuh lagi melalui kerjasama dengan pertubuhan yang berkaitan seperti IMT-GT, iaitu kerjasama tiga segi antara Indonesia, Malaysia, dan Thailand, khusus untuk pertumbuhan ekonomi ketiga-tiga negara dan memberikan manfaat kepada ASEAN secara keseluruhan (Rohani et.al, 2010).

B. Undang-undang tentang Amanah

6. Di Indonesia, tiada badan amanah khusus yang ditubuhkan, namun ia masih boleh dikawal selia melalui undang-undang yang membentuk asas amanah, seperti Undang-Undang Republik Indonesia 2013 yang membentuk aktiviti/kegiatan sesuai dengan kepentingan anggota, memenuhi perkhidmatan sosial dan mengembangkan pelibatan masyarakat untuk memelihara, menjaga, dan memperkuat kesatuan bangsa (Undang-Undang Organisasi Kemasyarakatan, 2013).
7. Bukan itu sahaja, tujuan yang sama juga diperuntukkan di bawah *Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2001 tentang Yayasan*. Undang-undang ini mempunyai fungsi utama sebagai penggerak perubahan positif dalam masyarakat. Yayasan mampu menjadi agen perubahan dengan merancang dan melaksanakan program-program yang berfokus pada peningkatan kualiti hidup manusia serta menubuhkan organisasi atau persatuan juga untuk mencapai matlamat ini (Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16, 2001).

C. Undang-undang tentang Pemerbadanan Pemegang Amanah

8. Yayasan digunakan untuk mencapai matlamat tertentu dalam bidang sosial, keagamaan, dan kemanusiaan (Sulaksana, 2013). Pada dasarnya, yayasan adalah wadah organisasi tidak berasaskan keuntungan (nirlaba) yang beroperasi untuk kepentingan umum, dengan matlamat yang tidak hanya menguntungkan individu secara persendirian, tetapi masyarakat secara keseluruhan (Legalitas, 2023). Yayasan lebih dilihat sebagai lembaga sosial. Sebuah yayasan ditubuhkan bukan untuk tujuan komersial atau mencari keuntungan, tetapi untuk membantu atau meningkatkan kesejahteraan hidup orang ramai (Badan Pembinaan Hukum Nasional, 2013). Kewujudan yayasan di Indonesia bukanlah perkara yang baharu. Selain beramal, ada juga yayasan yang ditubuhkan

untuk memelihara harta warisan yang diwarisi dari generasi ke generasi. Bentuk yayasan seperti ini dapat dilihat melalui pendirian pondok-pondok sekolah berasrama (Anwae Borahima, 2010).

9. Sebelum *Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2001 tentang Yayasan* diperkenalkan, penubuhan yayasan di Indonesia hanya berdasarkan amalan masyarakat dan keputusan Mahkamah Agung kerana belum ada undang-undang yang mengawalinya. Dalam hal ini, terbukti bahawa masyarakat cenderung menubuhkan yayasan bukan hanya untuk tujuan sosial, keagamaan, atau kemanusiaan, tetapi juga kadangkala untuk tujuan kepentingan peribadi seperti memperkaya pengurus, dan pengawas Yayasan (Lembaran Negara Republik Indonesia, 2001).
10. Bagi mengatasi hal ini, kerajaan telah menggubal *Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2001 tentang Yayasan* dengan harapan dapat memberikan pemahaman yang tepat tentang yayasan, menjamin kepastian undang-undang, serta mengembalikan fungsi yayasan sebagai institusi undang-undang yang bertujuan untuk bidang sosial, keagamaan, dan kemanusiaan (Suyud Margono, 2002). Menurut undang-undang tersebut, yayasan ialah badan undang-undang yang terdiri daripada harta yang boleh diagihkan untuk tujuan tertentu dalam bidang sosial, keagamaan, dan kemanusiaan, serta tidak memiliki struktur keanggotaan formal seperti persatuan. Yayasan dikawal oleh pengurus dan pengawas yang hanya bertanggungjawab atas penggunaan harta dan pencapaian tujuan Yayasan (Badan Pembinaan Hukum Nasional, 2012).

11. Pada 6 Ogos 2001, undang-undang yang mengatur tentang yayasan telah dibentuk, iaitu *Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2001 tentang Yayasan*. Namun, seiring dengan perkembangannya, undang-undang ini menimbulkan pelbagai pentafsiran dalam kalangan masyarakat yang dapat mengakibatkan ketidakpastian undang-undang. Oleh sebab itu, terdapat *Undang-Undang Nomor 28 Tahun 2004* yang merupakan penggabungan berdasarkan undang-undang yang sedia ada tersebut (Dita Bidri, 2016).
12. Menurut Pasal 1 *Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2001 tentang Yayasan*, tujuan Yayasan secara khususnya memfokuskan bidang sosial, keagamaan, dan kemanusiaan (Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 16, 2001). Yayasan tidak boleh digunakan sebagai landasan untuk memperoleh atau mencari keuntungan semata-mata.
13. Jadual 25.1 menunjukkan senarai kandungan *Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2001 tentang Yayasan*.

Jadual 25.1: Senarai kandungan
Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2001 tentang Yayasan

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Pasal 1 – Pasal 8	<i>Ketentuan Umum</i>
Pasal 9 – Pasal 16	<i>Pendirian</i>
Pasal 17 – Pasal 23	<i>Perubahan Anggaran Dasar</i>
Pasal 24 – Pasal 25	<i>Pengumuman</i>
Pasal 26 – Pasal 27	<i>Kekayaan</i>
Pasal 28 – Pasal 30	<i>Organ Yayasan Bahagian Pertama Pembina</i>
Pasal 31 – Pasal 39	<i>Bahagian Kedua Pengurus</i>

Bahagian/Peruntukan	Tajuk
Pasal 40 – Pasal 47	<i>Bahagian Ketiga Pengawas</i>
Pasal 48 – Pasal 52	<i>Laporan Tahunan</i>
Pasal 53 – Pasal 56	<i>Pemeriksaan Terhadap Yayasan</i>
Pasal 57 – Pasal 61	<i>Penggabungan</i>
Pasal 62 – Pasal 68	<i>Pembubaran</i>
Pasal 69	<i>Yayasan Asing</i>
Pasal 70	<i>Ketentuan Pidana</i>
Pasal 71	<i>Ketentuan Peralihan</i>
Pasal 72 – Pasal 73	<i>Ketentuan Penutup</i>

D. Perbandingan dengan Malaysia

14. Bagi tujuan kajian ini, perbandingan antara Akta 258 dengan *Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001* diterjemahkan dalam bentuk jadual persamaan dan jadual perbezaan. Persamaan antara Akta 258 Malaysia dengan *Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001* dinyatakan dalam Jadual 25.2.

Jadual 25.2: Persamaan antara Akta 258 dengan *Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001*

Bil.	Skop Persamaan	Penjelasan	Peruntukan
1.	Tujuan	Kedua-dua Akta menggariskan tujuan badan atau Yayasan yang ditubuhkan untuk tujuan agama, pendidikan, kesusasteraan, saintifik, sosial, atau khairat.	Indonesia: Pasal 1 Malaysia: Seksyen 2
2.	Buku Catatan	Kedua-dua Akta menyenaraikan kewajipan untuk menyimpan catatan/data atau buku untuk merekodkan pentadbiran kewangan.	Indonesia: Pasal 48 Malaysia: Seksyen 15

15. Perbezaan antara Akta 258 Malaysia dengan *Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001* dinyatakan dalam Jadual 25.3.

Jadual 25.3: Perbezaan antara Akta 258 dengan *Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 16 Tahun 2001*

Bil.	Skop Perbezaan	Indonesia	Malaysia
1.	Tafsiran / Ketentuan umum (Ketentuan Umum merujuk takrifan khusus)	Terdapat takrifan bagi istilah “Yayasan”, “Pengadilan”, “Kejaksaan” (Lembaga pemerintahan), “Akuntan Publik”, “Hari” dan “Menteri” Contoh: Menteri ialah Menteri Kehakiman dan Hak Asasi Manusia) (dinyatakan secara khusus di bawah Pasal 1)	Hanya mentakrifkan istilah “certificate of incorporation”. (Seksyen 1A)

Bil.	Skop Perbezaan	Indonesia	Malaysia
2.	Asas penubuhan	Yayasan dapat ditubuhkan berdasarkan surat wasiat dan Akta Notaris. (Pasal 9)	Para pemegang amanah boleh memohon kepada Menteri untuk mendapatkan sijil pemerbadanan supaya badan atau persatuan mereka diiktiraf sebagai badan korporat. (Seksyen 2(1))
3.	Pengawas dan pengurus	<p>Pengawas merupakan organ dalam yayasan yang bertanggungjawab untuk mengawasi dan memberikan nasihat kepada pihak pengurusan dalam melaksanakan aktiviti yayasan. (Pasal 40)</p> <p>Pengawas yayasan boleh dipecat pada bila-bila masa mengikut keputusan mesyuarat Pembina. (Pasal 46)</p> <p>Pengurus ialah organ Yayasan yang melaksanakan kepengurusan Yayasan. (Pasal 31)</p> <p>(Pengawas kawal aktiviti pengurus dan bagi nasihat, manakala pengurus kawal selia aktiviti Yayasan)</p>	Tiada peruntukan khusus.

Bil.	Skop Perbezaan	Indonesia	Malaysia
4.	Laporan/ Buku Catatan/ Audit dll.	<p>Pengurus wajib menyediakan laporan tahunan secara bertulis yang memuatkan sekurang-kurangnya:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. laporan tentang keadaan dan aktiviti Yayasan sepanjang tahun kewangan yang lalu serta hasil yang telah dicapai; b. laporan kewangan yang terdiri daripada laporan kedudukan kewangan pada akhir tempoh, laporan aktiviti, laporan aliran tunai, dan catatan laporan kewangan. <p>Pengurus wajib menyusun dan menyimpan dokumen kewangan Yayasan, termasuk bukti pembukuan dan data sokongan untuk urusan kewangan.</p> <p>(Selain bukti pembukuan, UU Indonesia turut memfokuskan laporan tahunan.)</p>	<p>Pemegang amanah mesti menyimpan rekod kewangan yang lengkap dan tepat tentang transaksi wang badan atau persatuan.</p> <p>Setiap tahun, sebelum 30 Jun (atau tarikh yang ditetapkan), pemegang amanah perlu menyediakan dan mengemukakan akaun kewangan yang lengkap, termasuk pendapatan, baki, pembayaran, dan hutang.</p> <p>Akaun mesti disahkan oleh pemegang amanah dan diaudit jika ada juruaudit. Salinan perlu diserahkan kepada Menteri dalam masa empat belas hari dan boleh diperiksa oleh orang awam.</p> <p>Pemegang amanah perlu melaporkan tentang amanah dan kemas kini maklumat kepada Menteri apabila terdapat perubahan dalam amanah atau harta. (Seksyen 15)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Indonesia	Malaysia
5.	Pemeriksaan	<p>Pemeriksaan Yayasan boleh dilakukan oleh ahli yang dipilih oleh Mahkamah jika terdapat jangkakan pelanggaran undang-undang, kelalaian tugas, atau kerugian terhadap Yayasan, pihak ketiga, atau Negara. (Pasal 53(1))</p>	<p>Akaun perlu disahkan oleh pemegang amanah dan diaudit jika perlu. Salinan akaun mesti dihantar kepada Menteri dalam tempoh empat belas hari selepas penyediaannya. Namun, kuasa pemeriksaan tiada dalam peruntukan.</p> <p>Salinan tersebut perlu dibuka untuk pemeriksaan orang awam pada waktu yang munasabah, mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Menteri. (Seksyen 15)</p>
6.	Pembatalan sijil pemerbadanan	<p>Tidak relevan. (Yayasan ditubuhkan hanya berdasarkan Akta Notaris dan surat wasiat.)</p>	<p>Menteri boleh membatalkan sijil pemerbadanan badan korporat jika ia merupakan hasil penipuan, kesilapan, salah nyataan, penggunaan yang menyalahi undang-undang, mengejar objektif yang berbeza, dengan sengaja melanggar peraturan, atau melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda atau pemenjaraan. (Seksyen 17)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Indonesia	Malaysia
7.	Kesan pembatalan sijil pemerbadanan	Tidak relevan.	Pembatalan sijil perakuan pemerbadanan akan memindahkan aset dan liabiliti kepada pemegang amanah yang dilantik, atau kepada Amanah Raya Berhad jika tiada pemegang amanah, sehingga pemegang amanah baharu dilantik. (Seksyen 19)
8.	Pembubaran Yayasan atau badan amanah (pembubaran secara keseluruhan)	Yayasan boleh dibubarkan jika tempoh dalam Dasar Penubuhan tamat, matlamat tidak tercapai, atau atas keputusan mahkamah yang telah mempunyai kekuatan undang-undang tetap disebabkan pelanggaran ketertiban awam, ketidakmampuan membayar hutang selepas muflis, atau kekurangan harta benda untuk melunaskan hutang selepas muflis dibatalkan. (Pasal 62)	Pembubaran badan korporat boleh berlaku sama ada disebabkan oleh peristiwa tertentu yang dinyatakan dalam surat ikatan amanah atau melalui keputusan dan persetujuan rasmi oleh pemegang amanah. (Seksyen 18(1))
9.	Sumber aset/harta	Harta Yayasan terdiri daripada aset yang dibahagikan serta sumbangan, wakaf, hibah, hibah wasiat, dan sumber lain yang mematuhi peraturan Yayasan dan undang-undang. (Pasal 26(2))	Tiada peruntukan khusus.

Bil.	Skop Perbezaan	Indonesia	Malaysia
10.	Penggabungan badan	<p>Penggabungan Yayasan dapat dilakukan dengan menggabungkan 1 (satu) atau lebih Yayasan dengan Yayasan lain, dan mengakibatkan Yayasan yang menggabungkan diri terubur. (Pasal 571(1))</p>	<p>Tidak relevan kerana setiap badan korporat ialah entiti undang-undang yang berasingan.</p>
11.	Pemindahan Aset selepas Pembatalan atau Pembubaran	<p>Apabila Yayasan dibubarkan, Yayasan tidak boleh mengambil tindakan undang-undang, kecuali untuk menyelesaikan urusan hartanya dalam proses penggulungan Yayasan. (Pasal 63)</p> <p>Baki harta daripada penggulungan Yayasan harus diserahkan kepada Yayasan atau badan undang-undang lain yang mempunyai kegiatan yang sama. Jika tidak, harta tersebut akan diserahkan kepada Negara dan digunakan mengikut tujuan Yayasan yang dibubarkan. (Pasal 68) (Pindaan)</p>	<p>Selepas pembatalan sijil pemerbadanan, pemindahan aset atau liabiliti hendaklah dilaksanakan kepada pemegang amanah yang dilantik oleh badan atau kumpulan orang atau kepada Amanah Raya Berhad jika tiada pemegang amanah. (Seksyen 19)</p>

Bil.	Skop Perbezaan	Indonesia	Malaysia
12.	Badan/ Yayasan Asing	Yayasan asing yang tidak bersifat undang-undang di Indonesia boleh menjalankan aktivitinya di wilayah Negara Republik Indonesia, dengan syarat kegiatan Yayasan tersebut tidak merugikan masyarakat, bangsa, dan Negara Indonesia. (Pasal 69)	Tiada peruntukan khusus.

E. Kesimpulan

16. Yayasan boleh didefinisikan sebagai entiti undang-undang yang bertujuan untuk menjalankan aktiviti dalam bidang sosial, keagamaan, dan kemanusiaan. Penubuhan yayasan perlu dilakukan dengan penuh perhatian dan ketelitian. Undang-undang tentang yayasan di Indonesia mempamerkan kekuatan dalam pendedahan maklumat dan ketelusan.
17. Pasal-pasal dalam Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2001 menekankan pentingnya ketelusan dalam pengelolaan yayasan. Kewajipan mencatat dan menyimpan dokumen yang berkaitan dengan hak dan kewajipan yayasan, serta membuat laporan tahunan yang komprehensif, merupakan langkah-langkah utama untuk memastikan pengelolaan yayasan yang baik. Laporan tahunan harus memuatkan maklumat tentang keadaan yayasan dan laporan kewangan, dan harus disahkan oleh Pembina.

18. Prinsip pendedahan maklumat ditetapkan dengan jelas, termasuk kewajipan untuk menguar-uarkan ringkasan laporan tahunan dan melaporkannya kepada akauntan awam serta agensi yang berkaitan. Kewajipan audit dan pelaporan ini mendukung ketelusan dan memberikan jaminan bahawa yayasan menjalankan fungsinya dengan telus.
19. Proses pemeriksaan juga dikawal selia secara ketat kerana ia hanya dapat dilakukan dengan perintah mahkamah atas permohonan pihak yang berkepentingan. Pemeriksaan ini memastikan bahawa yayasan dikelola sesuai dengan undang-undang dan ketentuan dasar (panduan yang mengandungi peraturan untuk semua ahli dalam melaksanakan sesuatu aktiviti) serta untuk mencegah penyalahgunaan kuasa.
20. Antara kelemahan utama dalam undang-undang tentang yayasan di Indonesia ialah ketiadaan peruntukan khusus tentang pembatalan sijil pemerbadanan, ia hanya memfokuskan semata-mata kepada pembubaran keseluruhan yayasan. Oleh itu, pembubaran keseluruhan institusi ini adalah rumit dan boleh menimbulkan pelbagai masalah seperti pemindahan aset yang kompleks dan penyelesaian liabiliti yang sukar.
21. Namun, isu ini menimbulkan pertikaian dari segi penubuhan badan tersebut kerana yayasan hanya mempunyai fungsi utama untuk tujuan khairat dan bukannya untuk keuntungan. Secara umumnya, pengurusan amanah memerlukan struktur dan proses yang lebih kompleks berbanding dengan apa yang biasanya disediakan oleh yayasan. Yayasan mungkin tidak mempunyai kapasiti atau kepakaran yang diperlukan untuk mengurus amanah dengan berkesan. Maka, perkara ini boleh menimbulkan isu dalam pengurusan aset.

22. Undang-undang tentang yayasan di Indonesia mengalami kelemahan kerana ketiadaan peruntukan yang khusus tentang terma amanah dan pemegang amanah. Tanpa peraturan yang teliti tentang peranan dan tanggungjawab seorang pemegang Amanah yang berdaftar, proses pengurusan dan pemindahan aset yayasan selepas pembatalan atau pembubaran berkemungkinan menjadi tidak teratur dan penuh ketidakpastian memandangkan Pengurus dan Pengawas Yayasan bukan anggota berdaftar juga. Hal ini boleh menyebabkan masalah dalam penyelesaian isu berkaitan dengan aset dan hak pihak yang berkepentingan.
23. Keadaan ini menonjolkan keperluan mendesak untuk memperkenalkan dan menguatkuasakan peraturan yang jelas tentang amanah untuk memastikan keteraturan dan perlindungan yang lebih baik bagi yayasan dan pihak berkepentingan.
24. Kesimpulannya, penyelarasan dari segi kekerapan serta perincian pelaporan mengikut model Indonesia dapat membantu dalam menyelaraskan proses pentadbiran di Malaysia. Berdasarkan undang-undang Indonesia, pengurus yayasan diwajibkan untuk menyediakan laporan tahunan secara tertulis yang memuatkan sekurang-kurangnya laporan keadaan dan kegiatan yayasan, laporan kewangan lengkap, dan transaksi yang menimbulkan hak dan kewajiban bagi yayasan. Pelaporan ini juga perlu didedahkan kepada masyarakat. Langkah ini meningkatkan ketelusan dan membolehkan pihak berkepentingan, termasuk penderma dan masyarakat, untuk memahami cara suatu badan pemerbadanan pemegang amanah yang dibentuk sebagai badan korporat diurus dan menggunakan sumbernya.

25. Bagi memastikan pengurusan aset dilakukan dengan berkesan dan tiada penyalahgunaan kuasa, pemeriksaan yang teliti harus dilakukan. Hal ini termasuk memantau cara badan korporat menjalankan pengurusan aset dan memastikan mereka sedar bahawa mereka sedang dipantau.



Jabatan Perdana Menteri
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

Jilid Satu

Laporan Akhir

Kajian Pindaan
Akta Pemegang Amanah
(Pemerbadanan) 1952
[Akta 258]